

## **Naskhah belum disemak**



**PEMYSATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 47	Rabu	30 Oktober 2019
<b>K A N D U N G A N</b>		
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2020	(Halaman	37)
<b>USUL-USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	36)
Anggaran Pembangunan 2020	(Halaman	37)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA  
Rabu, 30 Oktober 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Bersama-sama dengan kita pada pagi hari ini Tuan Yang di-Pertua, adalah daripada Sekolah Menengah Sains Selangor, Cheras. Marilah kita alu-alukan kehadiran mereka bersama-sama kita pada pagi hari ini. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang ke Parliment ya.

1. **Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah simpanan rizab negara, jumlah pendapatan dan perbelanjaan negara pada tahun 2018.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Ranau. Tuan Yang di-Pertua, pada 2018, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM419.6 bilion atau USD101.4 bilion, adalah memadai untuk membiayai 7.4 bulan import tertangguh dan satu kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Mengikut perangkaan terbaru, pada 15 Oktober 2019, rizab antarabangsa Malaysia telah meningkat kepada RM432.7 bilion atau USD103.3 bilion iaitu memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan 1.1 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Sementara itu pada tahun 2018, jumlah hasil Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM232.9 bilion, manakala bagi perbelanjaan Kerajaan Persekutuan pula adalah sebanyak RM287.1 bilion yang merangkumi perbelanjaan mengurus sebanyak RM231 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM56.1 bilion. Terima kasih.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan kedua saya ialah oleh kerana hutang negara telah bertambah sejak Kerajaan Pakatan Harapan telah memerintah, sama ada hutang itu kerana pinjaman baharu yang dibuat kerajaan atau tanggungan lalu di bawah kerajaan yang lalu yang kini menjadi hutang, apakah kerajaan mempunyai cara-cara untuk mendapatkan pendapatan baharu untuk mengurangkan hutang negara? Jika ada, bagaimana caranya?

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Ranau yang begitu khusus sekali. Tuan Yang di-Pertua, hutang langsung Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan selepas menampung perbelanjaan pembangunan.

Lebihan ini akan digunakan untuk membiayai hutang langsung dan kerajaan tidak perlu membuat pinjaman. Sebagai contoh, sebagaimana yang kita tahu sepanjang tempoh 1993 sehingga 1997, kerajaan berjaya mengurangkan hutang langsung daripada RM95.9 bilion pada 1993 kepada RM89.9 bilion pada 1997 berikutan lebihan fiskal dalam kedudukan kewangan tahunan.

Berkaitan dengan kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM1.1 trilion melebihi jumlah ini kalau kita mengambil kira keseluruhan komitmen hutang, jaminan dan liabiliti kerajaan. Kebanyakan daripada ini adalah hasil daripada hutang yang kita warisi daripada kerajaan terdahulu.

Berkaitan dengan kedudukan hutang langsung di mana ia meningkat tetapi komitmen hutang, jaminan dan liabiliti secara keseluruhannya turun kalau kita bandingkan dengan peratusan GDP. Akan tetapi, dari segi keseluruhan hutang ada tiga bahagian iaitu *direct debt*, iaitu hutang langsung, jaminan dan juga liabiliti. Ini ada tiga bahagian. Kalau kita lihat daripada kedudukan hutang langsung Kerajaan Persekutuan sehingga akhir Jun, berjumlah RM799.1 bilion atau 52.7 peratus daripada KNDK, masih kekal di bawah paras 55 peratus yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hutang langsung meningkat berikutan kerajaan perlu menampung pembiayaan defisit pada suku pertama dan kedua 2019 serta membuat *prefunding* bagi kertas hutang langsung yang akan matang pada suku terakhir 2019. Jumlah pinjaman kasar bagi enam bulan pertama 2019 adalah sebanyak RM81.3 bilion merangkumi RM31 bilion terbitan MGS, RM36 bilion terbitan MGII dan RM6.5 bilion terbitan bil Perbendaharaan dan juga RM7.8 bilion pinjaman luar pesisir merangkumi terbitan bon Samuri dan pinjaman projek.

Dari jumlah tersebut, sebanyak RM23.2 bilion adalah untuk membiayai semula hutang langsung yang telah matang. Baki sebanyak 'RM5.1' bilion adalah untuk membiayai defisit fiskal kerajaan berjumlah RM22.4 bilion dan sebanyak RM35.7 bilion pula adalah *prefunding* digunakan untuk membiayai semula hutang langsung yang akan matang dalam tempoh Julai dan Disember.

Cara-cara untuk mengurangkan hutang selain daripada mencapai belanjawan atau lebihan atau *surplus*, tentu adalah merangkumi proses pelupusan harta yang adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri, bukanlah di bawah Kementerian Kewangan.

#### ■1010

Akan tetapi, sehingga kini tidak ada tanah yang dilupuskan oleh pihak Kerajaan Pakatan Harapan sejak mengambil-alih tumpuk pemerintahan pada 9 Mei tahun lepas. Pelupusan tanah hanya dibuat oleh kerajaan lama yang telah pun mendapat hasil sebanyak RM4.3 bilion. Akan tetapi, hasil ini tentu dapat menambah sekiranya ia dijalankan secara tender terbuka.

Oleh sebab ini dibuat secara *direct award*, maka kita hanya dapat jumlah sedemikian. Sekiranya secara tender terbuka, tentu jumlah ini akan bertambah, mungkin satu kali ganda kalau ikut harga pasaran masa kini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar. Paya Besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua. Silakan Yang Berhormat Bera.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ala! Rasa boleh tambah satu lagi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Seperti yang kita maklum, berlaku penjualan aset berjumlah sekitar RM41 bilion kalau tidak silap. Dividen khas Petronas diambil sebanyak RM30 bilion. Baru dijelaskan bahawa hutang luar adalah sebanyak RM81 bilion. Akan tetapi, hutang negara terus bertambah dan difahamkan selepas satu tahun setengah PH menguasai kerajaan ini, hutang negara bertambah lagi lebih daripada RM100 bilion. Kalau tidak silap, RM113 bilion.

Jadi, hutang luar bertambah, penjualan aset berlaku, dividen khas diambil daripada Petronas *but yet* hutang tidak berkurangan tetapi semakin bertambah. Jadi, boleh Yang Berhormat terangkan kenapa berlaku seperti itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya, hendak membetulkan fakta yang dikeluarkan tadi oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang tidak betul. Ini kerana bila sebut tentang *one-off dividend* yang diberikan oleh Petronas pada tahun lepas, bukanlah untuk membayar hutang. Ia digunakan untuk membuat *refund GST* yang kita pun sudah bincang secara panjang lebar.

Berkaitan dengan itu *divestment*, seperti yang saya sebut tadi, ia adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi tadi Yang Berhormat Gombak telah bisik sama saya, bahawa beliau hendak jawab tentang pelupusan berkaitan dengan Khazanah kerana beliau adalah Ahli Lembaga Pengarah Khazanah. Saya bukan Ahli Lembaga Pengarah dan beliau ada semua maklumat yang mencukupi untuk menangkis tuduhan-tuduhan dan fitnah yang dilemparkan terhadap kerajaan dan juga kepada beliau.

Di sini, perlu dinyatakan, kalau kita lihat dari segi jumlah hutang, janganlah hanya memberikan tumpuan kepada hutang langsung (*direct debt*) kerana kita kena lihat gambaran secara keseluruhan. Mengapa tidak mahu sebut tentang jaminan kerajaan yang sudah komited? Komited bermakna bahawa agensi yang kerajaan berikan jaminan, sudah tidak mampu membuat bayaran. Contohnya, 1MDB, sudah *insolvent* ataupun sudah bankrap dan kerajaan terpaksa mengambil-alih tanggungjawab membayar hutang seperti penjamin-penjamin lain.

Jamin kepada kawan, kawan tidak dapat bayar, penjamin yang kena bayar. Ini pun kena diambil kira. Akan tetapi, apa yang berlaku ialah kerajaan lama, mereka banyak pandai untuk sembunyikan dan sorok-sorok. Main permainan ini mereka memang pakar. Itulah sebabnya hanya berikan tumpuan kepada hutang langsung adalah tidak tepat kerana tidak mencerminkan kedudukan sebenar komitmen, hutang, liabiliti dan jaminan kerajaan.

Di sini perlu dinyatakan, sungguh pun pihak kerajaan menghadapi pelbagai cabaran dan juga itu masalah kewangan fiskal apabila mengambil-alih tumpuk pemerintahan. Kita sekurang-kurangnya dapat mengurangkan hutang keseluruhan yang meningkat kepada 80 peratus KDNK dan telah berjaya mengurangkan kepada 77 peratus untuk bulan Jun ini. *[Tepuk]* Prestasi ini, sungguhpun kita membuka semua akaun-akaun, bukanlah 53 peratus seperti yang diuar-uarkan oleh kerajaan terdahulu, akan tetapi sebenarnya 80 peratus. Ini pihak syarikat penarafan kredit antarabangsa pun tahu.

Akan tetapi sungguhpun mereka boleh lihat bahawa hutang ini adalah sebenarnya lebih daripada apa yang dilaporkan sebelum ini, mereka masih menerima dan juga memperakui kewibawaan Kerajaan Pakatan Harapan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi *[Tepuk]* dengan mengekalkan penarafan untuk Malaysia. *Retain sovereign credit rating.* Tidak menurun sama sekali tetapi mengekalkannya dan ini adalah satu tanda apa yang kita sebut sebagai undi percaya yang paling penting kepada kemampuan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menguruskan kmelut kewangan yang diwarisi oleh kerajaan terdahulu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua boleh satu lagi Tuan Yang di-Pertua? Ini perkara penting. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Mohon jasa baik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin satu soalan dari Yang Berhormat Kubang Kerian yang bangun lebih awal ini. Silakan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih. Pertama sekali saya ucap terima kasih kepada penjelasan. Cuma, saya ingin mendapat penjelasan soalan berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara 2018 dalam Penyata Kewangan Persekutuan yang melaporkan pihak kerajaan mendahului bayaran balik pinjaman yang dijamin dan telah matang pada lima syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan pada jumlah RM2.839 bilion.

Namun, Ketua Audit Negara menyatakan keupayaan kelima-lima syarikat tersebut untuk membayar balik telah diberi dalam kategori tidak pasti kemampuan bayaran balik. Soalan saya, bagaimana *progress* pembayaran semula syarikat tersebut dan apakah lima syarikat dan mengapakah kerajaan perlu membuat pendahuluan bayaran balik pinjaman? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, berapakah Yang Berhormat Menteri Kewangan hanya menyebut tentang liabiliti 1MDB? Berapakah aset dan nilai aset 1MDB? Ini supaya kita lebih adil dalam menentukan kedudukan dana 1MDB. *[Tepuk]* Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya harap Yang Berhormat boleh baca Laporan Ketua Audit Negara secara teliti. Apa yang Yang Berhormat sebut tentang teguran, kalau adapun itu pandangan daripada Yang Berbahagia Ketua Audit Negara adalah *matter emphasis*, dengan izin. Kalau kita lihat laporan tersebut, yang melibatkan lima syarikat MKD iaitu Menteri Kewangan Diperbadankan yang menjadi masalah.

Akan tetapi, sekiranya Yang Berhormat baca dengan lebih teliti, ada juga dinyatakan bahawa syarikat ini adalah diwarisi oleh kerajaan lama. Ditubuhkan oleh kerajaan lama, yang menjadi bermasalah kerana kerajaan lama, semua ini angkara kerajaan lama. *[Dewan riuh]* Oleh yang demikian...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Ia kalau...

**Tuan Lim Guan Eng:** Oleh yang demikian, itu terpaksa ditangani oleh kerajaan sekarang.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya ingat semua *standard* Tuan Yang di-Pertua. Semua *standard*.

**Tuan Lim Guan Eng:** So, masalah yang diwarisi ini— Ya, ya, saya jawab. Duduklah. Saya jawab.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Setahun lebih perlu jelas di bawah ini. Tidak boleh letakkan kesalahan kepada kerajaan lama segala-galanya. Soalnya ialah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, bagi Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** ...bagaimana kita hendak mengurus kerajaan baru yang mampu mengurus.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat kena faham proses pengurusan kewangan. So, itu adalah proses pengurusan kewangan. Sesuatu yang berlaku bukanlah di bawah kerajaan sekarang. Ditubuhkan oleh kerajaan lama. Hutang ditanggung oleh kerajaan lama tetapi sekarang dibayar oleh kerajaan baharu. Takkan ini pun tidak faham. *[Tepuk]* So, itu yang penting. Sungguhpun ini ditanggung oleh kerajaan sekarang, kita masih mampu untuk membiayainya. Itulah sebab seperti yang saya sebut *[Tepuk]* wang digunakan oleh kerajaan lama tetapi bayar pula kita sekarang.

Akan tetapi, sungguhpun begitu bahawa syarikat penarafan kredit antarabangsa masih mengekalkan penarafan kepada Malaysia kerana mereka yakin tentang pengurusan kewangan yang berdasarkan kecekapan dan juga *accountability* dan *transparency*. Tidak ada rasuah lagi.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Ini Yang Berhormat Menteri kelentong. Ini tentang liabiliti. Bukan aset kerajaan lama.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berapa aset kerajaan? Saya hendak tanya berapa kerajaan itu?

**Tuan Lim Guan Eng:** Itulah perbezaan. Seperti yang saya sebut— takkan lah...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Liabiliti kerajaan lama, aset yang lama. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Aset kerajaan ini berapa? Asyik cerita hutang liabiliti, jaminan, aset itu, aset... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sesi Soal Jawab Lisan bukan berbahas ya.

■1020

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi tak boleh tipu dalam Dewan. Betul bahas, cakap jangan menipu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh tarik balik "penipu" atau tidak?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, tapi aset kerajaan lama dijual.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya belum jawab habis, biar saya jawab habis. Boleh tarik balik "penipu" atau tidak?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey saya beri jawab habis, jawab habis dahulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tarik balik "penipu" dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hendak tarik balik macam mana?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tarik balik, tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tarik balik, saya belum jawab habis.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, perkataan "perompak" dia tak pernah tarik Tuan Yang di-Pertua. Kenapa hendak suruh tarik Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tarik balik.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Bagan tak pernah tarik perkataan "perompak" Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tarik balik "perompak", baru saya tarik balik "penipu". Okey, saya tak cakap ya. Tarik balik "perompak".

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat, tarik balik. Minta Yang Berhormat Arau tarik balik.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, tak boleh *double standard* Tuan Yang di-Pertua. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Melainkan ada asas kukuh, Yang Berhormat Arau perlu tarik balik.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Stress tunggu Select Committee. Bila lagi? Yang usul itu. Tangguh, tangguh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tak apa. Sebab...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mana hendak tahu tipu ataupun tidak.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebab...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tunggu pasal apa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, yang menjawab belum habis. Tak apa saya tarik balik. Lepas itu saya akan kata balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ikutlah peraturan Dewan Mesyuarat. Saya rasa itu penting. Tentang apa yang saya sebut tadi, itu sebab saya minta Yang Berhormat Kubang Kerian baca betul-betul. Jangan lah hanya ambil satu, dua perkataan atau ayat. Kena baca laporan, teguran Ketua Audit Negara secara menyeluruh...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** *[Mencelah]* Saya...

**Tuan Lim Guan Eng:** Okey saya belum habis.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya baca menyeluruh sebab itu saya kemukakan soalan. Tak perlulah Yang Berhormat Menteri beritahu saya untuk baca menyeluruh.

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduklah.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Soalan ini timbul bukan soal menyeluruh...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Mencelah]* Ala! Ingat kita tak reti baca kah?

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya lihat tadi jawapan ini tidak- jelas menunjukkan Yang Berhormat tidak baca secara menyeluruh. Ini kerana disebutkan dalam Laporan Yang Berbahagia Ketua Audit Negara bahawa ini ditubuhkan oleh kerajaan lama. Takkan ini boleh terkubur dan tentang perkara yang ditanya tadi. Tentang aset-aset. Aset-aset ini kita masih hendak kenal pasti. Jangan lupa, di antara aset-aset adalah unit-unit yang diuar-uarkan disimpan di dalam bank-bank di Singapura. Ini kita pun masih tak dapat kenal pasti mana itu unit-unit yang dinilai lebih RM1 bilion.

Tentang tanah-tanah, kita kena ingat itu bukanlah tanah kita beli di mana dapat keuntungan. Ini asalnya adalah tanah kerajaan. Tanah kerajaan di mana ia dijual di bawah harga pasaran. Sampai ada itu jadi isu di mana tanah yang dibeli oleh Tabung Haji dianggap sebagai beli lebih harga pasaran. Ini pun sudah jadi satu isu sebelum ini. Sebelum perkara ini ditangani...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Mencelah]* Betul kah itu?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Willing buyer, willing seller.*  
Tak faham kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri, betul kah?

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Willing buyer, willing seller.*  
Apa ini! *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, 22 minit sudah beri dekat Yang Berhormat Menteri Kewangan dan mengelirukan Dewan lagi dan lagi. Saya hendak tanya pasal Tabung Haji, betul kah tanah itu rugi sekarang? Cuba tanya. Sebab dia Yang Berhormat Menteri yang sebut tanah itu, jadi saya hendak tanya tanah Tabung Haji itu kita untung sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. Akan tetapi yang saya sebut ialah...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Mencelah]* Dia mana bermiaga, mana dia tahu. *Willing buyer willing seller.*

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang sebenarnya harga tanah sekiranya beli dengan harga yang dibeli asal oleh 1MDB, boleh untung lagi banyaklah. Itulah perbezaan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Mananya untung?*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ala!

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *We bought the land with profit.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, dia mana ada bermiaga tahu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini orang yang tak mahu dengar kebenaran.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, ini mengelirukan Dewan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya menghabiskan jawapan saya?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi saya fikir...  
*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, tolong habiskan jawapan. Sebab ini sesi jawapanlah, bukan bahas.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri harus berhenti dan Yang Berhormat Menteri bahas nanti...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** *[Mencelah]* Cukup, cukup. Banyak soalan lagi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri ada peluang untuk bahas.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berapa aset Kerajaan Malaysia?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak perlu mengelirukan Dewan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Berapa aset Kerajaan Malaysia?

**Tuan Lim Guan Eng:** Sumber aset itu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kerajaan Malaysia, berapa aset Kerajaan Malaysia? Kalau tak boleh hendak jawab, jawab secara bertulis.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Sekarang saya ingin memanggil Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *[Mencelah]* Berapa aset kerajaan Malaysia? Yang Berhormat Bagan, aset Kerajaan Malaysia berapa?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Rugi beritahu, untung tak beritahu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Hutang, liabiliti, jaminan disebut aset Kerajaan Malaysia berapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepala Batas.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudahlah lama tak masuk Dewan, masuk-masuk terus...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri Kewangan dahulu tak ada macam inilah. Hari-hari kena *boo*. Apa pasal ini? *Where is your credibility?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak.

2. **Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kesan kerjasama eksplorasi gas dan minyak di antara China *National Offshore Oil Corporation* (CNOOC) dan *Philippine National Oil Company-Exploration Corporation* (PNOC-EC) di Laut China Selatan akan merubah dinamik hubungan di Laut China Selatan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepala Batas di atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu Laut China Selatan merupakan suatu isu yang sensitif dan kompleks. Sehubungan dengan itu, ia memerlukan satu pendekatan yang komprehensif untuk mengelakkan ketegangan antara pihak-pihak yang berkaitan. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten untuk memastikan keamanan dan kestabilan serantau.

Malaysia berpendirian semua pihak perlu menghormati undang-undang antarabangsa, menyelesaikan sebarang pertelingkahan secara am dan mengelakkan penggunaan kekerasan atau ancaman kekerasan. Ini termasuklah melalui usaha-usaha kerjasama untuk meningkatkan hubungan antara satu sama lain bagi kepentingan politik, ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, Malaysia mengambil maklum keputusan oleh kedua-dua negara, Filipina dan China untuk menjalin kerjasama dalam bidang eksplorasi hidrokarbon melalui *Philippine National Oil Company-Exploration Corporation* dan antara *China National Offshore Oil Corporation*. Saya percaya kedua-dua negara tersebut telah membuat pertimbangan sewajarnya dalam mencapai keputusan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dinamik hubungan di Laut China Selatan, mekanisme kerjasama dan rundingan ASEAN-China masih berterusan. Selain daripada komited dengan pelaksanaan Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan,

negara-negara ASEAN dan China sedang meneruskan rundingan kod tatalaku di Laut China Selatan dengan momentum yang positif. Malah, Filipina merupakan negara penyelaras (*country coordinator*) bagi hubungan dialog ASEAN-China untuk tempoh tahun 2018 ke 2021.

Tuan Yang di-Pertua, menurut maklumat awal yang diperolehi, adalah difahamkan bahawa cadangan kerjasama eksplorasi hidrokarbon antara Filipina dan China ini tidak akan melibatkan kawasan perairan Malaysia berdasarkan peta Malaysia 1979. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia akan sentiasa memantau perkembangan berhubung perkara ini untuk memastikan hak-hak kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara. Terima kasih.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Baik. Saya fikir Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tak beri penjelasan yang betul, tepat sikit. Sebab saya hendak dapat penjelasan sebab bila mana berlakunya kerjasama ini, ada suatu benda yang agak janggal. Sebab *Philippines* dalam Tribunal Timbang Tara pada 2016 telah diberi ataupun *has been granted award* tentang keputusan yang memihakkan kepada *Philippines* tentang berkaitan dengan keabsahan status-status *maritime features* di dalam kawasan perairan *Philippines*. Namun begitu, China tidak mengiktiraf. Jadi, dapat dilihat seakan-akan kerjasama ini membentuk suatu bentuk seakan-akan *Philippines has been submissive to China*.

Ini juga akan dilihat sebagai membuka laluan atau lesen besar untuk China membuat tuntutan lebih keras ke atas kawasan-kawasan zon ekonomi eksklusif negara yang lain. Soalan saya ialah adakah ini tidak menimbulkan kerisauan kepada Wisma Putra dan adakah Wisma Putra akan membangkitkan perkara ini di sidang kemuncak ASEAN pada November ini. Yang keduanya ialah saya pernah bangkitkan apakah Wisma Putra tidak bercadang untuk membentuk satu bentuk *caucus* di kalangan *the four ASEAN claimant states* Malaysia, Vietnam, *Philippines* dan juga Brunei. Ini kerana atas semangat ASEAN *centrality*, mungkin ini akan menjadikan kedudukan ataupun *the principal position of the four claimant states* ini akan lebih dihormati dan akan lebih diberi pandangan yang lebih serius oleh Beijing, Terima kasih.

#### ■1030

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Jadi, seperti mana yang Yang Berhormat sedia maklum bahawa isu di antara China dan *Philippines* ini adalah isu di antara kedua-dua buah negara. Apa juga pelaksanaan yang dilakukan di *Philippines* dan juga China adalah di luar bidang kuasa kita kerana ini tidak termasuk dalam senarai tuntutan yang dibuat oleh China. Itu di antara *Philippines* dan juga China.

Akan tetapi walau bagaimanapun, pendirian Malaysia berhubung dengan isu Laut China Selatan ini adalah kita sentiasa memastikan bahawa keamanan keselamatan dan kestabilan serantau dan juga semua pihak perlu menghormati undang-undang antarabangsa. Tuntutan semua pihak berhubung Laut China Selatan perlu berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuk UNCLOS 1982.

Jadi, berhubung juga di antara *meeting* di antara empat buah negara ini dia adalah sentiasa diadakan dalam mesyuarat peringkat ASEAN. Kita juga saya sudah maklum tadi

bahawa Philippines menjadi negara— *is a country head ASEAN* dalam soal rundingan di antara ASEAN dan China.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Akan tetapi, China tidak mengiktiraf UNCLOS Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, jawapan itu mungkin tidak tepat itu. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Yang Berhormat Kepala Batas, kita juga tidak mengiktiraf tuntutan China. Ini juga berlaku. Ini kerana pendirian Malaysia, kita tidak pernah mengiktiraf tuntutan negara China

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tidak apa, jawab bertulislah Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Soalan tambahan.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Dan kita berpegang kepada UNCLOS. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta soalan tambahan ketiga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua sebelah kanan. Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri dan sejauh mana komitmen Malaysia terhadap pelaksanaan *Code of Conduct Laut China Selatan*. Bagaimana ia dapat dipersetujui di antara negara-negara ASEAN yang kemudiannya akan *binding* atau mengikat negara-negara lain seperti China, US, Japan dan komuniti antarabangsa. Sejauh manakah pelaksanaan, *I mean Code of Conduct Laut China Selatan ini*.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Semasa mesyuarat Menteri-menteri ASEAN dan China di Singapura pada bulan Ogos 2018, sehingga draf *negotiating text of the COC* telah diumumkan secara rasminya dan ini merupakan suatu perkembangan yang positif dalam proses rundingan ke arah memuktamadkan COC. Jadi itu, yang telah kita lakukan. Namun begitu, proses rundingan ini adalah masih di peringkat awal dan semua pihak yang terlibat terikat dengan kerahsiaan atau *confidentiality* bagi memastikan kelancaran proses rundingan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja hendak tambah. Saya minta Yang Berhormat, saya percaya Yang Berhormat pegawai yang menjawab, Yang Berhormat sendiri dan ramai yang pegawai-pegawai yang berada di sini tidak pernah pergi ke Beting Patinggi Ali tempat di mana *coast guard* China berada dalam kawasan Malaysia sejarak 80 batu nautika daripada Sarawak. Padahal kawasan Zon Ekonomi Eksklusif kita ialah 200 batu nautika. Jadi, apakah boleh Yang Berhormat tolong pergi tengok tempat itu dan bagi jawapan berdasarkan kepada apa yang ditengok dan apa yang pegawai-pegawai tulis. Pegawai yang tulis pun tidak pernah pergi tempat itu saya hendak bagi tahu.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. *Insya-Allah* saya akan ke sana sikit masa lagi. *[Ketawa]*

**3. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan:

- (i) usaha kementerian untuk membudayakan batik Malaysia bagi menangani lambakan pemasaran batik Indonesia, Korea, China, Thailand dan sebagainya; dan
- (ii) usaha kementerian untuk meningkatkan pembudayaan pemakaian batik Malaysia di kalangan rakyat Malaysia terutama di Parlimen termasuk di Dewan Rakyat pada hari Khamis.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sentiasa berusaha untuk membudayakan pemakaian batik Malaysia di kalangan rakyat Malaysia bagi menangani lambakan pemasaran batik daripada negara-negara luar sebagainya.

Menerusi pertama, penggunaan pakaian batik Malaysia sebagai pakaian rasmi bagi acara peringkat kebangsaan yang dimulai dalam kalangan pemimpin tertinggi negara dan seterusnya kepada rakyat Malaysia. Sebagai contoh, batik Malaysia telah dijadikan sebagai pakaian rasmi semasa sambutan Hari Kebangsaan baru-baru ini.

Kedua, pemakaian batik di acara dan program peringkat antarabangsa. Pada tahun 2019, Kraftangan Malaysia telah bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi menghasilkan batik Malaysia menerusi pertandingan mereka batik sempena APEC 2020. Rekaan batik terbaik akan digunakan sebagai pakaian rasmi oleh Ketua Negara, Menteri dan pegawai kanan semasa persidangan ini berlangsung.

Ketiga, bagi menggalakkan penghasilan batik tempatan dan meningkatkan usahawan kraf, Kraftangan Malaysia telah melaksanakan projek Semarak Kraf dan Kraf Komuniti Ku untuk membangun dan memperkasa usahawan dan komuniti setempat bagi menjalankan perusahaan kraf batik tempatan. Sehingga kini, Kraftangan Malaysia telah melaksanakan sembilan projek Semarak Kraf dan Kraf Komuniti Ku dengan penglibatan seramai 704 orang komuniti batik.

Keempat, Kraftangan Malaysia juga menawarkan pengajian secara formal iaitu jurusan seni kraf batik di peringkat sijil dan diploma. Melalui tahun 2001 hingga tahun 2019, seramai 760 orang graduan jurusan seni kraf batik telah menamatkan pengajian di Institut Kraf Negara (IKN). Bagi meningkatkan bilangan belia kemahiran dalam bidang batik Kraftangan Malaysia juga turut menawarkan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) termasuk bidang batik di IKN khususnya kepada pelajar-pelajar lepasan SPM dan belia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kebolehcapaian produk batik tempatan di pasaran. Kraftangan Malaysia turut melaksanakan beberapa inisiatif iaitu:

- (i) mempergiat usaha mempromosi batik Malaysia melalui pelaksanaan aktiviti promosi seperti Hari Kraf Kebangsaan, Festival Kraf Tekstil Pantai Timur, Festival Kraf Melaka dan Festival Kraf Johor. Festival Kraf Tekstil Borneo dan Festival Kraf Borneo di Sabah dan Sarawak

turut diadakan dalam usaha memartabatkan menyemarakkan pemakaian kraf tekstil khususnya batik bermotifkan identiti Sabah dan Sarawak;

- (ii) produk batik Malaysia turut dipasarkan menerusi *outlet* usahawan kraf tempatan di seluruh Malaysia, *outlet* Syarikat Pemasaran Karyaneka Sendirian Berhad, pusat jualan kraf di seluruh negeri dan kompleks kraf iaitu Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Kompleks Kraf Langkawi dan Kompleks Kraf Johor; dan
- (iii) aktiviti pemasaran talian *online* bagi produk batik Malaysia turut dilaksanakan menerusi laman sesawang iaitu [www.malaysiancraft.com.my](http://www.malaysiancraft.com.my) dengan kerjasama pedagang atas talian seperti *LAZADA*, *ZALORA*, *eBay*, *Shopee*, *Agrobaazar*, *Camdy*, *PG Mall* dan *MX Mall*.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua. Kementerian ini menyambut baik cadangan pemakaian batik Malaysia di kalangan terutama di Parlimen termasuk di Dewan Rakyat pada hari Khamis. Ia umpama, “*orang mengantuk disorongkan bantal*” khususnya kepada usahawan batik tempatan. Kementerian mengharapkan pemakaian batik di Parlimen akan dapat menjadi kenyataan dalam masa terdekat.

Bagi galakan kepada usaha pembudayaan batik Malaysia dalam kalangan pegawai serta kakitangan perkhidmatan awam, pihak kerajaan telah meletakkan agar semua penjawat awam memakai batik Malaysia pada setiap hari Khamis melalui surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan Satu Tahun 2008, pemakaian pakaian batik Malaysia oleh pegawai awam pada hari Khamis.

Pemakaian batik ini tidak tertumpu kepada satu kaum sahaja malahan diguna pakai oleh semua kaum di Malaysia. Secara tidak langsung, pembudayaan pemakaian batik ini dapat menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Sekian, terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Dua aspek utama yang harus kita ketengahkan, satu kesedaran dan kedua adalah harga yang kompetitif. Dalam aspek kesedaran kita lihat sahaja semasa Presiden Jokowi mengumumkan Kabinet yakni *Cabinet lineup* di Indonesia. Kesemua mereka anggota Kabinet memakai batik Indonesia. Akan tetapi, kita masih lagi berhadapan undang-undang dalam Dewan Rakyat, tidak memberikan laluan kepada Ahli Parlimen lelaki memakai batik Malaysia.

Jadi, saya sambut baik hanya saya pohon agar Yang Berhormat dapat membantu kerana kesedaran inilah baru dapat melahirkan usaha untuk mengetengahkan supaya batik itu dapat dijual dalam harga yang kompetitif bagi pihak pengusaha batik-batik Malaysia di seluruh negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tunggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baharulah pakai batik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya sokong pakaian batik di Dewan Rakyat.

■1040

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** ...Tentang saranan daripada Yang Berhormat untuk pemakaian batik di Parlimen. Walaupun kita masih belum dapat menerima jawapan yang positif daripada pihak Dewan, tetapi kita bolehlah memakai. Kalau tidak pakai baju batik pun, pakai *tie* batik pun boleh jugalah supaya kita dapat menyokong pengusaha-pengusaha batik tempatan.

Seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tentang program awareness ataupun program kesedaran, kami pihak Kraftangan Malaysia juga telah banyak mengadakan program-program pendidikan di mana kita juga membawa artisan-artisan kita ke tadika, di sekolah dan di universiti bagi memberi pendedahan awal kepada mereka untuk menghargai batik Malaysia. Selain itu juga, kita memberi ruang juga kepada pengusaha-pengusaha batik Malaysia supaya mereka boleh memperagakan batik-batik mereka di kompleks membeli-belah yang tersohor di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar di Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat Rembau. Silakan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut menyokong Yang Berhormat Permatang Pauh merayu kepada Tuan Yang di-Pertua supaya dapat meluluskan permohonan untuk kita memakai baju batik di dalam Dewan Rakyat ya sedangkan di Parlimen Singapura juga mereka telah melonggarkan *dress code*, dengan izin untuk memudahkan pakaian. Oleh sebab yang penting di sini *content* kita Tuan Yang di-Pertua dan bukannya *form* kita.

Soalan kepada Timbalan Menteri berkenaan dengan kos. Ini yang disebut sebagai perkara yang menghalang pemakaian batik di kalangan pasaran umum di Malaysia disebabkan kononnya kos batik Malaysia ini lebih tinggi daripada lambakan batik murah daripada negara-negara jiran terutamanya Indonesia. Apakah kementerian ingin melihat kepada *production cost* batik ini terutamanya pengusaha-pengusaha kecil yang ada di Pantai Timur dan sebagainya, antaranya pembelian kain secara pukal dan sebagainya untuk kita menurunkan kos. Dengan menurunkan kos saya percaya lebih ramai lagi generasi muda akan memilih batik Malaysia dan bukannya pakai batik Indonesia yang kita lihat pada hari ini. Terima kasih.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mohon saya tanya sedikit sahaja soalan, *please*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab batik ini memang dekat pada hati orang ya. Silakan.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya sangat setuju dengan cadangan Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Menteri. Dua perkara dulu Yang Berhormat Menteri. Saya amat terkesan dengan usaha-usaha pengusaha-pengusaha kita di kampung-kampung dan juga di luar bandar sebab itu di mana ianya dilahirkan batik-batik ini. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri hal reka cipta macam mana? *How is it to be patent? That is very important*, dengan izin. Oleh sebab kalau tidak, perkara ini akan larut begitu sahaja. Segala pulangan ekonomi akan terjejas.

Keduanya, jenama-jenama yang hebat seperti Gucci dan Christian Dior, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengadakan usaha sama untuk pengusaha-pengusaha batik kita dengan jenama-jenama terkenal dunia. Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Rembau dan Yang Berhormat Kuala Kangsar menyokong usaha batik di dalam Dewan Rakyat. Yang Berhormat Rembau bertanya berkenaan dengan harga lambakan batik daripada negara-negara luar. Kalau kita lihat batik daripada negara luar itu sebenarnya itu bukan batik sebenarnya. Itulah seumpama *textile* yang diprintkan ataupun ia tidak— sebenarnya bukan batik sebenarnya. Kalau *textiles* daripada negara-negara jiran itu mereka merupakan *textiles* bermotifkan batik.

Bagaimanapun, batik di Malaysia ini harganya begitu subjektif. Kalau kita lihat kalau ia dibuat dengan bahan kualiti ataupun bahan kain yang lain, umpamanya di Malaysia ini banyak menggunakan kain sutera, kain *crepe* dan sebagainya di mana pengusaha di Indonesia banyak menggunakan batik *cotton*. Jadi, dari segi *textilenya* itu telah banyak berbeza. Itu menentukan harga dan sebagainya.

Jadi saya rasakan bahawa harga batik sebenarnya itu subjektif dan itu tergantung kepada nilai ataupun kualiti batik yang dihasilkan. Kita kena ingat satu helai batik yang dihasilkan itu mempunyai 17 artisan ataupun 17 tenaga kerja untuk menghasilkan satu baju batik ataupun satu produk batik. Ia secara tidak langsung kalau kita membeli sebuah helai batik, ia menolong dan membantu menjana ekonomi di kalangan pengusaha-pengusaha batik terutama mereka yang di desa dan di kampung-kampung. Jadi, saya rasa itu jawapan kepada Yang Berhormat Rembau berkenaan dengan lambakan batik-batik yang berada di tanah air.

Soalan berkenaan dengan paten oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar berkenaan dengan bagaimana kita dapat juga bekerjasama dengan jenama-jenama terkenal seperti Gucci dan sebagainya, di sini kita ingin mengatakan bahawa sekarang ini batik bukan hanya di-pengusaha-pengusaha batik kita dapat lihat sekarang ini mereka terdiri daripada golongan-golongan muda dan antara jenama-jenama yang Bujins, FERN dan juga Ruzz Gahara mereka ini adalah bawah 30-an. Batik-batik mereka telah pun berjaya menembusi pasaran-pasaran antarabangsa dan mendapat sambutan yang hebat di kalangan rakyat-rakyat luar negara. Saya rasa ini secara tidak langsung membantu menaikkan lagi imej batik Malaysia di mata luar.

Berkenaan dengan paten dan sebagainya, saya rasa ada usaha daripada pihak kraf tangan untuk menentukan standard ISO standard bagi pengusaha-pengusaha batik. Saya rasa

mereka juga sedang bekerjasama dengan MyIPO untuk mempatenkan batik-batik yang dihasilkan. Itu sahaja jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Soalan tambahan boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah benarkan empat soalan tambahan. Tidak perlulah. Esok, kita pakat-pakat pakai batiklah, *tie* batik. *Tie* sahaja. *[Disampuk]* tali– *tie*, *tie*. *[Dewan ketawa]* Saya akan datang esok dengan *tie* batik.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, *tie* Yang Berhormat Pendang dah pakai batik ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sudah pakai dah?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Pakai dah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahniah, orang Pendang memang hebat.

4. **Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah usaha-usaha pihak kementerian dalam membantu usahawan muda terutamanya dari luar bandar Sarawak dalam memasarkan serta meningkatkan kualiti produk mereka untuk dipasarkan ke pasaran yang lebih besar.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Petrajaya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertamanya kita sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan memang menjadi tanggungjawab kita berdasarkan dasar yang kita ada untuk membantu membina usahawan di samping menjayakan usaha-usaha mereka termasuk dalam bidang pembuatan dan juga pemasaran hasil-hasil produk usahawan-usahawan ini.

Tidak tertinggal adalah usahawan-usahawan yang ada di Sarawak yang cukup ramai dan pelbagai peringkat tetapi kebanyakannya masih lagi di peringkat usahawan-usahawan kecil dan sederhana. Untuk tujuan tersebut, semua agensi yang ada di dalam kementerian kita telah diarahkan untuk memastikan usaha-usaha meningkatkan *production* dan juga pemasaran ini dilaksanakan sebaik mungkin. Kita di Sarawak sudah ada *one-stop centre* di mana usahawan-usahawan kita boleh mendapatkan maklumat dan juga peluang-peluang bagi melaksanakan latihan-latihan dan juga peningkatan pemasaran hasil-hasil produk mereka.

Usaha-usaha untuk memasarkan produk ini sedang kita laksanakan melalui *business matching* yang kita adakan secara berterusan di negeri Sarawak untuk memasarkan hasil-hasil tempatan mereka khususnya produk-produk yang lebih dikenali di Sarawak seperti barang-barangan pelancongan dan juga hasil-hasil seperti gula apong dan juga barang-barangan keperluan yang lain yang setakat ini belum dapat memecah pasaran luar daripada Sarawak. Ini kita di kementerian mengambil sedikit usaha untuk membantunya pada masa akan datang.

Kita juga menggalakkan usahawan-usahawan SME yang di luar bandar itu untuk mengikuti program-program pembangunan keusahawanan yang disediakan oleh semua agensi kita.

■1050

INSKEN ada menyediakan latihan untuk mereka yang terlibat dengan pelbagai sektor usahawan kecil ini. Begitu juga, SME Corp melatih dan juga membina secara *hand holding* usahawan-usahawan kita supaya mereka dapat memasarkan produk mereka melalui pembungkusan ataupun *branding* yang lebih baik dan juga membuka pasaran-pasaran, bukan hanya dalam negara tetapi juga di luar negara. Kementerian juga mengambil tanggungjawab untuk membuka lagi peluang-peluang pemasaran melalui membantu usahawan ini mendapatkan pensijilan-pensijilan yang diperlukan untuk menempah ruang-ruang perniagaan yang lebih besar.

Ini melalui Program Pembangunan Pensijilan Halal yang telah diamanahkan kepada kementerian ini, kita akan membantu mereka melalui latihan-latihan dan juga bimbingan-bimbingan supaya produk-produk mereka dibuka kepada pasaran-pasaran yang baharu, bukan dengan cara meringankan syarat-syarat tetapi melengkapkan usaha-usaha dan kemahiran mereka supaya produk-produk mereka dapat masuk ke pasaran yang sedia ada ini.

Selain daripada itu, setiap agensi telah pun memainkan peranan-peranan mereka, termasuklah TEKUN. TEKUN pada hari ini telah membuka beberapa TEKUN Mart mereka dan kita menjangka Sarawak juga akan kita masuki untuk membuka pasaran-pasaran, ruang pasar untuk produk-produk kita. Begitu juga dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sudah mula membuka *mart* atau *market* mereka, pasaran mereka, untuk produk-produk usahawan tempatan kita, termasuk di Sarawak.

Saya harap Ahli-ahli Parlimen di Sarawak dan juga di seluruh negara mengambil inisiatif untuk membantu usahawan-usahawan kita di kawasan masing-masing untuk melihat peluang-peluang yang disediakan oleh kementerian dan juga oleh kementerian lain yang mengadakan program keusahawanan di luar bandar, seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, semuanya mempunyai program-program pembangunan usahawan mereka. Kita manfaatkan bersama supaya usahawan-usahawan luar bandar kita, khususnya anak muda dapat memasarkan hasil mereka. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sarawak, malahan di Malaysia, kalau kita melihat banyak mengeluarkan hasil-hasil kraf tangan. Kalau kita melihat produk-produk kraf tangan sekarang, kebanyakannya syarikat-syarikat besar kalau kita melihat ada meniru hasil kraf tangan daripada kita. Untuk itu, saya melihat apakah usaha kita pertama sekali untuk melindungi hasil ciptaan produk-produk tempatan yang dihasilkan oleh anak-anak tempatan dari segi IP nya, iaitu paten?

Kedua, R&D iaitu material yang bakal kita gunakan. Ketiga ialah bagaimana kita jalinkan kreativiti anak-anak kita ini atau hasilan tempatan ini untuk dijaringkan dengan syarikat

antarabangsa supaya mereka dapat bersama menghasilkan produk yang dihasilkan, hasil ciptaan tempatan? Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Petrajaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu *observation* yang sungguh baik dan cadangan yang sungguh baik. Hasil kerja tangan orang Sarawak ini memang sangat popular, sangat cantik dan masih lagi terkawal, tidak dapat ditembusi oleh contohnya pembuatan besar-besaran daripada China. Kalau kita tengok hasil produk di Sarawak memang buatan orang Sarawak. Kalau di negara-negara lain, kebanyakan daripada negara-negara lain yang membuat.

Oleh yang demikian, saya rasa usaha untuk menetapkan paten ataupun *intellectual property* ini mesti dilaksanakan, walaupun bukan di bawah kementerian kami, *insya-Allah* kita akan pastikan setiap produk itu dapat kita kawal supaya tidak ditiru oleh orang lain. Kita di peringkat kreativiti mempunyai agensi-agensi seperti MaGIC yang boleh membantu usahawan-usahawan kita untuk menghasilkan produk yang lebih *identical* dengan negeri dan kawasan masing-masing. Seterusnya, pembukaan pasaran yang lebih luas seperti yang telah saya sebutkan dalam jawapan asal tadi.

Mengenai R&D, kita dimaklumkan MaGIC sedang berusaha dengan IPT tempatan, bukan hanya sekadar melatih usahawan-usahawan di IPT tetapi juga kalau boleh kita memperluaskan kepada usaha-usaha R&D yang dapat dimainkan peranan oleh IPT kita. Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, dulu kita pernah ada polisi, "Satu Daerah, Satu Produk" – ialah waktu itu Kerajaan Barisan Nasional tetapi polisi itu baik.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tahniah.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Isunya ialah banyak tempahan yang dibuat dalam *volume* yang besar. Kadang-kadang pengusaha tidak boleh hendak *meet the demand*. Adakah kerajaan untuk fokuskan kalau Sarawak, lima atau enam produk yang akhirnya mungkin boleh dibuat dan berkongsi dengan orang kampung. Akan tetapi apabila ada *order*, maknanya boleh kumpul dan dimarketkan dalam keadaan *volume* besar daripada tidak ada kawalan produk yang begini kerana kualiti dan sebagainya. Apakah kerajaan bercadang untuk memastikan fokus itu berlaku, khususnya di Sarawak? Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita di kementerian sudah menganjurkan bersiri-siri, "Satu Daerah, Satu Industri" ini, termasuklah di Kedah dengan sambutan yang hebat. Akan tetapi kita belum lagi dapat menjadikannya seperti apa yang berlaku di Thailand, "One Tambon, One Product (OTOP)" *something like that* ya. Ini di mana di daerah itu, itu sahaja pengkhususannya. Kita belum boleh lagi.

Walaupun di Kuala Kangsar hebat dengan labu sayongnya tetapi banyak produk lain di Kuala Kangsar yang juga ingin menjadikan ia sebagai produk daerah. Jadi, kita sekarang ini sedang mengumpulkan maklumat melalui program-program "Satu Daerah, Satu Industri" ini

untuk melihat akhirnya yang mana yang akan menjadi dominan, produk antara banyak produk bagi satu daerah.

Kita melakukannya, "Satu Daerah, Satu Industri" tetapi bukan satu industri khusus buat sementara ini. Kita tengok dulu dan akhirnya nanti kita akan dapat mencadangkan sebenarnya supaya tumpuan modal, tumpuan pembinaan, tenaga kerjanya berfokus kepada industri-industri yang berkenaan. Kalau boleh kita dapatkan macam satu Jepara di Indonesia. Satu kabupaten itu ceritanya membuat ukiran. Semua yang terlibat, membuat ukiran. Kalau sampai ke peringkat itu, kita akan dapat membina satu jenama baharu bagi negara kita. *Insya-Allah* sedang diusahakan. Terima kasih.

**5. Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan bagaimana pihak kementerian berupaya untuk mengekang penyebaran berita tidak benar di media sosial selagi mana ia tidak menyekat kebebasan bersuara masyarakat.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee bin Shith]:**  
*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat seperti mana yang berikut kerana ia menyentuh isu yang sama dan berkaitan.

Pertama, soalan lapan, bertarikh 11 November 2019 - Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Yang Berhormat Kuala Krau. Kedua, soalan satu, bertarikh 2 Disember 2019 - Datuk Seri M. Saravanan, Yang Berhormat Tapah. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa komited dalam usaha untuk menjamin kebebasan bersuara rakyat Malaysia berdasarkan kepada Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah pun menerima banyak aduan dan pandangan berkenaan penyalahgunaan media sosial serta cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Kerajaan berpendapat bahawa kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara atau berita secara terbuka dan telus di media sosial perlu dikekalkan. Akan tetapi ia harus dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak mencetuskan sebarang masalah sosial ataupun menjelaskan keselamatan negara.

Usaha ini bukan bertujuan untuk menyekat kebebasan bersuara tetapi lebih untuk mengekalkan kesopanan dan mengelakkan pandangan berbaur hasutan serta sensitiviti yang boleh memberikan kesan terhadap keselamatan negara.

Peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 558) adalah antara instrumen perundangan yang diguna pakai di dalam mengawal perekaan, penerbitan dan pengeluaran kandungan atau berita tidak benar. Di samping itu, tindakan turut disusuli oleh pihak PDRM atau SKMM berasaskan kepada aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta daripada pihak yang berkenaan.

**■1100**

Secara khusus di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, pihak yang menggunakan kemudahan atau perkhidmatan rangkaian seperti internet, media sosial secara tidak wajar bagi maksud untuk menyebarkan kandungan palsu, jika disabit dengan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Namun, langkah pengemaskinian serta penambahbaikan terhadap peruntukan yang sedia ada akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan selaras dengan peredaran masa.

Satu jawatankuasa penguatkuasaan secara bersepada yang dikenali sebagai Jawatankuasa Jenayah Siber di antara PDRM dan MCMC telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan tersusun. Ini termasuklah bagi perkara melibatkan isu kesalahan jenayah siber termasuklah berkaitan dengan penyebaran kandungan maklumat berita atau laporan tidak benar ataupun palsu. Kerjasama atau kolaborasi di antara kedua-dua pihak PDRM dan MCMC khususnya dalam perkongsian maklumat dan kepakaran adalah bertepatan bagi melancarkan gerak kerja dan penguatkuasaan untuk menangani isu penyalahgunaan media sosial dengan lebih efektif. Sekian.

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia pernah mengatakan bahawa pihak kerajaan bercadang untuk menujuhan Jawatankuasa Pilihan Khas yang akan memberikan tumpuan kepada penularan berita tidak benar pada sesi dialog bulan lepas yang bertajuk, *“Menuju Kebebasan Media dan Memerangi Berita Palsu”*.

Soalan saya, bagaimanakah pihak kerajaan melihat dengan mewujudkan jawatankuasa khas ini mampu untuk memberikan ruang dalam keterbukaan media dan ia tidak menindas kebebasan untuk rakyat bersuara? Terima kasih.

**Tuan Eddin Syazlee bin Shith:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sekijang di atas soalan tambahan tadi.

Pihak kementerian, memang betul seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sekijang, sedang mencadangkan untuk penubuhan jawatankuasa dengan mengambil kira pendapat pelbagai pihak berkepentingan dan para pemegang taruh. Ini, seperti yang kita sedia maklum, merupakan satu cadangan untuk menujuhan Jawatankuasa Pilihan Khas.

Walau bagaimanapun, penubuhan jawatankuasa ini adalah lebih spesifik, Yang Berhormat, kerana jawatankuasa ini akan berperanan secara khusus untuk menangani perkara-perkara yang berkaitan berita tidak benar ataupun dari segi tertib pengeluaran berita-berita palsu yang boleh mengancam kestabilan politik negara.

Manakala dalam isu kebebasan media, sememangnya kerajaan tidak pernah mengenakan sebarang tindakan. Lebih terbuka. Kalau kita lihat pada hari ini, lebih terbuka untuk membenarkan perkara-perkara yang dilaporkan berdasarkan kepada *news value*, dengan izin

Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya berita itu benar berdasarkan *news value*, tidak ada sebab kerajaan akan menghalang pengeluaran berita tersebut.

Akan tetapi, kalau perkara tersebut digunakan semata-mata untuk memutarbelitkan fakta yang benar, kerajaan akan mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkaitan dengan akta yang baru kita mansuhkan itu hari iaitu Akta Antiberita Tidak Benar di Parlimen. Adakah kementerian mahu mewujudkan satu akta baharu komunikasi untuk menyekat berita yang tidak benar di media sosial? Kita tahu bahawa tiada akta yang boleh menyekat kalau memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar ini. Di mana di Thailand telah wujud bilik perang bagi menyekat mana-mana berita yang tidak benar. Manakala di Malaysia, tidak ada benda yang boleh kita letakkan untuk kita mengawasi keadaan di bawah *task force*.

Kita tahu bahawa wujudnya portal *SEBENARNYA.MY* – Tidak Pasti Jangan Kongsi. Adakah keberkesanan portal ini dapat mengawasi berita-berita yang tidak benar yang disebarluaskan?

**Tuan Eddin Syazlee bin Shith:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Jempol atas soalan tambahan kedua tadi.

Berkenaan isu peruntukan undang-undang yang boleh digunakan bagi mengatasi masalah isu penyebaran berita-berita tidak benar ini, sebenarnya kita mempunyai peruntukan undang-undang yang cukup. Seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, pertama, di bawah Kanun Keseksaan. Kita mempunyai peruntukan undang-undang yang boleh diguna pakai.

Kedua, kita juga mempunyai peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] yang selalu kita guna pakai. Sebab itu, secara khususnya, Yang Berhormat, di bawah seksyen 233 ini, kita mengenakan hukuman denda sehingga RM50,000 dan penjara tidak melebihi satu tahun. Banyak kertas siasatan yang dibuka sehingga lebih daripada 50 kes yang berkaitan dengan berita tidak benar, walaupun yang telah dihukum lebih kurang ada tiga kes.

Ini ditambah juga dengan satu usaha sama di antara pihak polis yang menjalankan kuasa di bawah peruntukan Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah dan bekerjasama dengan pihak MCMC untuk sama-sama menangani masalah penyebaran berita tidak benar ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa terbuka untuk membincangkan perkara-perkara yang difikirkan boleh memberikan penambahbaikan dalam kita menangani isu berita tidak benar sebagaimana cadangan untuk mewujudkan jawatankuasa pilihan khas. Saya percaya ini adalah satu permulaan kepada satu kajian yang lebih komprehensif berkenaan kedudukan anti berita tidak benar ini, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim. Silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** *Point of order.* Peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** P.M. 23(1)(r)(i). “Sesuatu pertanyaan untuk Jawab Lisan tidak boleh melebihi 40 perkataan tanpa mengira nama dan kawasan ahli yang bertanya dan Menteri yang bertanggungjawab.”

Saya rujuk soalan Yang Berhormat Arau yang mana jumlah perkataannya saya kira adalah 100. Ia melebihi peraturan. *[Dewan riuh]* Kalau soalan (a), cuma sampai “Yang telah dibuat”. *It's a basic point of order.*

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Itu kerja Tuan Yang di-Pertua. Janganlah buat kerja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah. Sebenarnya mengikut proses, perkara ini sudah diluluskan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Ikut kesesuaian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah. Silakan, silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** SUDR dah lulus.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Cerdik sikitlah, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, ini kita perlukan penjelasan. Kalau Tuan Yang di-Pertua membenarkan soalan sedemikian dengan begitu panjang, adakah Tuan Yang di-Pertua akan membenarkan semua Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan dengan begitu panjang? Adakah begitu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Budi bicara Tuan Yang di-Pertua. Budi bicara Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ini penting sebab ini berkaitan *standing order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini di antara soalan yang terlepas. Selalunya kita kaji sebelum dibukukan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Jadi, ertinya penjelasan Tuan Yang di-Pertua ialah di masa akan datang, setiap wakil rakyat, mereka berhak untuk memberikan soalan yang panjang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan berhak. Peraturan mesti dipatuhi. Akan tetapi, kalau sudah diterima, terlepas ya...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ini bukan kali pertama, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu Yang Berhormat Ayer Hitam juga mengemukakan soalan yang panjang.

■1110

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan *double standard* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ini mengenai dengan *standing order* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Labis itu menanyakan soalan yang menyalahi peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Kita tak pertikaikan...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ini *standing order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah, untuk kali ini saya benarkan ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Jangan ada *double standard* Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Saya bersyukur sebab Allah SWT telah memakbulkan doa saya sebagai Tuan Yang di-Pertua berlaku adil pada pagi ini. *[Tepuk]* Pantun ini saya tujukan khas kepada Menteri, tolong sampaikan kepada Menteri ya.

*Kucing mati dibawa tanam,*

*Ku hiasi pokok sebagai kenangan,*

*soalan saya nombor enam,*

*Jawablah Menteri yang budiman.*

**6. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah tindakan yang telah dibuat untuk memperbaiki Tahun Melawat Malaysia 2020 ini untuk menarik minat 20 juta pelancong yang pada masa ini cukup malap dan belum didengari oleh banyak negara serta tidak memberangsangkan serta:

- (a) apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk memperbetulkan keadaan berkenaan berita-berita buruk tentang Malaysia yang disebarluaskan oleh pihak kerajaan semasa menjadi pembangkang; dan
- (b) adakah pihak kerajaan bercadang untuk menggunakan badan NGO, parti-parti politik termasuklah Persidangan Antarabangsa Parti-parti Politik Asia (ICAPP) untuk membantu mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2020 ini dan apakah tema berunsur kasih sayang dan perpaduan kaum akan dimasukkan dalam agenda Tahun Melawat Malaysia 2020 tersebut.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, promosi awal sebagai persediaan VM2020 telah digerakkan oleh *Tourism Malaysia* sejak awal tahun 2018 untuk mencapai sasaran ketibaan pelancongan seramai 30 juta orang dan RM100 bilion hasil pendapatan negara menjelang tahun 2020.

Antara promosi awal yang dilaksanakan ialah melalui penyertaan *Tourism Malaysia* di pameran pelancongan di pasaran terpilih. Majlis pelancaran awal kempen dan logo VM2020 telah diadakan di *ASEAN Tourism Forum Thailand* dan ITB Berlin pada tahun 2018. Selepas peralihan kerajaan pada Mei 2018, kementerian ini telah pun menyusun semula objektif dan hala tuju kempen VM2020 selari dengan wawasan kerajaan baharu yang memberi penekanan kepada ekopelancongan dan pelancongan kebudayaan bagi menjana ekonomi di luar bandar.

Seterusnya, Majlis Pelancaran Logo Kempen VM2020 telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Julai 2019. Untuk memastikan publisiti kempen VM2020 yang berterusan, lagu rasmi VM2020 juga telah dilancarkan pada 6 September 2019. Lagu tersebut juga telah dimainkan di dalam pesawat-pesawat serta di lapangan terbang serta di stesen-stesen radio terpilih yang menjalankan kerjasama pintar dengan *Tourism Malaysia* dan di acara-acara utama peringkat domestik, juga antarabangsa.

Selain itu, *Tourism Malaysia* juga telah pun memeterai kerjasama strategik dengan beberapa syarikat penerbangan, Malaysia Airports Holdings Berhad dan Sharp Electronics. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah kerjasama dengan Malaysia Airlines untuk mempromosikan pakej MotoGP Sepang. Ia merupakan sukan permotoran nombor satu di dunia dengan kolaborasi bersama *Petronas Sepang Racing Team (SRT)* dan pasukan *Red Bull KTM Ajo Motorsport*. Promosi secara digital juga telah dilaksanakan dengan *Experia* bagi pasaran Australia, Jepun dan Amerika Syarikat untuk meningkatkan tempahan pakej percutian ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di peringkat domestik, kementerian sedang merancang untuk mengadakan majlis pelancaran perdana VM2020 pada penghujung tahun 2019 dengan cadangan pelancaran serentak ataupun *soft launch* di semua negeri dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri bagi meningkat publisiti terhadap *Visit Malaysia* bermula Januari 2020. Selain itu, *Tourism Malaysia* akan mengadakan majlis sambutan di Lapangan Terbang Antarabangsa dan pintu-pintu masuk utama negara yang terpilih untuk menyambut ketibaan pelancong pada hari pertama *Visit Malaysia 2020*.

Di samping itu, program suai kenal ataupun *mega familiarization* bersama para media, *bloggers* dan *influencers* antarabangsa serta agensi pelancongan dari luar negara akan diteruskan bagi meningkatkan lagi aktiviti promosi VM2020. Kementerian turut merancang untuk mengadakan satu sesi taklimat berkenaan pelaksanaan kempen VM2020 kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dijangka akan diadakan pada 19 November 2019 di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan sebab soalan panjang, jawapan pun panjang. Imej negara di pentas antarabangsa adalah positif dan dibuktikan apabila Malaysia menerima pelbagai pengiktirafan antarabangsa. Sebagai contoh, Kuala Lumpur telah dinobatkan di kedudukan ke-6 bagi *World's Most Visited City* oleh *Mastercard* pada tahun 2019. Kerajaan juga sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak termasuk NGO dalam dan luar negara untuk mempromosikan kempen Melawat Malaysia 2020. Antara mesej utama yang akan diketengahkan adalah pelancongan budaya yang mengandungi elemen kesatuan kaum dan kepelbagaian budaya.

Saya yakin bahawa dengan penganjuran kempen VM2020 ini akan memberi manfaat besar kepada pelbagai lapisan masyarakat serta industri pelancongan dan kebudayaan dengan pertambahan pendapatan tukaran asing kepada negara. VM2020 ini juga berupaya untuk mewujudkan kesan limpahan kepada sektor-sektor ekonomi lain yang berkaitan termasuk meningkatkan pendapatan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar. Saya menyeru agar semua pihak dapat bersama-sama menggembung tenaga menjayakan kempen VM2020 ini sebagai satu misi nasional dan tanggungjawab kita bersama.

Kementerian ini melalui *Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB)* telah berjaya membida dan membawa masuk 309 acara perniagaan antarabangsa (*business events*) bagi tahun 2019 dengan kehadiran sejumlah 537,659 delegasi tempatan dan antarabangsa dan menyumbang impak ekonomi sebanyak RM3.2 bilion kepada negara. Bagi tahun 2020 sempena

Tahun Melawat Malaysia, sebanyak 38 acara perniagaan antarabangsa (*business events*) telah pun disahkan dan berjaya dibida sehingga kini yang bakal dihadiri oleh 49,699 delegasi tempatan dan antarabangsa serta bakal menghasilkan impak ekonomi kepada Malaysia berjumlah RM590 juta.

Namun, aktiviti pembidaan bagi membawa masuk serta mempromosi Malaysia sebagai destinasi acara perniagaan antarabangsa akan dilakukan berterusan sepanjang tahun. MyCEB secara konsisten juga menguar-uarkan program serta menggunakan logo Tahun Melawat Malaysia di setiap aktiviti pembidaan dan promosi yang akan dilaksanakan di luar negara bersama-sama penyertaan dari pemain industri, agensi kerajaan, organisasi, mahupun persatuan profesional. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, pendek saja Tuan Yang di-Pertua. Pertama, perkataan 30 juta pelancong ini adakah termasuk pelancong *Singapore* ataupun Indonesia yang datang berulang kali masuk? Adakah pelancong yang dimaksudkan itu pelancong yang *genuine*, yang sebenarnya?

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita nak minta Tuan Yang di-Pertua yang budiman ini menganjurkan lebih banyak persidangan di peringkat CPA dan IPU di luar negara untuk membolehkan Ahli Parlimen yang dilihat sedang bertelagah sehingga menimbulkan isu-isu perkauman yang tidak bagus. Jadi orang nak datang sini bukan nak tengok perangai kita, orang nak tengok keindahan Malaysia. Jadi kita kena gambarkan yang kita ini bersatu-padu, hidup aman dan damai seperti contoh yang saya tunjukkan pada hari ini. *[Ketawa]*

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Soalan yang berkenaan dengan pelancong. Sebenarnya definisi pelancong yang kami ambil ialah mereka yang datang ke Malaysia daripada luar negara yang bermalam sekurang-kurangnya semalam. Kalau orang datang daripada *cruise* umpamanya, mereka datang tetapi mereka tidak tidur di negara kita, dia tidak dianggap sebagai pelancong. Jadi soalan, kalau orang Singapura ataupun orang Indonesia datang ke Malaysia dan tidur sekurang-kurangnya semalam, ia adalah termasuk dalam kategori pelancong.

Soalan kedua itu saya rasa biar Tuan Yang di-Pertua yang jawablah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kena jawabkah? *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan Yang Berhormat, Yang Berhormat nampak di Parlimen ini tidak bagus, orang nak melancong pun tak seronok. Jadi, apakah Yang Berhormat nak anjurkan supaya mereka juga tolong. Dulu mereka dok bantai kerajaan, mereka kena tolong perbetulkan apa yang mereka bantai dulu termasuk saya. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua fikir remeh, tak apalah. Akan tetapi, saya rasa itu penting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya dalam lawatan-lawatan ke luar negeri, kita keluar sebagai *cross-party delegation*, tidak timbul masalah di sini. *[Tepuk]*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *The 'Malaysia, Truly Asia'* satu slogan yang baik dan *selling well*. Sedarkah Menteri bahawa kita ada advantage sebagai Malaya yang *Peninsular* dan Borneo yang dikelilingi oleh laut. Ini adalah

*advantage* yang boleh kita gunakan. Adakah kementerian mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan-kawasan perairan kita khususnya di Kelantan, di Sabah untuk ia menjadi tarikan kerana inilah sebenarnya *advantage* yang kita ada kerana negara kita dikelilingi oleh laut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hai! Bakal Menteri Besar Kedah tak sebut Kedah ya.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Memang negara kita adalah negara yang *bless* ataupun dirahmati oleh Allah SWT dengan aset-aset negara, di antara pantai yang cantik, gunung-ganang dan hutan tropika yang lebat dan ia menjadi salah satu tarikan kepada negara ini. Memang benar dari segi '*Malaysia, Truly Asia*' itu, Malaysia menggambarkan sebenarnya Asia itu kerana kepelbagaiannya budaya yang ada dalam negara kita. Kalau di Sabah, Sarawak, etnik-etnik Sabah dan Sarawak sahaja beratus-ratus. Mereka antara etnik ini juga ada dia punya karakter ataupun sifatnya ataupun kesenian dan budaya mereka masing-masing.

#### ■1120

Jadi, inilah saya sebut tadi dalam jawapan tadi bagaimana kita hendak memfokuskan dalam *cultural tourism* ataupun pelancongan budaya dan *ecotourism* iaitu yang melibatkan *nature* di negara-negara kita. Jadi saya- memang ini menjadi fokus utama Kementerian Pelancongan ini dalam mengetengahkan *cultural tourism* dan juga *ecotourism* di negara luar. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort]:** Satu lagi.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Boleh satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Beaufort.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort]:** Saya ingin bertanya., pertamanya. Adakah pihak kementerian akan membantu kawasan luar bandar untuk melaksanakan program-program bagi Tahun Melawat Malaysia ini yang berbentuk tradisi, kebudayaan tradisi? Keduanya. Adakah kementerian akan bantu juga mempromosi program-program tersebut? Terima kasih.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sebenarnya saya telah pun menjawab soalan bagaimana kita ingin membantu ekonomi di luar-luar bandar dengan memperkenalkan budaya masing-masing. Pada bulan lepas, saya pun telah melancarkan satu *apps* yang dinamakan *Xtivity* di mana *Xtivity* ini dihasilkan oleh anak muda yang mengumpulkan semua *hidden gems* ataupun aktiviti-aktiviti budaya, aktiviti *ecotourism* dan pelancongan yang tidak dikenali ramai, terutama sekali mereka di luar bandar kerana kita hendak menekankan *rural-based tourism* ataupun *community-based tourism*.

Jadi, *apps* ini membantu untuk mengetengahkan aktiviti-aktiviti sebegini kepada orang ramai dan juga, kita juga banyak mengadakan *event-event* yang bukan di bandar-bandar besar

tapi di luar bandar, di beberapa bandar yang *second tier* atau *third tier city as well* supaya kita dapat memperkenalkan bandar tersebut serta budaya masing-masing di kawasan itu. Terima kasih.

7. **Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah terkini kes demam denggi yang dilaporkan mengikut negeri. Adakah kementerian mempunyai kaedah dan alternatif yang lebih efektif dalam menangani isu peningkatan kes demam denggi.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua , terima kasih Yang Berhormat Merbok. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat semua, peningkatan kes denggi bukan saja berlaku di Malaysia, bahkan berlaku secara global. Pada tahun 2019, peningkatan kes denggi antara satu sehingga lapan kali ganda berlaku juga di negara seperti Singapura, Filipina, Cambodia, Laos, PDR, Vietnam, China dan Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 26 Oktober 2019, jumlah kumulatif denggi dilaporkan adalah sebanyak 108,606 kes berbanding 61,254 kes denggi bagi tempoh tahun yang sama tahun 2018. Peningkatan sebanyak 77.3 peratus atau kesnya 47,352 kes. Manakala jumlah kumulatif kematian denggi adalah sebanyak 154 kematian berbanding 104 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2018, Tuan Yang di-Pertua. peningkatan sebanyak 48.1 peratus atau kes sebanyak 50 kes kematian tambahan.

Enam negeri yang menunjukkan jumlah tertinggi kes adalah Selangor 60,024, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 13,435, Johor 9,154 kes, Kelantan 5,024, Sabah 4,444 dan Pulau Pinang 3,802. Manakala sembilan negeri yang lain merekodkan jumlah kes kurang dari 3,000 kes. Kementerian Kesihatan mengambil serius tentang isu peningkatan kes denggi ini Tuan Yang di-Pertua.

Tindakan bersepadu bagi membanteras peningkatan kes denggi telah pun dilaksanakan sejak tahun 2014 lagi melalui pelbagai kementerian, jabatan dan agensi-agensi dengan tertubuhnya Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi dan Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian dan Peringkat Negeri.

Pasukan Petugas Khas Denggi bermesyuarat setiap dua kali seminggu dan menjadikan agenda tetap aktiviti membanteras denggi sebagai usaha untuk memastikan semua pihak termasuk khususnya ahli masyarakat melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi mengikut peranan dan bidang kuasa masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, antara tindakan bersepadu yang telah dijalankan oleh kementerian, jabatan dan agensi adalah antara lainnya, menguatkuaskan tindakan bersepadu oleh PBT, KKM, NIOSH menerusi Operasi Gempur Aedes Bilangan 1.0 daripada Januari hingga Mac 2019 dan Operasi Gempur Aedes Bilangan 2.0 dari bulan Julai hingga September 2019. Kedua, aktiviti gotong-royong perangi aedes dan aktiviti pembersihan persekitaran oleh KPKT, RELA, PDRM dan semua yang lain. Ketiga program patrol denggi di sekolah dengan penyertaan

sebanyak 190 sekolah dan sebanyak 11 penyertaan IPT bebas denggi pada tahun 2019 di bawah seliaan KPM.

Keempat, KKM telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM3.35 juta untuk *outsourcing* bagi aktiviti kawalan dan pencegahan denggi bagi negeri Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kelima, KKM juga sedang menggunakan kaedah inovasi kawalan denggi dengan menggunakan semburan *outdoor residual spraying* dilaksanakan di kawasan berstrata *hotspot area* Tuan Yang di-Pertua.

Keenam adalah, ini satu yang baru juga sedang menjalankan inisiatif inovasi kawalan denggi iaitu pelepasan telur nyamuk aedes, *wolbachia* bagi mengantikan populasi nyamuk aedes liar yang membawa virus denggi. Dengan kehadiran bakteria *wolbachia* dalam nyamuk aedes ini akan merencatkan perkembangan virus denggi dalam badan nyamuk dan mengurangkan risiko jangkitan virus denggi kepada manusia lain.

Operasi ini dilakukan berikutan keputusan kajian *Institute Medical Research* (IMR) yang dapat mengurangkan dan menunjukkan kekurangan 50 peratus hingga 70 peratus kes denggi di lokasi dan lokaliti kajian. Fasa pertama ini telah kita jalankan, 11 lokaliti di Daerah Petaling, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan hasil inovasi ini masih dalam penelitian.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu mengurangkan kes dan kematian denggi memerlukan tindakan menyeluruh, tindakan pencegahan dari semua lapisan masyarakat termasuk individu, komuniti, agensi-agensi dan juga Ahli-ahli Parlimen di Dewan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan bahawa memang kita menyaksikan peningkatan denggi yang secara drastik di seluruh Malaysia. Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan vaksin denggi. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Sebelum daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengumumkan kehadiran para pelajar daripada SMK Rantau Panjang dan SMK Raja Muda Musa daripada Parlimen Kuala Selangor. Terima kasih.

*[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Selamat datang.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, buat hari ini, sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, vaksin pencegahan rawatan denggi berbeza dengan malaria. Walaupun kedua-dua adalah bawaan vektor nyamuk tetapi denggi diakui adalah satu rawatan secara simptomatik dan kematian itu sekali gus menunjukkan betapa sukarnya terkadang kali rawatan pesakit-pesakit denggi ini yang ketika menghadapi demam denggi ini, berdepan dengan kematian akhirnya.

Ini kerana antara lainnya tidak ada ubat seperti *common-common disease*, yang lain dengan izin seperti malaria. Lalu sememangnya dalam usaha kita untuk mencari vaksin tetapi sehingga hari ini, satu vaksin yang pernah dikemukakan di satu negara, tidak sebenarnya, tidak

menunjukkan *medical evidence* sebab- bahkan membawa kesan yang buruk di Taiwan khususnya.

Jadi oleh kerana itu belum ada lagi vaksin, lalu masih lagi cara pendekatan menangani *outbreak* ini adalah dengan pencegahan. Jadi itu adalah sangat penting dan sekali saya sebutkan pada *clinician* yang menangani pesakit-pesakit denggi ini sangat mencabar. Justeru kalau ada *comorbidities*, penyakit-penyakit yang lain seperti jantung dan sebagainya, kematian itu adalah satu yang sangat menyediakan kerana walaupun ia denggi merupakan satu yang kita anggap mudah tetapi ia merupakan serangan ataupun penyakit yang mampu kita cegah. Akan tetapi kerana sikap kita, persoalan persekitaran, kebersihan yang tidak dapat kita tangani keseluruhannya oleh semua, lalu kematian ingin saya sebutkan tadi peningkatan 50 kes pada tahun ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya mendengar statistik yang Yang Berhormat Menteri, kebanyakannya ia penyakit ini lebih tertumpu kepada kawasan bandar. Kebanyakannya menyerang orang bandar. Jadi saya hendak tahu, pertama saya hendak tahu apakah sebabnya? Adakah tidak mencukupi, kalau dikira orang bandar ini lebih pandai, lebih berilmu. Itu satu.

#### ■1130

Kedua ialah saya hendak tahu kekerapan *fogging* dengan izin sebab saya nampak kalau diperhatikan cara mereka menangani ini dengan melakukan *fogging* dan *fogging* ini terlalu kerap dilakukan sama ada ia betul-betul berkesan kah tidak. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Ya, soalan itu adalah amat tepat kalau persoalannya adalah kaedah *fogging*. Kaedah *fogging* ini menumpu kepada membunuh *adult* nyamuk, nyamuk dewasa tetapi kita tahu bahawa kitaran kehidupan nyamuk *aedes* ini dengan larva dan *stage* yang lain itu tidak terkesan, tidak dibanteras oleh *fogging* semata-mata.

Jawapan yang pertama yang perlu saya sebutkan di situ jugalah kita dapat bahawa kalau dalam statistik ini kita dapat bahawa di sini dia menular, membiak di kawasan-kawasan air yang bersih dan bandar adalah tempat *hotspotnya* berbeza dengan lumpur dan yang di luar bandar itu.

Lalu memang kita akui mereka- nyamuk ini memerlukan suasana dan iklim seperti ini *determinantnya*, penentunya lalu memang betul seperti mana Yang Berhormat sebutkan ianya menular lebih di bandar-bandar kerana di sivilah juga persekitaran yang mengizinkan mereka yang mengizinkan nyamuk ini membiak bukan di air-air kotor bahkan sebaliknya air-air yang bersih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi boleh?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Satu lagi soalan tambahan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Bandar Kuching, Bandar Kuching ini perkara penting untuk denggi.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik mohon juga, mohon soalan tambahan.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Untuk Bandar Kuching soalan tambahan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Denggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Bandar Kuching ringkas sahaja.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Okey ringkas. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya di Kuching, Sarawak kita pertambahan denggi sebanyak 270 peratus dalam tempoh Januari ke Ogos berbanding tempoh lalu. Saya hendak tanya yang kaedah dengan suntikan *Wolbachia* bakteria tersebut, jika boleh berapa kosnya dan berapa effectiveness program tersebut dan jika boleh ia dibawa ke Sarawak untuk juga di *try out* di Sarawak untuk menangani isu ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bandar Kuching. Masih kita dalam fasa pertama operasi ini dan saya yakin andainya dapat kita pastikan keberkesanannya, walaupun keberkesanannya itu telah dibuktikan dalam satu uji kaji di peringkat *locality* kajian sebanyak 50 hingga 70 peratus oleh *Institute of Medical Research*. Namun kita dalam proses untuk *kick in* ataupun *roll out*, dengan izin program ke seluruh negara tetapi kita mula dengan fasa yang pertama dan juga yang kedua ini dan *insya-Allah* kalau diizinkan dengan kewangan dan sebagainya itu kita akan bawa di seluruh negara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak buat *point of order* ini sebagai *record* kepada Yang Berhormat Lembah Pantai yang bawa *point of order* tentang soalan saya. *Point of order* 99 sebab saya hormat Speaker ini sebagai seorang yang terbaiklah dari segi menangani pelbagai masalah, 99 ialah kuasa Tuan Yang di-Pertua yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Hormatlah kepada beliau yang telah membuat keputusan tentang soalan-soalan yang dibenarkan.

Yang Berhormat Lembah Pantai kalau ingat dia pandai, dia tidak baca habis. Baca Perkara 99, *point of order* kuasa Speaker yang tidak boleh dicabar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah, sudah. Kita teruskan, kita teruskan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang hormat. Tuan Yang di-Pertua, kita memang hormat keputusan Tuan Yang di-Pertua, cuma kita hendakkan penjelasan sebab kalau kita lihat hari ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik. Saya putuskan ya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Ada 31 soalan semuanya kurang daripada 40 perkataan. Tanpa izin hanya satu sahaja lebih daripada 40 perkataan. Itu kita hendakkan penjelasan sahaja.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Point of order* yang mana ini? Bangun tanpa izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik. Lain-lain kali kita akan berhati-hati kalau lebih daripada 40 perkataan akan ditolak.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** *Point of order Speaker.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau kita hendak tolak, Speaker tarik balik Perkara 99, 99 itu hak Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah. Hak Speaker memang tidak boleh dipakai selalu. Itu terpulang...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*, Sibuti.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi *one more ask question.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat terlalu banyak sangatlah soalan tambahan. Saya pun hendak tambah 10 minit lagi sebab soalan pertama tadi mengambil masa setengah jam. *[Tepuk]* Jadi kita kena tambah sedikit kalau tidak soalan-soalan tinggal soalan 7 sahaja. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

*"Petronas dijarah aset dijual,  
Hutang ditambah Pakatan Harapan,  
Menteri KPPT wanita handal,  
Soalan Ketereh nombor lapan". [Tepuk]*

**8. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh mana sasaran yang diletakkan dalam pemilikan rumah mewah oleh warga asing di negara ini.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** *Bismillahir Rahmani Rahim. Alhamdulillah.* Terima kasih, Yang Berhormat Ketereh di atas soalan. Yang Berhormat Ketereh ingin mengetahui tentang sasaran rumah untuk warga asing. Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat Ketereh, ketika ini kerajaan tidak ada satu formula ataupun satu perancangan yang telah diatur dan disusun untuk mengadakan sasaran kepada penjualan-penjualan rumah-rumah warga asing. Ini belum ada lagi.

Keduanya juga, ketika ini harga-harga rumah untuk warga asing tertakluk kepada kerajaan negeri yang mana kerajaan negeri ada *threshold* yang berbeza-beza. Contohnya kalau Selangor RM2 juta, kalau Terengganu, Johor, Pahang, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Sembilan dan Perlis dan Sabah, Kelantan dan Melaka RM1 juta, Pulau Pinang RM2 juta di pulau dan RM1 juta di Seberang Perai, Perak RM1 juta dan Sarawak RM1 juta. Harga *threshold* ini dikendalikan ataupun diuruskan oleh kementerian ataupun UPEN ketika itu.

Jadi berdasarkan dengan harga kawalan ini tidaklah juga ada satu kajian yang menyeluruh jadi KPPT amat berharap dengan adanya persoalan ketika ini dengan lambakan rumah dan sebagainya dengan harga yang tidak bertepatan, satu *big data* raya yang akan kita ketengahkan dalam pembinaan agar dapat memberikan kita satu statistik yang bersepudu agar

boleh kita membuatkan satu *projection* yang lebih tepat dari segi harga rumah, dari segi lokasi, dari segi kedudukan kewangan dan sebagainya.

Jadi, ini diperlukan untuk pastikan bahawa tidak ada lambakan rumah. Ketika ini memang tidak ada cuma polisi kerajaan-kerajaan negeri ia buat polisi *some states*, dengan izin membuat polisi 30 peratus daripada pembinaan komersil mesti buat rumah *low cost*. Ada negeri 30 percent, so ada 30 ke 50 percent tetapi tidak ada ambil perkiraan dari segi statistik menyeluruh, dari segi penjualan harga rumah yang harga tinggi dengan harga rendah. Jadi ini harus ditangani dengan satu sistem data yang lebih bersepadan yang boleh kita gunakan untuk membuat satu analisis dan *projection* yang lebih tepat dan dalam masa yang akan datang kita akan dapat menangani masalah lambakan rumah dengan harga yang bertepatan dengan lokasi dan sebagainya. *Insya-Allah*, sekian.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah berhubung dengan khusus mengenai keizinan menjual rumah kepada warga asing kepada harga RM600,000 dan ke bawah seperti mana yang diumumkan dalam belanjawan.

Jadi daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, nampaknya kementerian sendiri masih lagi dalam keadaan yang agak tidak bersedia dari segi data dan juga dasar. Jadi saya hendak tanya, adakah dasar ini *originated* daripada kementerian Yang Berhormat atau daripada Kementerian Kewangan sewaktu ianya dibentangkan dalam Belanjawan. Oleh kerana dasar ini mempunyai implikasi yang sangat serius apabila harga rumah semurah itu diizinkan dimiliki oleh warga-warga asing.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Dasar ini dimulakan waktu Kerajaan Barisan Nasional melalui UPEN, Unit Perancang Ekonomi Negara dan sekarang di bawah Kementerian Hal Ekonomi tetapi ini adalah cadangan daripada Kementerian Kewangan memandangkan bahawa penjualan rumah kepada warga asing ini hanya buat seketika ini baru berjumlah 0.4 percent iaitu sebanyak 368 orang sahaja yang memiliki rumah yang RM1 juta ini ke atas daripada statistik sampai Januari 2019 hingga Jun 2019.

Jadi pemilikan untuk warga Malaysia masih lagi dalam kadar 99 peratus ketika ini. Jadi memandangkan bahawa lambakan rumah harga RM1 juta ke atas jadi Kementerian Kewangan memandangkan bahawa ia satu isu yang serius yang harus kita tangani untuk memastikan pengaliran tunai kita, *our cash flow*, kelinciran kewangan kita itu dapat dipulihkan dengan penjualan rumah-rumah ini dengan harga yang RM600,000 ke atas.

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya untuk Yang Berhormat Menteri adalah sekiranya lambakan rumah mewah tidak boleh dijual apa kesannya kepada ekonomi negara kita?

■1140

Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri kalau banyak lambakan rumah mewah di semua projek perumahan, adakah ini adalah selari untuk rakyat Malaysia? Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Menyedari bahawa keadaan lambakan ini amat menggusarkan negara dan sangat mengejutkan juga. Saya juga rasa seram bila mendengarkan bahawa hampir RM100 bilion *value* nilai rumah yang tidak terjual dalam negara kita. Kita bayangkan sekiranya rumah-rumah ini tidak dijual dan tidak ada penghuninya, kita lihat bahawa Malaysia akan kelihatan seperti sebuah negara yang usang dengan bangunan-bangunan yang usang tidak ada penghuni.

Jadi, oleh itu banyak usaha-usaha yang telah kita laksanakan dengan *HOC Campaign* yang telah kita laksanakan dan mendapat jualan yang amat membanggakan kerana kita dapat menjual sebanyak 21 ribu unit rumah yang bernilai RM13.44 bilion yang telah kita buat dalam peringkat enam bulan pertama dan kita telah panjangkan lagi pada sampai hujung tahun ini. Ia juga mendapat sambutan lagi tambahan dalam jualan meningkatkan lagi. Ada juga permintaan yang mungkin kita akan sambungkan lagi untuk tahun 2020. Jadi, inilah usaha-usaha untuk kita pastikan bahawa rumah-rumah yang berharga tinggi ini, harga mewah ini dapat dijual kepada sasarnya dan dapat membantu untuk kita *clear* kan stok *overhang units* ini dan juga melincirkan ekonomi kita. *Insya-Allah*.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu lagi soalan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pemaju tamak sebenarnya, naikkan harga rumah.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menjemput Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

*Pembangkang dan kerajaan tak suka bercakaran.*

*Soalan saya nombor sembilan.*

9. **Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah usaha kerajaan dalam membantu lambakan kontraktor G1 khususnya bumiputera yang kini berdepan dengan masalah kekurangan projek, selain mempertimbangkan sistem agihan projek yang lebih telus (menghapuskan kartel) termasuklah pengundian secara manual di jabatan teknikal berkenaan (JKR/JPS) dan bukannya oleh konsesi.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya menyedari isu lambakan kontraktor G1 khususnya kontraktor bumiputera ekoran kekurangan projek pembangunan disebabkankekangan kewangan negara. Namun, kekangan ini bersifat sementara kerana kerajaan komited mengurangkan defisit negara dengan mengambil langkah konsolidasi fiskal termasuk pengurusan perbelanjaan dan hutang negara yang lebih cekap dan telus bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang secara mampan dan inklusif. Dalam hal ini juga, Kementerian Kewangan melalui Pekeliling Kewangan PK1.1 masih mengekalkan keutamaan kepada kontraktor G1 khususnya bumiputera.

Manakala, di peringkat Kementerian Kerja Raya, kerja-kerja yang menggunakan jadual kadar harga JKR turut dikhaskan kepada kontraktor G1 bumiputera sahaja. Ini juga termasuk kerja-kerja yang bernilai RM200 ribu sampai RM350 ribu, di mana pengagihan masih kepada sekurang-kurangnya 50 peratus dikhaskan kepada kontraktor bumiputera. Selain itu, kontrak perjanjian penswastaan penyelenggaraan jalan persekutuan yang dimeterai dengan syarikat-syarikat konsesi sedia ada telah diwajibkan syarikat konsesi untuk memberikan sekurang-kurangnya 60 peratus daripada jumlah nilai kontrak kerja penyelenggaraan tahunan pada kontraktor bumiputera tempatan termasuk kontraktor G1.

Kontrak kerja penyelenggaraan ini meliputi skop penyelenggaraan rutin, penyelenggaraan berkala dan kerja kecemasan kecil. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui agensi di bawahnya iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah berusaha meningkatkan kapasiti dan keupayaan kontraktor kontrak kecil G1 sampai G3 untuk meningkatkan daya persaingan dan keupayaan mereka melalui pelbagai latihan. Latihan-latihan tersebut adalah seperti kursus pembangunan kontraktor secara berterusan atau *continues contractor development*, kursus pengurusan kontraktor yang terdiri daripada model *business, trade* dan pakar serta menerusi program-program kolaborasi bersama agensi dan persatuan kontraktor.

Selain itu, CIDB turut menjalankan program kolaborasi bersama industri untuk meningkatkan kapasiti dan *capability* kontraktor menerusi persatuan kontraktor seperti Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (PERKOBF) dan lain-lain. Antara program yang telah dijalankan pada tahun 2018 adalah bengkel pengurusan projek kontraktor binaan, Seminar Peningkatan Akses Pembiayaan, Seminar Meningkatkan Kualiti Kerja Pembinaan di Kalangan Kontraktor Bumiputera Melalui QLASSIC dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah persediaan untuk menghadapi cabaran pada masa akan datang. CIDB telah membangunkan program-program seperti aplikasi kontraktor 4Q yang bertujuan untuk melahirkan kontraktor-kontraktor *trade* serta menyediakan peluang pekerjaan kepada kontraktor selain bergantung kepada projek kerajaan. CIDB juga membangunkan portal pembelajaran secara atas talian *E-Learning* yang selari dengan IR 4.0. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya kerajaan melaksanakan semula mekanisme cabutan undi secara manual dan terbuka di peringkat daerah ataupun projek-projek kecil yang bernilai bawah RM150 ribu. Berbanding dengan sebut harga sahaja kerana ia lebih menunjukkan kepada ketelusan dan keadilan. Sebut harga dengan pelbagai dokumen yang ditagih, ini menyusahkan kontraktor kecil yang mereka tidak banyak pekerja yang melaksanakan pentadbiran dokumen dan perkeranian.

Keduanya, penilaian teknikal atau baik pulih kecil oleh masing-masing agensi dan jabatan sepatutnya diserahkan kembali kepada JKR atau JPS. Ini kerana agensi bukan teknikal, mereka tidak ada kepakaran yang ada jawatan tetapi bukan kepakaran dan ini telah

menyebabkan kontraktor menghadapi kesukaran dan boleh mendedahkan kepada gejala rasuah. Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat atas soalan tambahan, dua soalan ya. Kementerian ini mengambil maklum atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan saya merasakan ia adalah satu cadangan yang baik. Namun, perolehan secara undi ini telah ditetapkan di dalam Pekeliling Kementerian Kewangan (PK1.1) yang menetapkan had nilai kerja-kerja undi yang menggunakan jadual kadar harga tidak melebihi RM50 ribu.

Manakala, kerja-kerja yang melebihi RM50 ribu hendaklah dilaksanakan secara sebut harga mengikut ketetapan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan *best value for money*. Oleh itu, cadangan untuk menaikkan nilai kerja undi sehingga RM150 ribu kami akan angkat kepada Kementerian Kewangan untuk dikajikan semula.

Soalan yang kedua mengenai isu teknikal. Arahan Perbendaharaan (AP182) jelas menyatakan apa-apa jua jabatan bukan teknik hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada jabatan teknik iaitu Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi melaksanakan semua projek kerja. Selain daripada itu, menurut AP182.1(e) kerja-kerja penyelenggaraan ataupun kerja membaiki kerosakan kecil yang tidak melibatkan struktur bangunan yang tidak melebihi RM100 ribu atau kerja elektrik yang tidak melebihi RM50 ribu bagi satu pembaikan boleh diurus sendiri oleh agensi berkenaan.

Sehubungan dengan itu, adalah dinasihatkan semua agensi yang ingin melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan atau membaiki kerja kerosakan kecil yang melibatkan struktur pembangunan dan kerja elektrik hendaklah merujuk kepada jabatan teknikal. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, soalan tambahan kedua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan yang terakhir.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia sana satu, saya sini satu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pontian sahaja yang terakhir.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, kontraktor G1 hingga G7 ini ada jumlah yang tertentu dan apabila ekonomi yang turun, maka mereka menghadapi masalah. Adakah CIDB di bawah JKR mengadakan kursus-kursus yang tertentu supaya mereka ada pilihan lain selain daripada menjadi kontraktor? Seterusnya projek-projek besar seperti ECRL, ia perlu dipecahkan kepada projek-projek kecil supaya lebih banyak kontraktor bumiputera khasnya dapat manfaat daripada projek-projek seperti ECRL dan MRT. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

■1150

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order, Tuan Yang di-Pertua.* Sebab saya tak dapat soalan, saya buat *point of order*. Peraturan Mesyuarat 24(5), “*Pertanyaan-pertanyaan itu selain daripada pertanyaan-pertanyaan tambahan yang terbit daripada pertanyaan yang telah dikeluarkan dan tidak dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua tidak boleh dikeluarkan lagi selepas daripada satu jam tiga puluh minit daripada permulaan Waktu Pertanyaan-pertanyaan*”. Dah terlanggar masa, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, nak saya tutup sekarang?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*  
Ya, tutup. Ikut Tuan Yang di-Pertualah, peraturan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*  
Menteri jawab dululah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya lah, sila jawablah. Budi bicara ada pada Tuan Yang di-Pertua.  
Silakan.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang kedua. Ya, betul sepertimana yang telah saya kongsi ke dalam ucapan tadi bahawa CIDB sebagai agensi di bawah KKR telah dan sekarang ini pun menjalankan beberapa kursus yang dapat memberi keuntungan bagi G1 dan kepada G2 dan G3, khusus kepada bumiputera ya.

Cadangan yang kedua tadi kita akan teliti kerana itu satu cadangan yang baik. Kalau sekiranya ada projek yang begitu besar, harus dibahagi-bahagikan dalam fasa-fasa, itu yang terbaik. Akan tetapi itu terpulang kepada agensi dan juga Menteri Kewangan dan bagi pihak KKR, kita akan angkat itu dan teruskan yang apa yang dirasakan terbaik. Terima kasih atas cadangan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan. Usul.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.51 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran tujuh kementerian iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri seperti yang tertera di No. 6 hingga No.12 dalam susunan giliran Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab ke atas Perbahasan Belanjawan 2020 di Peringkat Dasar dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 31 Oktober 2018.”

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato’ Mahfuz bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan

bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diintukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." **[29 Oktober 2019]**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Standing order, Tuan Yang di-Pertua, dari Sibuti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Standing order, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 36(12), "Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu".

Saya ingin merujuk kepada perkara yang berlaku semalam berkenaan tentang perkataan hadiah dan juga saya ingin Yang Berhormat Menteri Pendidikan menarik balik dan menjelaskan semula konteks hadiah tersebut dan juga adalah tidak wajar menggunakan perkataan hadiah. Ini kerana kita faham bahawa Sarawak telah memulangkan ataupun membayar RM350 juta dan juga perkara tersebut sepatutnya tidak wajar berlaku kerana hutang telah ditetapkan. Akan tetapi Sarawak telah bersetuju untuk membayar hutang secara advance dan juga RM350 juta tersebut telah dipersetujui untuk membina 37 buah sekolah.

Walaupun demikian, Menteri Pendidikan telah mengeluarkan kenyataan bahawa wang tersebut adalah hadiah daripada Kerajaan Persekutuan. Itu adalah wang yang telah dibayar mengikut konteks Perlembagaan dan juga adalah tanggungjawab kerajaan untuk membangunkan sekolah-sekolah daif. Sarawak telah bersetuju dan juga berbesar hati untuk memulangkan dan membayar walaupun kita tidak sepatutnya memulangkan wang tersebut. Maka, saya meminta Menteri Pendidikan menjelaskan dan juga saya ingin perkataan tersebut diperbetulkan di dalam *Hansard*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tulis surat kepada Tuan Yang di-Pertua menyatakan apakah bantahan dan disokong oleh *Hansard* dan kita ambil apa-apa tindakan sewajarnya selepas itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya keluarkan Peraturan Mesyuarat 36(12) di mana pernyataan tersebut mengelirukan Dewan tetapi Tuan Yang di-Pertua kata tak ada apa. Akan tetapi sebenarnya dia telah mengelirukan Dewan dengan mengeluarkan kenyataan bahawa hadiah kepada Kerajaan Negeri Sarawak, sebenarnya kena bayar balik. Jadi, penghinaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak, penghinaan kepada orang-orang Sarawak. *[Tepuk]* Jadi, tidak patut dikeluarkan kenyataan sedemikian. Kami sebagai pejuang-pejuang yang sentiasa menyokong Sarawak, minta Yang Berhormat Menteri tarik balik atau pun Yang Berhormat Menteri dirujukkan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tulis surat kepada saya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya. Petang ini saya tulis surat sebelum pukul 4 akan sampai, esok kita akan rujuk dia. Dia tulis surat kah saya? *[Merujuk kepada Yang Berhormat Sibut]* Oh! Dia kah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua-dua pun boleh tulis, tak ada masalah.

**Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]:** *Steady* Yang Berhormat Arau, *steady* Yang Berhormat Arau.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma nak minta *update* tentang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Supaya tidak— ya Yang Berhormat Bandar Kuching?

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Saya cuma nak minta keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan pernyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Batang Sadong yang mengatakan bahawa rakyat Sarawak bagaikan pengemis yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Bagan sebenarnya tidak berlaku. Jadi apakah *update* keputusan tersebut?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini *Point of order* berapa ini? *Point of order* berapa? Mangkuk ayunlah!

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun sudah menulis surat kepada Yang Berhormat Batang Sadong dan saya menunggu jawapan beliau.

Ya, seterusnya supaya tidak menghabiskan masa. Yang Berhormat Menteri sedang menunggu. Jadi dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menjawab. Satu jam.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya minta penjelasan oleh kerana ini ialah penggulungan dasar, di mana Yang Berhormat Menteri pergi? Kalau dia pergi ke luar negara, okeylah, hal-hal dunia. Akan tetapi kalau dia ada di sini, dia kena datang jawab. Saya hendak sangat Yang Berhormat Menteri ini, makcik ini datang jawab di Parlimen kerana dia banyak membuat kenyataan-kenyataan keliru di sana termasuk di Perlis semasa dia pergi Perlis baru-baru ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payahlah, mesti ada sebab-sebab mengapa Menteri...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya tapi kami dahulu, kami pastikan Yang Berhormat Menteri jawab di peringkat penggulungan dasar. Di peringkat Jawatankuasa, kita bagi Timbalan Menteri. Ini dia tak serius, Tuan Yang di-Pertua. Makna kata, Yang Berhormat Menteri ini layak ditukar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

## 11.57 pg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi saya ruang untuk membuat ucapan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan dalam perbahasan. Semasa perbahasan Belanjawan 2020 yang telah diadakan selama lapan hari daripada 14 Oktober 2019 hingga 24 Oktober 2019 yang lepas, seramai 31

orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah sudi berbahas dan mengajukan beberapa pertanyaan isu, cadangan atau pandangan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya ucap terima kasih atas semua pandangan yang telah diberikan.

Izinkan saya sekarang Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab beberapa isu yang disuarakan oleh 31 orang Ahli-ahli Yang Berhormat ini semasa sesi perbahasan dan saya akan ikut isu-isu, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak akan ikut giliran mereka berbahas. Jadi, isu yang saya akan sentuh ialah sedemikian, saya akan mula dengan isu Majlis Amanah Rakyat atau MARA.

Kedua ialah pembangunan infrastruktur asas luar bandar. Saya akan bincang Sarawak dahulu, lepas itu Sabah dan lepas itu Semenanjung. Ketiga ialah Program Perumahan Rakyat Termiskin atau PPRT. Keempat ialah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung atau MPKK dan lepas itu lain-lain isu berkaitan dengan pembangunan luar bandar yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya akan mula dengan MARA dahulu. Bagi isu berkaitan MARA, seramai lima orang Ahli Parlimen yang telah berbahas iaitu Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Lawas dan Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Kangar telah bangkitkan sekali lagi berkenaan dengan status projek *Asia Sustainable Transportation Institute* ataupun ASTI dengan izin, oleh Universiti Kuala Lumpur atau UniKL di mana sebenarnya isu ini pernah ditanya oleh Yang Berhormat Kangar dan telah dijawab semasa perbahasan Titah Diraja Dewan Rakyat pada 20 Mac 2019 yang lepas.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]*

Walau bagaimanapun, saya jawab sekali lagi lah, atas rekod.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta pencelahan sikit. Kangar, Kangar.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Biar saya jawab dahulu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Okey. Saya nak jelaskan kenapa saya tanya sekali lagi itu.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tak apa, tak apa. Biar saya jawab dahulu lepas itu saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan dahulu.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Okey. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM196.93 juta telah diperuntukkan di bawah RMKe-11 untuk pelaksanaan projek ini.

## ■1200

Projek tersebut akan dilaksanakan selepas kawasan sekitar Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Perlis, seajar dengan objektif penubuhan UniKL ASTI sebagai *teaching factory*, dengan izin, yang menyokong industri pengangkutan dan logistik negara. Status terkini pelaksanaan projek ini adalah di dalam proses perolehan tanah yang melibatkan kos sebanyak RM3 juta untuk kos pelantikan juru ukur tanah, kerja-kerja pengukuran, topografi, *processing fee* Pejabat Tanah dan Galian Negeri yang

dijangka akan selesai sebelum Disember 2019. Jadi, kalau Yang Berhormat ada tanggapan projek ini dibatalkan, itu tidak betullah. Memang projek ini diteruskan. Silakan, ada apa?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tujuan saya tanyakan semula soalan ini adalah kerana dari segi perkembangan di peringkat bawah dan saya terlibat dalam Majlis Mesyuarat Tindakan Negeri yang mana ada timbul mungkin perselisihan tentang siapakah yang sepatutnya memulakan proses ini, sama ada NCIA sendiri ataupun pihak kementerian?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih. Seperti saya jawab tadi, memang projek ini dikendalikan oleh KPLB, diteruskan di peringkat seperti yang saya terangkan tadi. Yang Berhormat Kangar juga turut suarkan pandangan supaya lulusan pelajar daripada Institut Kemahiran MARA (IKM) dapat diberikan peluang untuk terlibat dalam projek-projek kerajaan.

Untuk makluman, pelajar IKM yang telah menamatkan latihan mempunyai tiga laluan kerjaya iaitu menjadi tenaga mahir dan separa mahir, melanjutkan pelajaran dan menjadi usahawan. Dalam usaha membentuk usahawan lepasan IKM ini, MARA menyediakan Program Latihan Keusahawanan, kemudahan sokongan perniagaan dan inkubator. Melalui latihan keusahawanan, pelajar tersebut akan diajar tentang selok-belok perniagaan seperti pendaftaran syarikat, pelesenan dan beberapa aspek.

Oleh itu, lepasan IKM ini yang telah menjadi usahawan boleh terlibat dalam projek kerajaan sebagai kontraktor perkhidmatan dan perbekalan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Boleh saya minta sedikit?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sila.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Konteks soalan itu saya tanyakan semasa perbahasan ialah kerana dalam senarai projek-projek kerajaan yang saya kemukakan yang mana berlaku kelewatan antara alasan utamanya ialah kekurangan pekerja yang mana saya percaya *job matching* ini mungkin boleh juga dibantu oleh institusi-institusi kerajaan yang banyak buat latihan, bukan sahaja IKM tetapi juga ILP, IKBN dan sebagainya. Jadi, tidak sepatutnya kontraktor-kontraktor kita ini bagi alasan kekurangan pekerja. Jadi, mungkin salah satunya cara untuk kita memastikan projek kerajaan berjalan mengikut jadual ialah dengan kita memastikan lulusan-lulusan kita ini ada saluran supaya mereka- bakat ataupun kemahiran mereka dapat digunakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih. Dari segi pengambilan kerja, selepas pelajar-pelajar kita di IKM ini habiskan latihan mereka, untuk makluman Yang Berhormat angka ialah sangat menggalakkan. 80 peratus lebih dapat kerja. So, bagi kita di MARA, itu bukan jadi satu isu yang besar. Akan tetapi kenapa kontraktor masih adu kurang pekerja, itu kita kena siasat. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Julau. Beliau mencadangkan supaya bantuan pendidikan MARA diperluaskan kepada golongan bumiputera, terutama bagi penduduk di negeri Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini,

MARA diperuntukkan sebanyak RM2.07 bilion yang akan memberi manfaat kepada 50,000 orang pelajar di bawah pinjaman pelajaran MARA.

Akan tetapi saya hendak terangkan di sini, peruntukan ini adalah terbuka kepada golongan bumiputera, termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak. Jadi, isu perluasan skop yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Julau tidak berbangkitlah sebab itulah keadaan sekarang. Skop itu tidak perlu diperluaskan sebab skop itu memang sekarang meliputi Bumiputera Sabah dan Sarawak juga.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, boleh?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Bera.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang pinjaman MARA. Adakah pihak kementerian ataupun MARA akan *review* semula, kaji semula dari segi jumlah pinjaman yang diberikan kepada pelajar tersebut? Ini kerana apabila tukaran wang kita dan wang kita menjadi semakin lemah, jadi jumlah yang diterima oleh mereka nilainya menjadi semakin kurang. Jadi, adakah akan *review* bayaran mengikut Pound ataupun USD di negeri-negeri yang mereka belajar, tidak lagi mengikut jumlah Ringgit seperti yang kita bayar sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bera.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Bera, Ketua Pembangkang, atas pandangan itu. Buat masa sekarang, tentang kadar pertukaran wang yang sedia ada, isu itu tidak begitu mendesak buat masa sekarang tetapi kita ambil maklumlah. Memang ya, inilah satu faktor yang perlu diambil kira sekiranya nilai mata wang kita menurun secara mendesak.

Saya teruskan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketereh yang membangkitkan isu mengenai Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Ketereh yang mana beliau bangkitkan isu ini sekali lagi. Walaupun sebenarnya ini pernah dibangkitkan dan telah dijawab semasa Sesi Pertanyaan Lisan baru-baru ini pada 8 Oktober 2019.

Jadi secara ringkas, saya kena jawab sekali lagi bahawa alasan kita tangguhkan pembinaan MRSM Ketereh ini ialah sebab Majlis MARA sudah buat penilaian semula dan kita dapati bahawa permintaan di peringkat Kelantan sekarang masih boleh dipenuhi dengan kapasiti yang sedia ada. Kita ada lima MRSM di Kelantan yang boleh menampung 3,500 orang pelajar dan satu lagi MRSM Tanah Merah telah diluluskan di bawah RMKe-11 yang akan menambahkan 750 orang lagi. Dengan 4,250 ini, cukup besar untuk menampung apa-apa permintaan dari segi Kelantan. Jadi sebab itu, pembinaan MRSM Ketereh ini ditangguhkan. Saya teruskan kepada...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri, MRSM.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ya, sila Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian pun ada MRSM, ya. Cuma jawapan Yang Berhormat Menteri itu saya kira tidak tepat kerana MRSM ini bukan hanya untuk pelajar negeri berkaitan tetapi untuk semua negeri. Kalau MRSM Ketereh diluluskan, ia boleh

dapat pelajar daripada utara Perak, di Gerik ataupun di kawasan seumpama itu, di Terengganu ataupun kawasan-kawasan yang tidak berapa jauh daripada Kelantan. Itu sebagai contoh, ada seorang Ahli Yang Berhormat di sini belajar di MRSM Pengkalan Chepa tidak silap saya dan beliau adalah Penggerusi ANSARA, anak Sains MARA, Yang Amat Berhormat Jerlun yang juga Menteri Besar Kedah. Dengan lain perkataan, MRSM bukan hanya untuk negeri berkaitan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya faham ya. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Ya, saya setuju. Maksud saya, bukan sahaja pelajar berasal daripada Kelantan sahaja. Saya bagi angka untuk menunjukkan *point* saya. Tahun 2018, yang daftar di Tingkatan 1 dan Tingkatan 4. Ini termasuk pelajar yang berasal daripada Kelantan yang datang daripada luar Kelantan tetapi di MRSM Kelantan. Jumlahnya 1,124 orang. Tahun 2019, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4, pendaftaran baru hanya sampai ke 1,164 orang. Maksud saya tadi ialah kita masih ada kapasiti yang jauh lebih besar. Oleh sebab itulah, keputusan dibuat untuk menangguhkan pembinaan MRSM Ketereh. Saya teruskan...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya minta jawapan sebenar kerana Yang Berhormat Ketereh pembangkang dan Yang Berhormat Tanah Merah sudah melompat ke sebelah sana. Sepatut jawab begitu sahaja, senang faham, tidak berdolak dalik.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yang Berhormat Pontian, tidak perlu membuat sangkaan jahat macam itu. Saya buat dengan fakta dahulu.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Menteri, pendaftaran ini diuruskan di peringkat mana?

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak- oleh kerana Tanah Merah di kawasan saya- Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sebenarnya, kelulusan MRSM Tanah Merah dibuat lebih awal daripada kelulusan dulu untuk Ketereh. Jadi, kita ikut itu. Tanah Merah dihabiskan dahulu dan selepas itu sekiranya ada keperluan, pembinaan MRSM tambahan akan dibina.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, Yang Berhormat Menteri, saya ambil sekejap sahaja Yang Berhormat Menteri, pasal hal Tanah Merah ini.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya hendak teruskan sebab saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tanah Merah.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Sekejap ya. Saya hendak maklumkan juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tanah Merah, bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri habiskan dahulu.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Ya, ya, Yang Berhormat Menteri, sekejap sahaja. Saya hendak bantu Yang Berhormat Menteri.

**■1210**

MRSM Tanah Merah ini sepatutnya dibuat pada Rancangan Malaysia Kesembilan. Tanah sudah beli tapi masih tidak buat lagi. Jadi, sebab itu saya harap sangatlah— bukan isu yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Pontian ini. Memang tidak tepat. Mungkin dia tidak tahu sangat. Tetapi bagi saya, saya harap sangatlah kali ini benar-benar buat. Sebab apa, hanya di Tanah Merah ini semua kosong. Tak ada langsung IPTA, IPTS. Semua tidak ada. Sebab kita ini terkepit antara Machang yang hebat dengan Jeli yang hebat. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Itulah maksud saya bila saya sebut tadi bahawa kelulusan MRSM Tanah Merah adalah lebih awal daripada yang kelulusan untuk Ketereh dan adalah adil kita habiskan MRSM Tanah Merah dulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat juga memohon supaya pembinaan MRSM Sekijang dapat dipertimbangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA tiada perancangan untuk membina MRSM baru di kawasan Sekijang, Johor buat masa ini. Sebabnya, kita ada lima buah MRSM di negeri Johor iaitu di Muar, Mersing, Batu Pahat, Pontian—Pontian ada ya— dan juga Johor Bahru yang boleh menampung seramai 4,100 orang pelajar. Buat masa sekarang, ini dianggap cukup untuk permintaan di negeri Johor.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Menteri, Labuan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yang Berhormat Labuan, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya di Labuan pun ada sudah diumumkan dan diluluskan untuk sebuah MRSM dan tanah seluas 50 ekar pun sudah dipersetujui oleh Kementerian Pertahanan untuk memberikan tanah untuk kegunaan kampus MRSM tersebut. Apa statusnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yang Berhormat Labuan, saya minta maaf. Saya tidak tahu sama ada itu dibangkit secara spesifik dalam ucapan tapi itu saya akan jawab secara bertulis berkenaan status MRSM di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada—ini masih berkaitan dengan MRSM iaitu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lawas. Yang Berhormat Lawas pula memohon pembinaan sebuah MRSM di Lawas. Saya sukacita beritahu projek ini telah diluluskan di bawah RMKe-11 tahun 2019 dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM140 juta.

Statusnya adalah begini. Jabatan Tanah dan Survei (JTS) Sarawak telah mengenal pasti tapak tanah MRSM Lawas. MARA telah membuat bayaran premium pemilikan tanah seluas 35 ekar kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 30 September 2019. Proses pemilikan tanah MRSM Lawas dijangka selesai pada penghujung Disember 2019.

Yang Berhormat Labuan, saya baru dapat maklumat serba sedikit tentang cadangan MRSM Labuan. Saya diberitahu tiada kelulusan untuk MRSM Labuan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Kasihan Yang Berhormat Labuan. Sudah lompat, tidak dapat.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tidak apa. Sebab tadi Yang Berhormat Labuan sebut ada kelulusan, saya *just betulkan* itu sahaja...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Patah baliklah, Yang Berhormat Labuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jempol.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** ...Bahawa tiada kelulusan seperti yang disebutkan tadi. Itu saja *for the record*. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Labuan ingin MRSM dibina, *I mean* boleh cadangkan dan itu akan dibincangkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan berkaitan dengan isu MRSM dan MARA yang saya sebut tadi. Saya alih sekarang kepada perkara yang kedua.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Just a very short one.*

**Tuan Sivarasa Rasiah:** On MRSM?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *This is not* MRSM.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Isu apa? MARA?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** MARA. Sikit saja.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** MARA boleh.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *I didn't bring up in this dasar to intend to be in* Jawatankuasa. Akan tetapi, GIATMARA di Limbang telah pun diluluskan juga. Tanah pun sudah disediakan oleh *Land Survey* tetapi itulah, masa itu diminta MARA untuk bayar premium. Apakah premium itu sudah dibuat? *You can answer me later. No problem. Not now.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sila.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tanah Merah fasal MARA sekejap.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang atas pertanyaan tadi. Oleh sebab ini perkara baharu, saya akan jawab secara bertulis.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, MARA sikit. Ringkas sahaja. Cuma saya hendak tahu lah. Sebab MARA ini merupakan institusi yang penting khususnya untuk bumiputra dan Melayu. Saya hendak tahu, *general* sahaja, adakah peruntukan yang tahun ini berbanding dengan tahun depan meningkat ataupun sebaliknya? Saya hendak tahu itu saja. *One statement.*

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat minta laluan sikit.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Itu saya kena siasat dan saya akan bagi jawapan.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, Tumpat minta laluan sikit berkenaan dengan MARA juga ini.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yang Berhormat Tumpat, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Difahamkan bahawa MARA telah membuat pengambilan balik tanah di Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan seluas 80 ekar. Jadi, apakah perancangan MARA terhadap tanah yang telah dibuat pengambilan itu?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Tuan Yang di-Pertua, ini tidak dibangkit lebih awal di dalam dasar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya akan jawab secara bertulis mengenai maklumat yang diminta tadi.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Baik, saya teruskan kepada isu pembangunan infrastruktur luar bandar dan saya akan mula dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sabah. Seramai empat orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Kota Marudu, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Papar telah bangkitkan isu ini. Ini untuk maklumat secara umum.

Sepanjang RMKe-11, sebanyak RM8.09 bilion kos projek telah diluluskan bagi melaksanakan 161 buah projek bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan jalan luar bandar khususnya di negeri Sabah. Manakala bagi tahun 2020, negeri Sabah diperuntukkan sebanyak RM959.5 juta daripada peruntukan pembangunan KPLB bagi melaksanakan projek jalan luar bandar sebanyak RM291 juta, bekalan air luar bandar sebanyak RM350 juta dan bekalan elektrik luar bandar sebanyak RM216 juta.

Secara spesifik, sekarang saya rujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Marudu yang menyatakan dalam perbahasan beliau bahawa sepanjang dua tahun ini, tidak ada projek pembangunan luar bandar di Parlimen Kota Marudu. Saya terpaksa memperbetulkanh pandangan itu kerana agak tidak tepat.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Marudu dan Dewan ini, sepanjang RMKe-11, sebanyak RM593.1 juta telah diperuntukkan kepada Parlimen Kota Marudu bagi melaksanakan lapan buah projek—ini untuk tempoh lima tahun itu—yang melibatkan satu projek bekalan air luar bandar, satu projek bekalan elektrik dan enam projek jalan luar bandar. Status projek ini ialah satu telah siap, lima dalam pembinaan dan dua adalah dalam proses lantikan perunding.

Selain daripada projek-projek infra atau prasarana ini, Kota Marudu juga telah dapat projek ladang getah di bawah projek Agropolitan Gana fasa 1 dan fasa 2 yang melibatkan 1,491 hektar dan 450 keluarga dengan tanaman getah. Jadi, ini untuk makluman Yang Berhormat Kota Marudu ini.

Saya teruskan kepada Yang Berhormat Kalabakan. Yang Berhormat Kalabakan pula tanya tentang masalah bekalan air dan elektrik luar bandar khususnya di kawasan Parlimen beliau. Untuk makluman, projek pembinaan dan takungan air Gudang 4 ialah dalam kawasan Kalabakan adalah merupakan projek empangan Tawau yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah, bukan oleh KPLB atau Kerajaan Pusat. Jadi untuk menjawab pertanyaan itu, saya cadangkan maklumat itu didapati terus daripada Kerajaan Negeri Sabah. Ia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Berkaitan dengan masalah air di kawasan Kampung Brantian dan Sungai Udin, ini boleh dicadangkan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan negeri. Buat masa ini, projek itu belum ada.

Berkaitan dengan isu Yang Berhormat bangkitkan berkaitan bekalan elektrik *Southern Link*, ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Ia bukan di bawah KPLB. Saya harap dibangkitkan di sanalah dan dijawab oleh Menteri yang berkenaan.

#### ■1220

Tuan Yang di-Pertua, saya alih kepada apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Papar, yang kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini memohon supaya projek pembangunan infrastruktur luar bandar di Sabah mendapat perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan. Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat, agihan belanjawan yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi pelaksanaan projek jalan luar bandar, bekalan air luar bandar dan bekalan elektrik luar bandar di Sabah memang adalah bergantung kepada senarai keutamaan negeri yang dipohon oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah serta tertakluk kepada status kewangan semasa negara. KPLB sentiasa melibatkan agensi kerajaan negeri seperti UPEN, Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dalam semua perbincangan, penyelaras dan semak silang sebelum pelaksanaan sesuatu projek dan permohonan belanjawan.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat, boleh bertanyakah? Beaufort.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sila Yang Berhormat Beaufort.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Saya hendak bertanya, banyak dilaksanakan program-program bekalan air luar bandar ini daripada sejak dahulu lagi. Akan tetapi, adakah kementerian Yang Berhormat pergi memantau sejauh mana berkesannya projek-projek yang telah dilaksanakan itu sama ada dia benar-benar mencapai sasaran kepada mereka yang memerlukan ataupun projek itu terlaksana tetapi tidak mencapai sasaran? Ertinya, rakyat tidak dapat air.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Beaufort, yang saya terangkan tadi adalah proses di mana keputusan sama ada projek A atau projek B dibinalah, dilaksanakan. Cadangan akan dibangkit daripada negeri Sabah, perbincangan dengan beberapa agensi, selepas diputuskan, dana diperuntukkan dan sebagainya. Projek itu akan dilaksanakan oleh pihak KPLB pusat. Selepas dilaksanakan, baik sama ada air ataupun elektrik, itu akan diserahkan kepada agensi di peringkat negeri Sabah. Selepas itu, bukan lagi tanggungjawab KPLB pusat. Dia jadi tanggungjawab negeri Sabah ya. Jadi katakan dua tahun lepas itu projek itu tidak diselenggarakan dengan baik, itu bukan lagi tanggungjawab KPLB ya. Kita bina, habiskan dan serah kepada negeri Sabah. Itulah cara yang dilaksanakan sekarang.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf ya. Oleh kerana projek ini, projek-projek itu semua adalah untuk rakyat kita, sebenarnya dapat menyelesaikan masalah rakyat kita di luar bandar sepatutnya. Akan tetapi kalaularia dia kita biarkan sahaja begitu, ertiinya tidak menyelesaikan masalah rakyat di luar bandar, seolah-olah sia-sialah kerja yang kita laksanakan. Itu sahaja. Saya minta supaya dipantau supaya ia lebih berkesan dan tercapai hasrat kita untuk membantu rakyat kita itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort atas pandangan itu. Saya setuju ya. Saya setuju, kita mesti tunaikan hasrat rakyat. Itu memang sangat penting. Saya ambil maklum ya, pemantauan ini penting. Akan tetapi, yang saya terangkan tadi adalah prosedur yang sedia ada sekarang.

Saya teruskan daripada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenom yang membangkitkan mengenai isu jambatan gantung yang perlu dibina dan dibaiki. Bagi tujuan ini, KPLB di bawah *Social Amenity Programme (PAMS)* memberi tumpuan kepada projek-projek kemudahan yang dikenal pasti menjadi keperluan penting untuk dibangunkan di sesebuah kampung mengikut skop dalam garis panduan yang ditetapkan. Berkenaan jambatan-jambatan kecil ini, dalam tempoh tahun 2016 sehingga tahun 2019, KPLB telah melaksanakan sebanyak 129 projek membina baharu, menaik taraf dan membaik pulih jambatan dan titi di negeri Sabah dengan kos sebanyak RM18.75 juta. Untuk tahun 2019 dan 2020, peruntukan tambahan juga RM10 juta telah diperuntukkan untuk Sabah khususnya untuk projek jambatan.

Saya alih sekarang kepada isu pembangunan infrastruktur bagi negeri Sarawak di mana 10 orang Ahli Parlimen iaitu Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Igan, Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Saratok, Yang Berhormat Puncak Borneo dan Yang Berhormat Mas Gading membangkitkan isu-isu. Ini untuk maklumat secara umum, dalam pelaksanaan RMKe-11 daripada tahun 2016 hingga tahun 2020, negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak RM1.69 bilion untuk bekalan elektrik luar bandar, RM1.8 bilion bagi bekalan air luar bandar dan RM3.176 bilion bagi projek jalan luar bandar. Untuk tahun 2019 sahaja, ada 10 projek BLB yang sekarang dilaksanakan di Sarawak dengan nilai RM442 juta. Untuk jalan luar bandar,

15 projek diluluskan untuk tahun 2019, kos keseluruhan RM633 juta. Untuk projek elektrik luar bandar, peruntukan untuk tahun 2019 ialah RM241 juta.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Hulu Rajang.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yang Berhormat Hulu Rajang, silakan.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, projek-projek yang telah diluluskan semasa tahun 2018, sudah itu peralihan kerajaan, ditarik atau ditangguhkan seperti tiga buah projek di kawasan saya iaitu jalan Rumah Juntan ke Nanga Melekun, Sungai Sut sepanjang 14 kilometer. Kedua, projek naik taraf jalan balak penempatan semula Tegulang Fasa 6 di daerah Belaga untuk penempatan suku kaum Penan kita. Ketiga iaitu projek naik taraf jalan balak penempatan semula Metalun Fasa 5 di Belaga juga, sepanjang 17.5 kilometer. Jadi saya hendak tahu, adakah projek itu dikembalikan atau tidak? Kalau tidak, di manakah peruntukan diberi kepada infrastruktur-infrastruktur di kementerian? Saya hendak tahu. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya ada spesifik kepada tiga projek jalan luar bandar yang dibangkitkan tadi, saya akan siasat dan bagi jawapan secara bertulis supaya maklumat yang kita bagi itu tepat ya. Apakah status dia dengan peruntukan, apa status peruntukan itu.

Saya alih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Sadong, yang membangkitkan mengenai pembangunan di Simunjan, di kawasan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM1 juta telah diluluskan untuk projek jalan Nangga Jagau ke Simunjan dan RM2 juta untuk projek jalan Kampung Lubuk Samsu, Kampung Setamin, Kampung Sabang, Kampung Semanggal, Kampung Tanjong Tanglong, Kampung Sungai Bar, Simunjan di bahagian Samarahan Sarawak.

Saya alih Tuan Yang di-Pertua dengan izin, ke isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Limbang yang bertanya tentang status Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) bagi dua tempat, Rumah Panjang Lawai dan Rumah Panjang Jampong. Soalan dia secara spesifik ialah kenapa projek Rumah Panjang Lawai ini diambil alih oleh kerajaan negeri dan Rumah Panjang Jampong diteruskan oleh KPLB pusat. Untuk makluman Yang Berhormat, dua projek ini adalah sebahagian dalam projek yang lebih besar yang merupakan 30 sub projek. Dua ini adalah dua sub projek daripada itu dan ini melibatkan bekalan elektrik luar bandar sambungan talian grid Zon 1 di Limbang untuk tempoh 2015 hingga 2016, diluluskan pada tempoh itu. Apa yang berlaku, sebab memang ada kelewatan dalam pelaksanaan projek ini, kos keseluruhan projek ini yang termasuk 30 projek ini ialah RM81 juta lebih dan ada dua kali lanjutan masa. Walaupun secara keseluruhan status kemajuan fizikal ialah 80 peratus berbanding dengan jadual 100 peratus, sekarang selepas perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sarawak...

■1230

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Biar saya habis dulu, saya habis dulu *then* ya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kudat, bagi Yang Berhormat Menteri habiskan dulu.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Kita sudah ada perbincangan dengan kerajaan negeri Sarawak dan ada persetujuan bahawa di dalam kumpulan 30 sub projek ini ada beberapa yang kurang daripada 80 peratus kemajuan itu akan diserahkan kepada kerajaan negeri Sarawak untuk habiskan. Jadi 10 diserahkan balik, antaranya ialah rumah panjang Gawai sebab rumah panjang Jampong ini ada lebih daripada 80 peratus, itu akan dihabiskan oleh KPLB untuk 20 projek ya.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** So, itulah statusnya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *Actually* Menteri, Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Silakan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *Saya more interested on the Jampong one.* Yang kurang 80 we know as state is taking over. Yang Jampong hari itu saya raised Yang Berhormat Menteri bukan apa, *it has been there* dua tahun dah. *Everything is ready just to energize it only.* Jadi rakyat ini hari-hari tengok, pegang tiang elektrik, bila hendak petik suis itu. Jadi, *i know its a contractor problem.* Jadi mungkin hal *contractor problem* ini satu hal, kita selesaikan secara *contractual matters*-lah. Akan tetapi *physically, can the government do something, so that* tidak payah tunggu dua tahun dah tengok lampu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang beritahu bahawa hanya yang perlu dilakukan sekarang adalah hanya untuk *energizing* sahaja. Saya akan rujuk ini kepada pihak di kementerian dan kita akan mempercepatkan proses itu.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tadi Yang Berhormat Kudat minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya Yang Berhormat Kudat, sila.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sila. Silakan.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Yang Berhormat kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyampaikan. Satu perkara yang penting yang saya ingin sampaikan di sini yang berkait dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Limbang tadi ialah bekalan elektrik. Mungkin, Yang Berhormat sendiri maklum tentang perkara ini bahawa satu perkhidmatan elektrik luar bandar yang telah pun sebenarnya telah pun siap dari segi pembinaan talian tetapi sehingga hari ini ia tidak dapat di-commission-kan. Ianya sudah pun bertahun-tahun lamanya, mungkin Yang Berhormat pun ingat tentang kes ini iaitu pencawang ke Pansuran, Malubang dan beberapa lagi kampung-kampung yang lain yang telah pun siap bertahun-tahun lamanya, *at least two, three or four years.* Akan tetapi, sehingga hari ini dia tidak dapat di-commission-kan dan beberapa kali saya telah membuat pertanyaan di Dewan yang

mulia ini tetapi tidak adapun – janji-janji memang ada, tetapi tidak adapun usaha-usaha untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi, saya amat bimbang...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Tanah Merah.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:**...dan saya harap juga apa pun projek-projek...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Tanah Merah cari projek ke?

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:**...yang dilaksanakan di masa akan datang, haruslah synchronize dengan – misalnya, apabila kita hendak membuat penyaluran tentang bekalan elektrik ini, ianya harus juga dirujuk kepada SESB ataupun pihak yang menjana kuasa itu. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Kudat atas peringatan itu oleh sebab projek itu tidak secara spesifik dibangkitkan dalam ucapan dasar. Akan tetapi saya ambil maklum, ini perkara yang penting. Boleh saya atur satu pertemuan di antara Yang Berhormat Kudat dengan pegawai yang bertanggungjawab di dalam kementerian supaya kita boleh selesaikan ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan sedikit Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat sedikit sahaja.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya hendak teruskan sebab ada banyak lagi. Ada banyak lagi yang dibangkitkan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya lihat Sarawak ini sensitif sebab apa saya pencinta orang Sarawak. Jadi...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tidak apa. Tidak apa. Yang Berhormat Arau, tidak apa. Saya habiskan apa yang saya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau, dia tidak beri kebenaran.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dah kalau tidak, tidak mahu jawab ini, buat Dewan ini untuk orang ini sahaja. Kami hendak keluar.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tidak apa. Tidak apa. Yang Berhormat Arau tidak disenaraikan. Saya bagi keutamaan kepada...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Macam mana macam itu. Ini Dewan untuk semua. Kalau itu, kami semua kena keluar, kamu yang hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bukan begitu Yang Berhormat Arau. Bukan begitu.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak boleh. Macam Yang Berhormat Tanah Merah itu sedang minta projek sekarang ini. Jadi, kita tidak ganggu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, itu Yang Berhormat Tanah Merah itu arahkan dia balik duduk tempat dia.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi, sekarang ini...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Tanah Merah, duduk tempat sendiri. Cari projek tidak habis-habis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, apakah saya tidak boleh mencelah?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Keutamaan kepada yang dah bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dia akan bagi tetapi mungkin bukan sekarang sebab telah terlalu banyak pertanyaan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oleh sebab saya duduk sini sudah lama, itu sebab saya boleh tanya soalan ini. Jadi, tidak boleh lah kata Yang Berhormat tidak ada dalam senarai.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan, saya tumpu pada Sarawak dan saya bagi keutamaan kepada... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Timbalan Menteri tidak beri laluan. Bagi dia teruskan, akan ada masa diberikan nanti.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yang Berhormat Sibu juga ingin mendapatkan kepastian tentang penyaluran peruntukan pembangunan bagi bekalan air dan elektrik luar bandar yang telah diluluskan oleh kerajaan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak boleh keluar *statement* kata tidak senarai dengan itu tidak boleh bercakap. Tidak boleh macam itu. Okey lah. Tidak ada masalah. Akan tetapi tidak boleh cakap kata kalau tidak kami hendak balik sekarang. Buat apa duduk dalam Dewan ini sebab tidak ada senarai. Hendak dengar suara burung kakak tua.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya minta dia diberhentikan. Ganggu *proceeding* Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, kenapa saya tidak boleh tanya soalan. Saya berhak. Saya Ahli Parlimen. Kamu dapat gaji bukan untuk buat orang yang tanya soalan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya tidak bagi laluan. Sila hormati Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak bagi laluan okey lah. *No problem*. Akan tetapi jangan cakap tak senaraikan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sila hormati prosedur Dewan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak bagi laluan *alright*, jangan sebut tidak senarai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Arau. Sila teruskan Timbalan Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Okey. Yang Berhormat Sibu telah bertanya tentang prosedur penyaluran peruntukan pembangunan untuk bekalan air dan elektrik luar bandar yang telah

diluluskan oleh kerajaan. Secara ringkas saya jawab peruntukan yang diluluskan untuk penyambungan bekalan elektrik dan bekalan air akan disalurkan kepada KPLB dan bukannya kepada agensi Kerajaan Negeri Sarawak supaya kita jelas dalam prosedur itu. Seperti saya sebut tadi, selepas projek-projek ini disiapkan, projek ini akan diserahkan kepada sebagai contoh di Sarawak, kepada Sarawak Energy Berhad ataupun kepada Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) di Sarawak untuk tujuan operasi dan selenggaraan.

Saya teruskan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kanowit yang ingin mendapat penjelasan mengenai wang yang tidak digunakan disebabkan oleh pertukaran projek atau disebabkan projek sakit. Jika berlaku pertukaran projek atau skop projek, penilaian dari segi teknikal dan kewangan akan dibuat semula oleh pihak KPLB dan agensi pusat seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Kewangan. Jika berlaku penjimatan kos projek dan peruntukan berikutnya perubahan tersebut, kebiasaananya KPLB akan mengemukakan kepada agensi pusat dengan cadangan pelaksanaan projek baharu yang akan memberi manfaat kepada penduduk luar bandar untuk dilaksanakan.

Manakala untuk projek sakit pula, peruntukan sedia ada akan terus diguna pakai untuk melaksanakan projek tersebut dan tiada pengurangan peruntukan yang akan berlaku. Jika berlaku penamatkan kontraktor berikutnya projek sakit pula, baki kerja akan diteruskan oleh kontraktor penyelamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang alih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Baram yang memohon supaya projek jalan luar bandar di kawasan Baram dapat dibina segera. Untuk maklumat Yang Berhormat Baram, kita ada satu projek, projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak di negeri Sarawak fasa empat bahagian Miri yang telah diluluskan yang melibatkan kawasan beliau di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 *rolling plan* pertama dengan kos lebih kurang RM70 juta. Skop kerja bagi projek ini adalah menaik taraf bekas jalan balak sepanjang 197 kilometer. Ini di kawasan beliau.

Pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lubok Antu sekarang. Dia tanya tentang projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) ini dan untuk makluman Yang Berhormat Lubok Antu secara prinsipnya penyediaan bekalan air ini adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa air negeri. Tanggungjawab ini termasuklah penyediaan sumber air, pembinaan loji rawatan air, pembinaan paip utama serta penyelenggaraan dan pengoperasian.

Peranan KPLB dan ini saya hendak tegaskan adalah untuk membuat sambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah penduduk di luar bandar. Itulah bidang kuasa kita. Walau bagaimanapun KPLB juga ada melaksanakan projek naik taraf atau membina baharu loji rawatan air secara dengan izin *case by case* basis di kawasan luar bandar bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik. Untuk makluman Yang Berhormat Lubok Antu, KPLB sekarang melaksanakan dua projek BALB di kawasan beliau di bawah RMK-11. Kalau maklumat ini diperlukan saya akan bagi secara bertulis.

Saya teruskan kepada Yang Berhormat Saratok, yang memohon untuk naik taraf Jalan Ulu Awek sepanjang 12 kilometer, Jalan Mudung sepanjang 5 kilometer dan Jalan Kampung Perapat.

■1240

Saya hendak maklumkan semua projek ini tidak tersenarai dalam senarai keutamaan negeri yang diterima oleh KPLB. Saya mencadangkan Yang Berhormat Saratok buat permintaan *direct* kepada terus kepada KPLB pusat untuk pertimbangan.

Yang Berhormat Puncak Borneo, ada membangkitkan mengenai bekalan elektrik di Kampung Sepit dan cadangan menaik taraf jalan daripada Teng Bukap ke Annah Rais, projek ini juga saya ingin memaklumkan tidak ada dalam senarai yang diterima buat masa sekarang dan saya minta Yang Berhormat Puncak Borneo kemukakanlah kepada KPLB kepada kementerian terus di Putrajaya untuk pertimbangan dan perbincangan dengan peringkat negeri juga.

Kedua-dua Yang Berhormat Saratok dan Yang Berhormat Puncak Borneo saya cadangkan buat cadangan kepada negeri dan juga terus kepada pusat supaya prosedur itu pertimbangan itu boleh dimulakan. Baik, dan saya alih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mas Gading dia tanya mengenai projek Jambatan Selampit di Bau, Sarawak yang telah diluluskan di bawah *rolling plan* kedua RMKe-11 dengan kos keseluruhan baharu RM30 juta itu. Status terkini bagi projek ini adalah dalam proses pelantikan perunding kejuruteraan awam dan struktur, juru ukur tanah dan perunding dengan izin *Environmental Impact Assessment* (EIA) projek ini dijangka tender selewat-lewatnya pada bulan Mei tahun 2020.

Yang Berhormat Mas Gading juga ada menanya mengenai pelaksanaan projek paip air graviti. Untuk makluman Yang Berhormat, projek paip air graviti ini dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB) dengan penyaluran peruntukan setiap tahun daripada KPLB. Bukan dilaksanakan terus oleh KPLB, kita bagi peruntukan kepada Sarawak dan di Sarawak dilaksanakan di sana. Jadi, apa-apa permintaan perlu disampaikan di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya alih sekarang saya sudah habis dengan Sabah dan Sarawak saya pergi sekarang kepada pembangunan infrastruktur luar bandar bagi Semenanjung dan isu ini dibangkit oleh Yang Berhormat Kangar yang tanya berkaitan kelewatan perbelanjaan di bawah projek KPLB di negeri Perlis secara keseluruhan dan...

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Yang Berhormat Menteri, Libaran dekat belakang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Dekat belakang sana. Sila Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Saya sebenarnya bekalan air di luar bandar ini memang perlu untuk penduduk-penduduk di luar bandar. Di mana beberapa kali saya bawa dalam Dewan ini permohonan untuk bekalan air luar bandar daripada Tanah Besar ke Pulau Nunuyan. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah status permohonan ini dalam bajet pada tahun 2020 ini? Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tuan Yang di-Pertua saya dalam perbahasan dasar saya tidak ada dapat pertanyaan tadi tetapi saya cadang kepada Yang Berhormat Libaran tulis surat kepada kita di peringkat kementerian dan kita akan jawab tentang apa projek yang dimaksudkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Baik. Saya balik kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kangar. Untuk makluman Yang Berhormat Kangar, bagi tahun 2019 sebanyak RM19.84 juta telah diperuntukkan kepada negeri Perlis untuk melaksanakan sebanyak 12 program dan projek pembangunan luar bandar. Sehingga 20 Oktober 2019, prestasi perbelanjaan yang direkodkan untuk negeri Perlis adalah sebanyak RM6.5 juta iaitu lebih kurang 33 peratus. Saya difahamkan Yang Berhormat Kangar melahirkan kekhawatiran dana ini tidak akan dibelanja penuh dan hendak dihabiskan secara penuh. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat bahawa pihak kementerian yakin apa-apa peruntukan yang diberi kepada Perlis kita akan melebihi tahap 95 peratus menjelang 31 Disember. Jangan risau projek itu duit itu akan dibelanjakan seperti mana yang dihasratkan. Saya alih kepada Yang Berhormat...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Cuma Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh saya hendak minta sedikit.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sila.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sebab sebelum ini saya ada bertanya soalan bertulis kepada KPLB dan kalau merujuk kepada prestasi perbelanjaan pada tahun lalu menunjukkan peruntukan kepada Perlis lebih daripada RM15 juta hampir RM16 juta tetapi yang dibelanjakan hanyalah lebih kurang separuh sahaja sebab itu saya bangkitkan kerana kalau ini terus berulang dari tahun ke tahun. Jadi, apa hasrat kita untuk mencapai kemakmuran bersama itu terutama bagi negeri-negeri yang miskin ini tidak tercapailah. Itu maksud saya.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar atas peringatan penting itu saya ambil maklum khususnya tentang belanja tahun lepas di mana hanya 50 peratus di belanja dan saya akan sampaikan ini kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan kita akan pantau keadaan ini.

Saya alih kepada isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kuala Krai yang memohon supaya pembinaan Jambatan Kampung Belanga, Jambatan Kuala Pertang dan Jambatan Pasir Pering dibina segera. Ingin saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa ketiga-tiga projek ini tidak ada dalam senarai keutamaan daripada negeri jadi saya cadangkan Yang Berhormat buat cadanganlah kepada pihak-pihak yang relevan untuk bermula proses-proses itu.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sekejap, saya habiskan selepas itu saya akan beri ruang. Walau bagaimanapun, untuk jalan luar bandar di bawah RMKe-11 ada tiga projek yang telah diluluskan untuk Parlimen Kuala Krai yang melibatkan kos peruntukan sebanyak RM83.9 juta dan saya just sebut secara ringkas butiran kita akan bagi secara bertulis ini adalah di Kampung Pemberian

Kuala Krai dan juga ada dua di Kampung Pemberian dan ada satu lagi di Kampung Pasir Era ke Kampung Pasir Kelang Kuala Krai. Itu untuk makluman Yang Berhormat. Silakan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat terima kasih. Saya kemukakan isu berkaitan jambatan tadi. Kalau Yang Berhormat boleh bersetuju saya boleh kemukakan cadangan ataupun surat kepada Yang Berhormat dan mungkin dari sudut teknikal atau pun untuk melihat keperluannya Yang Berhormat boleh minta pihak sama ada KESEDAR ataupun lain-lain agensi untuk meninjau dengan lebih dekat untuk melihat keperluan sebenar. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ya itulah cadangan saya kepada Yang Berhormat Kuala Krai kita mulakan proses Yang Berhormat perlu kemukakan kepada KESEDAR, kerajaan negeri boleh hantar terus kepada kementerian juga dan proses itu akan bermula. Akan tetapi, jangan anggap ini sebagai persetujuan projek itu belum lagi, okey terima kasih. Sekarang saya alih kepada Yang Berhormat yang terakhir yang berkaitan dengan tajuk pembangunan luar bandar di Semenanjung iaitu datang daripada Yang Berhormat Hulu Terengganu yang bertanya tentang projek lampu jalan kampung.

Yang Berhormat minta satu kajian dibuat untuk mengkaji keberkesanan lampu solar untuk lampu jalan kampung. Sukacita saya ingin memaklumkan KPLB memang sedang menjalankan kajian itu berhubung penggunaan lampu LED solar dalam program lampu jalan kampung dan kajian ini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) atas permintaan KPLB dan saya difahamkan kajian itu akan siap dalam tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis dengan tajuk infrastruktur saya alih sekarang kepada isu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa tinggal lapan minit lagi, lapan minit sahaja lagi.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Betul.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setiu ada sedikit.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ya Yang Berhormat Setiu silakan.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Saya sebut dalam sidang Julai yang lalu, sidang yang lepas berkaitan dengan Jalan Hulu Seladang ke Bandar Permaisuri bagi mengatasi masalah banjir untuk ditinggikan ketinggian jalan dan dalam sidang itu pun saya sebut sekali lagi. Cuma jawapan Yang Berhormat Menteri Luar Bandar dalam sesi lepas mengatakan bahawa Kementerian Luar Bandar sudah setuju cuma terserah kepada budi bicara Kementerian Ekonomi. Jadi, saya hendak minta status perkembangan dalam inilah.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu tidak dibangkit secara spesifik dalam ucapan peringkat dasar kita akan siasat dan kita akan jawab secara bertulis.

■1250

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Disebut dalam ucapan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ada? Minta maaf tetapi tidak disediakan jawapan untuk saya, tetapi tidak mengapa saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Jawapan bertulis.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Kita akan jawab secara bertulis. Seperti saya sebut tadi, saya ingin beralih ke tajuk Majlis Pengurusan Komuniti Kampung yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Betong, Yang Berhormat Lawas, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Lubok Antu, Yang Berhormat Saratok dan Yang Berhormat Mas Gading.

Rata-rata soalan berkaitan dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Persekutuan (MPKKP) ini telah menzahirkan kebimbangan terhadap kesan penubuhan MPKKP yang dirasakan akan menyebabkan perpecahan dan merosakkan perpaduan dalam komuniti khususnya di negeri Sarawak, ini dizahirkan oleh beberapa Yang Berhormat daripada Sarawak. Ingin saya memperjelaskan di sini, bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa peka dengan kehendak dan keperluan rakyat di peringkat akar umbi dan sentiasa berusaha untuk menambah baik sistem pentadbiran di peringkat kampung khususnya demi kesejahteraan penduduk di kawasan itu sendiri.

Menjawab persoalan berkaitan dengan pelaksanaan MPKKP di negeri Sarawak, situasi yang berlaku kini di Sarawak hanya seorang ketua kaum atau juga dikenali sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang mengurus tadbir setiap kampung atau rumah panjang. Sehingga kini, kerajaan negeri Sarawak masih mengekalkan JKKK sedia ada dan tidak mahu menerima dan menggunakan pakai MPKK seperti negeri-negeri lain. Tambahan lagi dan ini adalah perkara yang penting, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengeluarkan arahan bertulis pada 23 Oktober 2018 yang melarang ketua kaum dan JKKK negeri Sarawak daripada menghadiri sebarang majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Ini telah menyebabkan pelaksanaan dasar dan projek Kerajaan Persekutuan tidak dapat disampaikan dengan lebih berkesan di peringkat akar umbi. Oleh itu, masanya adalah sesuai sekarang bagi Kerajaan Persekutuan untuk menujuhkan MPKKP khususnya di negeri Sarawak sebagai penghubung Kerajaan Persekutuan dengan masyarakat luar bandar dalam menyalurkan sebarang maklumat dan memberi penjelasan berkaitan dasar-dasar dan program-program Kerajaan Persekutuan di peringkat akar umbi.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh celah sedikit MPKK.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Biar saya habis dahulu kemudian saya bagi ruang kepada Yang Berhormat Sibuti. Penduduk di luar bandar juga akan mendapat menyalurkan maklumat keperluan mereka dengan lebih efektif dengan adanya komunikasi dua hala ini. MPKKP tidak

hanya ditubuhkan di Sarawak tetapi juga di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perlis iaitu di negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Oktober 2019. Saya hendak tegaskan, ini bukan keputusan kementerian, ini ialah keputusan Jemaah Menteri, Kerajaan Pakatan Harapan. Peranan utama MPKKP ini adalah:

- (i) membantu Kerajaan Persekutuan dalam penyediaan perancangan dan pelaksanaan pembangunan di peringkat kampung;
- (ii) menyalurkan maklumat keperluan pembangunan masyarakat kampung kepada Kerajaan Persekutuan;
- (iii) menyampaikan maklumat program Kerajaan Persekutuan dan menggalakkan penglibatan masyarakat;
- (iv) menyebar luas maklumat dan memberi penjelasan berkaitan dengan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan di peringkat akar umbi.

Dengan erti kata lain, kesemua fungsi saya yang sebutkan tadi adalah yang melibatkan Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian adalah penting pada MPKKP ditubuhkan di negeri-negeri berkenaan agar...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Kita dapat merancang dan melaksanakan pembangunan di kawasan luar bandar dengan lebih berkesan. Saya hendak tegaskan, penubuhan MPKKP di negeri-negeri berkenaan tidak akan menjelaskan anggota MPKK dan JKPP sedia ada yang telah dilantik oleh semua kerajaan negeri berkenaan sebelum ini. Baik, jadi...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Boleh Kuala Krai?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya beri ruang kepada Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Selepas ini Kuala Krai ya.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Paya Besar sedikit ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Sibuti dahulu.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Menjawab berkenaan tentang MPKK. Persoalan yang saya ingin timbulkan adalah kita pada tahun 2008, Kerajaan negeri Selangor turut tidak mengiktiraf JKPP dan mereka telah mempraktikkan perkara ini lebih daripada dua penggal. Sarawak juga berpandangan sedemikian dan juga saya melihat di dalam buku anggaran, elauan yang disediakan untuk tahun 2020 berkurangan. Adakah dengan perwujudan MPKKP di negeri Sarawak akan menjelaskan pembayaran MPKK di Semenanjung kerana jelas bajet dikeluarkan dan Menteri telah menjawab di dalam Dewan ini bahawa peruntukan pengelolaan MPKK pun turut dikurangkan sebanyak RM10 juta pada tahun 2020. Di akar umbi, MPKKP di Sarawak ini mereka telah dijanjikan untuk diberikan peruntukan RM10,000 dan

bayangan sebanyak 5,800 buah kampung dan juga adakah peruntukan ini akan menjelaskan MPKK di seluruh Malaysia ini?

Dalam konteks negeri Sarawak, kita mempunyai kampung dan juga rumah panjang. Apabila wujudnya dua Jawatankuasa, ini akan menjelaskan. Saya pernah membaca kenyataan salah seorang wakil rakyat daripada Selangor kewujudan dua komuniti ini adalah tidak masuk akal dan juga kejayaan Kerajaan Negeri Selangor menolak JKKP ini saya lihat boleh dipraktikkan di negeri Sarawak. Ini kerana kita bimbang keharmonian akan terjejas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Terima kasih Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai sedikit.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara yang sama boleh? Paya Besar.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yang Berhormat Paya Besar silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya berikan kepada Yang Berhormat Kuala Krai dahulu sebab dia telah bangkit lebih awal.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ikut kehendak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Secara ringkas, sila Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya MPKK di bawah KPLB, MPKKP ini di bawah kementerian mana? Itu yang pertama? MPKKP ini komposisinya dia perlukan lima orang juga daripada pihak pembangkang, jadi macam mana Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat akan berlaku kesepaduan dan adakah mereka ini juga akan mengawal peruntukan yang tidak diberikan kepada Ahli Parlimen pembangkang? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih kepada pandangan dan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti dan juga Yang Berhormat Paya Besar. Saya akan menjawab secara bertulis.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kuala Krai sedikit lagi tambahan.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Satu lagi Kota Samarahan.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai, Kuala Krai.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Kota Samarahan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya bagi satu...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai ya.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Kota Samarahan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai dahulu.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Sarawak, Sarawak

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai bangun awal lagi.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Boleh saya bagi kepada Sarawak.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Okey.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Selepas Sarawak Kuala Krai ya.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Okey.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Okey, *last sekali* Yang Berhormat Kuala Krai selepas itu saya jawab.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mohon pencerahan berkaitan dengan MPKK yang akan dilaksanakan oleh KPLB di Sarawak. Pendirian Sarawak tetap, kita tidak akan mengiktiraf ataupun menerima MPKK dalam pentadbiran negeri Sarawak kerana kita telah pun *endorse* mengakui pengurusan JKKK. Untuk makluman, pengurusan JKKK diketuai oleh penghulu ataupun ketua masyarakat dan ketua kaum yang berada di rumah panjang dan juga di kampung. Ketua kaum dan ketua masyarakat kita pun telah dilatih dengan begitu baik sekali, malah tahun lepas pun KPLB telah pun memberi pengiktirafan Diploma Tadbir Urus kepada penghulu dan ketua masyarakat untuk negeri Sarawak. Jadi saya merasakan perkara ini bertentangan dengan polisi dan dasar pada masa ini.

Kedua, mohon pencerahan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga, apabila kita melihat garis panduan MPKK yang telah diwujudkan di Sarawak, di mana MPKK kalau mengikut garis panduan perlu diurus, ditadbir oleh pegawai daerah dan juga pejabat residen. Akan tetapi apa yang berlaku pada masa sekarang ialah pelantikan MPKK dilaksanakan ataupun diuruskan oleh ketua cabang, kita lihat motif politik di situ, kita lihat motif politik dan ia boleh memecahbelahkan keharmonian dan kampung. Satu lagi untuk...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tolong ringkaskan.

**Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]:** So far kalau alasannya untuk tujuan pemantauan projek-projek pembangunan di peringkat kampung, sebelum ini pun semua program pembangunan projek di kampung di pantau dengan begitu baik oleh pejabat daerah, dibantu oleh JKKK. Tidak adapun orang kata isu dan masalah setakat ini dalam pelaksanaan projek pembangunan di kampung-kampung baik dari sudut cadangan, pelaksanaan dan juga pemantauan projek berkenaan, mohon pencerahan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Baik, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kita ada satu lagi minit sebelum pukul satu ini.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai sedikit sahaja.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Seminit sahaja, saya beri seminit. Tolong...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kurang daripada seminit. Ada dua, tiga persoalan saya. Pertama sekali ialah yang saya bangkitkan berkaitan dengan kenyataan daripada penyelaras MPKK Persekutuan di negeri Kelantan yang menyatakan antara alasannya ialah kerana peruntukan yang diberikan digunakan oleh MPKK di Kelantan untuk program parti, sedangkan dalam bulan Oktober ini baru masuk bajetnya, itu yang pertama.

Kedua, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi MPKK negeri pun kekal, jadi bermakna ada dua MPKK, negeri satu dan Persekutuan satu. Jadi, adakah peruntukan akan diberikan kepada MPKK negeri juga, sama dengan MPKK Persekutuan? Ketiga ialah dari sudut elaun penggerusi MPKK negeri ini, adakah akan diteruskan ataupun tidak sepertimana yang disebutkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya sekarang tidak beri laluan lagi saya hendak jawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Dan habiskan topik ini. Saya mula dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sarawak. Tadi Yang Berhormat Kota Samarahan pun dia kata tidak ada masalah dan sebagainya. Dengan hormatnya saya kurang setuju, saya sudah beritahu tadi, pada 23 Oktober 2018 Kerajaan negeri Sarawak melalui setiausaha negeri keluarkan arahan bertulis bahawa semua ketua kaum, JKKK negeri Sarawak dilarang, anggota JKKK tidak boleh hadir program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan. Kalau itu bukan masalah, apakah masalah? Dengan itu, sebab itu kita bagi bari masa satu tahun, bukan kita tidak cuba, kita sudah cuba daripada tahun lepas. Selama satu tahun kita beri peluang tetapi inilah hasil yang kita dapat.

Jadi, itulah sebabnya rakyat Sarawak pun berhak menikmati manfaat penuh program-program Kerajaan Pusat dan sebab itu kita perlu mekanisme. Jadi saya minta maaf saya kurang setujulah dengan semua pandangan tadi berkaitan isu di Sarawak. Oleh sebab itu kita terpaksa, kita tidak ada pilihan, kita terpaksa menuju mekanisme baru. Kita hormati hak Kerajaan Negeri Sarawak untuk melantik Tuai Rumah, ketua rumah semua, itu adalah di bawah undang-undang negeri Sarawak. Kita tidak usik sekalipun pelantikan itu, itu boleh diteruskan, kita tidak ada apa-apa hak untuk mengganggu itu, kita tidak akan ganggu.

Apa-apa mekanisme yang Kerajaan Negeri Sarawak hendak tubuhkan, sila tubuhkan di bawah undang-undang yang berkenaan. Akan tetapi, sebab Kerajaan Persekutuan berhak memastikan manfaat, maklumat semua program-program di peringkat Persekutuan disampaikan juga kepada rakyat Sarawak. Oleh sebab itu, mekanisme ini diperlukan...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, macam di kawasan Sibuti...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Nanti, biar saya habis dahulu, biar saya habiskan dahulu.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Saya sampaikan dasar kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri habiskan dahulu.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Now, mekanisme MPKKP ini bukan baru, apabila Ahli Yang Berhormat daripada GPS ada dalam kerajaan dahulu, di bawah kerajaan lama, memang sepetimana yang diakui tadi. Ditubuhkan pada tahun 2008 di negeri Selangor, di negeri Pulau Pinang, di negeri Kelantan, ini bukan baru.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, pencelahan sedikit.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Pada masa itu, semua terima tidak ada masalah, semua terima. Ahli-ahli Yang Berhormat semua duduk dalam kerajaan dahulu.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Sedikit, sedikit.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Dan terima semua ini. Jadi, bagi saya dan saya hendak beritahu, ini bukan mekanisme baharu dan selepas setahun Kerajaan pusat sudah cuba menggunakan mekanisme yang dahulu tetapi kita nampak sekarang perlu, kita perlu...

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu minta pencelahan. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada banyak *point* lagi atau tidak?

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu hendak sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Hendak sambung selepas *lunch* atau tidak? Kalau begitu saya serahkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk merumuskan kerana masa telah tamat.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya hendak habiskan *point* ini dengan itu sahaja. Oleh sebab itu saya sebut Kerajaan Pusat akan teruskan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, sambung selepas *lunch* lah. *Be fair* lah...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** MPKK ini dan dari segi bayaran...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tidak cukup masa ini.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya tidak ada masa lagi. Saya kena jawab apa yang...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Sedikit sahaja Menteri, Setiu...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Lepas *lunch*, apa salahnya?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Bayaran, kita tidak usik apa-apa struktur yang sedia ada sebab itulah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat akan disalurkan kepada MPKKP...

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang menjadi masalah Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tuan Yang di-Pertua, sebab peruntukan masa saya satu jam...  
*[Dewan riu]*

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri. Soalan Kuala Krai tadi tidak jawab. Persoalan Kuala Krai tadi....

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Isu-isu lain saya minta izin untuk menjawab secara bertulis ya.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Menteri, ini isu MPKKP...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Oleh sebab tidak cukup masa. Peruntukan masa ialah untuk kementerian lain pada 2.30. Saya akan menjawab isu-isu lain secara bertulis. Peruntukan masa dan saya tamatkan ucapan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Soalan Kuala Krai tadi tidak jawab.

**Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]:** Yang menjadi masalah...

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ini Dewan yang mulia Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab selepas *lunch*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dan disebut tadi apa-apa pertanyaan akan dijawab secara bertulis. Ahli-ahli Yang Berhormat jam tekah tepat pukul 1.04 tengah hari, akan disambung semula pada pukul 2.30 petang oleh Yang Berhormat Menteri Ekonomi. Sebelum itu saya hendak maklumkan pelawat kita yang berada di dalam Dewan ini daripada *Sunway University*, terima kasih.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.04 tengah hari]*

■1430

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempergerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat bersidang semula. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk menjawab Rang Undang-undang Perbekalan, masa diperuntukkan 60 minit. Dipersilakan.

**2.32 ptg.**

**Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]:** *Bismillahir Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat

Kuala Nerus, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Petaling Jaya, Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Ketereh menyentuh isu pertumbuhan ekonomi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi separuh pertama tahun 2019 menyederhana kepada 4.7 peratus berbanding 4.9 peratus pada tempoh yang sama tahun 2018. Namun, kadar ini menepati sasaran rasmi kerajaan. Antara sebab penyederhanaan ini adalah faktor luaran yang semakin mencabar memandangkan Malaysia sebuah ekonomi yang terbuka dan berdagang dengan pelbagai negara.

Konflik perdagangan antara dua rakan dagang penting Malaysia iaitu Amerika Syarikat dan China telah menjelaskan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global termasuk Malaysia. Di samping itu, negara juga berdepan dengan kelembapan pasaran barang elektrik dan elektronik, ketidaktentuan dalam pasaran kewangan dan harga komoditi serta ketegangan geopolitik.

Tindakan Amerika Syarikat mengenakan tarif terhadap China telah mendorong pelabur-pelabur China mengalihkan perniagaan mereka ke Asia Tenggara. Peralihan pelaburan ini akan memberikan impak positif dengan mewujudkan peluang untuk Malaysia menjadi destinasi pilihan alternatif bagi FDI.

Pada bulan Mei 2019, *American Malaysian Chamber of Commerce* telah menjalankan kaji selidik untuk menilai kesan konflik perdagangan terhadap syarikat ahli yang beroperasi di China. Didapati sebanyak 24.7 peratus daripada 250 buah syarikat telah menyatakan hasrat untuk memindahkan operasi mereka ke Asia Tenggara termasuk Malaysia. Di samping itu, ketegangan perdagangan ini membuka ruang kepada Malaysia untuk meningkatkan eksport minyak sawit ke China sebagai barang pengganti kepada minyak soya dan jagung.

Pada Mac 2019, syarikat Malaysia telah berjaya menandatangani perjanjian bernilai hampir USD900 juta bagi membekalkan 1.62 juta tan minyak sawit ke China. Dalam tempoh Januari hingga Ogos 2019, eksport minyak sawit Malaysia ke China telah meningkat kepada 1.4 juta tan dengan nilai eksport sebanyak RM3.1 bilion. Impak keseluruhan peralihan perdagangan dijangka meningkatkan KDNK negara sebanyak 0.1 mata peratusan.

Menyedari hakikat bahawa pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara adalah ekonomi domestik, kerajaan akan terus memberi fokus kepada permintaan penggunaan dengan izin *consumption demand* dan aktiviti pelaburan. Penggunaan swasta masih berkembang rancak sebanyak 7.7 peratus dan menyumbang sebanyak 58.2 peratus kepada KDNK bagi tempoh separuh pertama tahun 2019. Sementara itu, pelaburan dijangka bertambah baik didorong oleh pelaksanaan semula projek strategik serta perbelanjaan modal berterusan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Asas ekonomi negara yang kekal kukuh dan struktur ekonomi yang pelbagai serta tidak bergantung kepada mana-mana komoditi, sektor atau pasaran eksport turut menyokong kepada pertumbuhan ekonomi. Dari sudut penawaran pula, kesemua sektor ekonomi telah mencatat pertumbuhan positif bagi separuh pertama tahun ini diterajui oleh sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian.

Sektor perkhidmatan mengukuh dipacu oleh subsektor perdagangan borong dan runcit serta subsektor maklumat dan komunikasi. Sektor pembuatan pula mencatatkan pertumbuhan yang sederhana, manakala sektor pertanian kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan positif disokong terutamanya oleh pemulihan dalam pengeluaran minyak sawit dan getah.

Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pemerkasaan PKS memandangkan PKS merupakan tunjang kepada pembangunan ekonomi negara. Bilangan PKS merangkumi 98.5 peratus kepada jumlah perusahaan dalam negara. Oleh itu, sumbangan yang amat penting kepada KDNK, guna tenaga dan eksport.

Menurut laporan oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.), sumbangan PKS telah meningkat daripada 37.8 peratus kepada KDNK pada tahun 2017 kepada 38.3 peratus pada tahun 2018 dengan pertumbuhan sebanyak 6.2 peratus. PKS juga menyumbang dua pertiga kepada jumlah guna tenaga dan 17 peratus kepada eksport negara. Bagi memperkuatkannya lagi sumbangan PKS kepada ekonomi, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 telah pun dijajarkan dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Saya ingin menegaskan bahawa pertumbuhan ekonomi negara masih belum digembung sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum. Sumber pertumbuhan juga masih bergantung kepada faktor pengeluaran tradisional seperti modal serta buruh dan bukannya peningkatan produktiviti. Maka, kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif, strategi untuk memacu produktiviti kepada semua peringkat akan diteruskan termasuk usaha mengukuhkan kerjasama antara kerajaan, industri dan akademia bagi memenuhi permintaan modal insan yang mahir untuk industri berteknologi tinggi.

Kerajaan akan terus menggalakkan inisiatif pendigitalan dan penerima gunaan teknologi secara meluas untuk mengambil manfaat Revolusi Perindustrian Keempat terutamanya dalam kalangan PKS. Kerajaan juga akan menambah baik pelaksanaan reformasi kawal selia bagi memudahkan urusan menjalankan perniagaan.

Kerajaan menyedari bahawa ekonomi digital bukan sahaja merupakan sumber pertumbuhan yang baru malah ia juga merupakan pembolehdaya pertumbuhan yang dinamik dan inklusif. Pada tahun 2018, ekonomi digital termasuk e-dagang menyumbang 18.5 peratus kepada ekonomi negara.

#### ■1440

Kementerian sedang melaksanakan kajian bagi penyediaan rangka kerja dasar berkaitan ekonomi digital bagi memastikan pembangunan ekonomi digital yang lebih terancang dan dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Bagi menyokong pembangunan ekonomi digital, kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan bagi penyediaan modal insan masa hadapan, terutamanya melalui TVET. Ini termasuk program pembiayaan kompetitif dan geran padanan dengan kos keseluruhan berjumlah RM55 juta di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia, bertujuan menggalakkan institusi TVET awam dengan pihak industri bekerjasama dalam melaksanakan kursus modular dan program latihan yang fleksibel.

Tuan Yang di-Pertua, FDI masih memainkan peranan penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Manfaat ini termasuklah membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, meningkatkan kemahiran pekerja tempatan, membolehkan perkongsian teknologi dan memudahkan perdagangan antarabangsa. Di samping itu, ekonomi Malaysia telah turut mendapat manfaat langsung daripada kemasukan FDI di bidang *greenfield*, dengan izin, yang telah menjana kesan limpahan ekonomi yang ketara.

Berdasarkan data yang diterbitkan oleh MIDA, jumlah FDI yang diluluskan meningkat sebanyak 97 peratus kepada RM49.5 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 2019, berbanding RM25.1 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 2018. FDI dalam sektor pembuatan daripada Amerika Syarikat mencatatkan nilai tertinggi sebanyak RM11.7 bilion, diikuti oleh China sebanyak RM4.8 bilion. Peningkatan pelaburan ini membuktikan keyakinan pelabur telah meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hanya 10 peratus daripada industri tempatan menerima kesan negatif kejatuhan Ringgit kerana ciri industri tersebut lebih bergantung kepada kandungan import yang tinggi dan berorientasikan pasaran domestik. Oleh itu, sebagai sebuah negara pengeksport bersih secara keseluruhannya, kejatuhan nilai Ringgit telah memberi kesan positif kepada Malaysia. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa memantau pergerakan mata wang supaya mendorong pertumbuhan ekonomi. Pada masa yang sama, daya saing negara akan terus dipertingkatkan melalui langkah-langkah pengukuhan produktiviti dan penjanaan nilai ditambah yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi mencatatkan 0.6 peratus bagi tempoh Januari hingga September 2019 iaitu lebih rendah berbanding 1.2 peratus pada tempoh yang sama tahun 2018. Peningkatan harga atau inflasi yang perlakuan disebabkan oleh harga purata bahan api domestik yang lebih rendah susulan pelaksanaan semula mekanisme penentuan harga apungan terurus mulai Januari 2019. Trend ini dijangka akan berkekalan sehingga hujung tahun ini. Kumpulan makanan yang mempunyai pemberat terbesar dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) telah meningkat lebih tinggi sebanyak 1.6 peratus. Namun, kenaikan ini disumbangkan terutamanya oleh sub komponen makanan di luar rumah yang meningkat sebanyak 3.6 peratus.

Kadar inflasi di kawasan luar bandar telah meningkat dengan lebih perlakuan sebanyak 0.2 peratus berbanding 0.6 peratus di kawasan bandar bagi tempoh yang sama. Kerajaan sedar, IHP tidak menggambarkan keadaan sebenar kos sara hidup kerana ia tidak mengambil kira kepelbagaiannya corak dan variasi perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dialami oleh isi rumah secara individu.

Pada masa ini, kerajaan sedang membangunkan satu indeks kos sara hidup yang melengkapi IHP sedia ada. Indeks tersebut akan dapat memberikan gambaran keadaan sebenar kos sara hidup yang turut merangkumi perubahan corak perbelanjaan dan kos merentasi pelbagai dimensi, termasuk pendapatan dan lokasi geografi yang berbeza. Penggunaan indeks tersebut dijangka akan dapat membantu penggubalan dasar yang lebih efektif untuk memastikan objektif pembangunan sosioekonomi tercapai. Kementerian ini memantau lebih daripada 16

laporan agensi dan badan antarabangsa mengenai pembangunan sosioekonomi Malaysia, termasuk indeks pembangunan manusia. *Global Competitiveness Index 4.0* (GCI) merupakan sebuah indeks...

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** ...yang baru diperkenalkan oleh *World Economic Forum* pada tahun lepas bagi menilai daya saing sesebuah ekonomi melalui faktor yang mempengaruhi tahap produktiviti dan dianggap sebagai pemacu utama pertumbuhan dan pendapatan dalam jangka masa panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Jeli. Sila.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta maaf, saya mengundur ke belakang sedikit. Ini berkaitan dengan kadar pertumbuhan secara purata tahun ini yang menyederhana dan juga ekonomi digital. Pertamanya, kita dimaklumkan bahawa, dengan izin, *brick and mortar business* berkurangan. Kedai-kedai runcit, *shopping malls*, susah untuk dijual. Ini mengikut angka-angka yang dikeluarkan oleh badan seperti NAPIC dan lain-lain. Pada masa yang sama, kita tahu bahawa perniagaan seperti *e-commerce*, *digital economy* tadi, termasuklah masa depan, Gojek, Grab, ada Airbnb, kita tahu bahawa sektor ini berkembang. Jadi, satu sektor berkurangan, satu berkembang. Ini perkembangan yang positif bagi negara, perkembangan ekonomi digital.

Persoalannya Yang Berhormat Menteri, sama ada kerajaan mempunyai angka-angka yang mantap dan tepat berkaitan dan kemerosotan *brick and mortar business* tadi iaitu kedai-kedai runcit, sektor peruncitan, *shopping malls*. Sehubungan dengan itu, adakah kerajaan mempunyai angka yang mantap mengenai peningkatan *digital economy* seperti *e-commerce*? Ini kerana kalau kita ada angka-angka ini, dicampurkan dua itu, maknanya kemerosotan *brick and mortar business* dan peningkatan *digital economy*, adakah ini telah memberi kesan yang baik untuk guna tenaga (*employment*) dan juga ekonomi Malaysia?

Jadi, soalannya ialah sama ada kita sudah ada perangkaan yang kukuh dan mantap untuk kita menangkap ataupun *capture* perubahan-perubahan yang pesat berlaku pada hari ini? Sudah pasti pada masa hadapan, perubahan ini akan semakin ketara lagi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Jeli di atas pandangan yang dilontarkan. Saya telah menyatakan sebentar tadi bahawa pertumbuhan ekonomi negara masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum. Ini termasuk penggunaan teknologi-teknologi baru di mana seperti yang dinyatakan tadi, *digital economy* hari ini merupakan salah satu teras bagi menjana pertumbuhan yang lebih rancak dan *robust* di masa yang akan datang. Kedua, kita juga harus menyiapkan tenaga kerja yang berkemahiran melalui Industri Revolusi 4.0, *robotics*, *automation* dan sebagainya, termasuk *artificial intelligence* kerana ini akan memberikan peluang-peluang baru dalam melibatkan diri mereka dalam *e-commerce* dan juga *digital economy*. Seperti yang saya nyatakan dalam

Parlimen baru-baru ini, kerajaan juga sedang memberikan tumpuan tentang perkembangan ekonomi yang dinyatakan tadi. Kita juga mengambil maklum bahawa sektor peruncitan dan *retail outlets* hari ini menghadapi sedikit kemerosotan. Saya percaya dengan pendekatan-pendekatan dan dasar yang akan diambil, kita dapat melihat kedua-dua statistik ini untuk melihat apakah hala tuju yang lebih baik bagi menjana pertumbuhan ekonomi di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, indeks yang saya nyatakan tadi merangkumi 141 buah negara dan mempunyai 103 petunjuk, berdasarkan 47 data kualitatif dan 56 data kuantitatif yang disusun mengikut 12 pemboleh ubah utama iaitu institusi, infrastruktur, penggunaan ICT, kestabilan ekonomi makro, kesihatan, kemahiran, pasaran produk, pasaran buruh, sistem kewangan, saiz pasaran, dinamisme perniagaan dan keupayaan inovasi. Walaupun Malaysia mengalami penurunan dua anak tangga pada tahun 2019 kepada tangga 27, secara keseluruhannya kedudukan Malaysia masih kompetitif berbanding negara serantau. Malaysia berada pada kedudukan kedua dalam kalangan negara ASEAN dan kesepuluh dalam kalangan negara APEC. Kerajaan sedar bahawa peningkatan daya saing dan daya tahan negara adalah penting untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berkualiti.

Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan menambah baik kedudukan daya saing negara. Usaha yang bersepodu akan digembleng untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing serta memastikan Malaysia kekal di landasan pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai sasaran sebagai sebuah negara maju dan inklusif.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Rantau Panjang, berminat untuk menghayati Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 serta perkara berkaitan dengan jurang ekonomi.

#### ■1450

WKB merupakan satu agenda nasional yang memandu hala tuju negara secara lebih holistik bagi tempoh tahun 2021 sehingga 2030. Pelaksanaannya akan diterjemahkan untuk tempoh 10 tahun dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rancangan Malaysia Ke-13. Matlamat WKB adalah untuk menyediakan taraf hidup rakyat wajar atau, dengan izin, *decent standard of living* kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030.

Walaupun WKB akan bermula pada tahun 2021, Belanjawan 2020 telah mengambil kira semangat WKB bagi memastikan apabila tiba tahun pelaksanaannya, wawasan ini akan dapat digerakkan dengan tuntas sebagai satu *turbo charge* kepada ekonomi negara.

Objektif pertama WKB adalah untuk menstrukturkan semula ekonomi ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi. Ini termasuklah mewujudkan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan memastikan kuasa beli rakyat ditingkatkan. Selain memperkuuh sektor pertumbuhan ekonomi yang sedia ada, tumpuan akan diberi untuk mempergiatkan aktiviti pertumbuhan ekonomi masa depan yang berpotensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi.

Objektif kedua WKB menumpukan kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kelas pendapatan, wilayah, rantaian, bekalan dan etnik bagi menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan. Kerajaan yakin tumpuan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi akan menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan.

Teras strategik kelima WKB, iaitu kesejahteraan sosial, memberikan penekanan kepada kebijakan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40. Antara strategi yang akan dilaksanakan termasuklah memperkasakan sistem perlindungan sosial, menggalakkan program kesedaran kewangan dan mengintegrasikan pangkalan data bagi memastikan bantuan dapat diberikan kepada kumpulan sasar.

Dalam konteks jurang antara wilayah, khususnya kawasan bandar dan luar bandar, kerajaan menyedari bahawa jurang pengagihan ekonomi antara kedua-dua kawasan semakin melebar. Dalam teras strategik keenam WKB, iaitu keterangkuman wilayah, pemetaan kawasan titik panas ekonomi, dengan izin, *economic hotspots* akan dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada kekuatan dan keunikan di kawasan tersebut.

Dalam teras strategik kedua, terdapat 15 cadangan aktiviti pertumbuhan ekonomi utama. Antaranya ialah tumpuan kepada pertanian pintar yang akan meningkatkan produktiviti hasil tanaman terutamanya untuk agropreneur di luar bandar. Selain daripada itu, penekanan kepada Komoditi Malaysia 2.0 membolehkan tumpuan diberikan kepada penghasilan produk hilir daripada komoditi seperti sawit dan getah supaya dapat menjana nilai ditambah dan pulangan yang lebih tinggi.

Penekanan baharu kerajaan untuk mengembangkan ekonomi dan peluang ekonomi merentasi kawasan luar bandar akan dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan usahawan berpendapatan tinggi di kawasan luar bandar yang seterusnya meningkatkan pendapatan rakyat di kawasan tersebut.

Dari segi rantaian bekalan, data menunjukkan masih terdapat jurang yang lebar dalam pelbagai lapisan rantaian bekalan. Sebagai contoh, Kajian Pasaran Sektor Makanan yang dijalankan oleh MyCC berkaitan pemasaran ikan...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** ...Mendapati pemborong utama menaikkan harga sehingga enam kali dalam rantaian pemasaran ikan tempatan dengan mengambil keuntungan antara 60 peratus hingga 75 peratus di setiap lapisan rantaian. Dalam rantaian ini, nelayan merupakan kumpulan yang paling sedikit mendapat keuntungan, tidak setimpal dengan titik peluh nelayan yang mengambil risiko tinggi dan bekerja keras untuk mencari rezeki.

Sehubungan dengan itu, kerajaan akan memastikan penyertaan yang lebih adil dalam rantaian bekalan.

Ya, Yang Berhormat Pendang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya tadi tertarik meneliti jawapan yang dibuat oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi berkenaan dengan jurang pendapatan dan juga pembangunan ekonomi di antara penduduk bandar dengan luar bandar. Sekarang ini, secara tradisinya, penduduk luar bandar walaupun pendapatannya dikatakan akan diletakkan sasaran sehingga RM4,000, tetapi belum mencapai ke tahap itu. Di bandar, walaupun sudah mencapai average RM4,000 tetapi belum dikategorikan sebagai satu pendapatan yang kita kata selesa. Masih lagi di bawah paras kemiskinan. Ini kerana kemungkinan ada anak lima, enam, tujuh. Kos menjaga anak-anak itu besar.

Jadi, perancangan kerajaan dalam hal ehwal ekonomi ini, saya nak tanya Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, adakah perancangan mereka di luar bandar sana yang kita sudah sedia ada iaitu kelapa sawit, getah dan sebagainya dalam FELDA dan FELCRA ini bagi meningkatkan pengeluaran dan pemasaran, juga kita nak *educate*, dengan izin, penoreh-penoreh getah ini supaya mendapat teknologi baharu bagi meningkatkan pendapatan mereka?

Satu lagi saya nak tanya. Sekarang ini kita sedang menghadapi satu tindakan daripada Kerajaan India yang mengimport kelapa sawit yang terbesar di Malaysia. Adakah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi merancang untuk mereka memasarkan kelapa sawit ini di pasaran yang lain selain daripada India yang menjadi pengimport utama sekiranya apa-apa berlaku daripada Kerajaan India yang mengambil tindakan ke atas import kelapa sawit di Malaysia ini? Minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Pertama, tentang latihan yang perlu disediakan dan peluang-peluang baharu untuk peneroka-peneroka FELDA dan peserta-peserta RISDA dan juga FELCRA. Ini memang menjadi teras dalam perancangan kita untuk tahun 2020 dan tahun seterusnya seperti yang telah saya bentangkan dalam Kertas Putih FELDA di dalam Parlimen baru-baru ini di mana sejumlah wang telah diperuntukkan khusus untuk meningkatkan produktiviti bagi warga FELDA, FELCRA dan juga RISDA.

Tidak mungkin mereka dapat meningkatkan produktiviti dan hasil sekiranya mereka masih lagi berada di takuk yang lama dan tidak diberikan peluang-peluang baharu dengan menggunakan teknologi-teknologi baharu dan pendekatan perladangan yang baharu. Ini kerana kalau menggunakan skala pada hari ini yang masih lagi dalam satu kelompok yang kecil, tidak mungkin kita dapat meraih hasil dan produktiviti yang tinggi. Ini memang sedang dirancang dan akan dilaksanakan oleh sebab Parlimen telah pun meluluskan sejumlah peruntukan bagi tujuan yang berkenaan.

Keduanya berhubung keprihatinan Yang Berhormat Pendang tentang masalah yang sedang kita hadapi dengan negara India. Ada pandangan yang dikeluarkan baru-baru ini bahawa kemelut ini tidak akan berpanjangan kerana hasil sawit daripada Indonesia sahaja tidak

mencukupi untuk memenuhi permintaan daripada negara India. Maka, kita yakin dalam masa yang terdekat, kita dapat menyelesaikan masalah ini dengan cara yang lebih berkesan.

Akan tetapi, pada masa yang sama, saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Pendang bahawa kerajaan sedang berunding dengan banyak negara terutama ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam lawatan ke luar negara dan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin dunia telah menzahirkan hasrat Malaysia untuk meningkatkan eksport hasil sawit kepada negara-negara yang berkenaan. Saya sendiri dalam pertemuan dengan pimpinan di Rusia baru-baru ini telah menyentuh perkara yang sama. Begitu juga ketika kita berada di Azerbaijan dan Turkmenistan pada minggu yang lalu.

Jadi, kedua-dua usaha ini sedang ditingkatkan supaya hasil sawit Malaysia ini mendapat pasaran yang lebih baik dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Segamat mohon mencelah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jempol.

**Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas]:** Macam nak bagi Pasir Mas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Klang. Sebelah kanan Yang Berhormat Klang. Selepas itu Yang Berhormat Segamat. Sila.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kerana telah memberi pencerahan berkait dengan WKB.

Soalan saya, Yang Berhormat, apa yang telah digariskan oleh Yang Berhormat tadi dan juga buku laporan yang telah dikeluarkan oleh kementerian ialah matlamat WKB dan sebagainya. Akan tetapi, apakah program sebenarnya dan *timeline* program itu? Juga, bagaimana *rural-urban divide* ini, juga *urban divide* pun ada, dapat mengurangkan jurang kekayaan di antara orang kaya dengan orang miskin? Itu pertama.

## ■1500

Isu berkait dengan WKB ialah ukuran *poverty* yang sedia ada dan *Poverty Line Income (PLI)* yang diguna pakai oleh kerajaan sekarang adalah sebanyak RM980. Ada cadangan yang telah dikemukakan supaya ulang kaji angka ini supaya lebih realistik kepada apa yang berlaku pada masa sekarang. So, minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Klang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Segamat. Boleh jawab sekali gus?

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Singkat.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Apa yang Yang Berhormat Menteri terangkan tadi bahawa keluaran daripada Indonesia sahaja tidak mencukupi, malah dalam masa singkat Kerajaan India akan membeli daripada kita. Adakah Yang Berhormat Menteri rasa sudah tiba masanya untuk kita kembalikan duta khas ke India itu agar mereka boleh membantu juga? Ini kerana kita mendapati di negara China ia amat membantu. Mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sikit Tuan Yang di-Pertua. Daripada Jempol, sebelah sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi tertarik jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tentang ada pasaran baharu getah dan kelapa sawit. Jika berlaku apa-apa pun, kita masih lagi dalam keadaan terkawal. Jadi, kebimbangan peneroka sawit dan getah, FELCRA, RISDA dan sebagainya, adakah dana khas untuk mengawal kalau berlaku kejatuhan yang teruk kepada pendapatan mereka dari segi hasil jualan harga sawit dan getah ini? Kalau ia berlaku dalam keadaan masa terpendek, jangka panjang pasaran baharu, jangka pendek? Mungkin dalam keadaan terdekat ini kalau berlaku India *break* pembelian kita, apakah tindakan selanjutnya daripada kementerian?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih. Pertama, Yang Berhormat Klang tentang keprihatinan beliau bagaimanakah kita dapat menterjemahkan WKB ini dalam bentuk program dan juga inisiatif dan apakah *timeline* yang telah ditetapkan. Seperti yang kita sedia maklum, WKB ini akan diterjemahkan mulai tahun 2021 sehingga tahun 2030. Satu tempoh pelaksanaan selama 10 tahun. Namun, saya sebutkan tadi di dalam Belanjawan 2020, semangat WKB ini telah pun mula diserapkan supaya apabila kita sampai pada tahun 2021, transisi itu tidak dibuat secara mengejut, tetapi lebih *smooth* untuk menyelesaikan isu *rural-urban divide* ini. Antara inisiatif yang dicerakinkan dalam dokumen WKB ini ialah yang paling penting ialah untuk memberikan kemahiran dan teknologi kepada rakyat Malaysia. Ini kerana dengan mendakap teknologi-teknologi baharu ini, mereka dapat meningkatkan produktiviti dan hasil yang sedang dilakukan.

Sebagai contoh dalam sektor pertanian, sekiranya petani-petani dan pekebun-pekebun kita masih lagi menggunakan cara lama dengan menggunakan kudrat dan tenaga ibu bapa mereka yang sudah tentulah tidak dapat lagi berada di kebun masing-masing dengan usia yang sudah lanjut, manakala anak-anak telah pun berhijrah ke kawasan bandar. Jadi, kalau kita dapat menarik perhatian generasi muda sama ada di FELDA, FELCRA, RISDA ataupun nelayan, petani dengan memperkenalkan *artificial intelligence*, *big data*, *robotic*, *automation*, mereka ini lebih mudah mendakap teknologi-teknologi ini. Sudah tentulah untuk memiliki kemahiran ini, mereka memerlukan latihan kemahiran. Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah memperuntukkan satu jumlah yang besar dalam sektor TVET ini supaya generasi muda ini dapat

diberikan latihan-latihan dan mereka dapat terlibat dalam industri-industri yang berteknologi tinggi.

Kita juga mahu melihat bagaimana peniaga-peniaga kecil *irrespective* dengan izin, *race* ataupun *religion*, dapat diberikan perhatian lebih bukan sahaja di luar bandar, tetapi juga isu *urban poverty* yang sedang kita bincangkan. Daripada statistik yang kita peroleh, ramai juga anak-anak muda golongan B40 ini sudah berada di bandar, mereka tidak lagi berada di luar bandar. Jadi, bagaimana kita dapat menangani isu ini melainkan dengan memberikan satu pendedahan, peluang, latihan untuk mereka meningkatkan produktiviti mereka. Kedua, soal isu kemiskinan. Saya ada satu topik khas, saya akan memberikan pencerahan sebentar lagi.

Yang Berhormat Segamat mencadangkan supaya diwujudkan duta khas India ke India seperti ke negara China. Namun pada ketika ini, saya yakin dengan kemampuan dan keupayaan kedutaan Malaysia di India untuk menjalankan tugas mereka dan tanggungjawab. Selain daripada itu, kementerian-kementerian juga harus memikul tanggungjawab secara kolektif. Bukan sahaja Kementerian Industri Utama, tetapi juga kementerian-kementerian lain dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memainkan peranan yang cukup efektif dalam meyakinkan negara-negara luar untuk membeli produk-produk daripada Malaysia termasuklah kelapa sawit.

Yang Berhormat Jempol ada mengatakan tentang pasaran sekiranya harga jatuh, harga-harga komoditi ini, getah ataupun kelapa sawit, apakah ada inisiatif. Kita lebih berminat untuk memperkenalkan pendekatan baharu dan tidak lagi memberikan pemberian tunai dengan mudah kerana itu tidak membantu sebenarnya, peneroka-peneroka dan peserta di RISDA dan FELCRA. Apa yang kita lakukan sekarang ialah memperdayakan mereka untuk *empower* warga FELDA, RISDA dan FELCRA dengan terlibat dalam pertanian cara moden ataupun *smart farming*. Ia tidak lagi bergantung kepada sawit dan getah kerana harga-harga komoditi ini di luar kawalan kerajaan. Apabila harga-harga komoditi ini jatuh, sudah tentulah mereka terkesan dengan kos sara hidup yang begitu tinggi. Akan tetapi sekiranya mereka terlibat – yang saya telah cerita panjang dalam Dewan ini, ketika program penanaman semula, jangan ditanam semuanya dengan sawit atau getah, tetapi sebahagian daripada peratusan tanah itu juga ditanam dengan tanaman-tanaman lain seperti sayuran dan *mix crops* yang lain. Ini kerana akan membantu memberikan hasil yang lebih baik dan lebih mampan kepada warga peneroka tersebut. Sekiranya harga jatuh pun, mereka masih lagi berupaya mempunyai pendapatan termasuklah buah-buahan, sayur-sayuran.

Ini kerana Yang Berhormat sedia maklum, import bahan makanan ke dalam negara kita sudah mencecah RM50 bilion. Sebahagian besar daripada bahan-bahan import ini sebenarnya kita boleh tanam di dalam negara kita seperti cili, halia, bawang, kubis, sayur-sayuran, buah-buahan. Mengapa perlu kita import daripada negara-negara luar? Jadi kalau peneroka FELDA, peserta FELCRA dan RISDA diberikan latihan, peluang dan juga modal untuk mereka terlibat dalam perladangan moden ini, ia dapat menjamin satu suasana di mana pendapatan mereka lebih terjamin untuk masa yang panjang, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Saya ada banyak lagi ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Sikit sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Royalti, saya tengok Kelantan sedang tunggu.

Kemudian, isu Khazanah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila berikan peluang kepada Menteri untuk menjawab.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Saya bagi Yang Berhormat Jasin sahajalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jasin, singkat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Isu boikot daripada India ini kita kena pandang satu perkara yang cukup serius. Tidak cukup dengan hanya peranan duta sahaja. Ini kerana jumlah import India, kelapa sawit daripada Malaysia adalah melebihi separuh daripada jumlah pengeluaran Malaysia iaitu sebanyak empat juta tan yang diimport oleh India. Perkara ini telah pun dibuat serta-merta pada bulan Oktober. Kita menghadapi masalah sekarang iaitu stok-stok penimbang kita semakin meningkat. Jadi, kita kena ambil satu pendekatan yang paling segera sekali bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil kita pada ketika ini, apatah lagi dengan harga yang cukup merudum pada ketika ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya telah tegaskan, kita tidak pernah meremehkan kemelut yang sedang berlaku di antara dua buah negara ini iaitu Malaysia dan juga India. Namun, kita harus tanganinya dengan bijaksana supaya tidak mengeruhkan lagi hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara ini. Akan tetapi, ini tidak bermakna Malaysia tidak boleh bersuara di pentas antarabangsa untuk isu-isu keadilan sejagat dan keharmonian di dalam dunia pada hari ini. Pada masa yang sama, saya tegaskan tadi, ya memang betul, tanggungjawab tidak boleh dibebankan kepada duta besar Malaysia di India sahaja.

## ■ 1510

Sebab itu saya telah menyatakan tadi semua kementerian harus memikul tanggungjawab ini secara kolektif dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menulis surat kepada semua ketua-ketua negara dalam Kesatuan Eropah untuk menjelaskan kedudukan industri sawit dalam negara Malaysia. Dalam pertemuan beliau dengan pemimpin dunia ini antara topik yang tetap menjadi agenda tetap beliau dalam pertemuan tersebut kerana kita mengharapkan masyarakat antarabangsa dapat memahami bahawa eksport sawit daripada Malaysia itu amat penting untuk menjamin kestabilan ekonomi di antara negara-negara yang kita dagang pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua saya teruskan, usaha untuk menangani ketiga-tiga jurang ini melibatkan rakyat secara keseluruhannya tanpa mengira kumpulan etnik. Namun begitu

kerajaan sedar masih wujud ketidakseimbangan pendapatan dan jurang kekayaan yang nyata dan semakin melebar antara kumpulan etnik. Jurang ini tidak ditangani dengan baik akan mewujudkan keadaan tidak harmoni di dalam negara. Antara penekanan utama WKB adalah kepada keberhasilan pencapaian berdasarkan prinsip kesaksamaan keberhasilan ataupun dengan izin *equitability of outcomes*. Kalau dahulu kerajaan memberi fokus kepada peningkatan bilangan peluang berdasarkan prinsip kesaksamaan peluang ataupun *equitability of opportunities* terutamanya dalam bidang ekonomi dan pendidikan, kini aspek keberhasilan pencapaian berdasarkan prinsip kesaksamaan keberhasilan atau *equitability of outcomes* kepada etnik yang ketinggalan turut diberi penekanan dalam WKB.

Ahli Yang Berhormat Marang menyentuh isu bagi agenda Bumiputera. Bagi WKB, memberi keutamaan kepada keberhasilan Bumiputera yang akan diterapkan secara sistematik dalam setiap teras strategik dan boleh dimulakan untuk mencapai matlamat WKB. Sehubungan itu golongan Bumiputera perlu mengambil inisiatif untuk melakukan perubahan minda dan sikap yang drastik dengan menunjukkan iltizam yang kuat bagi meningkatkan produktiviti Bumiputera. Dalam usaha meningkatkan keberhasilan Bumiputera, isu integriti, ketirisan, rasuah dan sabotaj ekonomi perlu ditangani secara holistik dan tegas, tanpa gentar dan pilih kasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bera, pendapatan isi rumah yang dinyatakan dalam WKB merujuk kepada sasaran purata pendapatan kehidupan wajar. Pendapatan kehidupan wajar merupakan pengukuran tahap kualiti kehidupan yang merangkumi perbelanjaan berdasarkan keperluan untuk menikmati kehidupan yang wajar dan selesa. Pendapatan ini adalah ditetapkan berdasarkan purata corak perbelanjaan isi rumah B40 di dalam laporan perbelanjaan isi rumah pada tahun 2016 yang merangkumi perbelanjaan bagi 12 komponen antara lain seperti makanan, perumahan, pengangkutan serta pelbagai barang perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Padang Serai membangkitkan isu berkenaan kemiskinan dan isi rumah B40. Kementerian ini mengambil maklum di atas kajian oleh tiga orang penyelidik yang memenangi hadiah nobel ekonomi berkenaan kemiskinan. Kerajaan menyedari bahawa Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Klang tadi perlu disemak bersesuaian dengan keadaan semasa khususnya dengan peningkatan kos sara hidup. Kerajaan telah pun memulakan kajian semula PGK sejak bulan Mac 2019. Ketika saya berada di Selangor, Yang Berhormat Klang juga sedia maklum bagaimana kita telah membincangkan isu yang sama di peringkat negeri pada ketika itu dan sebab itulah Selangor merupakan satu-satunya negeri yang telah meningkatkan PGK daripada RM980 ke RM1,500 dan kalau kita boleh buat di Selangor, *insya-Allah* kita boleh teliti dan semak di peringkat persekutuan.

Pelaksanaan kajian ini sedang giat dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesihatan serta jabatan dan agensi berkaitan. Selain itu dalam KSP atau Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas pada tahun lalu, bagi pengukuran

kemiskinan yang lebih inklusif selaras dengan amalan antarabangsa, Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi ataupun *Multi-Dimensional Poverty Index* juga telah diperkenalkan. Indeks MPI ini mengukur dan memantau kemiskinan dalam perspektif pelbagai dimensi merangkumi kesihatan, pendidikan, taraf hidup ataupun *living standard* dan pendapatan. Kementerian akan meneruskan libat urus dengan pemegang taruh berkaitan dengan pelaksanaan MBI dalam perancangan dan penggubalan dasar, strategi serta inisiatif ke arah pembasmian kemiskinan yang lebih komprehensif dan berkesan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, Kota Bharu, Pengkalan Chepa, Bachok, Tumpat, Pontian, Pasir Puteh, Rantau Panjang dan Pasir Mas, semua daripada negeri Kelantan kecuali Pontian telah membangkitkan mengenai isu bayaran tunai untuk negeri Kelantan yang dikatakan belum dibayar oleh Kerajaan Persekutuan walaupun kes mahkamah telah ditarik balik pada 27 Jun 2019 yang lalu. Hasil semakan kementerian ini dengan PETRONAS mendapati bahawa terdapat dua lapangan gas yang tidak dipertikaikan terletak dalam perairan Malaysia yang berhampiran dengan negeri Kelantan iaitu lapangan Bumi South dan Suria Selatan. Bayaran tunai yang dibayar oleh PETRONAS kepada Kementerian Kewangan mulai tahun 2009 hingga Ogos 2019 berjumlah RM387.72 juta adalah hasil daripada pengeluaran dua lapangan ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembayaran bagi Ogos 2019 berjumlah RM16.79 juta telah pun dilunaskan oleh PETRONAS kepada Kementerian Kewangan untuk maksud ini. Pihak Kementerian Kewangan menyalurkan sebanyak 50 peratus daripada bayaran tunai kepada kerajaan negeri Kelantan. Manakala 50 peratus lagi disalurkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Sekiranya kerajaan negeri Kelantan berpandangan bahawa seluruh bayaran tunai perlu dibayar terus kepada kerajaan negeri, maka disarankan kerajaan negeri Kelantan meneliti semula perjanjian yang telah dimeterai bersama MAIK pada tahun 2016. Manakala terdapat 10 lapangan pengeluaran ataupun *producing fields* yang mula mengeluarkan hasil secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2013 hingga ke hari ini. Malangnya masih belum wujud persempadanan perairan ataupun *sea boundaries* antara negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang untuk menentukan bayaran tunai kepada negeri-negeri berkenaan. Ini kerana tidak pernah wujud persempadanan laut di antara negeri-negeri di Malaysia.

Oleh kerana itu bayaran tunai untuk 10 *producing fields* ini tidak dibayar kepada mana-mana negeri sehingga persempadanan perairan ditentukan tertakluk kepada perundungan yang sedia ada. Bayaran tunai oleh PETRONAS untuk 10 lapangan gas dan minyak telah disalurkan kepada Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) yang berjumlah hampir RM1.2 bilion untuk tempoh tahun 2013 hingga 2019. Keputusan ini bukan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada Langkawi, tetapi keputusan ini dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Kerajaan Pakatan Harapan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi tidak akan letak wang ini sebagai Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan. Sebaliknya akan dianggap

bayaran tunai tetapi akan dibayar kepada Kelantan dan Pahang setelah ditentukan sempadan lautan antara Kelantan dan Terengganu dan Pahang dengan Terengganu. PETRONAS tidak akan abaikan semangat perjanjian Akta Pembangunan Petroleum 1974 di bawah Kerajaan Pakatan Harapan.

■1520

Bayaran tunai daripada bulan Jun 2018 hingga sekarang akan disimpan sehingga sempadan laut ditentukan. Dalam seksyen 3(2) Akta Kemajuan Petroleum 1974, Perdana Menteri boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut. Dalam konteks ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju supaya bayaran tunai kepada kerajaan negeri akan dibayar terus oleh Petronas mulai tahun 2020 seperti amalan yang dilaksanakan oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Beralih kepada isu penyaluran wang berkaitan hasil petroleum pada Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Kanowit dan Yang Berhormat Ranau.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang telah dijawab oleh Yang Berhormat berkaitan dengan persempadanan laut. Jadi saya ingin tahu dengan masalah yang disebutkan Yang Berhormat kerana tidak ada persempadanan laut yang sekian lama, jadi bilakah perkara ini akan dilaksanakan? Apakah halangannya, kenapa perkara ini tidak dibuat.

Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi juga, Yang Berhormat Menteri menyebutkan bahawa 2020 akan mula dibayar *direct* kepada negeri, maknanya kalau royalti ini *direct* kepada Kelantan tidak melalui Kerajaan Pusat. Jadi bagaimana dengan tunggakan yang lepas-lepas, sejak daripada hasil petroleum ini dikeluarkan.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat Rantau Panjang, pertama memang persempadanan perairan laut ini tidak pernah wujud di antara negeri-negeri, yang ada adalah sempadan perairan mengikut negara di antara Malaysia dengan negara-negara jiran. Di antara negeri memang tidak wujud dan ini menyulitkan Petronas untuk membuat bayaran tunai kepada negeri-negeri yang berhak mendapat bayaran tunai tersebut.

Oleh itu saya telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam, apakah langkah yang boleh kita ambil. Pada prinsipnya kita akan memulakan proses untuk menentukan sempadan perairan mengikut negeri tertakluk kepada perundangan yang sedia ada, itu yang pertama.

Kedua, seperti yang saya nyatakan tadi, untuk 10 lapangan gas dan minyak yang belum ditentukan sempadan perairan negeri ini, Petronas tetap membuat bayaran tunai kepada

Kerajaan Persekutuan dan telah pun diletakkan di dalam Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) mulai tahun 2013 hingga tahun 2019.

Ini bukan keputusan kerajaan pada hari ini, Yang Berhormat sedia maklum 2013 adalah di dalam pentadbiran kerajaan yang lama, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari Langkawi telah mengambil keputusan dan memaklumkan kepada saya untuk tahun 2018, Jun 2018 dan 2019 walaupun jumlah itu sedang berada dalam ATTD maka sebaik sahaja penentuan sempadan perairan ini diputuskan, kita akan bayar kepada negeri-negeri yang berhak mendapat bayaran tunai tersebut.

Jadi maknanya tunggakan itu hanya pada Jun 2018 sehingga seterusnya kerana sebelum itu yang tidak mahu membayar kepada Kelantan adalah Yang Berhormat Pekan. Jadi Yang Berhormat berhati-hati dengan Yang Berhormat Pekan, jangan terlalu rapat dengan Yang Berhormat Pekan, rapatlah dengan Pakatan Harapan. *[Tepuk]*

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih, minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih, kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang baru saya terima jawapan hari ini berkaitan dengan soalan saya berapakah jumlah pengeluaran gas dan petroleum daripada perairan negeri Kelantan dan spesifik yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri ialah kawasan MTJDA yang juga tercatat dalam buku Anggaran Hasil Persekutuan tahun 2020 yang jumlahnya yang dicatat dalam buku tersebut RM1.9 bilion.

Jadi kalau dilihat kepada jawapan ini hasil yang diperolehi setahun di kawasan MTJDA 383 bilion kaki padu untuk gas asli, 5.26 juta tong bagi kondensat. Kalau dikira berdasarkan kepada nilai semasa dan *exchange rate dollar* dengan *per barrel* ianya menganggarkan hasil untuk kawasan MTJDA sahaja RM11.1 bilion.

Kalau mengikut perjanjian yang juga Yang Berhormat pernah menerangkan, mendedahkan maklumatnya dalam Dewan ini pada 31 Julai 2018, daripada mana-mana hasil yang dapat daripada perairan negeri yang mengeluarkan gas dan juga petroleum, lima peratus dibayar kepada Kerajaan Pusat dan lima peratus dibayar kepada Kerajaan Negeri. Kalau saya buat kira-kira berdasarkan kepada jawapan ini, sepatutnya daripada satu medan, satu blok MTJDA ini sahaja Kelantan sepatut dapat RM278,450 juta untuk setahun.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sebut ada 10 telaga minyak yang dalam pertikaian *sea boundaries* yang tidak selesai. Jadi kalau sudah diselesaikan nanti bagaimana dengan kawasan JDA dan juga saya difahamkan ada tiga lagi blok, blok PM301, PM302, PM3 yang juga keluaran hasilnya sangat besar berbanding dengan jumlah bayaran wang ihsan yang dibuat oleh Menteri Kewangan, terlalu kecil hendak dibandingkan dengan kira-kira yang sepatutnya diperolehi.

Kira-kira ini bukan daripada kami biasa-biasa, daripada pakar-pakar yang juga boleh diiktiraf kemampuan mereka. Jadi kalau RM28 juta tahun ini dibayar oleh Menteri Kewangan itu sangat kecil jumlahnya berbanding dengan anggaran RM1.1 bilion yang sepatut dapat pada kerajaan negeri setiap tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, sila. Nanti jawab sekali gus.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya meneliti dengan teliti jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang dengan jelas mengesahkan bahawa pembayaran-pembayaran royalti ini adalah tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan kementerian Yang Berhormat Menteri.

Akan tetapi sejak kita bermula persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini, saya sangat dukacita dan mungkin juga sakit hati dengan tindakan Yang Berhormat di sebelah sana yang menyerang Menteri Kewangan secara berulang kali, bertubi-tubi seolah-olah menyalahkan Menteri Kewangan di atas pembayaran-pembayaran royalti ini menuduh Menteri Kewangan membuat pelbagai tuduhan dan sebagainya. So, bolehkah Yang Berhormat Menteri sekali lagi menjelaskan bagi manfaat semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat yang mulia ini bahawa pembayaran royalti ini bukanlah tertakluk kepada bidang kuasa ataupun keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tadi kata sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih, Yang Berhormat Jelutong. Saya telah jelaskan tadi bahawa pembayaran bayaran tunai ini akan dibuat oleh Petronas kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan dan kemudian Kementerian Kewangan akan menyalurkan...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang Berhormat Menteri, kalau saya boleh masukkan soalan saya terus supaya dapat dijawab bersama dalam tajuk yang serupa, tajuk yang sama. Yang Berhormat Menteri, saya mendengar dengan teliti dan sangat hebat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Namun, pada hari ini sebenarnya hari yang cukup malang kepada rakyat Negeri Kelantan di mana kerajaan menjumpai satu alasan baru untuk menafikan hak rakyat Kelantan untuk menerima royalti. Yang Berhormat Menteri, satu soalan saya dengan perempadanan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kalau Kelantan tidak berada dalam Malaysia, siapa yang akan memiliki telaga-telaga minyak ini?

Saya cukup yakin apabila Akta Kemajuan Petroleum dibuat ataupun di draf pada 1974 yang lalu dan diterima di Parlimen ini, dia tentunya ada semangat kepada akta itu. *The spirit of*

*the act* yang mana semangat akta itu jelas memperlihatkan bahawa apabila Petroleum dikeluarkan di mana-mana sama ada di daratan ataupun di lautan, tidak disebutkan persempadanan yang belum ada tetapi disebut di lautan.

■1530

Lautan itu adalah merupakan lautan permukaan Kelantan, paling dekat dengan darat Kelantan. Tiba-tiba pada hari ini dikatakan belum ada sempadan. Demikian juga perjanjian di antara PETRONAS, Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Kelantan sudah tentu perjanjian itu ada semangatnya. *The spirit of the agreement* yang memberikan hak kepada Kelantan selaku tanah di sebahagian daripada Semenanjung tanah Melayu itu, maka berhak untuk mendapat haknya baik petroleum yang dikeluarkan di daratan maupun di lautan. Semuanya sudah ada semangatnya, sebab itulah perjanjian itu dibuat. Oleh sebab itulah akta itu dilaksanakan pada tahun 1974, tentu ada semangatnya. Tiba-tiba pada kali ini selepas pada hujah-hujah sebelum daripada ini kita cuba tentang dan sebagainya. Hari ini keluar satu hujah baharu kerana sempadannya belum ada.

Sungguh malang kepada rakyat negeri Kelantan. Saya mengharapkan supaya Kerajaan Pakatan Harapan merupakan kerajaan yang disebut sebagai Malaysia Baharu ini, tidak mengkhianati rakyat negeri Kelantan. Ini adalah merupakan pengkhianatan yang cukup hebat kepada rakyat Kelantan. Rakyat Kelantan ini pun ramai doa-doa kita pun *insya-Allah* akan dimakbulkan oleh Allah SWT dan saya harap Menteri yang sangat budiman yang kita rakyat Kelantan ini menaruhkan kepercayaan, keyakinan dan harapan kepada seorang-seorang Menteri ini untuk memberikan keadilan kepada rakyat negeri Kelantan. Saya mengharapkan juga— Yang Berhormat Jelutong jangan ganggu. Saya mengharapkan juga dalam apa jawapan Menteri tadi supaya mengambil kira...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tanya UMNO lah siapa yang mengkhianati. Tanya UMNO.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** ...Bahawa UMNO sudah bagi alasannya sebelum daripada ini. Kerajaan yang mentadbir negara pada hari ini ialah Kerajaan Pakatan Harapan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang *hampa* hendak berkawan dengan UMNO ini *pasa/ apa?*

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Yang mentadbir negara hari ini.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Jelutong duduklah. [*Tidak jelas*]

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Kita bercakap tentang hari ini. Yang Berhormat Jelutong tidur dululah. Supaya Menteri juga— apakah Menteri sedar bahawa Dewan Undangan Negeri Kelantan. [*Pembesar suara dimatikan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat. Baca Peraturan Mesyuarat Perkara 24(4). Peraturan Mesyuarat, ini untuk

sesi untuk bertanya. Bukan jadikan alasan untuk berbahas. Menteri hanya jawab mereka yang ada dalam Dewan. Tidak ada dalam Dewan, jawab jawapan bertulis. Sila.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, minta Menteri minta laluan sedikit lagi.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya mohon sedikit.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua sepatutnya menegur Yang Berhormat Jelutong yang menganggu. Saya cuma hendak kemukakan soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dua kali lima.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Dewan Undangan Negeri Kelantan menolak Akta Laut Wilayah? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Minta sedikit.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Yang Berhormat Kubang Kerian *last*.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang kerian *last*. Pertama sekali terima kasihlah atas jawapan kerana mulai tahun 2020 PETRONAS akan bayar terus kepada kerajaan negeri. Saya fikir ini suatu pengiktirafan bahawa sistem yang berjalan selama ini tidak betul dan kita perbetulkan. Itu satu tindakan yang positif.

Keduanya ialah 10 lapangan gas yang ditemui sebenarnya berada di perairan Kelantan sempadan dengan Thailand. Tidak ada kena-mengena dengan kawasan Terengganu dan saya hairan bagaimana boleh takut bertindih sempadan dengan Terengganu. Ini sebab penemuannya kawasan itu ialah kawasan yang berada dalam kawasan perairan Kelantan, sebahagian lah. Sebagiannya. Saya fikir di antara 10 itu memang ada berapa yang *confirm* bawah hampir dengan perairan Kelantan sebagaimana yang disebut tadi. Mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebelum itu, Yang Berhormat Menteri panjang lagi?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Mungkin dalam 15 minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, saya bagi masa tambahan 10 minit.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Jelutong. Cuma saya hendak nyatakan di sini amat tidak adillah sekiranya Yang Berhormat Tumpat melontarkan dakwaan bahawa kerajaan ini termasuk saya sendiri adalah

pengkhianat. Sekarang ini banyak orang menyerang saya seolah-olah saya ini pengkhianat. Saya tidak mengkhianati, saya melontarkan dan memberikan pencerahan pada petang ini dengan tujuan untuk mencari penyelesaian.

Oleh sebab itu, antara penyelesaian dalam perbincangan saya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam ialah menggunakan seksyen 3(2) supaya Perdana Menteri memberikan arahan kepada PETRONAS, membuat bayaran tunai terus kepada kerajaan negeri. Ini diiktiraf oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, selaku Timbalan Presiden kepada PAS. Selalunya Timbalan Presiden ini baik-baik, bagus dan tenang. *[Ketawa]* Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengiktiraf bahawa ada kebaikan yang dilakukan oleh kerajaan sekarang yang tidak pernah dinikmati oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan rakyat Kelantan di bawah pentadbiran yang lama.

**Seorang Ahli:** Betul. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Apa lagi yang perlu kita buat? Kedua ialah tidak benar saya ataupun Perdana Menteri ataupun kerajaan ingin mengkhianati rakyat Kelantan. Kita hendak cuba cari penyelesaian. Penyelesaiannya saya sebut tadi, dua lapangan gas memang sudah pasti itu adalah di dalam perairan Malaysia yang berdekatan dengan Kelantan. Akan tetapi ada 10 lagi lapangan. Ini bukan alasan baharu Yang Berhormat. Ini maklumat yang saya peroleh terus daripada PETRONAS supaya saya dapat berkongsi dengan Dewan yang mulia ini.

Saya percaya Dewan yang mulia ini tidak pernah mendapat akses kepada maklumat ini sebelum ini. Saya mengambil sikap yang terbuka, malahan untuk mendedahkan maklumat ini saya perlu mendapat kelulusan daripada Perdana Menteri dan beliau memberitahu saya supaya perkara ini dibentangkan secara terbuka dalam Dewan Rakyat supaya rakyat Kelantan tahu. Ada 10 lapangan gas dan minyak yang berada di perairan Malaysia tetapi kita belum ada sempadan perairan mengikut negeri. Saya boleh ada—saya bawa fakta.

Ini *map* yang menunjukkan 10 lapangan minyak dan gas yang berada di perairan. Ada juga yang—saya tak tahu kalau-kalau kita hendak ikut peruntukan yang sedia ada Yang Berhormat, kita ada lingkungan tiga batu nautika dari pesisir pantai Kelantan. Itu mudah. Maknanya daripada persisiran pantai Kelantan ini, tiga batu nautika kita boleh tentukan itu adalah milik kerajaan Kelantan. Akan tetapi kalau saya *go into details*, kesemua 10 lapangan ini adalah di luar tiga batu nautika pesisir pantai Kelantan. Nanti biar saya habis dulu.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Pohon laluan.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dengar dulu.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Jadi, oleh kerana itu kalau dia berada di dalam tiga batu nautika dari pesisir pantai Kelantan, kita boleh putuskan segera bahawa semangat Akta Pembangunan Petroleum ataupun akta 1974 itu kita laksanakan lima peratus untuk negeri, lima peratus untuk Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi kesemua ini berada sama ada sempadan kita hendak ambil begini ataupun begini ataupun begini. Kalau ikut tiga batu nautika daripada pesisir

pantai Kelantan, saya boleh ukur tiga batu nautika begitu dan kita selesai masalah. Akan tetapi kalau di luar tiga batu nautika apa keputusan kita? Ini hari ini.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Masalah yang saya bincang dengan PETRONAS ialah sekiranya di masa depan, *insya-Allah* kita jumpa lagi telaga minyak, telaga gas. Selagi sempadan perairan negeri ini tidak diselesaikan, masalah ini akan berpanjangan. Niat saya ialah lebih baik kita selesaikan sekarang. Kalau perlukan proses menentukan sempada perairan mengikut negeri, perlu dimulakan sekarang, mulakan sekarang. Inilah yang saya tegaskan kepada rakan-rakan tadi dan saya minta kebenaran daripada Perdana Menteri, apakah boleh proses ini dimulakan supaya di masa hadapan sekiranya ada telaga-telaga baharu yang kita jumpa, kita sudah tahu itu milik negeri mana. Apakah ini satu pengkhianatan? Mungkin istilah itu terlalu berat untuk saya terima dan saya harap rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memahami tujuan PETRONAS ialah untuk menyelesaikan masalah.

#### ■1540

Malahan saya sebut tadi, walaupun sempadan perairan negeri belum selesai, Petronas tetap melaksanakan tanggungjawabnya. Dia dah bayar dah RM1.2 bilion ini kepada ATTD dan saya nyatakan tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju untuk tahun 2018 mulai Jun sehingga sekarang, kita akan lunaskan kepada negeri yang telah ditentukan sempadan perairannya tetapi pada masa ini, kita belum dapat selesaikan perkara tersebut.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Menteri, boleh? Sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Jelas.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Jadi, itulah. Sebab kalau tidak, saya bagi satu contoh. Ada telaga minyak gas di Bertam. Ini juga menjadi tuntutan Pahang. Yang Berhormat, Pahang juga adalah sebahagian daripada Malaysia. Terengganu juga adalah sebahagian daripada Malaysia. Jadi, biarlah peruntukan undang-undang yang sedia ada ini menentukan sempadan dan kita akan bayar. Kalau kesepuluh-puluh ini di dalam perairan Kelantan, saya memberi jaminan Petronas akan bayar pembayaran tunai terus kepada Kelantan [*Tepuk*].

Kalau ianya dimiliki, berada dalam perairan Pahang, saya bertanggungjawab untuk memberikan penegasan bahawa bayaran tunai itu menjadi milik rakyat Pahang dan semua ini adalah Malaysia. Saya tidak berniat untuk mengkhianati Kelantan dan memberikan royalti ni kepada negeri lain, tidak. Kita putuskan, ini bukan alasan baharu. Saya hanya memberikan maklumat yang terkini bagaimana kita nak cari penyelesaian.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Ya, saya sokong Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Ada penyelesaian, saya dan Petronas dan kerajaan akan membuat bayaran.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Saya sokong Yang Berhormat Menteri cuma ada soalan sikit.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Boleh saya tambah?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih. Boleh saya teruskan yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri kepada topik yang lain. Sudah jelas. Sudah terang tak payah bersuluh lagi.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Menteri, royalti yang sudah dibayar itu adakah sudah selesai isu *boundary* dia?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Ya?

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap ada sedikit masa sebab isu ini isu besar. So, saya harap diberi peluang untuk bertanya. Pertama, saya yakin sebab itu tahun lepas saya dah ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kemelut royalti ini akan selesai dengan kerajaan baharu. Cuma, apa yang berlaku baru-baru ini ialah apabila kita tidak diberi makluman jumlah sebenar yang patut diterima. Apabila Kelantan menerima bayaran ihsan zaman BN mulai tahun 2016 dan kemudian dibayar oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini, kita tidak tahu adakah itu jumlah lima *percent* atau pun sebaliknya sebab kita tak tahu jumlah sebenar sehingga menimbulkan konflik adakah itu wang ihsan ataupun wang royalti.

Soalan saya, apabila jumlah yang dibayar baru-baru ini, jumlahnya adalah hampir sama dengan jumlah yang telah dibayar mulai tahun 2016, zaman BN, zaman Yang Berhormat Pekan, dia bayar kepada JPP dan juga kepada majlis agama. Kemudian, apabila berlaku perubahan kerajaan baharu, dibayar jumlahnya sama. Adakah jumlah yang hampir sama ini yang kita jangka sehingga ratus juta tetapi Yang Berhormat Menteri sebut tadi hanya puluh juta. Jumlah ini dah bermula dibayar zaman BN. Jadi, soalan saya adakah apa-apa perubahan pengiraan berlaku ataupun ia hanyalah soal nama sahaja. Dulu zaman BN nama dia ihsan, sekarang dah nama royalti. Saya nak tahu jumlah sebenar pengiraan, cara mengira zaman BN dengan zaman sekarang. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Saya bagi maklumat yang terperinci di sini. Pembayaran bayaran tunai kepada Kelantan pada tahun 2019 yang dibuat pada bulan Ogos baru-baru ini yang berjumlah RM16.79 juta adalah hasil daripada pengeluaran untuk bulan Januari hingga Jun 2019. Maka persoalan seterusnya, apakah jumlah *production* untuk tempoh tersebut. Saya boleh bersedia beri tetapi Yang Berhormat kena ingat, jumlah ini mungkin memang kecil kerana tertakluk kepada hanya dua lapangan gas iaitu Bumi South dan Suria Selatan.

Apakah *production* yang dikeluarkan di kedua-dua kawasan ini? Pertama, untuk PM2 bagi tahun 2019 sehingga Ogos ialah 0.6 *thousand barrels per day*, ini untuk *condensate*. Untuk gas, 64.8 *million scf*. Untuk satu lagi lapangan gas untuk *condensate*, pengeluarannya ialah 0.3 *thousand barrels per day* manakala untuk gas ialah 54.8 *million scf*. Jadi, berdasarkan jumlah

hasil di dua-dua lapangan ini, itulah bayaran tunai yang telah dilaksanakan. Mungkin insya-Allah kalau kita dapat selesaikan segera 10 lapangan ini, saya yakin penerima yang terbesar adalah negeri Kelantan berbanding dengan negeri-negeri yang lain kerana kedudukan yang daripada segi mata kasar kita merasakan berada dalam Kelantan tetapi kita mahu sempadan yang sahih tertakluk kepada perundungan yang sah.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Maksudnya Yang Berhormat Menteri, lebih kurang apabila pembayaran itu dibuat zaman BN dahulu, adakah lebih kurang pengiraan sama atas dua telaga ini juga cuma atas nama wang ihsan?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Pembayaran tunai oleh Petronas kepada Kelantan hanya bergantung kepada dua lapangan ini sahaja kerana 10 itu masih lagi *dispute* ataupun belum ditentukan sempadan perairan negeri.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja, sikit.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak tamatkan. Saya minta maaf Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Kita boleh bincang selepas ini. Saya ingin memberi penjelasan ...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Tumpat pun nak bincang juga selepas ini, Tumpat.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** ... Tumpat? Okey. Terima kasih. Saya ingin memberi penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Bera, Pekan, Paya Besar, Air Hitam, Pontian, Pasir Salak, Bintulu, Machang dan Setiawangsa yang membangkitkan isu berkaitan Khazanah. Jangan termenung Yang Berhormat Jasin, dengar betul-betul.

Saya telah menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, pelupusan yang Khazanah lakukan dalam tempoh setahun adalah bagi aset-aset komersial sahaja bukan aset-aset strategik yang telah mencapai sasaran komersial yang ditetapkan. Ia bertujuan untuk menjana hasil pertamanya untuk membayar hutang Khazanah bukan hutang kerajaan. Yang Berhormat Kota Tinggi, tolong bisikkan kepada Yang Berhormat Pekan. Ini hutang Khazanah bukan hutang kerajaan dan yang kedua, untuk dilaburkan semula dalam pelaburan baharu.

Bagi aset-aset strategik milik Khazanah, Khazanah tetap kekal pemegang saham tunggal terbesar dalam beberapa GLC utama negara. Setakat 30 September 2019, pegangan Khazanah dalam aset strategik adalah seperti berikut;

- (i) Malaysia Airports Holdings Berhad, 33.21 peratus
- (ii) Telekom Malaysia, 26.15 peratus; dan
- (iii) Tenaga Nasional Berhad, 27.27 peratus.

Hasil daripada pelupusan yang dilaksanakan oleh Khazanah sepanjang tahun 2018 dan 2019, Khazanah telah berjaya mengurangkan hutang kira-kira RM8 bilion daripada RM55 bilion kepada RM47 bilion dan dijangka akan terus dikurangkan kepada RM35 bilion hingga RM40 bilion dalam tempoh jangka sederhana. Bagi tahun kewangan 2019, Khazanah menjangkakan

akan kembali mencatatkan keuntungan sekitar RM5 bilion berbanding kerugian RM6.3 bilion pada tahun kewangan 2018.

Penjualan atau lebih tepat pelupusan aset adalah aktiviti perniagaan yang lazim dilakukan oleh Khazanah sebagai sebuah dana pelaburan ataupun *investment fund* dan bukanlah suatu perkara yang baharu. Ia juga adalah aktiviti perniagaan yang dilakukan oleh dana pelaburan yang lain.

Memandangkan Khazanah tidak menerima sebarang suntikan dana daripada sumber luar untuk pelaburannya, hasil pelupusan merupakan sumber utama untuk pelaburan baharu. Ini berbeza dengan EPF dan PNB. Selain daripada hasil pelupusan, EPF menerima dana daripada caruman pekerja secara berkala manakala PNB menerima dana daripada pelabur dalam unit amanahnya untuk aktiviti pelaburan mereka.

Pelupusan aset dipertimbangkan sebaik sahaja sesuatu pelaburan telah mencapai sasaran kewangan dan strategik yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, pelaburan tersebut telah mencapai keuntungan yang disasarkan. Pelupusan sesuatu aset juga bergantung kepada masa dan kekuatan pasaran serta ketersediaan ataupun *availability, quality* dan kredibiliti pembeli. Prinsip ini digunakan untuk pelupusan sebelum ini dan sebarang pelupusan yang akan dibuat pada masa hadapan. Sejak Mei 2018 hingga Jun 2019, Khazanah telah melaksanakan pelupusan berjumlah kira-kira RM18.8 bilion iaitu RM3.2 bilion antara Mei hingga Disember 2018 dan RM15.6 bilion antara Januari hingga Jun 2019.

Daripada jumlah pelupusan ini, Khazanah telah melaksanakan pelaburan baharu dalam pelbagai sektor berjumlah lebih kurang RM6.4 bilion, membayar hutang Khazanah sebanyak RM8 bilion dan membayar dividen kepada kerajaan berjumlah RM1 bilion. Lebihan daripada pelupusan ini, disimpan sebagai tunai untuk pelaburan pada masa akan datang.

#### ■1550

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hasil daripada pelupusan yang dilakukan oleh Khazanah tidak digunakan untuk membayar hutang kerajaan. Bayaran yang diterima oleh kerajaan daripada Khazanah adalah hanya dalam bentuk dividen tahunan dan cukai. Khazanah menggunakan beberapa metodologi dalam proses pelupusan aset. Jenis-jenis aset memerlukan pendekatan yang berbeza untuk dilupuskan. Sebagai contoh, ini saya pohon Yang Berhormat Jasin tekun mendengar, ambil nota dan tolong *email* kepada Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Pontian selepas ini. Sebagai contoh, Khazanah baru-baru melalui M+S Pte. Ltd. bersetuju untuk menjual kesemua kepentingannya tertakluk kepada kaedah pelupusan yang telah ditetapkan oleh perjanjian usaha sama melalui proses pembidaan antarabangsa. M+S adalah pemaju hartanah yang dimiliki secara bersama oleh Khazanah dan Temasek Holdings menerusi pegangan 60:40.

Khazanah memperoleh keuntungan yang tinggi melalui penjualan aset hartanahnya di Singapura berdasarkan kepada harga tawaran yang paling menarik diterima daripada pembida antarabangsa yang mengambil bahagian. Jadi, di mana masalahnya? Ini bukan aset strategik di Singapura. Pembangunan M+S merupakan pembangunan bercampur. Ada pejabat, ada hotel,

ada tempat tinggal. Apakah ini aset strategik? Ratusan hotel ada di Singapura. Kita boleh simpan, kita boleh pegang aset-aset ini dengan mendapat hanya sewaan bulanan dan tahunan, tetapi apakah itu memberikan pulangan yang baik? Maka, Khazanah yang memegang 60 peratus dalam *join venture* ini memutuskan untuk melupuskan pegangannya melalui pembidaan antarabangsa. Ini antara kaedah yang digunakan untuk memastikan Khazanah mendapat pulangan yang terbaik. Maka, dalam konteks ini, Khazanah telah menerima tawaran yang paling menarik daripada penjualan pegangan 60 peratus.

Saya juga hendak jelaskan tentang pelupusan...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Boleh saya? Ringkas sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Saya hendak bagi tiga contoh, selepas itu Yang Berhormat boleh diberikan laluan. Saya juga ingin menjelaskan tentang pelupusan sebahagian kepentingan di dalam IHH Healthcare Berhad yang merupakan penyedia perkhidmatan kesihatan premium. Sebelum pelupusan, Khazanah memiliki 42 peratus kepentingan di dalam IHH, manakala Mitsui memiliki 20 peratus. Khazanah 42 peratus, Mitsui 20 peratus, rakan kongsi dalam IHH. Khazanah telah menerima tawaran daripada Mitsui, rakan kongsinya untuk membeli 16 peratus kepentingan Khazanah dengan 25 peratus premium atas harga pasaran. Takkun tak faham lagi Yang Berhormat Kota Tinggi? Kita ada 42 peratus, rakan kongsi kita ada 20 peratus. Now, dia buat tawaran dia hendak ambil 16 peratus *plus 25 percent premium above the market price*. Khazanah masih mengekalkan kepentingan di dalam IHH sebanyak 26 peratus. Maka, Khazanah membuat keputusan komersial untuk menerima tawaran ini kerana premium yang ditawarkan menggambarkan keuntungan masa hadapan, selain dapat mengekalkan momentum pertumbuhan.

Sebelum ini saya sudah jawab, tetapi ada pandangan di sebelah sana. Pandangan bahawa Khazanah akan mendapat harga yang lebih baik sekiranya pelupusan ini dibuka kepada pembida luar. Hebat. Yang Berhormat UMNO sekarang sudah faham tender terbuka, proses terbuka. Dahulu apabila Yang Berhormat Pekan buat *direct nego*, seorang pun tidak bercakap. Sekarang baru hendak bersuara, hendak menjadi juara... *[Tepuk] Open process*. Pandangan ini meleset Yang Berhormat Kota Tinggi. Ini kerana pegangan sebanyak 16 peratus ini adalah terlalu kecil untuk pembeli menawarkan premium yang cukup menarik. Kalau hendak buka kepada luar, dia ada *zero percent of interest in IHH*. Dia hendak ambil 16 percent, takkanlah dia hendak tawar premium yang tinggi. Akan tetapi bagi Mitsui yang telah memiliki 20 percent dalam IHH now, dengan penawaran 16 peratus oleh Khazanah, dia menjadi 36 peratus, barulah dia boleh buat premium 25 percent kepada Khazanah. Berbeza yang saya sebut sekejap tadi dengan Mitsui yang telah pun mempunyai pegangan 20 peratus dan tambahan 16 peratus, merupakan satu peningkatan yang signifikan bagi Mitsui di dalam IHH.

Saya juga hendak beri satu lagi penjelasan tentang keputusan Khazanah melupuskan pegangannya dalam Prince Court Medical Centre kepada IHH. Ini pun riuh UMNO marah...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Sekejap, sekejap, sebelum beralih kepada itu.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Satu sahaja lagi. Hendak habis ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Bagi Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** IHH.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Isu yang sama. PCMC ini ataupun Prince Court Medical Centre ini adalah sebuah hospital yang dibeli oleh Khazanah daripada Petronas. Kalau hendak bincang lebih panjang, saya boleh beritahu siapa yang arah beli daripada Petronas. Hospital ini tidak menjadi sebahagian daripada kumpulan hospital yang mempunyai rangkaian yang besar. Maknanya apabila Khazanah membeli Prince Court Medical Centre, Prince Court ini hanya satu hospital di Kuala Lumpur dan ia tidak menjadi sebahagian daripada rangkaian besar hospital sama ada dalam negara atau luar negara.

Namun, memandangkan Khazanah masih mempunyai kepentingan dalam IHH sebanyak 26 peratus yang saya telah jelaskan tadi. Asalnya 42 peratus, jual 16 peratus, dia masih ada 26 peratus. Oleh kerana dia ada 26 peratus, maka keputusan untuk menyuntik Prince Court Medical Centre dalam IHH ini merupakan satu tindakan komersial yang cukup bijaksana bagi meningkatkan potensinya menjadi sebahagian daripada kumpulan hospital yang premium dan mempunyai rangkaian perkhidmatan kesihatan di luar negara. Faham Yang Berhormat Kota Tinggi? Daripada sebuah hotel kecil bersendirian, sekarang Prince Court Medical Centre telah disuntik dalam IHH yang dimiliki juga oleh Khazanah sebanyak 26 peratus, menjadi satu rangkaian besar bukan sahaja dalam negara, tetapi juga di luar negara.

Khazanah telus dalam pelaporan berkaitan aktiviti pelaburan dan pelupusan. Khazanah melaporkan prestasi kewangan, aktiviti pelaburan dan pelupusannya serta hala tuju dan tumpuan masa depan. Khazanah menerbitkan laporan tahunan serta penyata kewangan yang jelas, memaparkan aktiviti pelaburan dan pelupusan serta prestasi kewangannya untuk tatapan umum.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Jadi, itulah yang saya hendak respons Tuan Yang di-Pertua kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada beberapa perkara termasuk FELDA dan juga Malaysia Agreement 1963 yang tidak sempat saya jawab. Saya berjanji akan kemukakan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara ini dalam perbahasan. Saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan pandangan, kritikan. Sebahagiannya agak terlalu keras kepada saya, tetapi saya bersedia untuk menelannya kerana prinsip saya kekal tenang untuk maju ke hadapan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat telah berjanji dengan saya tadi. Yang Berhormat sudah berjanji dengan saya tadi. Saya hendak bangkitkan satu perkara. Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah selesai. Boleh satu. Ya silakan, silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat telah maklumkan bahawa semua aset Khazanah diletakkan dalam dua *basket*. Satu komersial, satu strategik. Saya faham tetapi kalau Yang Berhormat kata strategik tadi termasuk MHB, termasuk TNB dan juga Telekom. TNB dan Telekom pun kena jual juga. Itu yang pertama.

Kedua, tentang aset komersial tadi, IHH. Kita faham. Sekarang Yang Berhormat telah terangkan saya, saya sudah faham. Akan tetapi, mengapa penjualan tersebut dibuat dalam keadaan *market* kita yang cukup teruk sekarang? Market kita cukup merudum. Walaupun kita diberi 25 peratus premium, tetapi berdasarkan daripada market sekarang yang cukup rendah sekali, maka masa penjualan ini adalah tidak tepat sama sekali. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya sudah nyatakan pertimbangan kita untuk melupuskan aset-aset ini berdasarkan ketersediaan, *availability* pasaran dan sebagainya. Bagi Khazanah, itulah masa yang terbaik untuk menerima tawaran daripada Mitsui dengan tawaran 25 peratus premium di atas harga pasaran. Jadi, itu pertimbangan yang telah dibuat. Ini bukan soal pengkhianatan terhadap pemegang-pemegang saham.

#### ■1600

Keduanya, betul kita ada dua *basket*, satu strategik dan satu lagi tentang komersial. Saya telah berikan *percentage* kepada Yang Berhormat sebentar tadi tentang pegangan yang masih kekal khazanah di dalam kesemua institusi tersebut, *Malaysia Airports* 33.21 percent, Telekom 26.15 percent dan Tenaga Nasional Berhad 27.27 peratus ini adalah sehingga September 2019, statistik yang terbaru. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sikit Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tidak sempat sebab *traffic jam* [*Ketawa*].

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengapa Yang Berhormat masuk lambat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan hendak tanya soalan. Saya tidak minta jawapan. Saya hendak komen bahawa hasil daripada ucapan yang baik, pagi tadi market kita jatuh sebab jawapan tidak bagus. Akan tetapi sekarang jawapan yang dibagi, *market* naik saya baru check.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun sudah tengok *market* sudah naik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini menunjukkan bahawa jawapan Menteri harus berhati-hati supaya tidak mendatangkan kesan kepada *market*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan kalau boleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi kena ambil alih Menteri Kewangan, terima kasih. [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, satu jam untuk menjawab.

#### 4.01 ptg.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah.* Tuan Yang di-Pertua, seramai 28

orang Ahli Mesyuarat Dewan Rakyat ini telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan ada beberapa isu yang telah dibangkitkan sudah tentu yang melibatkan di bawah kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu isu perumahan, isu sisa pepejal, isu perkhidmatan perbandaran dan juga isu kebombaan.

Jadi memandangkan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mengangkat isu-isu yang agak bertindih, jadi saya akan merangkumkan bahas saya ataupun maklum balas saya dalam memfokuskan kepada isu-isu yang berbentuk polisi kerana ia di peringkat dasar, maka saya akan fokus kepada polisi. Sekiranya ada isu-isu yang melibatkan kawasan, kalau tidak sempat, kita buat secara bertulis. Jadi isu-isu yang dibangkitkan mengenai perumahan termasuk isu-isu mengenai rumah mampu milik, perancangan bagaimana untuk mencapai satu juta rumah, tentang penentuan harga, tentang langkah-langkah menurunkan kos pembinaan, tentang lambakan rumah dan tentang skim-skim pembiayaan.

Jadi beberapa Ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam isu-isu polisi ini termasuk Yang Berhormat Tanjung Karang. Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Kota Baharu, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Tanjung Malim. Saya akan menjawab semua walaupun ada yang mungkin tidak ada dalam Dewan tapi memandangkan ia isu polisi saya akan terus juga memberikan jawapan dalam bentuk keseluruhan.

Jadi untuk makluman kepada semua Ahli Dewan Rakyat, untuk kita memastikan bahawa Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan mencapai satu juta rumah, ia telah dapat kita lihat dengan beberapa pendekatan iaitu memastikan bahawa semua pihak akan mengambil bahagian dalam melaksanakan manifesto ini, termasuklah pihak-pihak swasta, kerajaan negeri dan juga agensi-agensi perumahan. Memandangkan PR1MA, SPNB dan juga PPM telah diselaraskan di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, maka ia memberi KPKT sedikit lagi *advantage* untuk mendapatkan tanah-tanah di peringkat PTP untuk membina rumah.

Jadi untuk tahun ini sahaja, kita telah merekodkan rumah yang sudah dibina sebanyak yang sudah siap adalah 39,000, yang dalam pembinaan akan siap 181,000. Jadi untuk tahun 2019, *insya-Allah* kita telah mencapai *target* 100,000 untuk tahun ini. Untuk yang ke depan *insya-Allah*, KPKT akan melancarkan program-program untuk melaksanakan tender kepada tanah-tanah di peringkat *Federal* kepunyaan KPKT iaitu tanah-tanah di bawah Jabatan Perumahan Negara, tanah di bawah SPNB, di bawah PPM dan juga di bawah PR1MA yang telah kita gabungkan, *centralize*-kan di bawah KPKT dan dengan pihak swasta ada sebanyak 82 bidang tanah, *insya-Allah* akan kita lancarkan untuk dikeluarkan tender untuk pembinaan rumah mampu milik.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Pendang, silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan penyediaan rumah yang dijangka 200,000 lebih yang akan disediakan akan datang. Akan tetapi kita melihat rumah satu, yang pertamanya rumah PR1MA ini mahal dibandingkan keperluan penduduk di Kuala Lumpur. Saya hendak bagi satu statistik yang dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Pemantauan dan Pengawasan Kewangan Bank Negara iaitu Qaiser Iskandar Anwarudin. Beliau mengatakan kemampuan maksimum bagi penduduk keseluruhan, hitung panjangnya rumah perlu tidak lebih daripada 282,000, penduduk Kuala Lumpur.

Jadi, kalaularah kerajaan, saya tengok purata pembinaan rumah di Kuala Lumpur RM417,262 seunit. Jadi ini di luar kemampuan. Ini kena perlu lihat terutamanya di Kuala Lumpur contohnya pertama, kerajaan hendak membina rumah kos tinggi yang melibatkan sampai RM1 juta akan jadi turun. Siapa yang untung, tentulah penduduk yang mendapat pendapatan lebih kurang RM4,000 tidak mampu beli.

Saya tengok di Wilayah Persekutuan, contohnya rumah mampu milik bagi rumah di Wilayah Persekutuan adalah sekitar RM454,000. Namun median yang sebenar yang ditawarkan oleh pihak berkuasa perumahan di Kuala Lumpur RM793,000 tentulah tidak ada kemampuan untuk membeli. Di Selangor juga kita tengok kemampuan membeli rumah yang dibina sekarang ini hanya paras RM375,000 seunit tetapi pembinaan yang dibuat sekarang ini, average RM482,000.

Kita minta pihak Kementerian KPKT ini ambil tindakanlah supaya tidak berlaku lambakan rumah kos tinggi. Biarlah kita menyediakan rumah kos yang mampu dibeli oleh penduduk-penduduk yang memerlukan rumah, yang terpaksa sewa dan sebagainya. Bukan minta rumah mampu milik, bukan mampu tengok. Sekian terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Harap Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai minta.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Minta saya habiskan saya punya jawapan dahulu dan catatkan apa yang hendak ditanyakan dan mungkin dalam kesimpulan saya perkara-perkara ini hendak bangkitkan sudah termasuk dalam ucapan saya nanti *insya-Allah*.

Jadi PR1MA itu ada juga dalam saya punya jawapan itu, biar saya aturkan ucapan saya agar dapat gambaran yang lebih sempurna. Jadi tadi saya sebut dan *insya-Allah* untuk melaksanakan rumah satu juta ini *insya-Allah* dapat kita laksanakan.

Di samping itu juga, KPKT juga di bawah JPN akan cuba untuk menurunkan kos pembinaan perumahan rumah mampu milik ini dengan mendapatkan pengurangan caj pemajuan dan kos pematuhan dan mengenakan caj pemajuan yang lebih rendah, mempercepatkan proses kelulusan dan memberi densiti bonus bagi projek rumah mampu milik, mengenakan premium

tanah dan kos penukaran status guna tanah yang lebih rendah dan mengecualikan pengurangan kos pematuhan untuk pembangunan rumah mampu milik (*compliance cost*).

Ini adalah perkara-perkara yang kita harap dapat dilaksanakan di peringkat negeri bersama dengan KPKT untuk menurunkan kos pembinaan rumah mampu milik ini. Jadi untuk penetapan harga rumah mampu milik ini seperti tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pendang, KPKT maklum tentang laporan itu. Akan tetapi harus juga ambil maklum bahawa dalam dasar rumah mampu milik yang telah digubal oleh KPKT, di sitolah terletak bahawa harga rumah akan ditentukan mengikut kadar formula, pendapatan *annual income* kali tiga kali ganda. Itu adalah formula yang kita guna berdasarkan median *income* dalam sesuatu kawasan.

Jadi kita ada dia punya *table*, data yang mana kita telah *breakdown* daripada peringkat negeri dan juga peringkat-peringkat kawasan bandar dan juga lokaliti. Jadi kalau terperincinya lagi di kawasan-kawasannya mungkin kita akan buat lagi formula mengikut kadar-kadar pendapatan di kawasan-kawasan itu. Jadi kalau ikut Kuala Lumpur tadi dan juga Selangor, memang tinggi sikit kerana pendapatan median di negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan memang tinggi.

Akan tetapi bawah dasar rumah mampu milik, kita tidak akan membina rumah RM300,000 ke atas, semua akan RM300,000 ke bawah.

#### ■1610

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri boleh sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Saya minta boleh catat dahulu *then* saya sudah habis baharu boleh sentuh. Sedikit sahaja *let me finish all these policy first* ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Okey.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Alright* terima kasih. Untuk isu-isu tentang perancangan RM1 juta saya sudah sebut tadi dan mengenai langkah-langkah menurunkan dari segi pembinaan dan skim-skim saya hendak sentuh tentang skim-skim yang telah disediakan yang sedia ada skim-skim yang telah ada dan telah dijalankan di bawah KPKT adalah Skim Pinjaman Perumahan MyHome, Skim Rumah Pertamaku, DepositKu, pengeluaran KWSP, tempoh pembayaran LPPSA di panjangkan, Skim Pembiayaan Kewangan Flexi, FundMyHome dan juga Skim Diskaun PLUS. Baru-baru ini selepas di umumkan oleh Kementerian Kewangan saya amat berterima kasih kerana telah bersetuju untuk meluluskan Skim Rent To Own yang mana ini kita banyak sudah dapat persetujuan dengan bank untuk bersama-sama untuk menyediakan wang sebanyak RM10 bilion daripada institusi kewangan yang mana *government guarantee* sebanyak RM3 bilion.

Dengan adanya wang RM10 bilion ini dan *government guarantee* sebanyak RM3 bilion ini maka KPKT mampu untuk melaksanakan Program Rent To Own. Jadi Program Rent To Own ini akan membantu pemohon-pemohon yang tidak mampu, tidak dapat kelulusan bank atas kegagalan untuk menyediakan dokumen-dokumen gaji mereka dan atas kegagalan untuk menunjukkan bahawa mereka mempunyai *second income* dan *third income*. Jadi dengan Skim

Program Rent To Own ini rumah-rumah yang telah dibina, sesiapa pemohon yang layak diteruskan dengan bank *loan* akan tetapi yang tidak layak *insya-Allah* akan kita longgokkan masukkan dalam Program Rent To Own yang mana mereka mula bayar ikut bulanan dan kita memberikan mereka masa sebanyak tempoh lima tahun. Selepas lima tahun mereka boleh memohon untuk pembiayaan bank sepenuhnya. Berdasarkan prestasi pembayaran bulanan yang telah mereka laksanakan. *That's means track record* yang baik dan bank akan pertimbangkan untuk mereka diluluskan pembiayaan yang seterusnya.

Akan tetapi kalau mereka yang hendak keluar daripada awal lima tahun dibolehkan juga. Jadi sekiranya ada kegagalan rumah untuk dibeli, KPKT dengan wang RM3 bilion *government guarantee* itu akan menggunakan wang itu untuk membantu membeli rumah-rumah itu untuk disewakan kepada pemohon-pemohon yang gagal. Jadi itulah Skim Rent To Own dan cagar emas juga memberikan juga melanjutkan skim untuk rumah pertama dan juga kepada belia dan di samping itu juga banyak lagi usaha-usaha sedang kami jalankan untuk mendapatkan lagi pembiayaan peribadi dari bank-bank dan juga skim-skim yang lebih *friendly* yang membolehkan pemohon terutamanya B40 untuk mendapatkan rumah.

Dari segi harga tadi, selain daripada penentuan harga dari segi lokasi dan sebagainya kita ada dua juga jenis harga rumah. Jenis satu adalah RM150,000 ke bawah dan jenis kedua RM150,000 ke RM 300,000. Ini yang Dasar Rumah Mampu Milik yang telah kita gubalkan agar memudahkan untuk rakyat mendapat rumah. Ini mengenai dasar perumahan yang telah kita gubalkan dalam Dasar Rumah Mampu Milik.

Jadi untuk isu tentang lambakan harga rumah mewah ada isu ini juga. So, dari segi lambakan rumah harga mewah ini seperti saya sebutkan jawapan saya tadi pagi adalah kegagalan kita untuk mendapatkan analisis yang sepenuhnya agar membuat *projection* yang lebih tepat dari segi lokasi rumah, harga rumah, tempat dan sebagainya. Jadi ini dalam proses KPKT dalam proses untuk membina *big data* agar pada masa akan datang bila permintaan perumahan *application* untuk perumahan. Permohonan untuk perumahan kita akan melihat data-data yang mana akan memberi kita *guide* panduan bagaimana kita hendak meluluskan sesuatu permohonan agar ianya selaras dengan permintaan jadi tidaklah ada isu lambakan.

Walau bagaimanapun, isu lambakan yang ada sekarang harus kita tangani jadi Program HOC kita telah laksanakan dan Program HOC yang telah kita jalankan pada tahun 2019 awal bulan daripada bulan Januari sampai bulan Jun sekarang kita sudah lanjutkan sampai bulan 12, mendapat sambutan yang sangat baik. Walaupun sasaran awal adalah RM3 bilion tetapi sasaran yang kita dapat sekarang adalah jumlah yang kita dapat adalah sebanyak RM14 bilion jualan rumah dan kita juga telah membuat satu juga Program HOC untuk rumah-rumah RM300,000 ke bawah. Itu pun telah mendapat sambutan kita buat tiga hari kempen dan telah mendapat jualan yang bolehlah dapat membantu mengurangkan keadaan rumah-rumah yang tidak terjual ya.

*Insya-Allah* ada juga Yang Berhormat Rasah saya ingat saya sebut Yang Berhormat Rasah kerana Yang Berhormat Rasah telah mencadangkan agar mungkin Program HOC ini

boleh disambung pada tahun 2020. Itu kita akan *review* kita akan kaji melihat bagaimana prestasinya dan sekiranya ada keperluan kita akan menyambungnya.

Jadi, untuk dasar atau pendapatan untuk menurunkan harga rumah untuk warga asing seperti saya sebut pagi tadi dalam jawapan saya tahun 2014, dasar ini adalah ditentukan oleh Unit UPEN di bawah Kementerian Kewangan ketika itu iaitu *thresholdnya* adalah sebanyak RM1 juta untuk warga asing akan tetapi memandangkan banyak rumah-rumah terlambak yang tidak terjual maka Kementerian Kewangan mencadangkan untuk menurunkan kepada harga RM600,000. Walau bagaimanapun, cadangan ini adalah untuk satu tahun, tahun 2020 Januari sampai 2020 Disember untuk rumah-rumah apartmen dan kondominium di bandar-bandar ya dan ia juga ialah untuk rumah yang sudah siap bukan rumah yang belum siap. Jadi ada yang spekulasi pemaju akan buat rumah lagi itu tidak masuk akal kalau KPKT di bawah JPN hendak meluluskan perkara sedemikian.

So, jadi rumah yang sudah siap dan ketika ini hanya ada 3,938 unit rumah yang berharga RM1 juta ke atas yang bernilai RM83 bilion yang belum terjual. Ini *apartment sorry apartment* dan kondominium yang belum terjual. Jadi kalau yang dimaksudkan oleh Kementerian Kewangan adalah angka ini 3,938 ini ya yang dimaksudkan. Jadi ini dengan harapan ia akan dapat memulihkan sedikit kedudukan kewangan *developer* atau pemaju agar mereka boleh melicinkan *cash flow* mereka dan boleh juga terus terlibat dalam pembinaan rumah mampu milik. So, dengan itu kita telah...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat boleh ya. Okey, okey.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Nanti saya habis polisi dahulu ya. Saya ingat saya dekat habis pasal polisi. Setakat ini mengenai polisi-polisi yang telah disentuh oleh pembahas-pembahas yang saya telah sebutkan tadi. Jadi kalau ada soalan boleh teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Paya Besar dahulu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya meneliti penghujahan Yang Berhormat Menteri ini begitu tersusun akan tetapi saya ada beberapa persoalan kepada Yang Berhormat Menteri Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, berkaitan penetapan harga rumah mampu milik yang Yang Berhormat Menteri sebut RM150,000 ke bawah, RM150,000 ke RM300,000. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana penetapan lokasi rumah tersebut. Apa yang berlaku kepada hari ini Tuan Yang di-Pertua, lokasi itu agak jauh daripada bandar. Mereka seolah-olahnya berada di luar *outskirts* daripada bandar besar dan bagaimana kementerian melihat supaya anak muda dapat mendiami rumah mampu milik dalam kawasan bandar itu sendiri itu yang pertama. Kalau mengikut formula Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi saya takut penetapan lokasi rumah yang akan didirikan nanti terletak begitu jauh daripada lokasi.

Keduanya Rent To Own. Kita digemparkan dengan laporan media Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Menteri yang mengatakan anak-anak muda khususnya mahasiswa menyewa satu rumah sampai 20 orang, 15 orang jadi bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini. Saya pernah bangkitkan tahun lepas bagaimana kementerian Yang Berhormat Menteri untuk membuat satu dasar penyewaan *zoning* supaya mereka bukanlah *rent* untuk memiliki akan tetapi mereka untuk berada di kawasan tersebut dalam tempoh yang tiga ke lima tahun sepanjang mereka berkhidmat atau berada di situ. Bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat perkara itu.

Ketiganya, Yang Berhormat Menteri, RM83 bilion betul Yang Berhormat Menteri sebut angka hanya melibatkan 3,938 unit melibatkan RM83 bilion.

■1620

Saya hendak bertanya pada Yang Berhormat Menteri, berapakah yang menyebabkan kerajaan untung dengan pelaksanaan dasar ini? Yang Berhormat Menteri beritahu, kajian dibuat tahun 2014, betul. Saya akui, zaman Barisan Nasional EPU telah membuat dasar ini dan kita amat ketahui. Akan tetapi kenapa pada khidmat Yang Berhormat Menteri ketika itu Barisan Nasional tidak laksanakan nilai ambang ini diturunkan kepada RM600 ribu? Mesti ada sebabnya. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat nyatakan perkara ini.

Terakhir Yang Berhormat Menteri, berkaitan SPNB ini Yang Berhormat Menteri. Kita bincangkan rumah mampu milik tetapi SPNB bagi pinjaman, bagi rumah untuk dibina di lot-lot kecil di kawasan-kawasan luar bandar. Apa yang mengecewakan saya Yang Berhormat Menteri, sudah banyak di kawasan saya diluluskan dan mereka dah gadaikan geran mereka kepada SPNB dana.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Mengenai SPNB kemudian, saya ada jawapan yang itu. Okey?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Okey, terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Boleh saya hendak teruskan? Mungkin polisi perumahan dulu. Satu sekalian senang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu apakah cadangan Yang Berhormat untuk strategi jangka panjang untuk kita menurunkan harga rumah di pasaran hari ini? Rakyat hari ini bukan perlu rumah, bukan tidak mahu beli rumah tetapi tidak mampu hendak beli rumah. Itu isu yang ada di depan kita.

Jadi, isu lambakan sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi menyebabkan peluang kita beri kepada warga asing. Apakah perancangan jangka panjang? Sudah tentu apabila semakin ramai warga asing membeli harta tanah dalam negara kita, jangka panjangnya sangat bahaya untuk masa hadapan negara. Jadi, apakah perancangan ini, kementerian melihat isu ini?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai. Lembah Pantai.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Ah! Kita dululah, perempuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri Yang Berhormat Kota Tinggi dahulu.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang hendak saya hendak bangkitkan sesuai dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri ini tadi. Contoh untuk kita turunkan harga rumah. *Compliance charges, development charges*, premium daripada kerajaan negeri dan juga ada kadang-kadang syarat-syarat tambahan yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan kepada pemaju. Selepas semua syarat-syarat yang diselesaikan dengan pihak berkuasa tempatan, datang pula syarat-syarat tambahan.

Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri akan usahakan untuk berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri ini? Oleh kerana, kerajaan negeri kalau – antara faktor yang menyebabkan kos rumah ini naik ialah premium tanah. Projek-projek kerajaan, projek Kerajaan Pusat, tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri mungkin di KPTG kan oleh pihak kementerian. Akan tetapi kadang ada di antara kerajaan negeri ini tidak hendak bertolak ansur dari segi premium. Dia anggap projek perumahan oleh Kementerian KPPT ini adalah juga projek swasta. Jadi, kalau premium tanah ini kerajaan negeri tidak boleh bertolak ansur dengan kementerian, maka sudah tentulah sukar untuk kementerian tambah banyakkan lagi pembinaan rumah-rumah mampu milik RM300 ribu ke bawah terutama di antara RM50 ribu hingga RM150 ribu. Itu yang pertama.

Keduanya, formula median *income* ini tadi, yang ini pun kerana kita tahu kerajaan-kerajaan negeri dia ada dasar perumahan negeri masing-masing. Kerajaan negeri pun ada pemikiran dan cara pengiraan masing-masing. Jadi, agaknya adakah formula yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi benar-benar dapat dilaksanakan kerana masing-masing ada cara masing-masing. Walaupun dasar perumahan negara itu berada di peringkat kementerian.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, ini RTO ini RM10 bilion. Siapa agaknya yang pantau institusi kewangan ini Yang Berhormat Menteri? Kita tak nak bila kerajaan peruntukkan peruntukan RM10 bilion, bank dia buat urusan seperti itu adalah duit bank kerana kebanyakan di antara mereka yang berpendapatan rendah RM3 ribu ke bawah ini termasuk M40. Ada juga yang tidak berkemampuan untuk mendapat pinjaman daripada bank. Agaknya siapa yang pantau RM10 bilion yang diturunkan kepada institusi kewangan ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tak ada isu. Yang Berhormat Setiu tidak ada bahas itu. Ini ada isu yang baharu juga dibangkitkan. *[Ketawa]*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Isu berkaitan. Berkaitan rumah murah.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey. Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai dahulu. Yang Berhormat Lembah Pantai bangun lama.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai, Lembah Pantai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Lepas ini Setiu ya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dalam perbahasan ada sentuh tentang isu penyelenggaraan PPR tetapi isunya saya ingin tanya dengan Yang Berhormat Menteri...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Kemudian itu. Saya sekarang tengah *touch on policy of housing first*. Ada jawapan itu kemudian. Okey.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Okey.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu dulu. Yang Berhormat Menteri, Kerajaan Negeri Terengganu telah membuat keputusan harga rumah dijual dengan harga RM80 ribu untuk rumah mampu milik dan kerajaan hanya minta syarikat perumahan untuk bayar premium tanah dengan harga RM1 ribu satu lot. Adakah langkah Kerajaan Negeri Terengganu ini merupakan langkah yang terbaik yang perlu dicontohi oleh negeri-negeri lain?

Kedua, kebetulan Menteri ada lawat Setiu hari Jumaat baru ini di Pulau Redang untuk melihat kawasan perumahan di Pulau Redang. Jadi, saya hendak tahu apakah penyelesaian yang dibuat oleh kementerian selepas lawatan Menteri berkait dengan masalah pembinaan yang tidak selesai, perumahan di Pulau Redang.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya sedikit sahaja. Saya hendak sentuh dalam polisi ini. Saya sentuh dulu soal perumahan generasi kedua FELDA, apakah dah selesai isu itu? Sama ada dia masih lagi bawah Kementerian Kewangan ataupun dah pindah bawah KPKT sebab saya fikir terlalu lama sangat perumahan kedua ini tidak selesai. Mohon.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Untuk apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar mengenai lokasi. Memang KPKT kali ini sangat *strict* dari segi penentuan lokasi kerana kita belajar pengalaman kita daripada yang dahulu terutamanya projek PR1MA. Jadi, semua tanah-tanah tapak yang telah kita *identify*, dikenal pasti harus dibuat lawatan tapak untuk dibuat *inspection* agar ianya bertepatan dengan apa kriteria-kriteria yang telah kita tetapkan. Jadi, ini Bahagian Pembangunan akan menetapkan sama ada tanah-tanah ini boleh digunakan untuk pembinaan rumah atau tidak. Jadi, banyak juga tanah-tanah yang kita tolak, kita tak nak terima kerana ianya tidak akan memenuhi ataupun dapat menjayakan pembinaan rumah untuk rumah mampu milik ya.

Jadi, untuk anak muda memang kita juga tengah memikirkan tentang dasar hostel or asrama jenis untuk pekerjaan, memang kita tengah dalam perbincangan dan baru dibangkitkan

oleh Perdana Menteri dalam mesyuarat baru-baru ini dengan Menteri-menteri Besar untuk kita melihatkan keperluan ini dan ini insya-Allah kita akan bina di kawasan-kawasan *transit oriented development* (TOD) di kawasan-kawasan LRT dan sebagainya. *Transportation*, yang mana ada tanah-tanah sudut dan sebagainya, mungkin tanah itu kita gunakan untuk perumahan sedemikian untuk anak-anak muda.

Untungnya kita jual rumah itu, itu bukan isu untung. Kita KPKT sebagai *regulator* untuk penjualan rumah dan juga polisi-polisi, yang ini adalah ketetapan daripada Kementerian Kewangan. Jadi, Kementerian Kewangan dari segi keuntungannya saya tidak pasti. Akan tetapi apa yang kita boleh lakukan di peringkat KPKT adalah untuk mengenakan *levy tax, fee* dan sebagainya kepada pembeli-pembeli rumah ini. Ini kita boleh laksanakan. SPNB nanti saya jawab ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sekejap Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sedikit, yang *rent-to-own* tadi. Yang hostel tadi. Saya punya cadangan Yang Berhormat Menteri, supaya kementerian Yang Berhormat Menteri mempunyai satu dasar untuk membuat dasar penyewaan. Rumah-rumah yang sedia ada, yang mereka sewakan ini saya nampak harga itu terlampaui meningkat tinggi. Kadang-kadang tidak munasabah masuk fikiran.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Insya-Allah*, KPKT sedang merancang satu skim we call it *voucher rent*. Yang itu ada subsidi *rental scheme*, itu belum lagi kita— dalam perancangan lagi, belum lagi habis penggubalannya ya.

Untuk Kota Tinggi mengatakan bahawa kerajaan negeri ada menetapkan harga sendiri dan juga mempunyai kaedah-kaedah pengurusan ini saya setuju ini menjadi satu halangan. Akan tetapi walau bagaimanapun, KPKT beranggapan kerajaan negeri boleh memilih cara mereka untuk melaksanakan sistem perumahan mereka. Akan tetapi, kita tidak akan bertanggungjawab dengan perumahan yang dibuat oleh kerajaan negeri sekiranya tidak mematuhi polisi-polisi yang telah ditetapkan oleh KPKT dalam rumah mampu milik. Bagi yang lain kita tidak akan mengambil perhatian sangat. Akan tetapi rumah mampu milik kita akan pantau dengan *closely*.

Untuk rumah *rent-to-own* yang RM10 bilion ini bukan daripada kerajaan. Dia adalah daripada institusi bank yang telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam program skim *rent-to-own* ini, bukan daripada kerajaan.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau bukan daripada kerajaan, makna pinjaman yang disediakan oleh pihak bank. Sekarang ini, masalah rakyat ini Yang Berhormat Menteri, dapatkan pinjaman daripada bank inilah. Jadi, macam mana agaknya untuk mengelakkan birokrasi daripada bank ini ya? Rakyat hendak pinjam tidak mampu dan persetujuan antara bank dengan pihak kementerian ialah penyediaan RM10 bilion.

**■1630**

Saya hendak tahu macam mana? Saya bimbang takut dia balik semula kepada perkara asal. Akhirnya rakyat yang perlukan rumah tetapi tidak dapatkan pinjaman.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Adanya kaedah *rent-to-own* ini, ia akan memudahkan pemohon untuk mendapat pembiayaan. Pembiayaan bukan pembiayaan *loan* ya. Bukan pinjaman tetapi untuk terus masuk skim *renting*, skim sewaan. Terus—jadi, dengan skim-skim sewaan itu, dia tidak perlu untuk meletakkan deposit, tidak perlu dokumen...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Adakah ini yang 10 peratus pembayaran awal? Deposit?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tidak ada. *Rent-to-own. This is rent-to-own.*

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Ya, *rent-to-own* kerana— saya ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana *rent-to-own* ini diperkenalkan oleh Barisan Nasional dahulu.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ya dulu. *[Ketawa]*

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Jadi kita faham dengan proses *rent-to-own* itu. Cuma yang RM10 bilion itu sahaja yang kita hendak dapatkan penjelasan supaya rakyat faham macam mana dia patut dapat pinjaman.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Itu sudah disiapkan dalam bank. Jadi pemohon tidak perlu nak kena deposit, nak kena apa. Mungkin sedikit *administrative cost* dan mereka terus membayar bulanan. Bulanan sampai ia lima tahun, ia akan boleh untuk menggunakan *track record* yang bagus itu untuk membuat *loan bank*. Akan tetapi kalau dia hendak keluar daripada situ awal dua tahun dia rasa dia sudah mampu, dia boleh juga teruskan. Jadi, dalam bank memberikan jangka masa selama lima tahun.

Okey, Yang Berhormat Setiu untuk Pulang Redang kita telah lihat pada masalah CCC dan kita telah minta sama Datuk Bandar untuk melihatkan perkara ini dan *insya-Allah* akan dilaksanakan secepat mungkin sehingga bulan Disember ini. *Insya-Allah*.

**Tuan Shaharizukrnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Memang saya sudah bincang dengan Exco Perumahan Terengganu mengenai skim yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu tetapi saya harus juga minta mereka pertimbangkan fasal kalau dalam masa panjang adalah lebih elok untuk selaraskan dengan dasar rumah mampu milik kerana kaedah yang digunakan oleh negeri—dia ada dia menggunakan *cross subsidy*. *Cross subsidy* yang mana dia buat rumah mahal, selepas itu dia buat rumah yang murah. Jadi, bila kaedah *cross subsidy* ini kadang-kadang angkanya ataupun statistiknya tidak tepat dari segi penyediaan kuantiti rumah itu. Itu satu.

Kedua, kalau kita ikut kaedah rumah mampu milik, harga itu adalah serata pada semua unit rumah yang dalam pembinaan itu. Akan tetapi kalau ikut dengan *cross subsidy*, ada yang harga tinggi, ada kelas 'A', kelas 'B' dan kelas 'C'. Jadi saya minta kerajaan negeri untuk memikirkan kaedah yang di bawa oleh KPKT.

Saya rasa lebih manfaat kepada kerajaan negeri. Akan tetapi walau bagaimanapun terpulang kepada kerajaan negeri. Kalau kerajaan negeri hendak membuat polisi tersendiri, terpulang. Itu KPKT tidak menjadi masalah kerana KPKT dalam penyelarasan dengan PR1MA, SPNB dan PPAM. Ada cukup tanah *insya-Allah* untuk kita bina rumah mampu milik di bawah skim rumah mampu milik KPKT.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Yang Berhormat Menteri. Saya harap Majlis Perumahan Negara sudah ada, saya harap—cadangan Yang Berhormat Menteri itu sangat baik tetapi mungkin perlu diselaraskan. Memang syarat kerajaan negeri ini disyaratkan pemaju bina dahulu 40 peratus kalau itu keperluan kuota dia. Sebanyak 40 peratus rumah mampu milik antara RM150,000 hingga RM50,000 agaknya termasuk *lockup shop* dan sebagainya.

Akan tetapi mungkin boleh diselaraskan dalam Majlis Perumahan Negara supaya ada *standardization* antara dasar-dasar yang melibatkan keperluan pembinaan lebih banyak rumah mampu milik yang diperlukan ini. Jadi tidak payah ada kerajaan ini—kadang-kadang Johor lain, Terengganu lain...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Anak Johor ya, lain betul.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Johor dia ada rumah mampu milik Johor. Jadi Selangor pun ada rumah SelangorKu. Jadi ini antara perbezaan dasar dalam perumahan kerajaan negeri ini, jadi kadang-kadang ia membebankan kepada pembeli ini.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tidak menjadi masalah untuk kerajaan negeri tetapi kerajaan negeri sekarang sudah lebih *advance*. Mereka mempunyai skim-skim yang juga menarik. Jadi kalau sekiranya tidak menarik, maka mereka tidak akan dapat memenuhi permintaan rakyat mereka dalam negeri mereka. Jadi itulah kalau diberi tanggungjawab untuk memberikan perumahan kepada rakyat mereka, maka mereka harus memilih kaedah yang menarik kepada rakyat mereka.

Untuk FELDA, generasi muda ini ada 70 juta, Yang Berhormat Kubang Kerian—yang telah diperuntukkan. KPKT sedang berbincang perbincangan dengan—masih lagi di bawah Yang Berhormat Menteri Ekonomi, masih lagi di situ dan saya telah berbincang dengan *chairman* atau Pengarah CEO untuk melihat bagaimana boleh kita selaraskan dengan Jabatan Pembangunan Negara (JPN) KPKT, *insya-Allah*.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Soalan saya belum jawab lagi.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Saya minta maaf.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ini sudah di luar daripada...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Ini bersabit kerana saya bangkitkan pasal itu. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri tadi kerana terpaksa hendak jelaskan pasal macam-macam, Khazanah dan sebagainya. Amaun RM70 juta yang saya

bangkitkan itu, adakah pembinaan rumah Gen 2? Adakah dia juga generasi kedua? Adakah dia akan sambung projek-projek perumahan Gen 2 yang tidak selesaikan tahun lepas? Itu satu.

Keduanya, dahulu ada cadangan FELCRA...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Lagi meneliti lagi. Saya ingat beri saya masa untuk meneliti lagi tentang isu FELDA RM30 juta ini.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Ada juga dahulu cadangan bahawa perumahan Gen 2 ini dibuat antara pihak FELDA dengan SPNB. Adakah Yang Berhormat Menteri akan meneruskan cadangan itu? Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Untuk buat rumah kita akan buat sama ada SPNB kah, FELDA kah, apakah tidak menjadi masalah. Jadi rumah itu—duit ada, kita buat rumah dan kita sediakan untuk generasi FELDA ini. *Insya-Allah*. Itu polisi kita. Ada juga soalan mengenai...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh hendak cakap tentang polisi rumah ini.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Polisi rumah?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya polisi rumah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey, saya bagi *chance* lah ex-Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya baru masuk tetapi saya dengar dalam *handphone* tadi. Saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Menteri. Menteri *dok* cakap rumah mampu milik, mampu milik, mampu milik. Apa beza di antara rumah mampu milik dan orang yang ada rumah PPR? Itu yang pertama.

Kedua, tadi saya dengar Kabinet yang baharu ini setuju macam hendak buat *hostel* untuk golongan belia. Pada zaman kita dahulu, ada dua projek di Kepong dengan di Batu. Memang kita buat rumah transit belia di situ. Jadi, adakah projek ini diteruskan? Sudah setahun setengah ini. Okey.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Rumah Transit Belia di Kepong itu diteruskan. Diteruskan. Saya tidak pasti tetapi saya ada baca *somewhere*. Nanti saya dapatkan maklumat daripada pegawai tetapi saya rasa diteruskan, kalau saya tidak silap. Memang rumah *hostel* ini memang diperlukan seperti apa yang diangkat oleh Yang Berhormat Paya Besar. Jadi *insya-Allah* kita akan kajikan satu dasar untuk membina lebih banyak lagi *hostel-hostel* di bandar-bandar untuk kemudahan orang muda.

Seterusnya, saya hendak...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini beza rumah mampu milik dengan rumah PPR ini. Saya—mungkin saya keliru. Mungkin dasar baharu KPKT tetapi zaman saya dahulu, kita ada beza. Rumah PPR ini kerajaan buat, kita jual murah kepada—kerajaan keluar duit untuk buat rumah PPR. Rumah mampu milik ini bukannya kementerian buat. Peruntukan daripada lain daripada pemaju kah yang buat yang harganya ditetapkan di bawah RM300,000.

Akan tetapi rumah PPR kita sudah tetap dah. Kita buat 120 berapa puluh ribu 100 lebih kita buat tetapi kita buat RM35,000. Itu yang kita bagi subsidi banyak dan saya bersetuju keluasan

rumah itu memang kita ada cadang pun, memang kita hendak luaskan. Akan tetapi harganya janganlah sehingga RM90,000. *Rent-to-own* pun ada dua. Adakah RM10 bilion itu termasuk juga rumah PPR ini? Itu yang saya hendak dapatkan penjelasan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Rent-to-own* boleh digunakan serta-merta di dalam projek perumahan yang ada ini sekarang ini. Negeri-negeri juga boleh menikmatinya untuk menggunakan projek *rent-to-own* ini. Rumah Transit Belia Kepong sedang dalam proses pembinaan, betul lah itu. Selepas itu, PPR adalah sebahagian daripada rumah mampu milik. Sebahagian daripada kita punya skim itu—dia bergantung kepada harga nanti, lokasi dia.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya kalau rumah PPR ini kata sebahagian. Dalam Parlimen ini, Yang Berhormat Menteri telah menjanjikan bahawa ada sembilan kah 11 termasuklah Yang Berhormat Baling—kita ini baru lepas *meeting*. Kosong lagi ini. Saya pun berlari, ini yang mengah-mengah ini. Sudah janji ini rumah PPR ini, 11 rumah kalau tidak silap saya yang waktu kita pelan tetapi tiga yang dibuat tetapi kenapa sampai sekarang ini satu pun belum buat lagi...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Saya hendak sentuh ke situ. Sebenarnya saya punya jawapan itu hendak menyentuh di situ. Jadi, ada beberapa tadi yang menyebut kawasan rumah-rumah yang untuk buat PPR ada 11 kawasan ke apa ini. Untuk makluman Yang Berhormat Tanjong Karang, rumah-rumah tanah-tanah yang kalau bukan pemilikan swasta kita harus pindahkan kepada pemilikan kerajaan.

Jadi, yang disebut itu kebanyakannya adalah tanah-tanah pemilikan swasta, jadi kita pindahkan. Contoh macam PPR Bakar Bata, Alor Setar, ia adalah projek dicadangkan untuk dipindahkan ke tapak tanah milik—hendak pindahkan kepada tapak milik tanah kerajaan. Baling juga kita hendak pindah ke Kodiang—tanah kerajaan. Ladang Kerilla, Kelantan kita akan gantikan dengan tanah Kerajaan Negeri Kelantan. Ini semua daripada *private* (swasta), jadi kita kena alihkan kepada tanah kerajaan.

#### ■1640

Tanah Merah, Kelantan pun sama, dicadangkan untuk tapak tanah milik kerajaan. Padang Besar, Perlis pun juga dikekalkan. Projek dikekalkan di Padang Besar, tapak tanah milik kerajaan negeri. Kemaman, Terengganu, projek dicadangkan untuk dipindahkan ke tapak tanah milik kerajaan negeri di Marang. PPR Matang, Sarawak, projek dicadangkan untuk dipindahkan ke tapak tanah milik kerajaan negeri di Bintulu, Sarawak. PPR Tambunan, Sabah dipindahkan ke tapak tanah milik kerajaan negeri di Pekan Baru, Melalap, Sabah. PPR Batu Putih, fasa 2 Sabah, projek ini dicadangkan untuk dipindahkan ke tapak tanah milik kerajaan negeri di Batu Sapi, Sabah. Ada empat yang kita luluskan, yang boleh diteruskan kerana ia berada di tanah kerajaan iaitu PPR Sembrong, Lanchang, Besut dan Kangar.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri, PPR Kluang itu macam mana agaknya?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** PPR Kluang ada tanah...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Dulu kementerian sudah beli dah tanah itu.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tengah dalam perbincangan. PPR Kluang adalah di bawah tanah swasta.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Swasta?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Swasta. Saya sudah bincang dengan pemaju untuk dia *migrate* ke program rumah mampu milik dan mereka akan mula membina dan pada 8 hari bulan ini saya akan lancarkan dalam 12 atau 15 keping tanah swasta termasuk Kluang, dimulakan di sana.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri, sebab rumah ini mengambil masa setahun setengah. Kadang-kadang 17 bulan, tidak nampak apa lagi pun dibuat.

Saya hendak tanya, bila hendak pindah rumah ini ke tempat ini? Ini mungkin dasar baharu lah, dasar baharu Kerajaan PH untuk buat rumah di tanah milik kerajaan. Boleh atau tidak beritahu jaminan Yang Berhormat Menteri boleh beritahu tanah-tanah yang dicakapkan ini telah pun diserahkan kepada kementerian, telah pun dia punya cukai syarat dibuat? Berapa lama lagi hendak boleh siap rumah ini? Atau selepas pilihan raya akan datang baru hendak buat?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Saya sebutkan tadi, ada sebanyak 82 keping tanah yang akan kita lancarkan. Jadi, termasuk tanah PR1MA kepunyaan kerajaan, SPNB, kerajaan dan JPM pun juga ada tanah. Jadi, untuk kerajaan negeri, walaupun mereka telah submitted 73 tapak, tetapi kita hanya telah mengenal pasti 24 tapak sahaja yang kita tengok bersesuaian. Kita tidak ambil semua. Jadi, kita masih lagi mampu untuk menyediakan rumah-rumah seperti yang kita janjikan mengikut satu tahun 100,000 unit. *Insya-Allah*.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Lagi Tuan Yang di-Pertua. Sudah tentu saya dengan Yang Berhormat Tanjung Karang sahaja.

Saya hendak tanya, adakah pihak kementerian Yang Berhormat Menteri akan menetapkan dasar rumah PPR RM35,000 sebab kita pun ada dengar juga yang kerajaan akan naikkan kadar itu daripada RM35,000 mungkin kepada RM65,000. So, adakah dasar itu tetap akan ada atau akan dipinda daripada segi peningkatan harga itu? Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Insya-Allah*, dasar itu sedang kita kaji dan kita akan pinda. Sudah tentu kerana rumah yang kita hendak siapkan, kena mengikut asas dasar rumah mampu milik yang keluasannya lebih besar dengan kemudahan dan sebagainya. Jadi, sudah tentu rumah-rumah ini kalau ketika itu harganya RM42,000, sudah tentu ia harus dinaikkan.

Akan tetapi saya juga mungkin hendak sentuh *since* Yang Berhormat Tanjung Karang dengan Yang Berhormat Kota Tinggi membangkitkan isu ini. Untuk makluman Ahli Dewan semua, dasar yang dahulu ada rumah PPR itu, adalah dasar rumah subsidi yang mana kerajaan

telah mensubsidi untuk seunit rumah sebanyak RM160,000. Jadi untuk satu orang, kita *subsidize* RM160,000 saya rasa tidak mampan dan tidak *sustainable*.

Jadi, oleh itu kita kena ambil kaedah baru yang mana kita boleh *shared prosperity* dengan RM160,000 ini yang kita *subsidize* untuk seorang, kita boleh 10 kali ganda kita membantu yang lain. Oleh sebab itu, itulah kaedah yang kementerian ambil sekarang dan kita gabungkan kedua-dua konsep PPR dengan rumah mampu milik kita gabungkan dan mencari harga yang pertengahan yang boleh mampu dimiliki. Oleh sebab itu kita *go to rent-to-own*.

Selepas itu kita punya *third*, fasa yang seterusnya, *insya-Allah* kami juga akan memikirkan *subsidy rental* mengikut pendapatan. Maknanya, kalau seseorang itu gajinya RM3,000, kalau ikut Singapura, 25 peratus daripada gaji, kalau Korea 20 peratus daripada gajinya. So, maknanya kalau 20 peratus, dia hanya bayar *rental* mengikut kemampuan dia RM600. Kalau gaji RM2,000, dia bayar RM400. Kalau gaji RM1,000, dia bayar RM200. Di sinilah yang kerajaan akan masuk untuk mensubsidi, memberi subsidi kepada *rental* skim ini. Jadi, ini yang ke hadapan untuk kita menyelesaikan isu-isu ketidakmampuan di kalangan rakyat Malaysia yang berpendapatan RM3,000.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Apalah ada satu, saya serahlah kepada kerajaan yang baharu. Hanya yang saya hendak minta kementerian fikir balik, yang kata hendak buat rumah ini, menggunakan rumah kerajaan. Adakah ini dasar kementerian ataupun arahan daripada Kementerian Kewangan supaya berbuat demikian? Sebab saya nampak...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Kerajaan ini.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang buat ini, adakah ini memang kementerian punya dasar?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Apa ini? *Which one?* Mana satu?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tadi Yang Berhormat Menteri kata, dasar baru ini, hendak buat rumah PPR...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Buat di atas tanah kerajaan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Itu saya hendak tanya. Pertama, adakah ini dasar yang dibuat oleh kementerian ataupun satu arahan daripada Kementerian Kewangan? Itu yang pertama. Kedua, saya hendak minta kalau katakan dasar kementerian ataupun arahan daripada Kementerian Kewangan, kena fikir betul-betul dasar ini.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, tanah di Rawang. Itu tanah milik KPKT sendiri. Sudah setahun setengah dah. Hampir dua tahun, tidak ada apa-apa berlaku kerana saya dimaklumkan bahawa premium tanah. Kerajaan Negeri Selangor mengenakan premium. Bila kita ambil tanah nanti, premium lagi *problem*, ubah dan tukar syarat lagi *problem* dan dapat kelulusan paling cepat dua tahunlah baru boleh selesai boleh buat rumah itu.

Jadi saya bimbang, sewaktu Yang Berhormat Menteri jadi Menteri, walaupun mungkin ambil sampai dua tahun atau tiga tahun, nanti takut satu rumah pun tidak boleh buat nanti. Jangan asyik pergi ke luar negara sahaja. Bahaya juga Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Kita pergi luar negara bukan jalan-jalan, bukan lawatan-lawatan ya.

Untuk Rawang, memang saya sedang berbincang dengan Menteri Besar Selangor kerana tanah premium yang hendak diubahkan ada caj yang mungkin pemaju tidak berkemampuan. Jadi, yang ini telah diselesaikan dalam masa yang terdekat ini, *insya-Allah* kerana Kerajaan Negeri Selangor tidak pasti tentang kedudukan tanah itu. Ini kerana tanah itu adalah diberikan kepada KPKT untuk membuat tapak pelupusan awal. Jadi, sekarang dengan pembinaan rumah yang sebanyak 5,000 unit yang akan dibina, ia akan kita kontra kan dengan premium tanah dan *insya-Allah* Kerajaan Negeri Selangor akan *review*, kaji balik, harga tanah itu dan mengikut kemampuan pemaju. Itu sedang dalam perundingan. *Insya-Allah*.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Itu saya katakan tadi Yang Berhormat Menteri, satu contoh, Yang Berhormat cakap pun baik. Tanah yang kita punya pun, kita punya sendiri itu, hendak runding dengan kerajaan negeri, baru hendak selesaikan masalah premium tanah pun hampir dua tahun tidak selesai. Apatah lagi kalau tanah yang baru kita hendak mohon ini Yang Berhormat Menteri kata hendak dipindahkan kepada tanah kerajaan, berapa tahun Yang Berhormat Menteri boleh jamin rumah boleh buat ini? Ada dua tahun, tiga tahun, empat tahun, baru boleh siap rumah?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Insya-Allah*, boleh siap. Jangan kita terlampau negatif. Kita di bawah kerajaan baharu, pendekatan kita lain, pendekatan kita baru dan semua akan berjalan dengan lancar. Memang *insya-Allah*, kita telah membuat kaedah-kaedah yang *fast track*, yang boleh mempercepatkan kelulusan dan sebagainya dan kita mendapat kerjasama dengan kerajaan negeri.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ini kerana kita Kerajaan Pakatan Harapan, yang sedia untuk memberikan kelebihan-kelebihan ataupun berkhidmat kepada rakyat dan kita mendapat kerjasama baik dengan kerajaan negeri. Kalau sekiranya ada perkara-perkara yang agak rumit untuk diselesaikan, *insya-Allah* kita juga akan duduk dan kita dapat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Membuat satu *solution* yang *win-win* ya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri, Selangor PH dengan PH lah Selangor. Yang Berhormat Menteri dari Selangor. Hendak selesaikan masalah bayar premium pun setahun setengah tidak selesai.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *No, no.* Saya sebutkan tadi...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Biar saya beri contoh. Yang Berhormat Menteri kata, sahabat sama-sama Kerajaan PH – saya ambil Selangor sahaja. Yang Berhormat Menteri dari Selangor. Kerajaan Negeri Selangor, Menteri Besar pun Selangor.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** So?

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Hendak selesaikan masalah premium pun setahun setengah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ini defers sebab apa, masa...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak selesai. Jadi janganlah Yang Berhormat Menteri kata sebab Kerajaan PH ini baik, sama-sama kerajaan negeri. Tidak juga Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Isunya, ketidakjelasan tentang kedudukan tanah itu sebenarnya daripada tanah pelupusan sampah.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Faham, faham, saya faham sangat itu. Tidak payah cerita.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Jadi itu yang sedang diselesaikan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Masalah premium itu. Hendak selesaikan masalah premium, PH dengan PH pun tidak boleh hendak selesaikan. Setahun setengah sudah. Saya hendak tengok, saya orang Selangor, saya hendak buat itu. Kalau sampai hujung tahun ini pun isu premium tidak selesai, tidak boleh Yang Berhormat Menteri kata rumah belia.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Kita hendak selesaikan isu ini. Yang Berhormat Tanjong Karang, saya rasa saya tidak mahu apa...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, bukan. Apa yang kata rumah belia...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *I do not want to be harshed to you, okay.*

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Rumah belia Kepong tadi, Yang Berhormat kata sudah sedia. Yang Berhormat Menteri pastikan *agreement* sudah *sign* kah atau belum?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Dalam pembinaan. Tidak payah lagi *details*.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *Agreement* di antara KPKT pun belum *sign*, bukan?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Saya ingat perkara ini tidak payah kita hendak pertikaikan Yang Berhormat Tanjong Karang. Kalau Yang Berhormat Tanjong Karang mengambil masa 61 tahun untuk buat satu dasar yang baik, kalau kami yang baru datang setahun setengah hendak dipertikaikan, ini tidak adil. Jadi, berikan kami masa. *Insya-Allah*, kita akan laksanakan. Apa Yang Berhormat Tanjong Karang cakap selama ini, apa Yang Berhormat Tanjong Karang kalau yang baik hendak buat, kita akan teruskan tetapi perkara yang tidak baik seperti mencuri, kita tidak akan teruskan. Itu jadi dasarnya begitu.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, bukan dasar.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Jadi, tidak payah kita hendak pertikaikan integriti itu. Kalau ketika menjalankan tugas satu tahun sahaja Yang Berhormat Tanjong Karang

memegang jawatan KPKT sebagai Menteri Perumahan, Yang Berhormat Tanjong Karang membuang masa untuk menjaga negeri Selangor sahaja, tidak membuat kerja-kerja lain.

**■1650**

Saya tidak mahu menyebut hal ini semua ini Yang Berhormat Tanjong Karang. So, saya ingat saya hendak hentikan ini Tuan Yang di-Pertua...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** ...Dan saya akan teruskan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tinggal 11 minit lagi.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sebab saya hendak tegur sebab rumah ini penting...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Memang penting, saya tahu penting sebab itu saya membuat dasar-dasar yang agar rumah untuk rakyat ini jauh lebih selesa dan tidak menjadi selam seperti rumah-rumah yang memalukan, rumah-rumah yang banyak sampah dan sebagainya. Ini kita hendak laksanakan.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Betullah, sudah setahun setengah Yang Berhormat menjadi Menteri... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tinggal 10 minit lagi Yang Berhormat.

**Puan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Mempertikaikan setahun setengah. Setahun setengah, banyak perkara administratif yang harus diperbetulkan. Ini yang kita tidak hendak bongkar dan kita tidak hendak tunjukkan, tidak hendak ceritakan. Okey, enam bulan untuk menguruskan pejabat, menguruskan *administrative matter*, untuk meletakkan perkara yang betul di mana dan sebagainya, kedua merancang dan fasa ketiga untuk melaksanakan, *of course it take times*. Selepas ini telah bermula untuk berjalan, ia akan berjalan dengan lancar, *insya-Allah*. *[Tepuk]*

Okey, saya hendak pergi ke tajuk lain, *I think* polisi rumah saya ingat saya harus hentikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa pun tidak mengizinkan...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Sedikit Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuma 10 minit tinggal.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Saya hendak menjawab yang lain.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** ...Mengenai isu– Lif ya tadi Yang Berhormat Lembah Pantai?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Lembah Pantai tidak ada pula, okey. Kalau dia datang semula, beritahu. Okey, PR1MA. Ada yang membawa isu PR1MA daripada Sarawak yang meminta saya bertanya dengan KPKT bagaimana hendak menyelesaikan masalah pembeli-pembeli yang awal yang meminta rebat. *Insya-Allah* pada 7

November ini, saya ada membuat pertemuan dengan pembeli-pembeli PR1MA awal yang dahulu untuk berbincang bagaimana pandangan mereka. Saya mengambil pandangan mereka dan melihat bagaimana untuk menyelesaikan isu ini secara *win-win*.

Kemudian untuk SPNB tadi, Yang Berhormat Paya Besar bertanya adalah untuk Rumah Mesra Rakyat diteruskan kerana permohonan itu banyak. Jadi, kita tengah melaksanakannya satu persatu. Hakikatnya juga, KPKT telah membuat satu *paper* untuk meningkatkan lagi jumlah amaun, *value* peminjaman itu daripada RM45,000 kepada RM60,000 dan memanjangkan jangka peminjaman serta umur. Ini kita masukkan dalam Kabinet untuk mendapat kelulusan...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, berkaitan dasar boleh? Perumahan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Last ya, sekejap.*

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ya, okey.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Saya habiskan dahulu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Untuk isu kebombaan, Yang Berhormat Beluran...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beluran tidak ada.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Beluran tidak ada, saya ingat saya boleh tulislah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bertulislah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** *Then selepas itu Yang Berhormat Kepong?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong pun...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat kepong bertanya tentang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Surau di bomba dia, okey. *And then* isu sisa pepejal adalah daripada Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Tangga Batu...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya ada membangkitkan fasal bomba.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Bomba ya?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Cuma saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri akan mengkaji semula tentang perjawatan dan gred pegawai-pegawai bomba kita ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Ketika di bawah oleh kementerian lama adalah *critical allowance* dan juga tentang perjawatan, yang itu kita *second priority*. *Insya-Allah* kita akan teruskan untuk meminta atau memohon agar dapat dibuat penyelarasian semula dan sebagainya.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini fasal bomba. Fasal elau yang diumumkan baru-baru ini. Pertama ialah RM200 itulah. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada Kementerian Kewangan untuk *backdated kuat kuasa*

sejak waktu kami umumkan di Dewan mulai 1 April 1998? Jadi dekat beberapa tahun itu, itu beza dia satu.

Kedua, ini termasuk tidak dengan kenaikan elaun bomba bantuan yang satu jam RM2, itu pun telah diumumkan. Termasuk tidak yang RM2 ini tadi? Kalau tidak termasuk, mengapa tidak termasuk? Ini sebab itu pun kita sudah umumkan. Jadi kalau kata dalam bajet, Menteri Kewangan sebut Yang di-Pertuan Agong memberi nasihat. Jadi kalau hormat dengan Yang di-Pertuan Agong, mengapa tidak bagi juga elaun bantuan, elaun bomba ini tadi? RELA sudah dapat, mengapa bomba...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Di bawah kerajaan baharu...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** ...Masih terkial-kial lagi?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** ...Walaupun kerajaan lama telah membuat kelulusan pada tahun 2015, tetapi pelaksanaannya belum lagi dibuat. Jadi kerajaan baharu, apakah polisi kita adalah untuk membentangkan semula apa yang telah dicadangkan oleh kerajaan yang lama kerana kita kena melihat keadaan kewangan kita.

Jadi, semua maklum tentang keadaan kewangan kita. Saya bersyukur kerana anggota bomba di seluruh negara juga bersyukur, *Alhamdulillah* kerana mendapat elaun khas sebanyak RM200 sebulan. Mereka merasakan satu– memang kesyukuran yang besarlah kerana mendapat. Jadi untuk bantuan bomba, elaun itu saya tidak– itu tidak lagi diangkat lagi sekali, *insya-Allah* kita akan angkat bersama dengan penyelaras, gred dan sebagainya.

Untuk lif tadi...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Mana?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Lembah Pantai?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai belum masuk lagi.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Belum masuk lagi ya, *alright*.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu ada di hadapan ini Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Jelebu, okey. Saya ingat yang lain-lain semua saya sudah sentuh...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Fasal dasar sahaja Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey, saya ingat yang lain semua saya hendak sentuh tetapi mereka tidak ada dalam Dewan. Ini spesifik...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jelebu ada di hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh teruskan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Sekejap ya, saya hendak tanya, Yang Berhormat Libaran ada tidak?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Sungai Siput?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tidak ada.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tidak ada. Yang Berhormat Sekijang?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tidak ada.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Sekijang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Oh! Ada, ada.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tentang rumah taman swasta itu, yang itu kita tengah bincangkan dengan pihak swasta untuk menyelesaikan masalah ini agar dapat membantu pemilik-pemilik yang terkandas itu, *insya-Allah*. Terima kasih. Okey.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya hendak tanya fasal dasar KPKT ini tentang keselamatan pengguna-pengguna terutamanya yang *high rise* ini, rumah-rumah pangsa ataupun *apartment* dan kondominium yang menggunakan tenaga sekuriti orang luar ini. Tenaga orang luar ini, adakah KPKT merangka satu dasar untuk mengehadkan? Dia ada kuota. Sekarang ini Yang Berhormat, rata-rata semua sekuriti daripada orang *Nepal*, *Bangladesh* dan juga beberapa negara asing dan cara mereka berurus dengan orang *public* ini sangat *rude* Yang Berhormat.

Oleh sebab itu kalau kita tengok beberapa bulan yang lepas, ada beberapa yang melibatkan sekuriti memukul rakyat Malaysia kerana kita hendak mengatakan rakyat ini salah pun tidak boleh juga Yang Berhormat, mungkin cara dia *handle* isu itu adalah merupakan satu provokasi dan sebagainya. Jadi saya hendak minta pandangan daripada KPKT, ada tidak dasar kita yang mengekang ataupun mengenakan kuota sekuriti yang diambil oleh perumahan ini? Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Jelebu, dasar ini adalah dibawah Menteri Sumber Manusia. Dia ada dasar *employment* kuota. Saya ingat itu dalam pemantauan sumber manusia. Walau bagaimanapun, *insya-Allah* saya akan membangkitkan dengan Menteri Sumber Manusia untuk berbincang, melihat syarikat-syarikat sekuriti ini untuk memastikan mereka mengikuti piawaian yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Jika perlu khusus untuk kawasan perumahan, kita boleh ubah suai sedikit untuk disesuaikan dengan keadaan di situ, *insya-Allah*.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** ...Oleh kerana saya tidak ada tadi dalam Dewan, Yang Berhormat ada menjawab tidak tentang isu yang saya bangkitkan mengenai penjualan rumah pangsa kepada warga asing yang berjumlah RM600,000 ke atas?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dijawab.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Sudah jawab tadi sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dijawab.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** ... Yang Berhormat Bera, jadi Yang Berhormat Bera tengok *Hansard* boleh? Terima kasih. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sebab itu saya...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** ...Tanya, saya tengok *Hansard* lah selepas ini.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih dengan ruang yang diberikan. Tadi saya bertanya tentang dari sudut jangka panjang pemilikan asing yang mungkin Yang Berhormat Menteri terlepas pandang. Kedua ialah saya hendak tanya tentang program kawalan kredit komuniti. Komuniti yang mana, pemberian pinjam wang berlesen dan pemegang pajak gadai.

Sejauh manakah sistem Islamik diamalkan dalam pelaksanaan ini? Jadi, saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri boleh mengemukakan sekiranya masih dalam sistem yang lama. Setakat ini, berapakah jumlah dan adakah kes-kes laporan yang melibatkan ugutan dan seperti kes ah long dan sebagainya? Walaupun ia berlesen, tetapi mungkin pelaksanaannya masih dengan sistem yang lama. Jadi, minta penjelasan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Kredit komuniti kita ada syariah *compliance*. Maknanya syarikat-syarikat kredit komuniti yang telah mendapat lesen daripada KPKT, mereka akan memohon dengan bank-bank yang syariah *compliance* yang boleh menggunakan kaedah itu.

Untuk ah long, saya ingat tidak ada soalan mengenai itu. Akan tetapi saya ingat dalam soalan saya dalam lisan minggu lepas, saya ada menjawab. Ah long memang tidak mendapat lesen daripada KPKT. Kita hanya memberikan kepada pengusaha atau kredit komuniti. So, kalau along itu di bawah jagaan polis di mana kalau dia membuat kesalahan, mereka harus ditangkap. Di bawah KPKT, laporan yang saya kalau ingat apa yang saya dapat statistiknya, tidak banyak aduan dari segi penipuan, tetapi dari segi *administrative*. Maknanya kegagalan untuk membuat laporan, kegagalan untuk hantar *statement* dan sebagainya. Jadi untuk penipuan, memang tidak ada laporan yang *official* yang kita dapat. Terima kasih.

So Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri, Beaufort.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beaufort.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Beaufort tidak ada dalam senarai.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Akan tetapi bolehlah tanya?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat belum jawab tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada dalam senarai.

■1700

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** ...Pemilikan asing, kesan dia apabila kita jual kepada orang- Okey, pemilikan asing tadi saya ingat sudah faham tadi, *backgroundnya*. Latar belakangnya adalah walaupun kita berbahas sungguh macam hendak *rak* ya, tetapi pada dasarnya pemilikan harta tanah warga asing ini hanyalah 0.4 percent sahaja ketika ini. Jadi, belum lagi mencapai satu angka yang sangat menakutkan, walau bagaimanapun saya juga ada *breakdown* dia juga tentang pemilikan rumah warga asing ini. Akan tetapi cuma saya pun lihat ada keperluan untuk saya kaji dengan kementerian yang berkaitan untuk juga membuatkan satu regulasi ataupun panduan dari segi rumah-rumah pemilikan warga asing ini. *Insya-Allah.*

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Adakah kerajaan bercadang untuk mengehadkan kuota khusus, maknanya satu angka setakat ini sahaja yang dibenarkan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Sekarang ini memang tidak ada, memang sekarang ini belum ada lagi sasaran ataupun kuota tertentu untuk *percentage* itu. Oleh sebab itu saya kata, kita akan kaji semula dan melihat kalau perlu untuk kita letak *capping*, berapa harga dan berapa jumlah yang boleh dijual. Ada keperluan itu saya rasa untuk persediaan masa hadapan, jadi *insya-Allah* KPKT akan melihatkan perkara ini. So, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa telah habis.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri, bagilah peluang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Okey *last one* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Last one* ya Yang Berhormat Beaufort.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan dengan lambakan rumah tadi yang menyebabkan kita mahu buka kepada warga asing bagi pemilikannya ini. Adakah kementerian bercadang untuk melihat semula daripada segi garis panduan untuk memberikan permit kepada pemaju-pemaju untuk membangunkan bangunan-bangunan baru? Lambakan ini terjadi kerana mereka diberikan permit itu sedangkan keperluan dalam negara kita tidaklah sebegini tinggi sangat. Bolehkah ini ditengok?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Saya ingat saya sudah jawab dalam polisi saya awal tadi yang mana KPKT di bawah JPM, kita akan membuat satu kajian atau tengah membina satu pangkalan *big data system*. Kita akan dapat maklumat-maklumat dan kita akan menggunakan sebagai *analysis* untuk *projection*, keperluan *supply* rumah dari segi lokasi, harga, tempat dan sebagainya. Dengan adanya data ini, kita boleh membuat satu *projection* dan membuat satu nilai dan kita boleh menentukan sama ada kita hendak *approve* sesuatu permohonan dan lihat bagaimana kepadatan dan keperluannya untuk sesuatu tempat dan sesuatu lokasi. *Insya-Allah.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tempat pada waktu yang ditetapkan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, silakan.

### 5.02 ptg.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang menyentuh isu-isu antarabangsa tetapi kebanyakannya secara dengan izin, *in passing*. Ada seorang Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Kudat yang telah menyentuh secara spesifik isu di bawah Kementerian Luar Negeri berkaitan kedaulatan negeri Sabah yang mana terdapat negara-negara jiran yang masih membuat tuntutan ke atas Sabah. Saranan beliau agar kerajaan dapat mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan isu ini dapat diselesaikan secara bilateral ataupun multilateral supaya tuntutan ke atas Sabah akan digugurkan dan tidak akan berulang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sentiasa memantau rapi sebarang kenyataan berkaitan tuntutan mana-mana pihak ke atas Sabah. Kerajaan Malaysia amat mengambil berat berkenaan isu ini dan akan mengambil tindakan tegas dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang membuat apa-apa tuntutan. Malaysia juga telah-fakta ini sudah diiktiraf, maksud saya fakta bahawa Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia adalah diiktiraf dan diterima oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta komuniti antarabangsa sejak pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Terima kasih.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:** *[Bangun]*

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Minta penjelasan sedikit berhubung dengan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kudat.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita melihat kepada isu tuntutan negara jiran kita Filipina terhadap Sabah ini, ia adalah berkait dengan soal sejarah ataupun *historical perspective*. Akan tetapi pada dasarnya, pada tahun 1963, seperti mana kita sedia maklum bahawa *self determination* rakyat negeri Sabah adalah untuk bersama di dalam Persekutuan Malaysia. Ini adalah merupakan satu perspektif yang telah pun dipersetujui oleh United Nations kerana melalui *verification* yang telah dibuat oleh United Nations melalui *Secretary-General* U Thant pada ketika itu dan juga Suruhanjaya Cobbolt. Jadi, saya percaya isu tuntutan ini sudah tidak lagi timbul.

Satu perkara yang saya hendak peringatan kementerian iaitu berkaitan dengan isu Sipadan dan Pulau Ligitan yang telah pun dibuat penghakiman di dalam ICJ yang telah menolak secara terang dan jelas terhadap usaha daripada Kerajaan Filipina untuk terlibat di dalam prosiding yang telah dilakukan di ICJ tersebut. Ini menunjukkan bahawa pihak antarabangsa menolak.

Apa yang saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat ialah kesungguhan Kerajaan Malaysia untuk membawa perkara ini kepada pihak United Nations dan juga ICJ supaya untuk memberikan *signal* kepada Kerajaan Filipina bahawa tuntutan mereka adalah tuntutan yang tidak *valid*. Ini kerana tuntutan mereka itu adalah berkait dengan *historical* yang sebenarnya bukan sahaja Filipina yang terlibat di dalam soal *historical* ini tetapi juga Kerajaan Brunei. Empayar Brunei yang pada ketika itu juga mempunyai penguasaan terhadap Sabah dan Sarawak dan sehingga ke kawasan Filipina. Jadi, saya minta supaya adakah usaha-usaha daripada kerajaan seperti saya katakan sebelum ini, usaha dalam bentuk multilateral atau bilateral untuk menyelesaikan *once and for all* terhadap isu ini. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kudat apabila menyebut tentang sejarah, dia mungkin tidak disebut oleh Yang Berhormat Kudat tetapi saya yakin dalam pengetahuan beliau. Ia juga ada kaitannya. Bukan sangat dengan Manila, tetapi juga dengan ada sebuah kesultanan dan ada perjanjian-perjanjian lama yang telah dibuat.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kudat, saya anggap itu sebagai satu cadangan. Kita akan lihat betul-betul sejauh mana kemungkinan untuk kita mengambil tindakan seperti – saya anggap ini sebagai cadangan dan terima baik cadangan itu dan kita akan pertimbangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya hendak minta satu sahaja. *Respond* berhubung dengan satu persidangan yang diadakan pada 22 September 2019 di Melbourne, Australia oleh kumpulan pemisah yang diketuai oleh seorang rakyat Malaysia yang lahir di Kuching, Sarawak Profesor James Jean. Beliau mengadakan perhimpunan antarabangsa bagi mendorong untuk Sabah dan Sarawak keluar daripada Malaysia dan perhimpunan itu di Melbourne Australia. Mungkin ada pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat tentang perkara itu tetapi saya ucapkan terima kasih atas pemberitahuan itu dan kita akan siasat keadaan ini. Oleh sebab memang pada kita Sarawak dan Sabah adalah bukan sahaja sebahagian tetapi Sabah dan Sarawak ini bersama Semenanjung dan dahulu Singapura membentuk Persekutuan Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat, berkaitan dengan golongan pemisah Yang Berhormat. Saya– kita telah pun melihat di banyak laporan-laporan media berkaitan dengan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM) yang dipelopori oleh beberapa kumpulan tertentu. Bukan sahaja khususnya di luar negara dan mungkin sedikit sebanyak ada juga melibatkan kumpulan-kumpulan dalam negara. Ini adalah merupakan satu unsur yang tidak sihat bagi sebuah Persekutuan Malaysia.

Walaupun kita dari Sabah kadang-kadang mengemukakan pandangan-pandangan untuk memperkuatkannya Persekutuan Malaysia, misalnya untuk memberikan cadangan-cadangan, tetapi ini tidak bererti bahawa *separation* adalah merupakan satu pilihan bagi kita rakyat di negeri Sabah. Ini kerana kita memang begitu selesa dengan Persekutuan Malaysia walaupun dalam

masa yang sama kita juga mengharapkan bahawa beberapa perkara yang berkait dengan kepentingan bersama itu dapat dibincangkan.

■1710

Persoalan saya di sini ialah apakah tindakan Kementerian Luar Negeri untuk memantau kumpulan-kumpulan ini kerana kumpulan-kumpulan ini jika dibiarkan sudah tentulah akan memudaratkan kepentingan Persekutuan Malaysia khususnya kepentingan Sabah yang memang pada pendapat kami ianya juga boleh menimbulkan masalah di masa akan datang. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat, adakah penyelarasan dengan pihak agensi-agensi yang lain khususnya dengan pihak-pihak berwajib yang lain tentang pemantauan terhadap kumpulan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang pemantauan itu bukan dibuat oleh Kementerian Luar Negeri tetapi oleh pihak berkuasa yang lain tetapi kami selalu berhubung dengan mereka. Seperti yang ditimbulkan tadi, kita akan selidik perkara ini dan kita dapatkan maklumat yang sebaik-baiknya daripada pihak berkuasa yang berkewajipan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya bangun dua, tiga kali tadi. Saya hendak tanya pasal Beting Patinggi Ali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah habis dah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tak. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, benda ini serius pasal sekarang ini *coast guard* China ada satu, sekarang dah dua biji dah masuk berada di sana tetapi kapal *Navy* hanya sebiji, APMM sebiji. Jadi kita berada dalam keadaan yang cukup tertekan. Kenapa berlaku satu pergerakan yang Kementerian Luar Negeri tidak tahu?

Kenapa Kementerian Pertahanan tidak maklumkan bahawa sudah ada pergerakan yang luar biasa dan kita lihat Beting Patinggi Ali sekarang ini ada perubahan landskap yang menunjukkan seolah-olah ada *bulldozer* masuk untuk membuat apa-apa infrastruktur di sana. Jadi apakah tindakan Kementerian Luar Negeri berhubung dengan perkara ini ataupun apa bentuk diplomatik protes yang harus dibuat agar keadaan tidak meruncing di sana. Itu benda serius.

Keduanya, Yang Berhormat Oryx telaga minyak yang telah dibina di situ sejak 10 tahun yang lalu tidak dapat beroperasi kerana dihalang oleh *coast guard* China. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Ya, minta jawab bertulislah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab bertulis ya. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia, silakan.

### 5.12 ptg.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah pun mencadangkan satu peruntukan sebanyak RM1,951,426,400 pada tahun 2019 kepada KKMM dengan pengagihan sebanyak RM813,500,000 bagi perbelanjaan pembangunan dan Tuan Yang di-Pertua sebanyak RM1,137,926,400 bagi perbelanjaan mengurus. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan memberikan pandangan mereka serta saranans-saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab kementerian saya. Penggulungan jawapan akan menyentuh kepada enam isu yang luas iaitu:

- (i) penambahbaikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi dan internet di kawasan luar bandar;
- (ii) isu ekonomi digital;
- (iii) penambahbaikan kandungan penyiaran;
- (iv) penyalahgunaan media sosial;
- (v) kreativiti seni; dan
- (vi) ketirisan maklumat.

Izinkan saya memberikan maklum balas kepada isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Limbang, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Mas Gading dan Yang Berhormat Hulu Selangor mengenai perkhidmatan telekomunikasi dan jalur lebar.

Tuan Yang di-Pertua, fokus kerajaan adalah untuk menyediakan infrastruktur yang mencukupi bagi memenuhi keperluan masyarakat pengguna secara saksama di seluruh pelosok negara. Melalui cara ini Tuan Yang di-Pertua, rakyat di seluruh negara akan dapat merasai pengalaman internet sama ada di kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar. Pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) adalah bertujuan untuk menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik agar perkhidmatan jalur lebar dapat dinikmati oleh rakyat di seluruh pelosok negara.

Di antara sasaran-sasaran utama NFCP Tuan Yang di-Pertua adalah kelajuan purata sebanyak *30 megabytes per second* di sebesar 98 peratus kawasan berpenduduk menjelang tahun 2023. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan NFCP memberi keutamaan kepada penyediaan teknologi gentian optik agar rakyat boleh menikmati perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kualiti yang lebih baik. Walau bagaimanapun, bagi kawasan-kawasan yang memiliki kekangan seperti bentuk muka bumi dan sebagainya yang boleh menghalang penyediaan teknologi gentian optik, pembinaan menara-menara telekomunikasi bagi penyediaan teknologi tanpa wayar akan dipertimbangkan.

Dianggarkan sebanyak 6,000 menara komunikasi Tuan Yang di-Pertua yang akan dibina dan dinaiktarafkan daripada teknologi 3G kepada 4G bagi menyediakan liputan yang lebih menyeluruh serta kualiti perkhidmatan yang lebih baik agar rakyat dapat memanfaatkan teknologi jalur lebar bagi menaik taraf sosioekonomi serta kualiti hidup yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Hulu Rajang, ada di Dewan? Ada, saya akan jawab soalan-soalan mereka. Terima kasih. Infrastruktur...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan sedikit daripada jawapan?

**Tuan Gobind Singh Deo:** Yang Berhormat Rantau Panjang, saya akan jawab soalan Yang Berhormat selepas ini.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey, okey.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih. Infrastruktur digital di kawasan luar bandar termasuk di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak, ini melibatkan kos yang sangat tinggi Tuan Yang di-Pertua. Disebabkan tempoh masa yang lama diperlukan untuk menyediakan teknologi gentian optik serta tanpa wayar, perkhidmatan satelit juga akan digunakan bagi memastikan kesalinghubungan digital dapat dinikmati oleh segenap pelosok rakyat Tuan Yang di-Pertua di seluruh negara.

Dalam perkara ini, sokongan kerajaan-kerajaan negeri dan juga kerajaan-kerajaan tempatan adalah sangat penting bagi memastikan bahawa pembinaan infrastruktur digital ini berjalan dengan lancar. Dengan proses kelulusan Tuan Yang di-Pertua yang efisien dan kurang kerenah birokrasi, lebih ramai rakyat akan mendapat manfaat dengan lebih cepat. Dengan tersedianya infrastruktur digital yang akan dibangunkan, rakyat akan dapat turut serta dalam pelbagai aktiviti digital dan juga termasuk aktiviti-aktiviti e-sport.

Manakala untuk makluman Yang Berhormat Rantau Panjang, kementerian menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah merancang untuk melaksanakan Projek Demonstrasi 5G Malaysia selama 6 bulan bermula daripada bulan Oktober 2019 sehingga bulan Mac tahun depan. Dari 87 kajian kes yang dikenal pasti oleh pihak kerajaan bersama dengan pihak industri Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 55 kes penggunaan terpilih untuk berdemonstrasi di 32 lokasi iaitu di 6 negeri yang telah tersedia dari segi infrastruktur serta kesediaan penyedia perkhidmatan iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Matlamat projek-projek ini adalah untuk merangsang pembangunan, ekosistem, 5G dan mengenal pasti keperluan pasaran dan dasar-dasar yang diperlukan untuk tujuan pelaksanaan teknologi 5G di Malaysia. SKMM telah menerima cadangan-cadangan kes penggunaan 5G daripada syarikat yang berminat pada bulan Julai tahun ini. Kesemua kes-kes penggunaan yang akan di demonstrasikan dalam tempoh 6 bulan ini serta lokasinya bukan sahaja dikenal pasti oleh syarikat-syarikat telekomunikasi dan pihak berkepentingan tempatan berdasarkan keperluan pasaran am, malah ianya dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta.

**Tuan Lukmanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Pelaksanaan teknologi 5G di seluruh Malaysia pasti akan dipertimbangkan di setiap negeri berlandaskan permintaan kes penggunaan 5G dan perancangan syarikat telekomunikasi setelah pengagihan jalur spektrum 5G dilaksanakan dan yang dirancang pada tahun 2020. Manakala perkhidmatan 5G dijangkakan dapat diperkenalkan secara komersial pada separuh tahun kedua tahun depan. Yang Berhormat Rantau Panjang, sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali saya ucapkan tahniahlah di atas keprihatinan pihak kementerian dengan memberi peruntukan yang begitu banyak untuk memperkasakan sistem telekomunikasi di dalam negara kita. Kalau kita lihat daripada senarai itu, Kelantan tidak dimasukkan. Jadi dengan perkembangan yang ada, kita mengharapkan supaya projek ini disegerakan.

Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri sebut tadi, 6,000 menara yang bakal dibina, saya ingin tahu berapakah menara yang akan dibina untuk Kelantan sebab keperluan ini sangat-sangat kami alu-alukan. Kita harap supaya perkara ini dapat dipercepatkan supaya rakyat mendapat manfaat yang secepat mungkin. Minta penjelasan.

■1720

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri, Limbang ini sedikit saja.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Just a short one. Maybe you can incorporate in your answer.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Together, okey. Sila Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapan terima kasih atas apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. *Just that* Yang Berhormat Menteri saya itu melihat *the short term* punya *problem*. Macam dulu 3G. Jadi belum lama ini, *I think about one year ago, they upgrade into 4G* dengan izin. Jadi apabila 4G ini telah di *upgrade*, *just that the coverage is less, you know*. Dulu yang jauh sikit dapat. So, barangkali apakah kiranya *short term* punya *measures*, so that the coverage – Kita belum minta 5G, pedalaman kita lahir, *you know*. *The short term planning* untuk memastikan yang dulu dia orang dapat ini, sekarang sudah tidak ada because *they upgrade to 4G*. Terima kasih

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Menteri, boleh? Sibuti ada masukkan dalam ucapan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak tadi, tentang 5G dan menara telekomunikasi.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Boleh saya jawab soalan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang dan juga daripada Yang Berhormat Limbang dulu. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jaminan kepada semua Ahli Yang Berhormat bahawa apabila kita melaksanakan projek NFCP ataupun pelan di bawah NFCP kita akan pastikan bahawa tidak ada sesiapa yang tertinggal. Tiada mana-mana negeri yang akan tertinggal juga.

Dalam keadaan tersebut saya difahamkan bahawa pengurus kita dengan kumpulan *team* kita daripada SKMM telah pun berjumpa dengan setiap Menteri Besar di semua negeri untuk mereka membincangkan bagaimana kita boleh bantu untuk pastikan bahawa infrastruktur yang kita ingin bina ini dapat dibina di seluruh negara. Jadi dalam keadaan tersebut Yang Berhormat Rantau Pajang, saya minta kalau sekiranya ada masalah, silap bagi tahu kepada saya.

Benar, saya sebut tadi bahawa enam ribu menara. Saya akan dapat angka yang tepat untuk Yang Berhormat Rantau Panjang tapi saya perlu berikan secara bertulis Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Sama-sama. Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat Limbang saya setuju, ini adalah satu perkara yang kita lihat. Dengan bangkitnya atau bangunnya teknologi-teknologi baru, maka kita kena lihat juga bagaimana kita boleh perkembangkan perkhidmatan menggunakan teknologi baru itu kepada tempat-tempat yang baru. Dalam keadaan tersebut ini menjadi sebab atas makna kita lihat kepada bagaimana kita boleh menggunakan teknologi yang lain selain daripada *fiber*. Saya rasa kita semua setuju itu, *perhaps the best way forward is fiber*. Itu kita setuju.

Akan tetapi kita juga kena faham bahawa *especially places like Sabah and Sarawak and* kawasan-kawasan tertentu di seluruh negara, di Semenanjung Malaysia. Maka kita ada masalah *geographical* yang akan menjadikan hindaran kepada kita. Kekangan-kekangan itu kita kena lihat secara realistik. Kalau kita hendak atasi menggunakan *fiber*, ianya akan mengambil masa yang sangat lama dan juga kosnya sangat tinggi.

Jadi kita akan lihat kepada perkara itu akan tetapi dalam masa sama kita akan kembangkan perkhidmatan-perkhidmatan yang kita sudah ada menggunakan teknologi yang lain khususnya seperti satelit sekiranya boleh. Itu adalah satu perkara yang sekarang sedang dipertimbangkan oleh SKMM dalam perbincangan dan saya harap bahawa saya dapat membuat satu pengumuman berkenaan perkara itu dalam masa yang terdekat Yang Berhormat daripada Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Okay, thank you Sir.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Sama-sama.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** [Bangun]

**Tuan Gobind Singh Deo:** Ya, Yang Berhormat Sibuti, sila.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sangat menyambut baik jawapan yang diberikan. Di dalam ucapan dasar saya, saya menyentuh berkenaan tentang 450 juta pemasangan menara telekomunikasi. Apa yang ingin saya tanyakan adalah adakah projek NFCP ini akan bertindih dengan juga projek-projek pemasangan menara telekomunikasi di bawah Sarawak Multimedia Authority dan juga salah satu

saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri berkenaan tentang pemasangan satelit.

Saya sendiri melalui pusat khidmat saya di luar bandar sedang *subscribe* satelit Internet. Walaupun demikian saya cadangkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri dalam 450 juta itu masukkan elemen pemasangan satelit itu di kawasan rumah-rumah panjang di pedalaman.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Sibuti. Sepertimana saya jawab kepada Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Rantau Panjang tadi, dalam kita melaksanakan pelan NFCP ini, kita ini berhati-hati supaya kita boleh pastikan bahawa infrastruktur ini dikembangkan kepada seluruh negara dan juga kalau boleh kita tidak hendak bazir seperti kita ini membina di tempat-tempat yang ada sudah cadangan oleh pihak-pihak lain untuk membina dan sebagainya. Dalam keadaan tersebut kita ada apa yang disebut sebagai perbincangan dengan setiap negeri. Jadi kita ini ke setiap negeri, kita bincang bagaimana kita boleh bersama-sama mewujudkan satu sistem infra yang baik dan ini termasuk juga negeri Sarawak.

So, memang itu adalah satu perkara yang kita lihat dan ini adalah satu perkara dalam perhatian SKMM dan saya telah pun menyatakan dalam Dewan ini dua minggu lalu bahawa kita akan mengadakan satu *briefing session* oleh SKMM untuk semua ahli Parlimen semasa persidangan Dewan Rakyat ini. Apabila kita ada perbincangan itu, semua soalan berkenaan dengan isu-isu seperti pusat khidmat Yang Berhormat dan sebagainya boleh dibawa ke depan dan kita akan cuba untuk membantu sejauh mana yang boleh Yang Berhormat. Terima kasih untuk soalan itu Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Limbang, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Tenom, pihak kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang komprehensif merangkumi penyediaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang lebih menyeluruh, stabil dan juga berkualiti tinggi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Di bawah inisiatif perluasan liputan jalur lebar mudah alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baru dan penaik tarafan menara telekomunikasi sedia ada di seluruh negara, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 13 menara telekomunikasi baru telah siap dibina di kawasan Parlimen Tenom. Manakala sebanyak 10 lagi menara masih dalam peringkat pelaksanaan. Yang kita jangka akan siap secara berperingkat menjelang suku kedua, tahun depan. Ini merupakan tambahan kepada 30 struktur pemancar komunikasi yang telah dibina secara komersial di kawasan Parlimen Tenom. Selain daripada itu sebanyak 27 menara komunikasi sedia ada...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Buat pertanyaan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Telah dinaik taraf kepada perkhidmatan 3G dan 4G sehingga bulan September tahun ini. Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan turut melaksanakan inisiatif jalur lebar luar bandar di mana terdapat sebanyak 1,300...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya?

**Tuan Gobind Singh Deo:** ...Dan empat sambungan yang melibatkan satu ibu sawat talian tetap yang telah siap dinaik taraf di kawasan Parlimen Tenom.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Boleh saya tanya?

**Tuan Gobind Singh Deo:** Yang Berhormat Tuaran, sila Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita dapat bahawa dalam soal *penetration Internet* di negeri Sabah, keutamaan telah dibuat di sepanjang jalan-jalan raya, jalan-jalan utama. Akan tetapi apabila kita beralih kepada era digital, menggunakan pelbagai kemudahan, *drone* dan sebagainya, dia tidak lagi tertakluk atau terikat kepada mana-mana sistem pengangkutan jalan dan sebagainya. Adakah pihak kementerian juga melihat ini sebagai sesuatu yang penting, dengan lain perkataan *penetration* itu harus menyeluruh dan bukan terikat dengan jalan-jalan sahaja? Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Tuaran. Saya fikir soalan itu adakah kita akan lihat di luar ataupun selain daripada kawasan jalan. Boleh minta...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Sebab pada hari ini keutamaan telah diberikan untuk sepanjang jalan itu ada dia punya *penetration internet*. Akan tetapi di luar, jauh daripada jalan, *penetration* dia rendah. Jadi kalau kita mahu membuat aplikasi digital ini, kita tidak terikat dengan jalan-jalan raya tetapi seharusnya menyeluruh sebab banyak penggunaan dari segi keselamatan, dari segi penggunaan penguatkuasaan dan sebagainya.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Betul, betul. Saya. Terima kasih Yang Berhormat daripada Tuaran. Saya setuju. Itu adalah satu perkara yang kita kena lihat dan itu adalah sebab kita mempunyai pelan NFCP ini. Pelan NFCP ini melihat kepada bagaimana kita boleh pastikan bahawa kita kembangkan infra kepada semua tempat walaupun dalam bandar, luar bandar, kawasan terpencil. Dengan adanya kita membekalkan perkhidmatan berkualiti baik supaya kita boleh pastikan bahawa semua rakyat boleh menggunakan perkhidmatan itu memanfaatkan diri mereka daripada apa yang kita lihat kepada teknologi baru.

So, itu adalah satu perkara yang kita berikan *priority* dan itu adalah apa yang kita cadangkan melalui pelan ini. Saya harap bahawa pelan ini melalui lima tahun. So, saya harap bahawa dalam setiap tahun kita dapat melihat perbezaan itu dan kita akan lihat bagaimana, *we will see how it develop* Yang Berhormat. Terima kasih tapi *I completely agree and I share your concern* Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan. Bagi menjawab dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Mas Gading, *is Yang Berhormat Mas Gading here?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mas Gading tidak ada. Tidak ada.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan bertulis.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Saya akan bagi secara bertulis Tuan Yang di-Pertua. Izinkan Tuan Yang di-Pertua saya beralih kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Hulu Selangor. Yang Berhormat Hulu Selangor ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Hulu Selangor. Tidak ada.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tidak ada. Saya akan beri secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1730

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada soalan Yang Berhormat daripada Tebrau. Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tebrau, tidak ada.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Masjid Tanah ada? Yes, *she's there*. Yang Berhormat daripada Kota Melaka juga ada. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya.

Soalan-soalan ataupun isu-isu dibangkitkan melalui soalan-soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Tebrau, Masjid Tanah dan Kota Melaka menyentuh kepada isu ataupun perkara ekonomi digital,Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Tebrau, dalam usaha untuk merakyatkan ekonomi digital dan menggalakkan lagi penggunaan teknologi digital khususnya di kalangan usahawan, kementerian saya melalui agensinya MDEC telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif seperti program-program eUsahawan, portal Go-eCommerce, program DAS dan DFTZ.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, program eUsahawan dan pelan platform Go-eCommerce menyediakan peluang latihan dan juga kandungan kepada usahawan mikro dan belia untuk menimba pengetahuan dalam keusahawanan digital yang merangkumi ilmu pemasaran melalui media sosial, *eMarketplaces*, *data analytics*, pembayaran dalam talian, pengiklanan digital dan juga keselamatan siber.

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2015 sehingga tahun 2019, seramai 306,849 usahawan telah menjalani kursus ini. Seramai 107,558 daripada mereka berjaya menjana jualan tambahan dalam talian dengan jumlah terkumpul saya dimaklumkan sebanyak RM586 juta. MDEC juga menjayakan program lanjutan usahawan iaitu eUsahawan Level Up yang ditawarkan kepada peserta usahawan mikro yang menunjukkan peningkatan prestasi perniagaan melalui laporan rekod jualan tambahan terkumpul.

Peserta terpilih akan menjalani program intensif Tuan Yang di-Pertua dan *mentoring* selama enam bulan. Penekanan terhadap pengisian program adalah lebih kepada ataupun memacu kepada transformasi digital peserta untuk terus berdaya saing dalam perniagaan digital dengan memanfaatkan platform eDagang dan media sosial.

Manakala program DAS Tuan Yang di-Pertua, menyediakan platform latihan dan juga khidmat nasihat kepada usahawan tempatan melalui Pusat Internet Desa (PID) terpilih untuk mendapatkan pendedahan maklumat lanjut serta latihan berkaitan peluang-peluang perniagaan serta pasaran domestik dan antarabangsa melalui platform eDagang. Pada masa ini Tuan Yang

di-Pertua, saya dimaklumkan terdapat sebanyak 10 PID yang terlibat dalam pelaksanaan program ini.

Bagi usahawan PKS yang mempunyai potensi untuk mengeksport produk ke luar negara, program Zon Perdagangan Bebas Digital ataupun *Digital Free Trade Zone* (DFTZ) turut menyediakan peluang kepada usahawan untuk menempatkan produk mereka menggunakan platform pasaran maya ataupun *eMarketplaces* serantau dan juga peringkat global, Tuan Yang di-Pertua. Bermula daripada bulan November tahun 2017 sehingga Mac tahun ini, sebanyak 7,633 PKS tempatan telah berdaftar serta menyertai pelbagai program bagi tujuan menempatkan produk-produk mereka di platform pasaran maya atau *eMarketplaces* serantau dan juga peringkat global.

Untuk makluman Yang Berhormat Masjid Tanah, industri kandungan digital merupakan sektor yang sedang berkembang maju di Malaysia. Sehingga kini Yang Berhormat, sebanyak 337 buah syarikat berstatus MSC Malaysia yang terlibat dalam industri ini yang merangkumi sub sektor animasi, *gaming*, VFX atau kesan visual serta media baharu yang mana 80 peratus daripadanya adalah syarikat-syarikat tempatan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengurusikan Mesyuarat]*

Dalam membangunkan industri ini khususnya dalam membantu syarikat tempatan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui agensinya MDEC menyediakan beberapa insentif di bawah MSC Malaysia serta inisiatif dan program galakan lain bagi membangunkan ekosistem industri ini. Antara program dan inisiatif Tuan Yang di-Pertua yang telah dilaksanakan termasuk pertama, *Malaysia Animation and Creative Content Center* (MAC3) iaitu sebuah inkubator yang menyediakan kemudahan infrastruktur untuk pembangunan kandungan kreatif multimedia untuk segmen animasi dan efek visual. Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan termasuk makmal animasi, kemudahan *rendering*, studio suntingan bunyi, pusat sumber animasi dan juga kemudahan *screening* dan kemudahan *presentation*.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, Level Up! Incorporation adalah salah satu inkubator, pembangunan *gaming* yang menyokong industri *gaming* di Malaysia. Level Up! menawarkan kemudahan inkubator di Bangsar South bagi tujuan membangunkan dan juga menggalakkan kerjasama di antara penggiat-penggiat bidang *gaming* tempatan dan juga serantau.

Ketiga, program akses kepada pasaran iaitu melalui B2B *matching and networking session* Tuan Yang di-Pertua yang menemukan syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat pembeli antarabangsa melalui platform dan festival-festival antarabangsa seperti MIPCOM, *KidsScreen* dan *Game Developers Conference* (GDC). Sebagai contoh, MIPCOM di Cannes Tuan Yang di-Pertua, Perancis berjaya menjana nilai eksport kandungan sebanyak RM99.7 juta pada tahun yang lalu.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, bagi industri animasi pula, MDEC juga melaksanakan program-program pendedahan kepada syarikat tempatan dalam membangunkan

IP serta penglibatan di dalam projek dengan studio dan penyiaran tempatan dan antarabangsa seperti Astro, Media Prima, Nickelodeon, Disney Channel, Cartoon Network, Microsoft dan juga Sony.

Seterusnya bagi membangunkan ekosistem industri ini juga Tuan Yang di-Pertua, pihak MDEC juga telah melaksanakan persidangan tahunan seperti *conference creative* yang menghimpunkan para penggiat animasi tempatan dan antarabangsa menerusi aktiviti-aktiviti seperti pameran, bengkel teknikal animasi, *masterclass*, *B2B matching and networking session* dan sebagainya. Semasa persidangan kreatif yang diadakan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 700 peserta daripada 15 buah negara telah pun menghadiri persidangan ini. Sebanyak lebih RM22 juta potensi nilai jualan telah diraih melalui *B2B matching* dan Level Up KL yang merupakan persidangan dan pameran permainan video interaktif media di rantau Asia Tenggara yang dilaksanakan pada *conference creative* ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka, seperti Yang Berhormat sedia maklum, pelan NFCP merupakan satu pelan tindakan yang melaksanakan rangka strategi dan sasaran yang mampu memastikan ketersediaan setanding hubungan digital yang mampan, menyeluruh dan juga berkualiti tinggi dan juga mampu milik untuk negara. KKMM dan SKMM telah membuat sesi libat urus bermula bulan November tahun lepas bersama-sama dengan pihak yang berkepentingan seperti kementerian-kementerian berkaitan dan juga agensi-agensi Persekutuan selain daripada juga libat urus dengan kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensi berkaitan di peringkat negeri serta pihak swasta dan akademia bagi memastikan bahawa pelan tersebut adalah menyeluruh dan berkesan.

Yang Berhormat, berkenaan dengan cadangan penubuhan majlis khas ekonomi digital. Ini merupakan satu cadangan yang baik Yang Berhormat. Terima kasih, kita akan timbangkan tetapi buat masa ini Yang Berhormat kita sudah ada apa yang disebut sebagai Majlis Pelaksanaan (ICM) Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia yang membincangkan topik berkaitan dengan ekonomi digital. Walau bagaimanapun sepertimana saya sebut tadi Yang Berhormat, kita akan memperhalusi cadangan daripada Yang Berhormat Kota Melaka ini dalam masa yang terdekat.

Izinkan Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan maklum balas kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerai dan juga Yang Berhormat Tenom mengenai pemberitaan kandungan penyiaran. Adakah Yang Berhormat Jerai hadir? Yang Berhormat Tenom?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tenom, ada.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih—ada. Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat, isu yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan *live* sidang Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan kita semua. Untuk makluman Yang Berhormat Jerai, sidang Parlimen yang disiarkan secara *live* melalui UniFi adalah berdasarkan kepada isyarat signal yang diambil oleh TM dari RTM dalam format *standard definition* tanpa sebarang pengurangan atau sebarang perubahan ke atas kualiti siaran mahupun kandungan saluran.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, siaran langsung di saluran UniFi TV adalah tidak berbeza kerana sebelum ini ia turut disiarkan menggunakan teknologi yang sama sebelum PRU14. Apa sahaja kualiti siaran yang disalurkan oleh pihak RTM sama ada ianya *standard definition* ataupun *high definition*, pihak UniFi akan menyiarannya sebagaimana siaran yang telah pun diterima.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, RTM turut menyiaran siaran langsung sidang Parlimen sepanjang masa secara dalam talian atau *online* Tuan Yang di-Pertua, menerusi *live streaming* MyKlik dan aplikasi RTM Mobile. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, pihak TM dan RTM mengambil maklum mengenai kerisauan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan akan menjalankan pemantauan yang berterusan bagi meningkatkan kualiti siaran.

Bagi Yang Berhormat Tenom, tugasan dan objektif utama penubuhan RTM adalah untuk menyebarkan secara luas maklumat dan dasar kerajaan kepada segenap masyarakat melalui platform TV, radio dan juga media baharu.

#### ■1740

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu RTM menyiaran pelbagai program dalam bentuk berita, dokumentari, bicarawara, drama, telemovie, sukan, majalah dan juga hiburan menepati keperluan-keperluan mengikut kumpulan-kumpulan sasaran yang tertentu.

Ketika ini RTM menerusi TV 1, TV 2, TV 3, TV Okey, minta maaf dan saluran percubaan berita menyiaran berita dalam lapan bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Tamil, bahasa Iban, bahasa Kadazan, bahasa Dusun dan bahasa Bajau.

Manakala di platform radio pula Tuan Yang di-Pertua, berita bahasa Murut seperti bahasa etnik lain serta rancangan dalam bahasa sama adalah disiarkan di radio Sabah V FM pada setiap hari bermula daripada pukul 7.00 malam. Selain Sabah V FM, siaran bahasa Murut turut ke udara menerusi Keningau FM pada pukul 12.00 tengah hari sehingga pukul 2.00 petang. Siaran Keningau FM ini dapat didengari di Keningau, Tenom dan juga sebahagian kawasan Bawan dan Tambunan.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil maklum dan akan jalankan kajian berhubung keupayaan sumber sedia ada serta kedapatannya atau keupayaannya untuk kita memenuhi permintaan untuk melaksanakan di dalam bahasa Murut di dalam kaca televisyen dalam masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, isu yang kemudian dibangkitkan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit saja, sedikit saja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh Pontian, Pontian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bangun untuk memuji kementerian Yang Berhormat Menteri kerana kita lihat

langkah-langkah yang diambil untuk menerbitkan berita-berita dalam beberapa bahasa dan juga *content* dalam rencana-rencana RTM telah pun maju berlipat kali ganda selepas kerajaan baharu dan Yang Berhormat Menteri memegang jawatan di dalam kementerian ini. Pada masa yang sama, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada pihak kementerian bercadang untuk mengadakan apa-apa wawancara khusus dari semasa ke semasa untuk menerangkan kepada rakyat jelata di Malaysia di atas isu-isu tertentu.

Ini adalah pertamanya untuk menangkis fitnah-fitnah yang dilemparkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Umpamanya saya beri satu kesimpulan berkenaan dengan isu pembayaran royalti kepada rakyat di Kelantan dan di Terengganu. Di mana kita lihat terdapat langkah-langkah yang diambil oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memberi persepsi seolah-olah Kerajaan Pakatan Harapan menafikan atau tidak enggan membayar pembayaran royalti.

So, berkenaan isu-isu semasa saya ingin tanya sama ada kementerian ingin bercadang untuk mengadakan apa-apa wawancara dengan Menteri-menteri yang berkenaan supaya kita dapat menerangkan menjelaskan dengan lebih terperinci lagi terutamanya untuk melawan fitnah yang dilemparkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba memberi persepsi yang negatif berkenaan dengan Kerajaan Pakatan Harapan. Langkah-langkah walaupun diambil, cuba ditangkis dan difitnah oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh berkaitan dengan Yang Berhormat Jelutong? Saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar pihak kami diberikan peluang untuk ke udara. Sama ada di radio ataupun TV untuk menangkis fitnah-fitnah yang ditujukan kepada kami. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong tadi, kami juga kena fitnah ya. Jadi bagaimana, itu baru menunjukkan ketulusan kerajaan yang ada. Jika perkara ini boleh diberi, saya bersedia untuk menjadi ahli panel yang pertama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya pun Yang Berhormat Menteri. Fitnah yang teruk dan lebih dahsyat lagi.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri sedikit.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Yang Berhormat Pendang pun hendak juga, sila.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Kita pun hendak minta supaya penjelasan daripada pihak kerajaan sebab sekarang ini macam Yang Berhormat Jelutong kata tadi kita memberi fitnah terhadap konsep royalti di Kelantan. Sebenarnya, seperti dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi pun belum jelas lagi di antara sempadan satu antara Kelantan dengan Terengganu belum jelas lagi.

Jadi, ini juga kami hendak kena jawab dalam media kerajaan di TV 1, TV 2 dan TV 3 sebab ini belum jelas lagi. Akan tetapi, Yang Berhormat Jelutong kata sudah fitnah sudah.

Sedangkan Menteri pun tak boleh hendak jelas lagi tiga kilometer persempadan negara, negeri dan juga persempadan antarabangsa itu sejauh mana. Belum jelas lagi sudah kata fitnah. Ini juga orang-orang macam ini kita hendak kena berdepan dengan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang, sila Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jawab soalan daripada ketiga-tiga Yang Berhormat tadi. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita pada masa ini ada banyak sesi-sesi temu bual dan juga wawancara dengan bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen, bukan sahaja ahli-ahli politik. Akan tetapi, banyak tokoh-tokoh yang mempunyai pengaruh dalam bidang-bidang tertentu. Ini telah pun kita laksanakan sejak saya mengambil alih sebagai Menteri, saya tidak ada masalah. Apa yang penting adalah untuk kita pastikan bahawa maklumat yang sebenar sahih itu dibawa ke masyarakat awam kerana kepada saya yang penting itu kita kena pastikan bahawa masyarakat awam ini mendapat maklumat yang betul.

Ini supaya mereka dapat membuat penilaian-penilaian yang betul dan juga membuat keputusan-keputusan yang betul berkenaan dengan apa yang dibawa oleh kedua-dua pihak pemerintahan dan juga pihak-pihak yang lain termasuk pembangkang. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi, Yang Berhormat Pontian sebenarnya kalau kita lihat kepada TV, banyak ruang diberikan kepada semua pihak. Itu adalah satu perkara yang dijalankan. *List* ini memang telah pun kita lihat dan saya telah pun sebut sebelum daripada ini juga. Akan tetapi, apa yang saya ingin maklumkan adalah kepada saya untuk RTM dan juga kita ada BERNAMA.

Apabila kita ada polisi-polisi yang menyentuh perkara-perkara yang tertentu, kita sering memanggil semua pihak yang terlibat untuk memberikan pandangan daripada pihak-pihak dan pandangan-pandangan yang berbeza. Itu tidak ada masalah kepada saya. Itu adalah pendirian yang telah pun saya... *[Disampuk]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh senaraikan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang yang sudah dipanggil?

**Tuan Gobind Singh Deo:** Saya boleh, saya boleh. Kalau kita lihat TV, kita jangan lihat saja kepada RTM 1, RTM 2 dan BERNAMA. Kita ada banyak saluran TV yang lain juga. Di mana kita lihat di dalam saluran-saluran tersebut juga banyak ruang diberikan kepada semua. Saya rasa Yang Berhormat Pontian pun tahu, banyak daripada ahli-ahli daripada parti Yang Berhormat Pontian sendiri yang telah pun naik ke pentas dalam media-media yang sedia ada dan telah pun menyuarakan pendapat-pendapat mereka berkenaan dengan isu-isu.

Ini bukan kita lihat kepada RTM 1 dan RTM 2 sahaja, tetapi TV 3 dan lain-lain semua ada. Jadi, kepada saya apa yang penting seperti mana saya sebut. Politik itu politik memang di dalam Dewan ini banyak saya ada ikut tadi. Daripada RTM saya duduk, saya dengar perbahasan, saya dengar apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Yang Berhormat Pendang. Memang saya tahu isu berkaitan dengan tiga kilometer dan sebagainya. Akan tetapi, apa yang penting kepada saya adalah kita perlu bawa kepada masyarakat maklumat yang betul

dan tepat dan ini adalah satu perkara yang akan diberikan fokus oleh saya dalam kementerian ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta sedikit laluan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Cuma saya hendak puji mengatakan syabas, kebebasan yang diberikan oleh kerajaan sekarang lebih baik daripada Barisan Nasional dahulu. Syabas Menteri, syabas.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya tidak pernah tahu ada pihak pembangkang dipanggil dalam slot-slot.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Saya boleh bagi senarai, tidak ada masalah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya tidak pernah. Antaranya saya tidak pernah walaupun sekali.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan, saya sangat kagum dengan keterbukaan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri. Adakah Menteri bersedia untuk memberi laluan siaran terutama kepada kerajaan-kerajaan negeri juga. Contoh, sebelum ini pernah Menteri Besar Kelantan minta buat ucapan Selamat Hari Raya melalui RTM, itu pun tidak dibenarkan. Jadi, sejauh mana dasar baharu yang dibawa oleh pihak di bawah Kerajaan Pakatan Harapan untuk memberi ruang kepada Menteri Besar kerajaan-kerajaan negeri walaupun kerajaan negeri yang bukan daripada Kerajaan PH supaya semua pihak dapat memberi penerangan yang terbaik, dapat memberi ucapan, dapat menunjukkan kesaksamaan dengan menunjukkan sistem demokrasi yang betul-betul unggul. Minta penjelasan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya tidak ada masalah kalau hendak diberikan ucapan seperti mana disebut tadi, saya tidak ada masalah. Saya bawa satu contoh Yang Berhormat kita baru-baru ini meraikan Hari Malaysia di Sarawak. Di situ kita ini mengudarakan apa yang dilaksanakan ataupun seluruh acara itu *live* di RTM dan itu melibatkan ucapan-ucapan daripada Perdana Menteri dan juga Ketua Menteri Sarawak dan sebagainya. Itu adalah apa yang saya katakan keterbukaan saya. Memang kita ada laksanakan. Kalau hendak diajukan ke TV dalam tahun akan datang, sila maklumkan kepada RTM Kelantan. Saya rasa tidak ada masalah.

#### ■1750

Ketua Menteri Kelantan adalah Ketua Menteri untuk Kerajaan Negeri Kelantan. Jadi saya rasa kalau beliau ingin memberikan sedikit ucapan, dalam keadaan itu saya tidak ada masalah Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada soalan kemudiannya, daripada Yang Berhormat Batu Kawan. Saya lihat beliau tak hadir, saya bagi secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan kemudiannya diajukan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai dan beliau ada di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Memang ada. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai adalah berkenaan perkara pemantapan gerak kerja seni negara. Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menubuhkan Kluster Industri Kreatif atau disebut sebagai KIK, Tuan Yang di-Pertua. Ia merupakan satu inisiatif berimpak tinggi untuk meningkatkan tahap kecekapan penyampaian perkhidmatan berkaitan dasar, hala tuju serta resolusi-resolusi bagi isu-isu berbangkit dalam industri kreatif yang merangkumi penerbitan, pengiklanan, seni reka, animasi dan kandungan digital, teknologi, aplikasi, kandungan muzik dan seni persembahan.

KKMM juga berpendapat bahawa penubuhan satu majlis seperti Majlis Negara adalah satu idea yang baik dan ia boleh dipertimbangkan. Jadi selepas daripada ini, saya akan mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat untuk kita lihat bagaimana kita boleh rangka struktur yang akan menjadi struktur yang berkesan untuk kita membawa satu inisiatif seperti ini ke depan, Yang Berhormat.

Saya juga ingin memberikan maklum balas kepada Yang Berhormat dari Lembah Pantai berkenaan dengan isu ketirisan maklumat. Saya rasa itu perkara yang penting sekarang untuk dilihat baru-baru ini. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Tuan Yang di-Pertua, telah melantik khususnya isu yang dibangkitkan berkenaan dengan Numera. SKMM telah pun melantik, dululah, Numera bagi perkhidmatan menyekat telefon bimbit melalui apa yang disebut *international mobile equipment identity* yang hilang atau dicuri.

Bagi maksud itu, Numera telah pun mengumpulkan data daripada pengguna perkhidmatan telefon bimbit pada satu pangkalan data dan sekiranya laporan kehilangan atau kecurian mana-mana telefon bimbit diterima, Numera akan bertindak untuk menyekat telefon tersebut. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, Numera adalah bertanggungjawab untuk menjamin keselamatan data pengguna yang dikumpul oleh pihak mereka. Walau bagaimanapun, SKMM mendapati pihak Numera gagal mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjamin keselamatan data tersebut dan ini melanggar terma dan syarat perjanjian yang telah ditandatangani di antara Numera dan SKMM.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa status terkini bagi perkara ini adalah di peringkat proses timbang tara (*arbitration*) dan ia melibatkan fakta-fakta yang tersendiri di mana terdapat dengan izin, *dispute of facts*. Jadi dalam keadaan tersebut, oleh kerana perkara itu masih dalam peringkat timbang tara, saya tidak ingin mengulas dengan mendalam kerana itu adalah satu perkara yang akan diputuskan dalam proses tersebut.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini saya ingin menyatakan bahawa setiap syarikat pemberi perkhidmatan melaksanakan perkhidmatan menyekat untuk pelanggan masing-masing dan data pengguna tidak terkumpul pada satu pangkalan sahaja. So, *now it is not reserve to one*. Langkah ini adalah untuk kita mengurangkan risiko kebocoran data.

Kerajaan juga memandang serius Yang Berhormat, tentang isu penyalahgunaan data pengguna oleh individu yang tidak bertanggungjawab dan telah pun menguatkuasakan peruntukan-peruntukan ataupun beberapa peruntukan untuk perlindungan data pengguna di Malaysia seperti berikut;

- (i) Arahan 24 Majlis Keselamatan Negara telah mewajibkan semua agensi kerajaan dan organisasi yang dikenal pasti sebagai infrastruktur maklumat kritikal nasional ataupun *critical national information infrastructure* termasuk syarikat telco untuk mereka mematuhi standard-standard ISO 2007-1. *Information security management system* yang menekankan kepada perkara-perkara *confidentiality*, *integrity* dan *availability* terhadap sistem maklumat. Ini Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan semua agensi dan organisasi kritikal negara mencapai tahap keselamatan yang kukuh bagi melindungi data mereka daripada dicerobohi;
- (ii) peringkat industri telekomunikasi dan multimedia Malaysia, kita ada Kod Amalan Am Pengguna bagi Industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Ia turut juga menekankan Tuan Yang di-Pertua, aspek keselamatan data supaya penyedia perkhidmatan dapat mengambil langkah-langkah yang ketat untuk memastikan perlindungan kepada data peribadi pengguna di tahap yang tinggi;
- (iii) kita ada apa yang disebut sebagai Akta Perlindungan Data Peribadi yang dikuatkuasakan dalam tahun 2010 di bawah Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) dan ia adalah bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urus niaga komersial oleh pengguna data supaya tidak disalahgunakan dan disalah pakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Setiap pengguna data wajib mematuhi tujuh Prinsip Perlindungan Data Peribadi (Prinsip PDP) dalam mengendalikan data peribadi milik pelanggan mahupun pekerja bagi memastikan data peribadi tersebut tidak disalahgunakan

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tuan Yang di-Pertua, Akta 709 juga mewajibkan pendaftaran pengguna data yang tergolong di bawah 13 golongan pengguna data sebagai salah satu mekanisme pematuhan di dalam pelaksanaan akta tersebut. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, JPDP juga telah mengeluarkan standard perlindungan data peribadi yang menetapkan kehendak minimum yang perlu dipatuhi oleh pengguna data iaitu standard keselamatan, standard penyimpanan Tuan Yang di-Pertua, dan juga standard integrasi data.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Menteri, saya dulu. Saya bangkit dahulu.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Saya jawab soalan Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tak, nak tanya satu soalan berkenaan dengan data juga.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Boleh, dua-dua boleh tanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Lebih baik Yang Berhormat Lembah Pantai dahulu sebab berkaitan dengan Yang Berhormat Lembah Pantai dahulu.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih di atas jawapan ini. Berkenaan dengan isu keselamatan data, saya lihat memang kita ada akta-akta, kita ada jawatankuasa ataupun majlis yang disebutkan tadi. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa sebagai contoh, pencerobohan data berlaku hampir setiap bulan, contohnya ya.

Terbaru ini kita digegarkan dengan kejadian pencerobohan pangkalan data Universiti Malaya yang mana berlaku satu *data dump* dalam *internet*, semua data, semua staf termasuk Naib Canselor Universiti Malaya, maklumat peribadi termasuk gaji tahunan dan selain daripada PERKESO, KWSP dan sebagainya. Sebelum ini kita dengar tentang masalah yang berlaku dengan Malindo, contohnya.

Jadi, adakah boleh Yang Berhormat Menteri mungkin mempertimbangkan satu penilaian tahap kesiapsiagaan infrastruktur data bagi bukan sahaja *private sector* dengan izin, tetapi juga bagi agensi-agensi kerajaan termasuk IPTA dan juga termasuk Parlimen itu sendiri, Parlimen ini sendiri. Apakah tahap kesiapsiagaan kita memandangkan teknologi ini kadar perubahan dia cukup terlalu pantas. Apa yang kita mungkin sediakan mengikut mungkin pada tahun 2010 kalau tidak kita pinda untuk perbaharui, mungkin sudah tak terlalu terkesan.

Sebagai satu lagi contoh yang akhir, pagi tadi timbul berita *WhatsApp* telah menyaman satu syarikat Israel kerana telah berlaku pencerobohan ke dalam beribu akaun *WhatsApp* di seluruh dunia. Saya tak pasti sama ada, ada akaun *WhatsApp* di Malaysia juga yang terkesan. Jadi nampak bila masa negara Malaysia dan kita lihat Belanjawan 2020 menekankan ekonomi digital, adakah kita bersiap sedia? Adakah infrastruktur pangkalan data kita cukup sedia untuk menghadapi tekanan dan isu-isu keselamatan seperti ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Pendang, sila.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sikit, saya sambung sebab mungkin bertindih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang nak sebut isu Universiti Malaya berkenaan dengan pencerobohan *data line* sehingga ke penulisan-penulisan peringkat *submission* untuk PhD pun dicerobohi sekarang, tidak ada rahsia. Itu yang pertama. Kedua saya nak sebut pasal *data line down* di KLIA dahulu, ini juga melibatkan keselamatan negara. Ketiga, pagi tadi.

Kita baca satu kenyataan daripada IGP yang mana WhatsApp yang dibolehkan untuk mereka menangkap serta-merta tanpa lagi memberi amaran. Ini juga satu kebimbangan yang saya rasa tidak ada satu pengawalan daripada segi security data ini untuk kita nak hak kerahsiaan individu. Kalau sampai macam ini, kita tengok kita kena buat satu jawatankuasa lain ataupun Kertas Putih, bincang balik bagaimana kita nak buat satu security bagi mengawal keseluruhan apa yang berlaku dalam Malaysia ini. Itu belum masuk lagi 5G.

**■1800**

Katanya kalau masuk 5G tidak ada kerahsiaan lagi sehingga dalam bilik air pun kita tahu. Kalau ada dua isteri, isteri pertama tahu suami duduk dekat mana, isteri kedua pun tahu, katanya. Ini saya peringat awal-awal. Tetapi saya masih satulah untuk makluman. Sekian, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi saya masih satu. Bukan saya kata saya ada dua tiga, tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sekejap. Saya hendak puji Yang Berhormat Menteri ini walaupun beliau mempunyai latar belakang sebagai seorang pengamal undang-undang, beliau pegang betul beramal. Tidak macam Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang itu tidak beramal.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai kerana membangkitkan satu perkara yang cukup penting. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita ini berikan fokus kepada perkembangan infrastruktur, kita ini buat itu dengan tujuan dan harapan bahawa kita boleh lihat semua rakyat Malaysia menggunakan teknologi itu supaya mereka ini boleh mengambil ataupun menikmati manfaat ataupun kelebihan-kelebihan teknologi dunia masa kini dan masa akan datang.

Akan tetapi untuk kita memberikan mereka sekuriti, kalau kita hendak menjemput rakyat Malaysia untuk juga bersama-sama berkecimpung dengan teknologi menggunakan internet supaya mereka boleh memperkuuhkan industri mereka dan sebagainya, kita kena pastikan bahawa kita boleh meyakinkan rakyat bahawa kalau mereka menggunakan internet itu, maka mereka ini boleh pasti bahawa maklumat peribadi mereka ini selamat.

*So, with infrastructure and education, what is important dengan izin Tuan Yang di-Pertua is also trust.* Ini adalah satu perkara yang saya berikan fokus dalam kementerian saya. Kita lihat bagaimana ada banyak kes seperti mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi saya tidak akan ulangi. Ada di antara mereka dalam siasatan, saya tidak mahu sebut apa-apa yang akan memberi kesan kepada siasatan tersebut.

Akan tetapi saya ingin memberikan sedikit makluman bahawa di negara kita, kita ada undang-undang. Tetapi seperti mana disebut, undang-undang disebut itu memang telah digunakan sejak tahun 2010 dan saya rasa memang kita sudah sampai satu tahap di mana kita perlu memperbaiki undang-undang tersebut.

Kita lihat di Eropah misalnya. Kita ada GDPR. Yang Berhormat Paya Besar beliau juga seorang pakar, dia tahu. Akan tetapi soalnya bagaimana dengan tahap ketersediaan undang-undang Malaysia. Kepada saya, apa yang kita ada sekarang memang satu undang-undang yang boleh dikuatkuasakan. Akan tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita perlu melihat bagaimana kita boleh melaksanakan pindaan-pindaan untuk kita perkukuhkan dan juga perketatkan undang-undang yang kita ada supaya undang-undang itu adalah sesuai untuk cabaran-cabaran dan ancaman-ancaman yang kita lalui sekarang.

Saya ingin menyatakan dalam Dewan ini bahawa melalui kementerian saya kita sekarang dalam proses mengkaji undang-undang yang sedia ada. Saya harap bahawa dalam bulan Mac yang akan datang, saya boleh datang ke Parlimen ini untuk membentangkan satu rang undang-undang pindaan.

Kalau tidak, mungkin dalam bulan Mei tahun depan. Akan tetapi ini adalah satu perkara yang kita lihat dengan serius. Saya dalam proses menambahbaikkan lagi peruntukan undang-undang yang kita ada untuk kita dapat menangani masalah-masalah siber sekuriti dan juga masalah-masalah data seperti mana telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai dan juga Yang Berhormat Pendang tadi. Terima kasih kerana membangkitkan isu-isu itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat ada lapan minit lebih sedikit untuk merumuskan.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat Rantau Panjang telah pun membangkitkan isu-isu berkenaan dengan urusan media secara bercetak dan sebagainya.

Akan tetapi itu Yang Berhormat adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Jadi ia di luar kementerian saya tetapi Yang Berhormat sekiranya ada soalan spesifik yang saya boleh bantu untuk kemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk pihak Yang Berhormat, sila beritahu kepada saya Yang Berhormat tetapi soalan itu harus diajukan kepada Menteri Dalam Negeri.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Menteri sedikit. Sibuti.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sedikit boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Yang Berhormat Sibuti dahulu. Kemudian Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Saya banyak bercakap dalam dasar berkenaan tentang digital ekonomi terutamanya Kerajaan Negeri Sarawak antara negeri yang pertama memperkenalkan dasar dan juga Yang Berhormat Port Dickson pun memuji polisi dan dasar Sarawak itu ke depan.

Apa yang menjadi kebimbangan saya adalah apabila saya melihat teras kedua adalah Kerajaan Persekutuan meletakkan *digital economy* ini adalah sebagai dasar untuk menjana pendapatan dan ekonomi baru kerajaan. Saya bimbang, adakah dasar *digital economy* yang diperkenalkan oleh Sarawak melalui Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, adakah selaras?

Adakah Kerajaan Persekutuan akan bersama-sama kerajaan negeri dan adakah Kerajaan Sarawak ini akan disisih Dasar *Digital Economy* nya? Apakah cara dan langkah yang digunakan Kerajaan Persekutuan terutamanya Yang Berhormat Menteri untuk memastikan Dasar *Digital Economy* ini tidak melibatkan faktor politik. Ini kerana saya melihat ada potensinya *digital economy* di Sarawak. Kita sudah membangunkan infrastruktur.

Walaupun demikian, kita mengakui talian-talian ataupun menara-menara tidak mencukupi dan kita memerlukan bantuan di peringkat Persekutuan. Adakah kerajaan dapat bersama-sama menjayakan Dasar *Digital Economy* ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya yakin Yang Berhormat Menteri dapat memimpin kementerian ini dengan baik kerana banyak cadangan dan pelaksanaan yang menggembirakan ramai pemikiran luar kotak yang disebut oleh Yang Berhormat Baling.

Cumanya, ada beberapa perkara yang saya minta pertimbangan Yang Berhormat Menteri. Laporan PAC mengenai kerugian Khazanah RM6.3 bilion. Salah satu sebabnya yang melibatkan Telekom Malaysia (TM), apabila Yang Berhormat Menteri laksanakan *double speed half price*. Jadi, bagaimana keadaan Telekom sekarang ini?

Ini kerana saya yakin seperti mana Yang Berhormat Sibuti sebutkan tadi, kita mahu *digital economy* ini diketuai dan diterajui oleh sebuah syarikat Malaysia sendiri. Bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini. Saya yakin Yang Berhormat Menteri amat terbuka dalam dasar di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri bantu saya dan rakan-rakan di barisan pembangkang ini supaya jangan ada *double standard*.

Ketika Yang Berhormat Pekan ke Amerika Syarikat jumpa Mark Zuckerberg. Kita tidak minta mereka untuk sekat mana-mana *Facebook*. Akan tetapi bagaimana yang berlaku pada hari ini Yang Berhormat Menteri, banyak dakwaan dan saya minta Yang Berhormat Menteri tolong buat siasatan dan sahkan. Sebagai contoh, Patriot. Sekarang ini Patriot pertama lebih kurang hampir 400,000 yang mengikuti tetapi ditutup. Mereka buat Patriot 2.0 ditutup. Kali ini ada Patriot 3.0 kerana mereka memperjuangkan Islam dan Melayu.

Akan tetapi yang paling mengecewakan saya Yang Berhormat Menteri, baru saya buat tadi sementara tadi menunggu Yang Berhormat Menteri menjawab soalan begitu tersusun, saya hendak daftar UMNO *Facebook* pun tidak boleh Yang Berhormat Menteri. Saya terpaksa menukar perkataan UMNO, ‘O’ itu kepada kosong. Huruf atau nombor kosong barulah boleh daftar.

Akan tetapi apabila saya cuba pula buat PKR Tanjong Piai, BERSATU Tanjong Piai, DAP Tanjong Piai tidak ada masalah. Ia tidak sebut sebagai *invalid*, sebab saya mengharapkan sangat Yang Berhormat Menteri supaya keterbukaan Yang Berhormat Menteri ini dapat sampai ke akar umbi. Jangan sampai Yang Berhormat Menteri cakap di Dewan ini sangat baik. Kita rasa syok Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi apa yang berlaku ketika selepas perbahasan bajet, sebuah TV Al-Hijrah, menghalang salah seorang daripada mereka untuk bertemu dengan Yang Berhormat Menteri sebuah kementerian di salah satu acara tidak dapat masuk. Mereka sudah sampai.

Adakah ini sebenarnya kita hendak salahkan TV stesen, walhal ada tangan-tangan ghaib yang digerakkan secara senyap-senyap. Saya harap sangat Yang Berhormat Menteri *walk the talk*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat Sibuti dan juga Yang Berhormat Paya Besar. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa kita sedar berkenaan dengan apa yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Saya rasa itu adalah inisiatif-inisiatif yang baik yang diperlukan untuk kita bersama-sama menjayakan visi untuk kita berjaya dalam ekonomi digital di Malaysia dalam masa akan datang.

Dalam keadaan tersebut, saya juga mendengar Yang Berhormat kata bahawa isu berkenaan dengan infrastruktur perlu kita aturkan supaya kita boleh pastikan bahawa ekonomi digital ini berjaya. Saya cukup bersetuju. Itu satu sebab di antaranya kita lihat dalam bajet ini kita ada pengumuman berkenaan dengan dana khusus yang akan disalurkan untuk kita melihat bagaimana kita boleh menggunakan teknologi satelit. Itu adalah satu-satunya perkara yang kita akan fokuskan khususnya di Sabah, Sarawak dan juga kawasan-kawasan yang terpencil di Semenanjung.

#### ■1810

Ini kerana kita hendak pastikan bahawa apa yang kita hendak lihat dan apa yang kita hendak kembangkan adalah untuk semua negeri. Jadi tidak ada masalah dalam kita lihat kepada mana-mana negeri yang akan terpinggir dan sebagainya. Itu adalah satu perkara yang saya telah pun nyatakan ini adalah satu yang kita kena pastikan untuk semua rakyat Malaysia kerana apabila kita lihat kepada infrastruktur ianya sangat penting.

Kita kena pastikan tidak ada mana-mana rakyat yang terpinggir, kita kena pastikan bahawa setiap rakyat Malaysia tidak kira di mana mereka itu mereka ada akses kepada internet. Kemudian mereka ada maklumat bagaimana mereka hendak dan boleh menggunakan internet itu untuk kemudahan atau kebaikan mereka. Jadi saya memberikan jaminan dan kita akan bantu sejauh mana yang boleh.

Saya dimaklumkan bahawa agensi-agensi kita sebagai MDEC misalnya juga bekerjasama dan juga berbincang dengan negeri Sarawak bagaimana kita boleh laksanakan dan saya boleh setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat Port Dickson juga, apa inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di Sarawak misalnya dan juga di Pulau Pinang, juga di Selangor kita lihat ada

inisiatif-inisiatif yang dibawa oleh kerajaan negeri. Baru-baru ini juga di Perak ada pengumuman yang dibuat.

Jadi setiap negeri memang akan membuat fokus kepada perkara-perkara tertentu dan sebagainya. Kita di peringkat pusat, kita melihat kepada bagaimana kita boleh memastikan bahawa infra bersedia untuk menampung idea-idea ini supaya ia boleh berjaya. Dalam masa yang sama kalau diperlukan apa-apa petua daripada kita bagaimana kita boleh kembangkan software ataupun apps yang boleh membantu dan sebagainya itulah perkara-perkara yang kita akan bantu. Kita tidak ada masalah, kita akan lihat kepada perkara-perkara tersebut.

Yang Berhormat daripada Paya Besar kalau kita lihat kepada *Facebook* dan sebagainya saya yakin juga Yang Berhormat Paya Besar tahu bahawa kerap kali apa yang dibuat berkenaan dengan *platform-platform* mereka ini adalah hasil daripada tindakan mereka. Ia bukan sekadar kita yang memberikan arahan peringkat SKMM dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang saya telah sebut banyak kali di dalam Dewan yang mulia ini.

Bukan sahaja setakat aduan yang dibawa oleh Yang Berhormat Paya Besar tetapi aduan dibawa oleh banyak pihak-pihak lain, pihak-pihak tidak berkepentingan politik, pihak-pihak politik juga pihak kerajaan, Ahli Parlimen tertentu dan sebagainya memang ada dibawa juga masalah sedemikian. Di mana mereka tidak boleh akses kepada *Facebook* akaun mereka dan sebagainya.

Ini adalah satu perkara yang berlaku hasil daripada tindakan yang dilaksanakan oleh portal-portal tersebut. Memang apabila kita ada aduan dibuat dan ini apa yang berlaku sebenarnya laporan-laporan polis dibuat kepada pihak polis dan pihak polis akan bincang dengan SKMM kerana untuk tujuan siasatan, SKMM adalah pihak yang boleh mengenal pastikan siapakah owner dan sebagainya, sama ada *Facebook* ataupun tidak dan sebagainya.

Setakat tahap itu mereka akan buat kemudian ia akan dibekalkan balik kepada pihak polis untuk tindakan diambil. Itu adalah pendirian yang saya telah pun menyatakan dalam Dewan ini sejak permulaan dia. *So that is a position that we take, of course kalau ada sebarang aduan yang disebut, yang hendak di bawa kepada saya let me know, maybe I almost welcome to check I will check for this issue.*

Berkenaan dengan isu yang disebut oleh TV AlHijrah yang berlaku itu di luar makluman saya dan saya akan minta untuk satu laporan dikemukakan kepada saya untuk tujuan tersebut. Saya juga ingin maklumkan yang jawapan-jawapan bertulis tersebut, saya minta maaf lambat sedikit kerana *long weekend* tapi saya telah pun minta officer saya edarkan kepada semua termasuk daripada Kubang Kerian dan sebagainya.

Saya minta maaf di atas kelewatan. Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja jawapan saya, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian. *[Tepuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia. Sekarang tiba giliran.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini kalau Menteri semua macam inikan hebat Tuan Yang di-Pertua, hebat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang tiba giliran Kementerian Sumber Manusia.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Teruskan menjadi Menteri, *steady* Menteri, *good*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri, 60 minit.

#### **6.14 ptg.**

**Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]:** Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 54 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbaahan yang menyentuh lapan perkara utama yang berkaitan Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, isu pemberhentian kerja. Secara keseluruhannya jumlah pemberhentian kerja yang dilaporkan bagi tempoh Januari hingga September 2019 adalah seramai 24,600 pekerja. Pemberhentian melibatkan seramai 17,475 orang pekerja tempatan dan 7,125 orang pekerja asing. Dari jumlah keseluruhan pemberhentian tersebut seramai 21,625 orang pekerja diberhentikan secara pemberhentian biasa dan seramai 2,975 orang pekerja diberhentikan melalui pemberhentian secara sukarela (VSS).

Tiada peruntukan perundangan spesifik menghalang mana-mana perniagaan atau syarikat mengambil tindakan menstrukturkan atau menutup perniagaan yang bertujuan menstabilkan keuntungan dan daya saing syarikat terutamanya jika terdapat situasi syarikat menanggung kerugian, kesan kejatuhan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan dalam negara atau kesan dari kelembapan ekonomi dunia yang turut menjelaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah membawa perkara mengenai *Utusan Melayu (M) Berhad*.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, boleh tanya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tentang yang dibuang kerja tadi, apa tindakan kementerian Yang Berhormat untuk membantu mereka yang dibuang kerja tadi. Sama ada untuk mendapatkan pekerjaan baharu ataupun dari segi latihan untuk perniagaan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat saya akan jawab. Itu ada jawapan khusus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya cadang teruskan dulu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan dulu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya, jawapan khusus. Itu Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), sistem spesifik yang ada untuk menolong mereka. Saya ada jawapan yang panjang lebar.

Ini mengenai *Utusan Melayu*, pada waktu sekarang semasa saya berucap ada satu perbincangan di antara jabatan saya dengan pekerja-pekerja *Utusan Melayu*. Saya telah mengarahkan jabatan untuk mendapatkan yang terkini mengenai penyelesaian mereka. Bila saya sebelumnya saya jawab, kalau saya dapat jawapan tersebut saya akan beri kalau tidak saya akan beri secara bertulis.

Pertanyaan Yang Berhormat Tapah mengenai pengambilan tanah ladang oleh Pekerjaan Persekutuan. Yang Berhormat Tapah tidak ada di sini saya akan jawab secara bertulis. Ini jawapan Yang Berhormat Bera, kerajaan juga telah menguatkuasakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Akta 800 adalah satu akta yang memberi perlindungan insurans kepada pekerja yang diberhentikan supaya dilindungi dan mendapat faedah pemberhentian.

Bagi orang kehilangan pekerjaan pada tahun 2018, mereka layak untuk menerima Bantuan Interim bernilai RM600 sebulan untuk tempoh maksimum tiga bulan sahaja. Bagi pekerja sekarang yang kehilangan pekerjaan mula 1 Januari 2019, mereka layak menuntut faedah *full-fledged* berbentuk bantuan-bantuan kewangan sementara carian pekerjaan, penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya, program latihan dan sebagainya tertakluk kepada kelayakan di bawah Akta 800. Jumlah elauan mencari pekerjaan yang dibayar adalah bergantung kepada peratusan purata bulanan anggapan iaitu 80 peratus bagi pada bulan pertama, 50 peratus pada bulan kedua, 40 peratus pada bulan ketiga dan keempat. Manakala 30 percent pada bulan kelima dan keenam.

Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Pasir Salak mengenai pekerja, beliau tidak ada saya akan beri jawapan bertulis.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, yang pasal saya hendak tanya adakah kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan guaman kepada mana-mana pekerja yang *unfair dismissal* inilah. Bila *unfair dismissal only* dia akan *carry* dekat mahkamah. Dia tidak puas hati dia rayu lagi. Pihak majikan tentu ada kemampuan untuk *engaged lawyer* tapi kalau dia ini sudah kena buang kerja kemudian kalau dia hendak pergi mahkamah dia tentu hendak perlukan duit kalau hendak *engaged lawyer*.

Adakah kementerian akan sediakan *lawyer* ataupun bantu yang mangsa yang *claim unfair dismissal* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila.

**Tuan M. Kulasegaran:** Satu cadangan yang baik tapi Yang Berhormat sebagai peguam pun boleh memberi dengan rela. Kita bila di swasta kita pun buat sedemikian tapi buat sementara waktu *Bar Council* ada menyediakan beberapa inisiatif untuk menolong mereka yang membawa kes ke Mahkamah Perusahaan atau ke Mahkamah Buruh.

Saya juga dalam beberapa perbincangan dengan *Bar Council* telah meminta mereka meluaskan untuk menolong mereka yang perlukan perkhidmatan sedemikian.

**■1820**

Saya berjanji ini akan dihebatkan lagi akan tetapi setakat ini kerajaan tidak ada polisi pada masa waktu sekarang akan tetapi ini adalah satu perkara atau cadangan baik, mungkin boleh dibawa kepada kementerian supaya jika perlu dihantar, mendapat kebenaran Kabinet esok hari.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat sedikit sahaja. Dari segi yang diberhentikan kerja ada insurans dan sebagainya. Adakah pihak kementerian mempunyai statistik dari segi pekerja yang dibuang tadi mendapat semula pekerjaan selepas itu ataupun menjalankan perniagaan atau sebagainya untuk meneruskan kehidupan mereka. Ada tidak statistik? Statistik yang dibuang ada akan tetapi yang mendapat pekerjaan semula.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat. seperti yang saya kata sebelum ini sebenarnya SIP *has got a far reaching benefit* kepada pekerja-pekerja yang dibuang kerja, itu nombor satu.

Kedua, dia ada manfaat-manfaat yang tertentu. Kali pertama di Malaysia di mana jika seseorang dibuang kerja dia ada satu pilihan. Selalunya apabila ada pembayaran pampasan atau ini akan mengakibatkan pekerja untuk register dengan SIP. SIP ada statistik, saya harap semasa saya menjawab pegawai boleh memberi sekarang, saya akan menjawab angka demikian tapi pada pengetahuan saya kalau tidak silap saya lebih kurang dalam lingkungan 90 peratus di antara yang dibuang kerja dapat kerja balik.

Kita ada inisiatif-inisiatif yang baharu dan juga kita membuatkan siri yang terbaik untuk mereka. Ini termasuk kepada *those covered under SIP* dan yang tidak di SIP kita juga ada menolong mereka. Di sini ada jumlah kehilangan pekerjaan daripada Januari ke September 2019 dan dari itu PERKESO telah menempatkan seramai 12,019 orang kembali semula bekerja dengan tempoh Januari dan ini meningkatlah setiap hari.

Sebenarnya Yang Berhormat walaupun kita khawatir mengenai kehilangan kerja di antara rakyat Malaysia tetapi kita perlu fikir Yang Berhormat kita ada kekosongan yang terlampaui *actually*. Kita ada 590 ribu kekosongan tempat kerja akan tetapi bukannya semua pendapatan lumayan. Ada *manager*, ada jurusan ijazah dan sebagainya. Kekosongan ini belum lagi diisi. Ini menjadi satu masalah yang sangat serius dan sebab itu apabila kerajaan melancarkan baru #Kerja untuk menolong semua graduan-graduan jadi ini satu inisiatif-inisiatif yang baharu dan kita rasa apabila ia berfungsi tidak lama lagi ini ia akan menolong untuk membawa lebih atau ramai di antara *graduate* yang menganggur untuk mendapat kerja atau wanita-wanita yang menganggur atau ingin bekerja.

Sebagai angka saya kata Yang Berhormat, saya difahamkan daripada 2.6 juta wanita yang sebenarnya kalau ada inisiatif-inisiatif yang tertentu atau diberi keutamaan kepada mereka, mereka dapat kembali kerja akan tetapi yang menjadi masalah adalah ini. Ramai di antara mereka tidak dapat kerja *full time*. Jadi kita perlu satu *shift* dalam pemikiran majikan di mana tidak boleh memaksa pekerja-pekerja bekerja selama lapan jam baharu sahaja memberi kerja kepada mereka. Kalau majikan mengurangkan masa kerja mereka kepada *part time basis*, empat jam,

lima jam, tiga jam, saya berpendapat dan dari apa yang kita ada Tuan Yang di-Pertua, analisis-analisis nampaknya kita dapat menerap semua orang yang sudi bekerja.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, pencelahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pembuangan kerja di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Pertama, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana memberi ruang kepada ketua pengarah di bawah seksyen 20(3) yang tidak lagi Yang Berhormat Menteri merujuk akan tetapi ketua pengarah dirujuk. Satu daripada keputusan yang luar biasa tidak pernah terfikir.

Keduanya, saya juga ingin mengucapkan tahniah di bawah seksyen 52, Akta Perhubungan Perusahaan yang memberikan ruang kepada pekerja berkanun yang boleh masuk dalam seksyen 20 dan menyelamatkan atau membantu hampir 1,000 pekerja-pekerja penjawat awam dalam kategori itu, 100,000. Jadi ini satu tindakan yang cukup luar biasa, namun saya hendak tegaskan bahawa *reinstate* itu, sebenarnya tempoh itu tidak usah diberilah. Dalam tempoh maksudnya 24 bulan kita ambil daripada *union busting* yang Menteri telah pinda iaitu tanpa ada had.

Itu satu anugerah yang baik. Oleh sebab kes Malek Hakim dengan Telekom Sabah itu memberikan kesan yang baik iaitu tidak boleh lebih daripada 24 bulan setelah dipinda mengikut Harun Jay punya falsafah. Jadi saya nampak di situlah kelebihan yang boleh yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tanjung Karang itu *reinstate* itu dapat manfaat kerana pindaan ini membenarkan sesiapa sahaja yang ada *qualification* boleh mewakili pekerja.

Saya rasa itu pindaan yang cukup baik sokekalkan dia kerana itu memberikan hak kepada pekerja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya Yang Berhormat. Yang Berhormat lebih arif lah kerana peruntukan-peruntukan Akta Pekerja dan *Industrial Relations Act* Yang Berhormat tahu. Akan tetapi saya hendak beritahu sedikit sebenarnya kita dapat banyak bantahan apabila saya mendapat cadangan daripada CUEPACS supaya kita meminda seksyen 52 kerana membenarkan kali pertama dalam 62 tahun untuk sesiapa sahaja yang bekerja di *statutory body* untuk membawa kes mereka ke Mahkamah Perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjadi peguam lebih dari tiga dekad. Ada banyak kes di mana dilucutkan, dibuang kerja dari *statutory body*. Mereka berjumpa dengan saya dan pegawai-pegawai yang lain. Fi dia sangat tinggi ini kerana kita perlu pergi ke Mahkamah Tinggi, Yang Berhormat Tanjung Karang mesti tahu. Ini mengambil banyak masa dan fi dia sangat tinggi. Ini kali pertama kita buka. Satu keluasan yang luar biasa. Walaupun ada tentang tertentu kerana

ia akan menyenangkan supaya pekerja-pekerja ini sekarang kali pertama boleh pergi ke mahkamah industri dan mempercepatkan proses penyelesaian.

Yang Berhormat Kapar saya hendak beritahu. Apabila kita kata dua bulan, dua tahun ini, *union busting*, ramai di antara Yang Berhormat, saya minta maaf, tidak tahu mengenai apakah isu *union busting* di mana ini pun kali pertama dalam 62 tahun yang kita bila ada isu *union busting*, *there is no upper or lower limit* untuk kementerian mendapat pampasan. Ini majikan tidak setuju dan sepatutnya kesatuan-kesatuan di negara ini patut bersetuju kepada ini kerana ini *revolutionary moves*. Tidak pernah terjadi, kenapa kita dapat? Itu saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah bersetuju dan menyokong akta tersebut.

Saya boleh pergi, banyak cakap mengenai hal tersebut akan tetapi saya ada beberapa lagi, ada 100 muka saya hendak jalan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sedikit...

**Tuan M. Kulasegaran:** Sedikit Yang Berhormat Pontian, saya minta maaf, saya habis ini. Majikan juga diperlukan akta agar mengikuti *Code of Conduct for Industrial Harmony* bagi memastikan perhubungan perusahaan kekal kondusif dan harmoni. Lagi, pihak majikan juga dikehendaki mematuhi dan melaksanakan prinsip *Foreign Workers First Out* (FWFO) iaitu pekerja asing diberhentikan terlebih dahulu sebelum pekerja tempatan diberhentikan.

Ini adalah undang-undang yang mesti dipatuhi oleh pihak majikan sepertimana dikehendaki di bawah seksyen 60(n), Akta Kerja 1955. Sekiranya pemberhentian yang dibuat oleh majikan tidak melibatkan pemberhentian sepenuhnya, majikan akan dinasihatkan supaya mengamalkan konsep *Last In, First Out* (LIFO), Yang Berhormat Kapar pakar. Ini bagi memastikan pekerja-pekerja yang telah lama berkhidmat dengan majikan tersebut dapat dikekalkan. Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ini mengenai Sistem Insurans Pekerjaan yang telah disebut tadi. Ia adalah di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 yang di bentang di Dewan ini ketika era Barisan Nasional, Akta 800 Yang Berhormat Jelutong kerana kepekaan Barisan Nasional terhadap pekerja-pekerja yang diberhentikan. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa yang telah menerima insurans ini?

Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membuat penambahbaikan, contohnya bagaimana tentang penjawat awam, badan berkanun dan sebagainya yang mungkin terkeluar daripada akta ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sila.

■1830

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, saya sudah pergi angka sebelum ini. Lebih 12,000 yang telah mendapat kerja. Akan tetapi mengenai cadangan untuk meluaskan perkara ini, mungkin Yang Berhormat boleh mengadakan satu- *fixed an appointment*. Saya boleh bawa *department* tersebut supaya terus berbincang dengan Yang Berhormat untuk mendapat hala tuju

yang baharu. Kalau boleh kita boleh bincang tengok apa yang kita boleh buat. *I'm ready. I'm open.*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Esok pukul 1 tengah hari boleh?

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Ketawa]* Tidak tahu. Okey, / tanya kepada...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya tunggu dekat depan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Kalau Yang Berhormat mungkin bawa 10 orang Ahli Parlimen supaya kita dapat satu pandangan keseluruhan. Jadi, baik kita... *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Jumpa saya dululah. Seorang dulu. Esok 1 tengah hari saya tunggu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya akan tanya kepada pegawai tersebut. Peruntukan di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 melindungi mana-mana pekerja daripada dipecat tanpa sebarang sebab dan alasan yang munasabah. Pekerja berkenaan boleh memfailkan representasi rayuan pemuliharan kerja di bawah seksyen 20, Akta 177 kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan untuk dipulihkan semula jawatan asalnya dalam tempoh 60 hari daripada tarikh penempatan perkhidmatan ini.

Berdasarkan kepada laporan penyiasatan tenaga buruh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran pada setakat Ogos 2019 mencatatkan pada kadar 3.3 peratus daripada 15.7 juta orang guna tenaga negara berbanding kadar pengangguran pada tempoh yang sama 3.4 peratus pada Ogos 2019. Statistik mencatatkan seramai 520,200 orang penganggur berbanding seramai 525 orang pada tempoh yang sama tahun sebelum ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Kadar pengangguran...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Berkenaan dengan pemecatan ini. Saya ingin tanya tentang nasib yang menimpa pekerja-pekerja daripada *Utusan Malaysia*. Barubaru ini juga mereka telah datang untuk menyerahkan rayuan secara bertulis kepada kami untuk bertanyakan kepada kami apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan bahawa nasib mereka terus terbelah. Kita lihat bahawa mereka juga telah menyatakan dalam risalah yang diedarkan bahawa mereka mahu supaya aset-aset Utusan itu diberi perhatian, diperincikan. Sekiranya aset-aset itu boleh dilupuskan yang mana bayaran daripada aset-aset itu boleh digunakan untuk membayar gaji mereka.

Ini adalah perkara yang begitu serius dan saya lihat sejak Dewan Rakyat mula bersidang, tidak ada seorang pun wakil rakyat daripada sebelah sana yang memberi suara kepada masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja *Utusan Malaysia*. Akan tetapi kita lihat *Utusan Malaysia* merupakan lidah utama Kerajaan Barisan Nasional UMNO satu ketika dahulu. So, saya ingin tanya, apakah saya sebagai seorang Wakil Rakyat yang prihatin tentang nasib mereka- ingin tanya, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya juga prihatin sebagaimana Yang Berhormat Jelutong. Akan tetapi akaun UMNO ini dibekukan oleh kerajaan zalim ini. Jadi, kami tidak dapat hendak membantu. Zalim Kerajaan Pakatan Harapan ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat. Dengar. Dengar. Dengar soalan saya Yang Berhormat Pontian. Dengar soalan saya. Saya tidak pernah dengar Yang Berhormat Pontian bersuara tentang nasib pekerja-pekerja Utusan. Kenapa lari keluar? Kenapa lari keluar? Kenapa tidak membela nasib pekerja-pekerja Utusan?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Mana kamu tahu saya tidak bela?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pontian tidak bela, Yang Berhormat Tanjung Karang tidak bela, Yang Berhormat Paya Besar...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Eh kita dah belalah. You lambatlah. You lambatlah. Yang Berhormat Jelutong lambat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kami bela. Kami bela tidak perlu cerita pada semua oranglah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tanya Timbalan Menteri ini, saya tanya dia dalam soalan pasal Utusan. Apa dia jawab?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya ingin tanya. Saya ingin tanya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kami membela sehingga mereka dilanjutkan beberapa bulan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** You tidak tahu. Jangan buat cerita Yang Berhormat Jelutong. Tanya Timbalan Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Eh, Yang Berhormat Jelutong satu sen pun kamu tidak bagi duit kepada mereka. Temberang je lebih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tanya Timbalan Menteri, Yang Berhormat Jelutong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat Jelutong tujukan soalan kepada Yang Berhormat Menteri. Sila.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya diganggu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik. Teruskan soalan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jadi, bolehkah kita mengambil atau rampas aset-aset pemimpin-pemimpin UMNO yang melakukan rasuah untuk membayar gaji mereka? Soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Menteri.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Menteri. Menteri. Menteri.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Aset UMNO telah dibekukan pun, hendak rampas apa lagi?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Menteri. Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran:** Semua cadangan Yang Berhormat Jelutong ini akan diambil kira.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Menteri. Menteri. Lembah Pantai.

**Tuan M. Kulasegaran:** Sekejap. *I just one minute.* Seperti yang saya mula-mula telah katakan, saya sedang menunggu *report* dari pegawai kerana mereka sedang membuat perbincangan di antara jabatan dengan pekerja-pekerja Utusan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Putra World Trade Centre adalah aset UMNO. Bolehkah ianya digadaikan, dijual untuk bayar gaji pemimpin-pemimpin UMNO? Aset UMNO tidak penting. Nasib pemimpin tidak penting. Nasib pekerja-pekerja ini kita harus bela.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kamu jangan tunjuk jadi herolah.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ringkas. Ringkas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pontian tidak boleh cakap pada Kerusi orang lain.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kenapa Yang Berhormat Pontian lari? Kenapa Yang Berhormat Pontian lari?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila. Saya minta Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Dia pergi Tanjung Piai hendak umum calon MCA. Jadi, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Eh, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Saya dapat maklum balas daripada pihak NUJ yang mengatakan perbincangan mereka belum ada kata putus yang mana pihak *liquidator* cuma membincangkan Akta Syarikat, isu pampasan, isu gaji tertunggak tidak diselesaikan dan tunggu 6 November sementara *liquidator* tetap dilantik. Akan tetapi *liquidator* sementara tidak boleh melakukan apa-apa. Persoalan saya, keadaan yang berlaku kepada wartawan Utusan ini seperti madu habis seeah dibuang. Madu habis seeah dibuang.

Jadi, adakah pihak kerajaan boleh membantu dengan apa-apa cara memandangkan kita dengar keadaannya agak kritikal di kalangan para pekerja- ada ibu-ibu yang terpaksa memberikan bukan susu tetapi sirap dan sebagainya kepada anak-anak contohnya. Ramai yang sudah lama tidak dapat gaji. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat. Sedikit sahaja. Saya ingin cadangkan juga supaya laporan-laporan dibuat. *Don't let them go. Make UMNO responsible. They use them to the max. Make sure UMNO pays their salaries.*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Akaun kami jangan dibekukan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Hey you release-lah all the accounts.*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Jangan dibeku akaun UMNO. Menteri boleh jawab? Cairkan akaun UMNO.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sila Menteri.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kenapa Yang Berhormat Bera tidak duduk tempat dia itu?

**Tuan M. Kulasegaran:** Ini mengenai Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya rasa- saya belum dapat *the latest info* mengenai pembuangan kerja- perbincangan yang sedang dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sedang berbincang.

**Tuan M. Kulasegaran:** Akan tetapi biar saya dapat *report* tersebut dan beritahu kepada pihak yang berkaitan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Dewan merekodkan bahawa Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Jelutong membela nasib pekerja-pekerja UMNO, bukan bahagian sana. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, hei kita dulu lah. Tanya Timbalan Menteri Sumber Manusia.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Dewan merekodkan supaya akaun UMNO dicairkan dan jangan dibekukan oleh kerajaan zalim PH ini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kita lebih awal. *You* lambat. Kereta lambat sampailah. Aduhai.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Hendak bayar gaji pekerja UMNO pun payah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Menteri. Tuan Yang di-Pertua boleh saya mencelah?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Menteri. *Your floor.*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat, izinkan saya bercakap sedikit boleh?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kerajaan zalim ini akan dijatuhkan oleh rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia dalam meningkatkan peluang pekerjaan serta memperkuatkan kompetensi modal insan negara untuk mencapai aspirasi sebuah negara yang mempunyai tenaga kerja berkemahiran, berpendapatan tinggi untuk menemui keperluan ekonomi negara selaras dengan revolusi perindustrian- *IR 4.0* untuk warganegara. Langkah-langkah yang diambil oleh KSM adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan program *upskilling and reskilling* kepada golongan pekerja bagi penyelesaian diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan, *future jobs*;

- (ii) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan *National Occupational Skills Standard (NOSS)* bagi 21 sektor ekonomi sebagai rujukan program-program latihan di institusi-institusi latihan awam dan swasta;
- (iii) kerajaan juga melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 telah menggariskan strategi memperkasa institusi pengajian kualiti pendidikan TVET negara agar kadar penyertaan graduan dan belia ke dalam pasaran perburuhan selaras kehendak industri;
- (iv) KSM menjadi anggota dalam Jawatankuasa *Talent and Human Capital Development* bagi industri 4.0. Jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti kompetensi keperluan pasaran buruh dan kemahiran oleh industri-industri;

**■1840**

- (v) kementerian juga turut mempromosikan 58 pekerjaan *Critical Occupation List (COL)* yang melibatkan 18 sektor ekonomi oleh Talent Corporations dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA);
- (vi) menjalani hubungan rapat dengan industri sama ada menerusi mengadakan *Memorandum of Understanding (MoU)*, *smart partnership* dan pelaksanaan konsep *Training Cum Production (TCP)*. ILJTM juga mengambil inisiatif penubuhan *Institute Industry Management Board* di dalam merancang program kurikulum dan infrastruktur latihan agar ia selari dengan kehendak pasaran industri; dan
- (vii) strategi agihan peruntukan tahun 2019 adalah berdasarkan kepada *industry driven* iaitu mengutamakan penempatan pelatih melalui kerjasama pintar antara Penyedia Latihan (PL) dan pihak industri. Sehingga 30 September 2019, jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada PTPK adalah sebanyak RM155 juta untuk pinjaman dan pembiayaan latihan kemahiran ke atas program dilaksanakan oleh PTPK.

Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya perhatikan kebanyakan program-program yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi adalah program-program yang memang dulunya dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bahkan mungkin sebahagian daripada peruntukan yang dulunya lebih besar, sekarang agak berkurangan.

Saya hendak mengingatkan Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong jangan lupa, Kerajaan Pakatan Harapan baru hampir dua tahun sahaja dan selama ini semua dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Oleh sebab itulah adanya Yang Berhormat Jelutong dalam Dewan ini, juga hasil daripada Kerajaan Barisan Nasional dahulunya. Jadi, saya ingat jadilah

pemimpin yang baik. Jadilah Ahli Parlimen yang berwibawa, yang beretika. Jangan asyik hendak memburukkan orang sepanjang masa.

Saya minta supaya kerajaan hari ini jangan ambil mudah. Kerja yang dilakukan oleh kita cukup berat. Kalau kita dulu sudah memerintah lebih kurang 60 tahun dan kita telah melahirkan banyak pekerja yang cukup berwibawa, yang menghasilkan pendapatan negara pada hari ini, hari ini jangan kita angkuh. Kerajaan Pakatan Harapan jangan angkuh. Yang Berhormat Jelutong jangan angkuh kerana Yang Berhormat berada di sini adalah hasil daripada kerajaan dahulu. Kita harap- walaupun kita boleh beri sokongan kepada Kerajaan Pakatan Harapan atas kerana mereka memerintah, tetapi kita harus ingat bahawa peranan kita juga besar. Jadi, kita minta supaya Menteri berikan perhatian kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Maran, tujukan soalan kepada...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Ya, betul. Saya hendak pesankan kepada ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Penjelasan kepada, penjelasan kepada bukan ...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Saya pandang Menteri Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya pandang Menteri tetapi saya hendak ingatkan Yang Berhormat Jelutong ini. Seorang Ahli Parlimen yang cukup tidak berwibawa dalam Dewan. Saya sudah sebut baru-baru ini Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Maran, mohon penjelasan, bukan perbahasan. Sila tanyakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Ini saya minta hargailah sedikit jasa pegawai-pegawai kita yang dahulu. Seolah-olahnya pegawai kita tidak ada berjasa kepada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Siapa yang tidak menghargai Yang Berhormat? Siapa yang tidak menghargai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang tidak menghargai, UMNO yang tidak menghargai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Menteri beri penjelasan. Sila.

**Tuan M. Kulasegaran:** Bagi peluang jawab soalan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Jelutong tengok Hansard 17 Oktober.

**Tuan M. Kulasegaran:** Portal JobsMalaysia di bawah JTK merupakan portal rasmi pasaran pekerjaan *national employment hub* untuk pemadanan pekerjaan melalui sistem secara

*web based* secara percuma melalui program-program penempatan pekerja. Pencari kerja berpeluang mendapatkan pekerjaan dan majikan pula berpeluang untuk mendapatkan calon yang sesuai. Antaranya melalui karnival kerjaya dan temu duga terbuka di seluruh negara sepanjang tahun yang dianjurkan.

Berdasarkan statistik dari tempoh Januari hingga Ogos 2019, seramai 270,288 orang berdaftar aktif yang terdiri daripada seramai 197,193 orang siswazah dan seramai 73,095 bukan siswazah telah mendaftar. Manakala, kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan-majikan bagi kategori siswazah pula adalah sebanyak 50,326 jawatan dan sebanyak 642,974 kekosongan jawatan adalah untuk kategori bukan siswazah dengan pelbagai jawatan di sektor awam dan swasta. Penempatan pencari kerja keseluruhan pada tahun 2018 iaitu seramai 168,677 orang pencari kerja yang terdiri daripada 47,073 orang siswazah dan 121,604 bukan siswazah. Bagi tahun 2019 pula, dari- sehingga Ogos 2019 iaitu 61,871 orang pencari kerja telah berjaya ditempatkan di pelbagai sektor awam dan swasta.

Jabatan Tenaga Kerja Sabah juga telah mengambil inisiatif mengadakan kerjasama bersama *Sabah Employer's Association, Sabah Economic Development and Investment Authority, Malaysian Investment Development Authority*, cawangan Sabah dan beberapa pihak industri khususnya bagi golongan siswazah untuk mendapatkan penempatan pekerjaan. Pembukaan sektor industri yang berorientasikan perkhidmatan profesional, perkilangan, minyak dan gas dalam perniagaan dan industri perhotelan serta lain-lain industri telah membantu memberikan peluang pekerjaan kepada warganegara.

Jabatan Tenaga ...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri. Okey terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi dinyatakan sejumlah yang sedang mencari pekerjaan dan berapa ramai pula yang telah mendapat pekerjaan. Akan tetapi daripada jumlah berkenaan, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan kepada kita di dalam Dewan ini, berapakah daripada mereka ini golongan yang ikut spesifikasi kelulusan mereka dan daripada kalangan profesional, daripada segi cara ataupun apa jenis pekerjaan yang mereka telah dapat melalui padanan di dalam sistem yang dikeluarkan oleh pihak kementerian?

**Tuan M. Kulasegaran:** Vacancy? Yang Berhormat bertanya mengenai *vacancy* yang sedia ada?

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Bukan *vacancy* tetapi berapa padanan tersebut yang ikut spesifikasi pekerjaan. *For example, dengan izin, if they were trained to be an accountant, through the job matching, maka dia dapat pekerjaan akauntan tersebut.*

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, sebelum ini saya ada beri angka-angka tersebut. Akan tetapi boleh saya baca di sini kategori di mana kekosongan yang sedia ada. Macam untuk pengurusan, kita ada sebanyak 6,348 kekosongan, profesional 21,034 kekosongan, juruteknik dan profesional bersekutu 22,944 kekosongan, perkeranian 6,622 kekosongan, perkhidmatan dan jualan 25,000 kekosongan. Ini angka naik lebih-lebih hingga 693,305 pekerjaan yang kosong yang sedia ada.

Untuk *matching* dan sebagainya, kalau Yang Berhormat hendak masuk ke *web* tersebut, *matching* dia akan beri dengan kelulusan dan sebagainya. Yang Berhormat sebelum ini Timbalan Menteri semestinya tahu apakah itu *matching* dan sebagainya.

Kita ingin lebih aktif dalam perkara itu sebab kita ada macam-macam karnival di seluruh negara. Setiap kali kalau boleh, ada sebulan sekali, dua minggu sekali. Baru-baru ini pada dua minggu dulu saya telah melancarkan spesifik untuk wanita, untuk OKU dan untuk *disabled physical challenged people* dan sebagainya supaya ada membawa majikan-majikan serta-merta mereka diberi jawatan-jawatan yang ada di tempat-tempat di mana mereka ingin bekerja. Ini adalah perkara yang kita sedang buat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Ya, sedikit.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Akan tetapi adakah mereka itu daripada- dia dapat kerja tersebut seperti pekerjaan yang dia hendak kah atau macam mana Yang Berhormat Menteri? Ataupun *for example* dia hendak *apply...*

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, saya boleh jawab, saya boleh jawab. Seberapa yang boleh kerja yang mereka minta kalau jika ada kosong dia dapatlah. Apa yang menjadi masalah ramai di antara mereka adalah macam katakan dia adalah seorang profesional yang bekerja di Johor Bahru, dia katakan, "Saya hendak gaji RM6,000" tetapi ada kekosongan. Kekosongan itu di Ipoh, gajinya RM5,000 atau RM4,000 dia tidak mahu mari. So, *the matching cannot happen.*

Jadi, sekarang satu inisiatif yang baru yang dibuat oleh kerajaan di mana kita memberi penekanan yang lebih supaya jika graduan-graduan itu tidak ada kerja untuk lebih satu tahun, ini adalah satu inisiatif yang saya rasa bukan saya boleh berjaya tetapi ia akan memberi manfaat-manfaat kepada semua pekerja di negara ini. Ini telah *effectively* dibuat di banyak negara. Ya Yang Berhormat.

## ■1850

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak menyambung sedikit, mungkin mempunyai perkara yang sama seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong sebentar tadi. *Khazanah Research Institute* Yang Berhormat Menteri, menunjukkan satu kajian yang dibuat kepada anak-anak muda daripada *School-to-Work Transition (SWT)*.

Apa yang dinyatakan dalam kajian *Khazanah Research Institute* jelas menunjukkan bahwasanya- betul, Yang Berhormat Menteri sebut banyak peluang pekerjaan. Akan tetapi, bagaimana pula dalam *unskilled workers* ini, dalam *job-job unskilled* ini, lebih kurang 90 peratus *overeducated*, maknanya di luar *qualification* mereka, di luar kelayakan mereka. Itu yang pertama. Dekat *skilled workers* ini 50 peratus. Jadi, kalau *matching* itu tidak dapat dipadankan atas faktor-faktor pelaburan atau tidak ada k-ekonomi di kawasan-kawasan yang ramainya masyarakat duduk, bagaimana kementerian melihat perkara ini?

Oleh sebab dia buat kajian Yang Berhormat Menteri, pada tahun 2018. Sekarang ini sudah setahun yang lepas. Saya mengharapkan sangat ada perubahan dan ini bukan kali pertama saya bangkitkan, sudah bertahun saya bangkitkan.

Akan tetapi, bagaimana kementerian melihat, memandang serius supaya kajian ini akhirnya dia akan *reflect* kepada *Global Talent Competitiveness Index 2019*. Yang Berhormat Menteri, tahun 2019 Malaysia ranking ke-27, pada tahun 2018 kita ranking ke-27 juga. Akan tetapi kalau hendak dibandingkan dengan tiga tahun yang lepas, kita di tangga ke-37. Ini bermakna ada peningkatan, 37 ke 27.

Akan tetapi saya risau kalau kita tidak dapat buat *matching* ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, ranking kita akan jatuh dan dunia akan melihat kita ini tidak akan menjadi satu negara yang begitu kompetitif. Itu sebabnya mungkin telahan saya Yang Berhormat Menteri, apabila *global competitive index* kita jatuh dua mata tangga yang saya mengharapkan sangat Yang Berhormat Menteri, sebab faktor ekonomi ini seperti mana disebutkan oleh Profesor Solow pada tahun 1997, *labour* itu merupakan perkara yang paling penting dalam menentukan GDP negara. Kalau kita hendak meningkatkan produktiviti, kalau *labour* itu tidak dapat di-*matching*-kan dengan baik, saya risau Yang Berhormat Menteri, kita akan kekal dengan keadaan GDP kita di tahap empat ini. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar, sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sedikit?

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, saya bagi jawapan ya. Yang Berhormat, Yang Berhormat telah membangkitkan *competitive index* ini. Sebenarnya saya da jawapan *quite detailed* jawapan mengenai perkara tersebut. Akan tetapi, janganlah Yang Berhormat khuatir bahawa kita akan ada penurunan. *You must think positive, you* perlu bagi galakan kepada semua pekerja termasuk Ahli Parlimen supaya kerja kuat dan *competitive* supaya kita meningkatkan pendirian kita. Jangan kita ingat kita pembangkang, kita tidak boleh menolong dalam hal tersebut.

Kalau kita tengok dari *matching* dan sebagainya yang Yang Berhormat bangkitkan, sebenarnya Yang Berhormat, *job portal* dia hanya boleh menolong setakat di mana yang sedia ada, *automatic selection*. Selain dari itu adalah inisiatif sendiri seperti kalau dibuang kerja, dia macam SIP, akan menolong mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang tertentu. Yang Berhormat, Yang Berhormat telah membawa mengenai *Global Talent Competitiveness Index*. Saya baca jawapan itu kerana saya rasa ini perkara yang mustahak yang perlu diberi penekanan.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Paya Besar, betul- Paya Besar lagikan? [*Ketawa*] yang membangkitkan isu-isu yang menyentuh daya saing pekerja negara dalam *Global Talent Competitiveness Index*. *Global Talent Competitiveness Index* (GTCI) merupakan satu laporan indeks tahunan yang menghubungkan bakat dan modal insan dengan keupayaan daya asing sesebuah negara untuk membantu merencana perancangan modal insan yang lebih strategik. GTCI adalah hasil usaha sama dan libat terus oleh pelbagai pihak berkepentingan dari

sektor awam dan swasta termasuk pihak kerajaan, pihak industri serta institusi pendidikan. Indeks ini dibangunkan oleh kerjasama antara INSEAD, Adecco Group dan Tata Communications- GTCI mempunyai penekanan terhadap enam teraju- *pillar* utama iaitu:

- (i) pemboleh daya (*unable*);
- (ii) daya penarik (*attract*);
- (iii) pembangunan (*grow/retained*);
- (iv) kemahiran vokasional dan teknikal; dan
- (v) kemahiran pengetahuan global.

GTCI membahagiakan negara-negara yang dikaji kepada empat jenis kluster pendapatan negara yang berdasarkan justifikasi oleh Bank Dunia- *World Bank* iaitu:

- (i) negara berpendapatan tinggi;
- (ii) negara berpendapatan sederhana tinggi;
- (iii) negara berpendapatan sederhana rendah; dan
- (iv) negara berpendapatan rendah.

Sejak tahun pertama GTCI dibangunkan, Malaysia menduduki kedudukan yang selesa dan berada di dalam kelompok 50 buah negara teratas. Pada tahun 2011, seperti Yang Berhormat cakap, Malaysia menduduki tangga ke-37 daripada 103 buah negara. Pada tahun berikutnya, Malaysia naik dua tangga dan menduduki tempat ke-35 daripada 93 buah negara. Kedudukan Malaysia terus meningkat dari tahun ke tahun hingga sekarang.

Kedudukan Malaysia konsisten dan mendahului kebanyakan negara daripada Asia Timur, dari Asia Tenggara dan Benua Oceania dalam kluster negara berpendapatan sederhana tinggi, *upper-middle income* sejak tahun 2013.

Pada tahun 2019, Malaysia merupakan satu-satunya negara berpendapatan sederhana sehingga menduduki tempat teratas yang didominasi oleh negara berpendapatan tinggi. Berdasarkan kesemua laporan-laporan GTCI yang diterbitkan, antara faktor yang membantu menetapkan Malaysia di antara kedudukan teratas setiap tahun adalah seperti berikut:

- (i) landskap perniagaan yang kukuh;
- (ii) hubungan antara kerajaan dan perniagaan- *business arrangement*;
- (iii) pasaran buruh yang anjal (*ease of doing business*);
- (iv) pelaburan langsung yang tinggi; dan
- (v) kadar produktiviti dengan pendapatan yang seimbang.

Saya akan pergi, banyak yang perlu dijawab. Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak ada masalah apa Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, empat pilar dan saya ingat Yang Berhormat Menteri pun faham, saya pun faham sebab kita sama-sama baca *report* yang sama dan kita berada di *page* yang sama. Cuma, saya melahirkan rasa risau apabila perkara ini bukan perkara melibatkan kementerian Yang Berhormat sahaja, sebab kementerian Yang Berhormat menguruskan sumber manusia.

Akan tetapi, *feeder* ini datang daripada *higher education*. Apabila Yang Berhormat Menteri Pendidikan membuat dasar *no streaming* pada tahun akan datang, maknanya apa akan berlaku pada STEM yang akhirnya akan pergi kepada yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

Jadi, inilah saya mengharapkan sangat supaya Yang Berhormat Menteri dapat berbincang secara holistik supaya kita- sebab pada tahun 2018 tangga ke-27, betul Yang Berhormat Menteri? Pada tahun 2019 pada tangga ke-37, saya mengharapkan sangat ada lagi ranking kita bertambah-bertambah supaya dunia melihat bukan sahaja kita kompetitif dari segi *easy doing business*, tetapi kompetitif dari segi *global talent*.

Kalau Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, saya yakin di bawah pentadbiran Yang Berhormat, kita dapat tingkatkan daripada ranking ke-27, dapat ranking 10 yang terbaik di dunia. Saya ingat inilah asasnya, bukan saya hendak mengata supaya Yang Berhormat jangan buat kerja sungguh-sungguh, saya puji Yang Berhormat dengan banyak rang undang-undang yang Yang Berhormat buat. Akan tetapi, adakah salah untuk saya memberi pandangan? Akan tetapi kalau pandangan saya dianggap sebagai satu perkara yang menidakkann tugas Yang Berhormat, saya ingat itu adalah satu kesilapan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, saya sanjung tinggi pandangan Yang Berhormat. *I think one of the pembangkang MP ada fact* yang bagus. Saya selalu tengok dalam-pandangan yang diberi, saya berterima kasih kepada pandangan-pandangan dan saya ambil kira pandangan yang Yang Berhormat berikan. Yang Berhormat pun tahu bahawa itu adalah di kementerian yang lain dan saya tidak ingin sentuh.

Mungkin Yang Berhormat boleh bangkitkan perkara mengenai *academic collaboration*. Yang Berhormat pun ada bangkitkan mengenai *vocational school and very correctly*, saya setuju pada Yang Berhormat. Akan tetapi, tangan saya terikat. Saya ada kerangka- *that's all I can do*. Selain daripada itu, Yang Berhormat tahu lah. Apabila tanya soalan mengenai pengiktirafan *vocational college*, ramai di antara Ahli Parlimen mungkin tidak tahu, Yang Berhormat tahu. Saya setuju pada pandangan tersebut dan kita perlu ambil inisiatif untuk menyelesaikan perkara tersebut. Saya harap Yang Berhormat dapat menuju soalan itu kepada kementerian yang tertentu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat ada 14 minit sahaja lagi.

■1900

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, saya minta laluan sedikit. Yang Berhormat Menteri, saya tertarik dengan apa Yang Berhormat Menteri sebutkan. Bagaimana kekosongan lebih daripada 600 ribu jawatan yang sedia ada sedangkan kita juga mempunyai kadar pengangguran yang masih tinggi? Jadi isunya sekarang sebagaimana kita bincangkan tadi ialah *matching* dan sebagainya.

Jadi, soalnya sekarang ialah apakah kerajaan telah membuat satu perbincangan ataupun kerjasama terutamanya dengan Kementerian Pendidikan dan lainnya? Ini supaya memastikan semua graduan kita supaya kita hendak mengurangkan pengangguran dari sudut

graduan, semua graduan kita lepasan siswazah ataupun lepasan menengah diserapkan ke semua agensi, sektor ataupun syarikat-syarikat sama ada di bawah kerajaan atau swasta dalam tempoh yang tertentu.

Contoh satu ataupun dua tahun selepas mereka mendapat latihan di pelbagai agensi, mereka diberikan sijil kemahiran dan selepas itu mereka boleh memohon jawatan mengikut kemampuan ataupun kemahiran yang telah mereka dapati melalui proses latihan yang mereka dapat.

Jadi apabila kita membuat cara begini, maka sudah tentu yang pertama dapat memberikan latihan, skil yang mantap kepada graduan kita dan kepada anak-anak kita lepasan menengah dan sebagainya. Kedua ialah kita mengurangkan masalah pengangguran. Kita akan dapat melahirkan tenaga mahir yang lebih berkualiti dan yang berpengalaman secara terus dengan agensi yang diperlukan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, pertama untuk mengatakan bahawa kita ada pengangguran yang tinggi, itu tidak benar kerana kita *full employment*. Pengangguran adalah setakat 3.3 percent. *This is nothing unusual* kalau dibandingkan dengan negara Spain 20 peratus, serta negara-negara lain yang sangat berbeza. Itu nombor satu kita perlu fikirkan. Kita jangan lontarkan angka-angka yang salah dengan mengatakan pengangguran ini sangat tinggi. Sebenarnya masalah ini *reverse* di negara ini di mana ada kekosongan dan kita tidak cukup orang.

Akan tetapi apa yang mustahak Yang Berhormat adalah apa Yang Berhormat bangkitkan mengenai skil, *training* dan sebagainya. Saya telah pada hari itu mengingatkan kepada semua rakyat Malaysia bahawa masalah yang besar di negara ini sekarang adalah anggapan di antara ibu bapa terutamanya di mana mereka ingin menghantar anak-anak mereka untuk mendapat *academic qualification*. Itu satu pemikiran yang lama, kita perlu ada satu sistem yang baru dalam IR 4.0 di mana kita nampak ada beberapa jurusan kerja yang mungkin tidak ada harapan langsung untuk mendapat pekerjaan kalau mereka mendapat pelajaran di universiti atau mendapat pelajaran akademik.

Yang Berhormat perlu faham bahawa sekarang *automation, artificial intelligent, internet of things robotic*. Apa dia punya efek Yang Berhormat? Kita mementingkan lagi pengeluaran graduan-graduan akauntan, itu adalah dalam senarai *Critical Occupation-List* yang kelapan. Kemungkinan besar *future of work* dalam empat, lima tahun apabila dia sedang belajar dan keluar dalam lima tahun itu sudah tidak ada kerja kerana ramai di antaranya boleh diambil alih oleh *Internet of things and IR 4.0*

Ini adalah perkara yang sama dalam semua kerja yang kita buat. Saya selalu kata Tuan Yang di-Pertua bahawa hanya pekerjaan politik sahaja tidak dapat di *substitute*, lain-lain kerja semuanya boleh di *substitute*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Betul kah?

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya, ini mungkin satu hari itu pun ada *artificial intelligent*. Selepas itu apabila Yang Berhormat Arau tanya, dia jawab dengan sedih. Dahulu sudah tanya apa guna

lagi tanya? Serta-merta dia panggil. Jadi, kita perlu fikir Yang Berhormat. *Skill training* saya setuju. Sebenarnya pada pandangan saya Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat Maran mungkin ada cuba dahulu. Di universiti-universiti sekarang kalau dalam empat tahun mungkin tahun ketiga perlu ada *on the job training*. Kita terlampau banyak akademik.

Ramai di antara kita yang dahulu belajar di universiti dan sebagainya, sekarang ia sudah beralih ke sistem yang baru. Akan tetapi ramai di antara- saya minta maaf, ini adalah betul bahawa ramai di antara guru-guru dan pengajar-pengajar, tenaga kerja akademik, tidak mahu mengiktiraf sedemikian. Itu sebab kita ada *Technical and Vocational Education and Training Institute* (TVET). Ini sekali gus nombor satu daripada analisa-analisa yang dibuat menunjukkan bahawa 94 peratus anak-anak kita yang melanjutkan pelajaran dalam TVET, serta-merta ada kerja atau lebih daripada satu, dua, tiga majikan yang menunggu untuk mengambil mereka. Itu kita perlu fikirkan. Nombor satu.

Nombor dua, kita ada *training 70* peratus *practical on the place* dan 30 peratus sahaja akademik. Inilah pemikiran baru yang kita perlu ada. Itu sebabnya kerajaan memberikan inisiatif-inisiatif yang tertentu di mana elaun-elaun untuk anak-anak kita yang melanjutkan pelajaran dalam TVET- Yang Berhormat Arau tahu?... Tahu tidak tahu? Okey-okey. Ini adalah satu di antara inisiatif supaya lebih ramai orang mungkin daripada Yang Berhormat Arau- ini Yang Berhormat Arau di sana, kita ada ILP di sana, tidak cukup murid Yang Berhormat.

Kalau boleh Yang Berhormat pergi tengok di ILP tersebut dan tengok apa Yang Berhormat boleh tolong supaya lebih ramai anak-anak kita- ada kekosongan yang tertentu. Sekarang hanya lebih kurang di antara 70 ke 80 peratus sahaja diisi di semua TVET di seluruh negara. Mungkin Yang Berhormat boleh menolong supaya lebih ramai anak-anak kita melanjutkan kursus mereka di ILP dan ini akan sekali gus menyelesaikan semua pengangguran di negara ini.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Menteri, minta sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kangar, minta.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kalau boleh hendak minta Yang Berhormat Menteri dapat kongsi kan berapakah tahap graduan ILP ini yang mendapat kerja, berapa peratus daripada keluaran ILP?

**Tuan M. Kulasegaran:** Seperti yang saya telah katakan bahawa pada *report* yang kita ada dalam lingkungan lebih kurang 94 peratus yang mendapat kerja dan ada *success story* Yang Berhormat Arau. Ada ramai di antara anak-anak kita yang keluar daripada TVET mendapat gaji RM1200 kepada RM1500, dua tahun selepas itu dia pergi Singapura dapat duit Malaysia RM10 ribu selepas itu dia pergi ke *Middle East* dapat RM20 ribu, RM30 ribu. Ramai di antara anak-anak TVET.

Akan tetapi kita menghebohkan *success story* ini. *This is all success stories* yang menunjukkan bahawa ada penekanan yang serius. Itu sebabnya Yang Berhormat, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memberikan penekanan yang sangat serius kepada TVET. Kali pertama dalam 62 tahun ini, kerajaan kata kita perlu mengagihkan lebih wang

kepada TVET, kedua memberi lebih perhatian supaya lebih *on the job training* dan sebagainya. *Practical training*, dan sebagainya, itu yang perlu. Kita bukan tidak boleh mengadakan akademik dan sebagainya. Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat tidak bertanya apa-apa soalan, saya jawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya hendak tanya. Yang Berhormat, berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat yang begini aman dan damai. Tuan Yang di-Pertua pun aman dan damai, jadi saya cadangkan supaya latihan vokasional di bawah Kementerian Pendidikan itu dimasukkan di bawah kementerian Yang Berhormat. Yang Berhormat kena berani untuk membawa perubahan. Ini kerajaan harapan baru ini kena berani bawa pembaharuan sebab kementerian Yang Berhormat ada maklumat tentang pekerjaan bukan sahaja latihan. Jadi, TVET ialah maklumat latihan dan kerja itu bersama. Akan tetapi latihan vokasional tidak ada *matching*, dengan izin, dengan pekerjaan. Jadi Yang Berhormat hendak minta supaya kerajaan masukkan di bawah kementerian Yang Berhormat. Satu.

Kedua, Yang Berhormat telah menyebut baru-baru ini bahawa terdapat 23,000 orang yang telah dibuang kerja. Di sini Yang Berhormat menyebut bahawa peluang pekerjaan. Jadi yang kena buang kerja ini siapa Yang Berhormat? Ini yang kedua.

Ketiga, yang terakhir untuk awal ini sebab Yang Berhormat berminat dengan saya, saya pun berminat dengan Yang Berhormat. Akan tetapi kalau Timbalan Menteri menjawab kena ... dengan kami. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, kenapa pertumbuhan ekonomi rancak berlaku di Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura tetapi pertumbuhan ekonomi kita lembap tetapi tiba-tiba disebut peluang pekerjaan semakin bertambah.

Jadi Yang Berhormat, ada tidak maklumat bahawa peluang pekerjaan ini sebenarnya pertambahan itu ialah merupakan keseronokan mendengar tetapi akhirnya yang akan mendapat peluang pekerjaan ialah orang asing yang datang ke sini tetapi mereka tidak balik.

#### ■ 1910

Jadi, Yang Berhormat Menteri, apakah oleh sebab Kementerian Kewangan telah menyiarkan bahawa wang RM500 yang diberi melalui EPF dan RM300 kepada majikan. Apakah Yang Berhormat Menteri hendak cadang supaya majikan itu kerajaan dan wang itu tidak perlu lagi dibagi melalui majikan dan sebagainya kita bagi melalui pekerja sebab bila kita beri kepada pekerja ia akan membelanjakan duit dan apabila belanjakan dia akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Jadi, yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu siapa yang akan mengendalikan iaitu berhubung dengan RM500 dan RM300. RM300 kepada majikan dan RM500 kepada graduan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, sebelum saya menjawab soalan yang dibangkitkan saya hendak isi satu perkara yang mustahak iaitu mengenai *future work*. Pekerjaan pada masa hadapan adalah menggunakan kemahiran teknologi digabung dengan kemahiran sistem maklumat. Lapan teknologi yang berkembang pesat yang memacu Industri IR 4.0 adalah

*artificial intelligence, augmented reality, robot internet of things, blockchain, virtual reality, drones dan 3D Printing.*

Di antara kemahiran yang diperlukan bagi menyokong kepada perubahan teknologi ini adalah kemahiran *big data, automation, coding, supply chain, digitalization, dan business equipment*. Ini bermaksud untuk pekerjaan-pekerjaan yang akan wujud dalam lima tahun ini akan berkait rapat dengan industri IR 4.0 antaranya *big data analysis, data saintis, cyber security, robotic drones controller, e-Commerce, software hardware developer, system analysis, animator digital arts, virtual effect artist, 3D Modeler, cyber graphic, security analysis programmer, software engineer, database specialist, solution architect, IT business, development accounting and financial analysis*.

Yang Berhormat, semua yang saya baca ini langsung kita tidak baca mengenai doktor, *lawyer, accountant*, dan sebagainya. Itu yang kita perlu ingat bahawa kita perlu memberi lebih perhatian kepada anak-anak kita beri *story* ini kepada rakyat Malaysia bahawa ini adalah harapan yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada kerja untuk Ahli Politik kah?

**Tuan M. Kulasegaran:** Untuk IR 4.0. Yang Berhormat, saya belum jawab habis lagi, belum habis jawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sedikit, sedikit. Yang Berhormat Menteri...

**Tuan M. Kulasegaran:** Satu minit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kami sudah baca lebih daripada itu Yang Berhormat Menteri, kami sudah tahu, kami sudah tahu mengenai benda ini Yang Berhormat Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran:** Oh! Okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Anak-anak kami, anak saya sendiri saya *push very hard* untuk ambil ini. Jadi, Yang Berhormat Menteri sebut itu semua anak-anak saya sudah ambil. Kita sudah tahu. Jadi, saya tanya Yang Berhormat Menteri sekarang ini masalah yang di hadapan kita yang orang kita tidak ada dapat peluang pekerjaan. Jadi kita gembur-gemburkan benda itu.

Akhir sekali Yang Berhormat Menteri, 350 ribu peluang pekerjaan lima tahun Yang Berhormat Menteri hendak memerintah mungkin dalam setahun kah, dua tahun lagi. Jadi, yang sebelum ini manifesto sebut RM1 juta jadi Yang Berhormat Menteri yang mana satu kita hendak pakai? Sebab saya lebih percaya kepada Yang Berhormat Menteri sebab Yang Berhormat Menteri baik. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak baik- jadi kita hendak tahu yang mana satu macam Yang Berhormat Kapar sebut RM1 juta, Yang Berhormat Kangar pun sebut RM1 juta Yang Berhormat Menteri sebut RM350 ribu, Yang Berhormat lebih berhak bercakap.

Jadi, yang mana satu kita hendak pakai Yang Berhormat Menteri? Dalam masa orang kena buang kerja...

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat sebenarnya saya sudah menjawab Yang Berhormat sebelum ini semasa tanya soalan lisan. Bahawa janji RM1 juta itu yang dibuat di manifesto mesti ditunaikan. Akan tetapi yang lebih mustahak adalah *green job* Yang Berhormat ini lagi 250 ribu yang akan diwujudkan lagi 350 ribu orang dengan dasar baharu ini semua ini menunjukkan harapan ini terlampau baik *the skop is sangat baik*. Yang Berhormat, saya akan satu hal sahaja mengenai...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Menteri sikit. Sikit Kangar.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat mengenai *practical training* di mana kita perlukan lebih MoU kementerian telah membuat banyak MoU dengan industri-industri supaya anak-anak kita tidak perlu sahaja pergi ke TVET tetapi memberi galakkan kepada mereka untuk mengujudkan TVET di dalam industri-itu.

Baru-baru ini kami telah menandatangani dengan Daikin di mana anak-anak di kampung-kampung di sana tidak perlu pergi ke pekan dia boleh terus baca di sana dia dapat gaji minimum semasa belajar di sana. Selepas itu dia akan diserapkan gaji minimum RM1,200 dapat *overtime*, kalau dia- lagi pun dia tidak ada perjanjian dia mesti kerja dengan syarikat tersebut. *The new thinking* dan ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Berapa peluang pekerjaan ini?

**Tuan M. Kulasegaran:** Banyak, banyak Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Berapa, berapa?

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat mahu berapa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ada 100 ribu...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tawar menawar sebagai pasaran saham.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri tidak perlu jawab orang lain, jawab saya sahaja sebab masa sudah habis. Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan yang cukup baik jangan jawab mereka, jawab saya sahaja.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya tidak cukup masa Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tidak cukup masa lain-lain perkara yang telah dibangkitkan saya berterima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang telah bangkitkan perkara-perkara ini saya minta maaf kerana saya tidak sempat untuk menjawab semua soalan-soalan yang dibangkitkan tetapi saya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri saya ingin memuji Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jangan jawab Yang Berhormat Jelutong. *No, no, no.* Sudah habis, sudah habis.

**Tuan M. Kulasegaran:** Soalan akan dijawab secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia kerana...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sudah habis, habis. Pada muka Yang Berhormat Jelutong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Mematuhi had masa yang diperuntukkan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Masa diperuntukkan....

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Jerantut, mari sokong Pakatan Harapan di Tanjung Piai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### 7.16 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]:** Siapa yang cakap itu?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** BN tidak boleh. BN tidak terima enam orang itu *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Pokok Sena, hendak jawab juga.

**Dr. Ong Kian Ming:** Dia hendak cakap berdirilah, tidak boleh nampak pun. Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kita sokong BN tetapi tidak sokong Pakatan Harapan sebab ada Yang Berhormat Jelutong.

**Dr. Ong Kian Ming:** Cukuplah, cukup. Nanti *you* boleh bincang dengan Yang Berhormat Jelutong dekat luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, itu kita bincang di Tanjung Piai, di sini Dewan Rakyat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Ong Kian Ming:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya mula dengan soalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat Jeli yang telah menyarankan supaya kerajaan membuat penilaian yang lebih tepat mengenai peruntukkan sejumlah RM5 bilion untuk lima tahun iaitu RM1 bilion untuk satu tahun bagi menarik, dengan izin, *fortune 500 companies* melabur di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Jeli yang sebelum ini juga ada banyak pengalaman untuk menarik pelaburan ke dalam Malaysia, salah satu sebab kenapa kita rasa bahawa *channel* ini diperlukan oleh pihak MITI dan juga pihak *Investment Promotion Agency* di bawah MITI, dengan izin, oleh sebab untuk menarik pelabur yang sebelum ini mungkin tidak membuat Malaysia sebagai destinasi utama mereka atau destinasi pilihan. Akan tetapi buat masa sekarang oleh kerana ada US-China *trade conflict*, dengan izin, jadi ada lebih ramai *fortune 500 companies* dari Amerika Syarikat, dari negara China, dari Eropah yang menunjukkan minat yang lebih.

Jadi, kita perlukan dana ini sebagai satu *option* atau sebagai satu pilihan. Untuk makluman Yang Berhormat Jeli, ini tidak bermakna bahawa ke semua atau keseluruhan jumlah ini akan dibelanjakan tetapi ada syarat-syarat yang saya rasa adalah syarat yang begitu tinggi untuk memastikan bahawa pelaburan yang masuk di bawah *channel* ini adalah pelaburan yang boleh dikatakan nilai yang kualiti yang tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat Jeli, dari segi butiran perkara ini masih di peringkat perbincangan oleh pihak Kementerian Kewangan bagi memperincikan pelaksanaan dana RM5 bilion tersebut. Walau bagaimanapun, MITI mengambil maklum dan menghargai saranan Yang Berhormat Jeli dan jika Yang Berhormat Jeli ada saranan ataupun ada *advise* yang berlanjutan saya rasa pihak MITI memang boleh ambil kira dalam pelaksanaan insentif ini.

Yang Berhormat Jeli juga telah turut membangkitkan mengenai perihal ekosistem perniagaan negara, penarafan serta isu penyelarasan di antara agensi-agensi penggalakan pelaburan utama. Saya rasa isu ini adalah isu yang penting dan apabila kita berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi atau *global economic uncertainty* usaha-usaha berterusan kerajaan bagi meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing dengan persekitaran perniagaan yang kondusif terus diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Tadi Yang Berhormat Paya Besar telah bangkitkan isu ranking Malaysia dalam *Global Competitiveness Report* di bawah *World Economic Forum*, saya juga hendak memberitahu Yang Berhormat Jeli dan juga Yang Berhormat Paya Besar di mana laporan menjalankan perniagaan tahun 2020 ataupun *Ease of Doing Business* yang diterbitkan oleh *World Bank* yang baharu ini telah diumumkan menunjukkan bahawa prestasi Malaysia telah naik dari tempat ke-15 bagi tahun 2019 ke tempat ke-12 pada tahun 2020.

## ■1920

Ini adalah peningkatan tiga tangga. Malaysia mendahului Australia yang berada di tempat ke-14, Finland di tangga ke-20, Thailand ke-21, Jepun ke-29, China ke-31 dan juga India ke-63. Di kalangan negara-negara anggota ASEAN, Malaysia menduduki tempat kedua selepas Singapura.

Akan tetapi apa yang saya hendak tekankan ialah cabaran Kerajaan Pakatan Harapan adalah supaya kita bukan sahaja boleh meningkatkan prestasi pada tahun 2019 dan juga tahun 2020 tetapi pada akhir lima tahun ini, adakah kita boleh menduduki tangga yang lebih tinggi berbanding dengan apa yang kita ada sekarang. Ini memang menunjukkan bahawa Malaysia ada prestasi yang baik dari segi *competitiveness* dan juga *ease of doing business* tetapi masih lagi ada ruang untuk mempertingkatkan lagi prestasi agensi-agensi di bawah kerajaan.

Berdasarkan laporan *Bloomberg 2018* pula, Malaysia berada pada kedudukan yang pertama di Asia, dan kelima teratas sebagai negara paling menarik di kalangan pasaran baru dunia, dengan izin, *immerring markets*. Prestasi Malaysia yang lebih baik ini membuktikan bahawa inisiatif pembaharuan berterusan yang diperkenalkan oleh kerajaan berada di landasan yang betul untuk meningkatkan daya saing, produktiviti dan juga tadbir urus dalam memudahkan urusan bagi menjalankan perniagaan serta menggalakkan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu pelarasan di antara agensi-agensi penggalakan pelaburan atau *investment promotion agencies* (IPA), dengan izin. Kerajaan telah pun memulakan proses penyelarasan semula bagi memperkuatkan fungsi-fungsi IPA berkenaan. Langkah ini juga bertujuan memastikan sumber kerajaan dalam melaksanakan inisiatif penggalakan pelaburan digunakan secara optimum di samping mengelakkan persaingan tidak sihat di antara kalangan IPA serta kekeliruan di kalangan pelabur.

Menerusi agenda pemeriksaan, Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan ataupun *National Committee on Investment* (NCI) sebagai Jawatankuasa Pelulus Insentif Tunggal Negara atau *Sole Approving Committee for Incentives*. Peranan MIDA akan diperkuatkan sebagai agensi promosi pelaburan utama sementara IPA lain akan berfungsi sebagai badan yang menyelenggarakan akaun pelabur terutamanya dari aspek fasilitasi dan juga pelaksanaan projek-projek pelaburan. Di samping itu, fokus MITI pada tahun 2020 juga adalah untuk menyelaras semula peranan serta usaha-usaha promosi IPA bagi menarik pelaburan yang strategik, berkualiti dan berteknologi serta bernilai tambah tinggi sebagai kesinambungan kepada pendekatan ekosistem yang holistik.

Saya juga menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lanang. Tadi Yang Berhormat Lanang ada dalam Dewan ini, saya akan jawab soalan beliau. Yang Berhormat Lanang telah mencadangkan supaya kerajaan melalui MIDA perlu meletakkan industri pembinaan dan juga pemberian kapal sebagai *promoted industry* di Sarawak. Ini adalah berkenaan dengan *ship building* dan *ship repair*, dengan izin, dan memberikan insentif tambahan atau baru terutama bagi pembesaran limbungan dan juga perniagaan.

MITI sentiasa mengambil maklum mengenai kekuatan semasa dan potensi industri pembuatan, pemberian kapal di Sibu dan juga di Miri, Sarawak. Untuk memastikan daya saing syarikat-syarikat sentiasa kekal, insentif pengecualian cukai dan geran berpadanan disediakan oleh pihak MIDA. Saya juga hendak memberitahu Yang Berhormat Lanang dan juga Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak, ada satu inisiatif yang baru di mana dana maritim yang berjumlah RM1.5 bilion yang diuruskan oleh Bank Pembangunan telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan dan sedia digunakan untuk membantu industri tersebut.

Selain itu, pelbagai bantuan meningkatkan automasi dan juga produktiviti turut disediakan seperti diumumkan dalam Bajet 2020 baru-baru ini. Untuk eksport, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah menyediakan geran pembangunan pasaran dan juga padanan perniagaan sama ada melalui program di Malaysia ataupun pameran antarabangsa. Peluang ini juga boleh diambil oleh industri *ship building* dan juga *ship repair*.

Untuk dana maritim, ia menawarkan faedah-faedah yang kompetitif untuk menguatkan daya saing syarikat-syarikat. MITI sentiasa bekerjasama dengan kementerian dan jabatan kerajaan yang lain termasuk kerajaan negeri untuk membangunkan potensi industri pembuatan dan juga pemberian kapal selari dengan status Malaysia sebagai sebuah negara maritim.

Ada juga beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang buat masa sekarang tidak ada dalam- oh! Yang Berhormat Tanah Merah ada? Ini ada bangkitkan soalan mengenai PROTON, jadi saya juga akan jawab. Yang Berhormat Tanah Merah telah membangkitkan perkara berkenaan dengan kesan pengambilalihan PROTON oleh Geely terhadap pengedar *Proton* terutamanya di kalangan bumiputera. Walau bagaimanapun, ingin saya tegaskan di sini bahawa PROTON bukanlah diambil alih oleh Geely sebaliknya ia adalah kerjasama strategik di antara PROTON yang saham 51 peratus dimiliki oleh DRB-HICOM dan juga yang bakinya dimiliki oleh Geely dari negara China. Ia telah bermula pada tahun 2017.

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, kerjasama tersebut adalah satu usaha yang diambil untuk memulihkan prestasi syarikat kenderaan nasional tersebut secara menyeluruh di samping bagi melaksanakan transformasi bagi mencapai pertumbuhan prestasi yang lebih mampan. Bagi tujuan tersebut, PROTON telah menetapkan tujuh teras pelaksanaan strategik yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun, 2018 hingga ke 2020 yang melibatkan pelaburan besar merangkumi:

- (i) pembangunan produk dan juga teknologi, produk seperti X70 dan X50;
- (ii) penyediaan kilang;
- (iii) pembangunan vendor dan juga kandungan tempatan ataupun *vendor development programme and localization programme*;
- (iv) pengurangan kos operasi;
- (v) pencapaian kualiti yang konsisten;
- (vi) pembangunan rangkaian pengedar yang mesra pelanggan; dan
- (vii) pembangunan modal insan.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanah Merah adalah perkara yang melibatkan perkara yang keenam iaitu pembangunan rangkaian pengedar ataupun *distributor chain* yang mesra pelanggan. Dalam usaha untuk membangunkan rangkaian pengedar yang mesra pelanggan, PROTON telah melaksanakan program penaikan taraf pengedar dari kategori 1S iaitu hanya *sales* sahaja dan 2S iaitu *sales* dan *spare parts* kepada 3S yang merangkumi bukan sahaja *sales* tetapi juga *service* dan juga *spare parts*. Manakala 4S yang merangkumi *sales, service, spare parts* dan juga *body shop*.

Penaiktarafan ini tidak diwajibkan kepada semua pengedar, namun demikian PROTON menggalakkan para pengedar untuk menaik taraf pusat-pusat perkhidmatan mereka bagi tujuan meningkatkan tahap kepuasan pemilik-pemilik kenderaan PROTON melalui perkhidmatan bersepadu di pusat-pusat perkhidmatan 3S dan juga 4S. Saya juga nak maklumkan kepada Yang Berhormat Tanah Merah bahawa apabila pengedar ini menaik taraf pusat perkhidmatan mereka kepada 3S dan juga 4S, pendapatan dan keuntungan mereka juga naik.

Penaiktarafan ini dijangka akan meningkatkan pendapatan kepada pengedar memandangkan model perkhidmatan yang ditawarkan ini pada kebiasaannya menjadi pilihan utama pemilik-pemilik kenderaan PROTON. Jadi kita tidak mahu pergi satu *service center* sahaja

untuk buat servis tetapi kita nak satu suasana yang lebih elok, yang lebih baik, jadi itu adalah sebahagian daripada penaiktarafan.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: [Bangun]**

**Dr. Ong Kian Ming:** Nanti saya jawab dulu, lepas itu saya beri ruang kepada Yang Berhormat Tanah Merah. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh PROTON, jumlah rangkaian pengedar di seluruh negara pada masa ini adalah sebanyak 297 pengedar. Dari segi pengedar bumiputera, ada 97 setakat September 2019 dan juga pengedar bumiputera 200, jumlah 297.

**■1930**

Mengikut pengesahan PROTON, walaupun bilangan pengedar bumiputera mungkin adalah berkurangan dari segi 1S dan 2S, namun jumlah pusat 4S di kalangan bumiputera telah meningkat sebanyak empat pusat. Sekarang jumlah pengedar bertaraf 3S dan 4S setakat September 2019 adalah sebanyak 18 pengedar.

Untuk makluman Yang Berhormat, PROTON telah menerima sebanyak 277 permohonan daripada pengedar sedia ada untuk menaik taraf ke 3S dan 4S. Permohonan pengedar bumiputera adalah menggalakkan iaitu pada kadar 74 peratus ataupun 72 permohonan daripada 97 pengedar bumiputera sedia ada. Dalam hal ini, PROTON mengalu-alukan penglibatan syarikat bumiputera sama ada di kalangan rangkaian pengedar ataupun *distributor* yang sedia ada ataupun pelabur baharu untuk memohon pembukaan pusat-pusat 3S dan 4S milik bumiputera. Ya, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Tanah Merah.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Cuma saya ingin bangkitkan bahawa objektif projek kereta nasional iaitu sama ada PROTON dan Perodua adalah selain daripada untuk meningkat dan membantu industri tempatan tetapi juga untuk menggalakkan pengedar-pengedar khususnya di kalangan bumiputera terlibat dalam industri kereta nasional. Jadi apa yang berlaku apabila Geely terlibat dengan PROTON, kita lihat dan diakui sendiri oleh Yang Berhormat Menteri bahawa jumlah pengedar bumiputera jatuh merudum. Malah di Kuala Lumpur ini hampir- bukan hampir tidak ada, kosong. Semua sudah tutup. Ya, jadi ini merupakan satu fenomena yang saya rasa saya harap sangat MITI boleh mengambil langkah. Sebab apa, untuk mewujudkan 3S ini, saya difahamkan oleh mereka memerlukan belanja yang besar. Jumlah RM4 juta hingga RM5 juta untuk menjadikan 3S. Kalau 4S lagilah banyak.

Jadi sudah tentulah pengedar-pengedar bumiputera tidak berkemampuan. Jadi mungkin pihak MITI boleh bagi geran kah. Jadi sebab itu saya ingin tahu macam soalan saya bertanya itu, berapa banyakkah pengedar bumiputera ditutup sejak Geely ambil alih khususnya di kawasan Lembah Klang. Saya tahu di Kuala Lumpur tidak ada, semua sudah tutup. Apakah langkah-langkah MITI dalam untuk membantu pengedar bumiputera supaya mereka boleh bertahan dalam industri kereta nasional? Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming:** Sebelum saya menjawab soalan ini, saya rasa dari segi transparency mungkin adalah lebih baik jikalau Yang Berhormat Tanah Merah ingin mengatakan sama ada Yang Berhormat Tanah Merah adalah pihak berkepentingan dalam isu ini dari segi adakah Yang Berhormat memiliki ataupun ada mana-mana pengedar atau buat saham.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Untuk rekod, saya tidak ada langsung *dealer* PROTON. Dealer Perodua saya ada.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Ada pula tanya macam itu.

**Dr. Ong Kian Ming:** Apa itu? *Dealer Perodua* ada?... *[Disampuk]* Perodua adalah tetapi PROTON tidak adalah. Okey.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Selangor ada dua pengedar bumiputera Proton yang dinaik taraf kepada tahap 4S iaitu Aiman Motor Sdn. Berhad, dan juga Regal Motors Holdings. Di Selangor untuk 3S, ada empat syarikat bumiputera yang telah dinaik taraf kepada tahap 3S termasuk GAG Auto, Pantai Bharu Corporation, Wajar Kuasa dan juga Rahman Brothers. Saya rasa apabila kita hendak menilai sama ada *distribution network* ini boleh membantu syarikat bumiputera, kita perlu menjaga bukan sahaja daripada segi jumlah syarikat tetapi kita juga mesti mengkaji sama ada syarikat itu adalah syarikat yang *sustainable* daripada segi keuntungan.

Jadi apabila syarikat PROTON ini memberi galakan kepada pengedar bumiputera dan juga bukan bumiputera untuk menaik taraf standard mereka, kita memang lihat bahawa ada banyak minat daripada pengedar bumiputera termasuk 72 daripada 97 yang telah memohon untuk menaik taraf kepada 3S dan 4S dan saya rasa ini adalah industri trend. Bukan saja untuk PROTON tetapi untuk semua syarikat di mana sekarang apabila kita lihat di tempat bandar, memang begitu ketara bahawa apabila kita pergi ke satu tempat untuk beli kereta, kita juga hendak hantar kereta kita ke tempat sama untuk servis, untuk buat *spare part*, untuk buat *body shop* kalau ada kemalangan dan sebagainya.

Jadi saya rasa ini adalah industri trend yang perlu digalakkan di kalangan syarikat bumiputera dan jikalau mereka perlu dana untuk membantu mereka *upgrade* pada 3S dan 4S, saya rasa ada banyak agensi kerajaan yang boleh membantu mereka. Ya.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Sikit saja Yang Berhormat Menteri, saya hendak ringkas saja. Saya rasa hendak *go for-* Yang Berhormat Menteri pun hendak pergi isu yang lain. Cuma apa harapan sayalah pada pihak MITI ialah kita tidak mau apabila- sebab untuk industri kita sihat, dia kena ada gandingan bumiputera dan *non-bumiputera*. Semua ada. Tidak boleh mana-mana satu komuniti membolot monopoli. Cuma yang saya rasa sebab saya terlibat dalam PEKEMA. PEKEMA ini persatuan pengimport kereta kendaraan Melayu. Jadi saya terlibat.

Jadi mereka datang kepada PEKEMA membangkitkan bahawasanya tekanan yang ditekan apabila mereka tekan kepada 3S. Bila 3S ini- kalau 1S itu tidak buat 3S, mereka boleh

lantik satu 3S betul-betul depan 1S dan ia akan membunuh 1S secara- walaupun dia kata dibenarkan 1S tetapi 3S dilantik betul-betul depan pintu 1S.

Jadi yang itu saya rasa- saya harap sangat, harapan saya kepada MITI untuk membantu dan berbincang dengan PROTON supaya bagi ruang khususnya kepada bumiputera sebab kita akui sebab apa pihak kerajaan sebab itu kita bagi subsidi hendak bantu. Macam penanam padi kita bagi subsidi. Jadi kalau- untuk mereka terus dapat hidup. Jadi itu saja.

Pihak Yang Berhormat Menteri, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil langkah proaktif dengan panggil PROTON untuk supaya bertimbang rasa dengan pengedar-pengedar bumiputera.

**Dr. Ong Kian Ming:** Ya, saya rasa dari segi membantu pihak bumiputera memang ada banyak ruang lagi termasuk dari segi pengedaran dan juga dari segi *vendor development*. Cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan diambil kira dalam perbincangan pihak MITI dengan pihak PROTON. Okey.

Saya hendak pergi ke Yang Berhormat Ayer Hitam yang membangkitkan isu mengenai insentif automasi. Oleh kerana beliau tidak ada, saya minta untuk beri jawapan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Beri jawapan bertulis.

**Dr. Ong Kian Ming:** Yang Berhormat Bukit Bendera ada tidak?

**Seorang Ahli:** Tidak ada.

**Dr. Ong Kian Ming:** Tidak ada. Okey, Yang Berhormat Bukit Bendera telah membangkitkan isu tentang Elaun Cukai Pelaburan Khas untuk sektor E&E. Saya juga akan beri jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat Pasir Salak, ada tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak ada dalam Dewan.

**Dr. Ong Kian Ming:** Beliau telah... *[Disampuk]* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Pasir Salak telah membangkitkan isu tentang pelaburan domestik dan asing kepada kawasan-kawasan *less develop area* yang termasuk mungkin kawasan-kawasan Yang Berhormat, saya minta izin untuk menjawab soalan.

Yang Berhormat Pasir Salak telah membangkitkan mengenai pelaburan domestik dan asing yang lebih tertumpu ke negeri-negeri maju seperti Selangor, Pulau Pinang dan Johor. Beliau juga menyarankan supaya kerajaan membuat dasar-dasar bagi penggalakan pelaburan di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun keputusan untuk menempatkan sesuatu projek pelaburan merupakan keputusan perniagaan oleh pelabur sendiri. *It is a choice made by the investor themselves*, dengan izin. Berdasarkan kajian pasaran yang dijalankan oleh mereka, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan taburan projek-projek pelaburan adalah seimbang di seluruh negara terutamanya di kawasan kurang membangun. Ini bagi membolehkan lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripada projek-projek pelaburan terutamanya dengan peluang pekerjaan dan perniagaan yang ditawarkan oleh projek-projek pelaburan di kawasan mereka.

Di antara usaha yang dibuat untuk menggalakkan taburan projek pelaburan yang seimbang dan inklusif terutamanya di kawasan-kawasan yang kurang membangun, MITI melalui MIDA menawarkan Insentif Kawasan Kurang Membangun ataupun *Less Develop Area Incentive*, dengan izin, bermula tahun 2015. Insentif ini ditawarkan kepada projek-projek di bawah LDA juga secara amnya adalah lebih menarik berbanding dengan insentif bagi projek yang dilaksanakan di kawasan yang lebih membangun.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu MITI dan juga MIDA juga sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam usaha menarik pelaburan luar dan dalam negara di pelbagai sektor ke semua negeri di Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2019, misalnya Perak dan Pahang mencatatkan kelulusan pelaburan kelima dan ketujuh tinggi di kalangan negeri-negeri dalam jumlah pelaburan masing-masing sebanyak RM 1.7 bilion dan juga RM1.3 bilion dalam sektor perkilangan.

#### ■1940

Pertumbuhan pelaburan juga boleh dilihat menerusi perkembangan taman-taman perindustrian di setiap negeri seperti contoh Taman Perindustrian Malaysia-China, di *Kuantan Industrial Park* di Pahang yang mendapat pelaburan diluluskan sebanyak RM225 juta dalam sektor perkilangan.

Kerajaan sedia berganding bahu dengan Kerajaan Negeri Kelantan dan juga Terengganu sekiranya terdapat cadangan untuk membangunkan taman perindustrian baru di Pantai Timur seperti yang dinyatakan dalam perancangan projek ECRL yang baru.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan memberi *special incentive* kepada pelabur-pelabur yang melabur di kawasan Pantai Timur, *tax holiday* umpamanya. Ini boleh menggalakkan lagi pelabur-pelabur pergi ke kawasan-kawasan yang sebelah Pantai Timur.

Kedua, ialah kebimbangan kita bahawa dari segi laporan *manufacturing sector* telah merosot dari segi KDNK telah merosot dan ini membimbangkan kita kerana saya rasakan adalah *premature*, dengan izin, untuk negara beralih kepada *service industry* yang tidak *high quality*. Ini satu *structure economy* yang membimbangkan.

Kita *manufacturing sector* makin menurun tetapi kita beralih kepada *service industry* yang tidak tinggi *value*-nya dan ini akan tidak membantu untuk Malaysia menjadi negara maju. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dr. Ong Kian Ming:** Saya rasa pandangan di mana ada beberapa pakar ekonomi di Malaysia telah membangkitkan isu *premature deindustrialization* itu memang sesuatu yang kita patut ambil kira kerana tahap *manufacturing* ataupun pembuatan sekarang adalah lebih kurang 22 peratus daripada KDNK. Ini tidak bermaksud sektor pembuatan merosot.

Memang keluaran dari sektor pembuatan itu masih lagi menaik tetapi dari segi peratusan dari jumlah ekonomi daripada peratusan ekonomi memang telah berkurang. Jadi, apa yang saya

hendak bangkitkan ialah apabila kita ada peluang emas ini di mana ada perdagangan *trade war* di antara US dan China ada lebih banyak peluang untuk menarik pelabur terutamanya dalam sektor pembuatan supaya kita boleh meningkatkan lagi peratusan pembuatan dari segi peratusan KDNK.

Termasuk ke kawasan yang boleh dikatakan *less developed area*. Tadi Yang Berhormat juga tanya tentang insentif. Memang kita ada insentif di mana ada *pioneer tax* status 100 peratus untuk pengecualian cukai pendapatan untuk 10 tahun ataupun *five plus five*. Ini adalah sesuatu yang kita panjangkan pada *less developed area* termasuk kawasan seperti Rompin dan juga seperti Kelantan, Terengganu dan juga Sabah dan Sarawak. Jadi, usaha ini akan diteruskan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit, boleh? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya meneliti tentang perkara pelaburan ini dan saya yakin apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi maknanya kita ke arah untuk mengambil peluang di atas perang perdagangan antara Amerika dan China.

Inilah yang sebenarnya yang saya bangkitkan dalam penghujahan saya bukan kita menjadikan ia sebagai alasan atas kita punya GDP menurun sepatutnya kita mengambil peluang ini. Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi *global competitive index* di bawah GCR ini- *report, Global Competitiveness Report* ini, ada dua perkara yang saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Pertamanya, ialah penerimaan tahap teknologi ICT ini dan saya yakin mereka yang melabur di Malaysia ini akan memberi penekanan terhadap ICT ini sebagai satu model baru memenuhi Industri Revolusi 4.0 tetapi apa yang menakutkan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, Malaysia jatuh tangga 33 daripada 32.

Tidak apalah kecil tetapi negara kita bukanlah negara yang akan dipandang sekiranya mereka bandingkan negara kita dengan negara Singapura dan Brunei sebab apa Singapura berada di tahap ranking yang kelima dan Brunei tahap yang ke-26. Jadi, kalau perkara ini diambil kira, saya takut kesan daripada keuntungan sepatutnya ia merujuk kepada Malaysia, ia lari kepada negara-negara jiran, itu yang pertama.

Keduanya, adalah dua indikator yang penting Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam *Global Competitiveness Report* iaitu dengan izin, *current workforce* dan *future workforce*. Ini juga ada penurunan berkaitan tentang skor yang digunakan dan bagaimana MITI melihat sebab saya nampak dan saya meneliti dasar industri *forward* sangat baik sekali dan saya nampak inilah hasil daripada Yang Berhormat Jeli tempoh hari semasa di Kerajaan Barisan Nasional mewujudkan dasar industri *forward* ini.

Cuma kerisauan saya, skor ini tahun 2019 dan bagaimana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk tahun 2020. Bagaimana pula kita hendak melihat laporan-laporan ini kalau mereka tidak buat laporan yang betul terhadap negara kita, saya takut orang luar akan

melihat ini adalah *window* untuk melihat pelaburan ke Malaysia. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Ong Kian Ming:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar atas kedua-dua soalan itu. Untuk soalan pertama berdasarkan ranking Malaysia dalam *Global Competitiveness Report* yang diterbitkan oleh *World Economic Forum* ini, saya rasa Yang Berhormat juga telah meneliti dengan begitu mendalam ada banyak indikator lebih daripada 110 indikator dalam *measurement* untuk *Global Competitiveness Report* ini dan ia melibatkan kalau tidak silap 12 sektor.

Salah satu sektor ialah memang ICT yang merangkumi *internet speed, broadband connectivity* dari segi peratusan dan sebagainya. Saya rasa ini memang penting dan apa yang saya hendak tegaskan ialah dari segi ranking WEF sama seperti ranking *ease of doing business* apa yang perlu kita tengok ialah *long-term trend*. Dalam masa 5 tahun apakah prestasi Malaysia. Mungkin dalam *World Economic Forum, Global Competitiveness Report*, Malaysia mungkin sekarang ini turun dua tangga tetapi dalam *ease of doing business* kita naik tiga tangga.

Jadi, apa yang kita perlu lihat ialah apa rancangan yang kementerian-kementerian yang tertentu sedang mengambil seperti National Fiberization Plan yang telah diumumkan oleh Kementerian KKMM yang saya rasa tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab.

Untuk soalan yang kedua dari segi *skills matching*, dari segi *future workforce* tadi, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia juga telah menjawab. Akan tetapi dari segi Industri 4.0 atau industri *forward* di mana pihak MITI telah baru-baru ini melancarkan ulang tahun pertama pada 31 Oktober tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan pelan industri *forward* ini.

Saya rasa dari segi *workforce for the future* ini memang ada ruang lagi untuk pihak MITI bekerjasama dengan kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Pendidikan untuk melancarkan ataupun membangunkan lebih banyak kursus ataupun modul dalam setiap kursus dalam setiap *degree* yang membolehkan pelajar-pelajar itu menerap pengetahuan tentang Industri 4.0 dari segi *pillars* yang berbeza, seperti *internet of things*, seperti *big data analytics*, seperti *advanced manufacturing*, seperti *augmented reality*, *cyber security*, *cloud computing*, *system integration* dan sebagainya.

Ada 11 *pillars* dalam industri *forward* ini, jadi kita sedang bekerjasama dengan kementerian yang berkenaan untuk mewujudkan dan juga menaikkan prestasi dari segi pengetahuan dan juga dari segi pendidikan.

Yang Berhormat Kuala Nerus juga telah membangkitkan isu kemerosotan Bursa Saham Malaysia. Oleh kerana beliau tidak ada saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat Nibong Tebal juga tidak ada, menyentuh tentang NCI, saya rasa telah jawab tadi.

Yang Berhormat Pontian tadi ada tetapi sekarang tidak ada. Beliau bangkitkan isu tentang FDI, saya juga akan memberi jawapan secara bertulis.

Jadi, saya telah menjawab semua soalan Yang Berhormat yang telah bangkitkan pada hari ini... [Tepuk] Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Kami menyokong.

**Dr. Ong Kian Ming:** Selamat malam.

**Seorang Ahli:** Tidak ada gangguan, boleh jawab semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ramai berasa gembira apabila penggulungan telah pun tamat. Saya tahu nawaitu sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat.  
*[Dewan ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 31 Oktober 2019.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.49 malam.]*